

**WARISAN
SEJARAH
JOHOR**

WARISAN SEJARAH JOHOR

Oleh
M.A. FAWZI BASRI

Diterbitkan oleh
PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA
958, Jalan Hose,
Kuala Lumpur.

Penyunting : Prof. Khoo Kay Kim
Penyelenggara dan Penyelaras : Jazamuddin Baharuddin
Perekabentuk : Shahnun Abdullah
Perekaletak : Mohd. Rasul
Gambar kulit : Haji Mohd. Ali Zakaria dengan Ikhsan
Dewan Bahasa dan Pustaka

Cetakan Pertama 1983
© Hakcipta: M.A. Fawzi Basri/Persatuan Sejarah Malaysia

M

959.5119

FAW

Dicetak oleh
United Selangor Press Sdn. Bhd.
Kuala Lumpur.

372495
APB

22 AUG 1985
Perpustakaan Negara
Malaysia

*Untuk
Aishah, Dzulhilmi & Dzuwairi
yang sama mengharung kegerhanaan
cita-cita hidupku.*

PRAKATA

Tidak berapa lama dahulu waktu kedengaran seruan-seruan tentang perlunya sejarah Malaysia ditulis kembali daripada kaca mata orang tempatan satu perkara yang dibangkitkan ialah mengenai penggunaan bahan-bahan tempatan. Semua pihak bersetuju bahawa penggunaan sumber peribumi adalah penting tetapi di samping itu ternyata bahawa pada waktu itu tidak begitu banyak sumber tempatan yang sedia ada.

Tetapi mulai masa itu (lebih kurang pertengahan 1960-an) ahli sejarah di Malaysia sangat memberi perhatian serius kepada percubaan untuk mencari sumber-sumber tempatan. Kerja itu mengambil masa yang lama kerana sebahagian besar teks lama berada di negara lain. Namun demikian para sarjana, bukan hanya dalam bidang sejarah bahkan dalam bidang kesusasteraan juga, berjaya menjumpai tulisan-tulisan lama yang selanjutnya diedit dan dianotasikan supaya dapat digunakan oleh para sejarawan yang sentiasa memerlukan maklumat yang terbaru untuk mengkaji sejarah.

Walaupun berasaskan pengetahuan kemaskini sumber-sumber tempatan yang ada tidaklah boleh dikatakan banyak, namun dari semasa ke semasa terjumpa juga bahan-bahan yang penting. Buku *Warisan Sejarah Johor* ini adalah suatu contoh yang sangat menarik. Walaupun sebelum ini ramai orang mengetahui bahawa ahli sejarah tempatan di Johor, sejak kurun ke-18 lagi, telah banyak menghasilkan tulisan-tulisan mengenai sejarah Johor, tiga teks yang terkandung di dalam buku ini hanya dijumpai baru-baru ini.

Terjumpanya teks baru ini membuktikan lagi bahawa Johor adalah negeri yang paling berjaya menghasilkan persejarahan. Bagi ahli sejarah pula ini merupakan satu peluang untuk mereka mengemaskinikan kajian tentang sejarah Johor terutama dari segi perkembangan di dalam negeri dan bukan khusus mengenai kegiatan British di Johor.

Editor *Warisan Sejarah Johor* ini, M.A. Fawzi, sememangnya telah lama berminat dalam sejarah Johor. Sebilangan besar tulisannya setakat ini adalah mengenai Johor termasuk tesis Sarjana Sasteranya yang telah diajukan kepada Jabatan Sejarah, Universiti Malaya. Kebetulanannya M.A. Fawzi buat masa sekarang adalah Setiausaha Kehormat Persatuan Sejarah Malaysia.

Dalam *Warisan Sejarah Johor* ini, M.A. Fawzi bukan hanya memperkenalkan tiga teks sejarah lama tetapi telah menjalankan penyelidikan yang agak teliti untuk memberikan anotasi di mana-mana sesuai. Ini akan membantu mereka yang kurang berpengetahuan tentang sejarah Johor memahami satu-satu keadaan/perkara yang disebutkan dalam satu-satu teks itu. Mustahaknya segala penjelasan serta anotasi yang terdapat di dalam buku

ini akan lebih ternyata pada para pelajar sejarah yang, saya berharap, akan digalakkan membaca buku ini.

Pendidikan seseorang penuntut sejarah tidaklah lengkap jika sekiranya dia hanya mengenali sejarah tetapi tidak mengenali persejarahan. Walaupun sejarah adalah berasaskan fakta tetapi ia meliputi lebih daripada fakta semata-mata; sejarah juga melibatkan pandangan dan persepsi, fahaman dan tafsiran; perspektif sejarah boleh berubah mengikut peredaran zaman. Kerana itulah penuntut sejarah semestinya membaca yang lama bersama-sama dengan yang baru. Mudah-mudahan penerbitan *Warisan Sejarah Johor* ini akan menggalakkan lebih ramai lagi sarjana tempatan mendedahkan kepada umum persejarahan peribumi yang lama dan dengan cara itu memperkaya lagi persejarahan Malaysia yang lebih bersifat autonomi.

Khoo Kay Kim
Profesor Sejarah Malaysia
Universiti Malaya

PENGHARGAAN

Dalam menyelenggarakan teks ini saya telah menyesuaikan ejaannya dengan sistem ejaan baru, seperti Dato' (dieja Datuk), 'Kechik' (Kecil), 'Apa-kala' (Apakala), 'hanya-lah' (hanyalah) dan sebagainya. Ada juga dilakukan sisipan bagi menunjukkan pandangan dan kefahaman serta perkataan yang sepatutnya pada hemat saya. Hal ini lebih banyak berlaku pada teks bertulisan Jawi seperti چمت [cemeti], halor [alor], luannya [haluannya], كوچ [Kaus], nasik [nasi] dan lain-lain. Bagi perkataan dan ejaan yang sukar difahamkan dan dirumikan saya kekalkan dalam ejaan asalnya seperti عوص بامقيد فريودنكو. Begitu juga tentang nama sebuah kitab yang dipinjam dari Riau iaitu شمرة المهديتيافت الامرا والكبراهل المحكمه. Terdapat juga nama-nama yang kurang pasti untuk dirumikan seperti nama tempat Tanjung فاكتر jika dirumikan boleh jadi maksudnya Tanjung Pagar, tetapi lebih sesuai jika di Pahang mungkin Tanjung [Pura ?]. Bidara [Bendera ?] dan ملتيا [Meltia ?]. Ada juga berlaku salah ejaan yang ketara dalam teks asal, jika ternyata kesalahannya, hal ini saya perbetulkan seperti diterongnya [teropongnya ?]. Perkataan pita dan pukta sering terdapat dalam Syair Sultan Abu Bakar. Dipercayai perkataan sebenarnya adalah pukta (فوت) tetapi juga dieja pita (فتيتا). Perkara ini jelas sekali kerana pita dan pukta dipakai dalam rangkap yang menyatakan "... muda yang pita" dan "... muda yang pukta," putera atau pokta menurut *Kamus Dewan* tersangat indah (mulia), tidak ada bandingnya atau yang terbaik. Ada juga dalam proses merumikan teks ini ejaan asalnya dinyatakan sekali seperti 'sebahawa' (سيهوا), 'perinda' (انتس), berwalang (بروالغ), Ter'ala (ترعال), antelas (انتلس).

Teks 'Kisah Pelayaran ke Riau' adalah diedit dan disusun semula dari segi paragraf dan perenggan. Bagaimanapun tiada perubahan dari segi kandungan, kecuali diedit di sana bagi melicinkan lagi pembacaan teks tersebut. Teks Hikayat Johor serta Pahang pula diedit dari segi susunan ayat, tanda noktah dan koma telah saya turunkan dalam teks ini bagi mengemaskan struktur ayat dan untuk memudahkan pemahaman pembaca.

Kesemua teks ini telah siap dirumikan serta diberikan anotasi dalam tahun 1978. Pengenalan saya tentang 'Kisah Pelayaran ke Riau' telah pun diterbitkan dalam *Jurnal Dewan Bahasa* dalam bulan September 1977. Manakala penyusunan keseluruhannya disiapkan dalam tahun 1979. Dalam tahun 1980 saya meminta Prof Khoo Kay Kim menyemak draf buku ini, walaupun beliau memberikan komentar yang sungguh menggalakkan namun manuskrip ini tersadai, sehinggalah hati rasa tergerak untuk meminta Dewan Bahasa dan

Pustaka menerbitkannya. Namun demikian buku ini ternyata sekali tidak begitu sempurna, tidak pula terperinci kajian keilmiahannya. Perkara ini terjadi kerana saya membuat kajian dan penulisan secara sambilan sahaja. Justeru itu saya mengambil segala tanggungjawab sekiranya ada kesilapan dan kelemahan dalam buku ini.

Dalam menyempurnakan buku ini saya merakamkan rasa terima kasih kepada Prof. Khoo Kay Kim yang sentiasa memberi galakan dan semangat untuk saya menulis sejarah Johor sejak saya tahun 1972 lagi.

Di Universiti Kebangsaan Malaysia, saya perlu mengucapkan terima kasih kepada Sdr. Arshad Lokman dan Noryatol Anin Abdul Hamid. Tidak lupa juga diucapkan terima kasih kepada Norsiah Ithnin, Noriah Amin, Radziah Hassan dan Norhayati Dahlan yang pernah menaip draf-draf buku ini. Tanpa bantuan mereka ini pastilah buku ini tidak dapat diterbitkan pada ketika ini.

Ucapan terima kasih juga saya tujukan kepada Ketua Pustakawan Universiti Malaya dan Universiti Singapura, serta Arkib Negara Malaysia cawangan Selatan. Tanpa bahan dan sumber yang ada pada institusi tersebut adalah mustahil buku ini dapat diterbitkan. Begitu juga kepada Persatuan Sejarah Malaysia yang sudi menimbangkan dan bersetuju menerbitkan buku ini. Wassalam.

M.A. FAWZI BASRI
Universiti Kebangsaan Malaysia

3 Januari 1984.

"Maka tidaklah syak penuh dengan berbagai khilaf dan salah dalamnya, alhamdulillah kerja dengan sambil dan tidak pula ada kelapangan yang memberi peluang pada mencari kenyataan yang terang yang demikian diharapkan pada yang akan datang boleh menjadi lebih elok dengan usaha dan selidik masing-masing yang bersungguh-sungguh pada yang mengkhidmatkan bakti kepada bangsa."

Mejar Haji Muhamad Said Sulaiman
Datuk Paduka Seri Setia
1939

SINGKATAN

- CBM PSJ* : Cenderamata Bagi Memperingati Perajaan 60 Tahun
Yang Maha Mulia Sultan Johor.
- JSBRAS* : Journal of The Straits Branch Royal Asiatic Society.
- JMBRAS* : Journal of The Malayan Branch Royal Asiatic Society.
- OKIS* : Orang Kaya Indera Syah Bandar.
- SCD* : Singapore Calendar & Directory.
- SSD* : Singapore and Straits Directory.
- SSDM* : Salinan Surat Datuk Menteri Besar (Johor).
- SSTP* : Salinan Surat Titah Perintah.

Kandungan

Prakata	ix
Penghargaan	xi
Singkatan	xv
Bab Satu: Pengenalan	1
Bab Dua: Kisah Pelayaran ke Riau	24
Bab Tiga: Hikayat Johor serta Pahang	39
Bab Empat: Syair Sultan Abu Bakar	61

BAB SATU PENGENALAN

Latar belakang

Tiga buah manuskrip yang ditranskripsi dan diberi anotasi ini adalah ditemui di perpustakaan universiti. 'Kisah Pelayaran ke Riau' dan Hikayat Johor serta Pahang didapati mikrofilem JQ mal. 3 Perpustakaan Universiti, Singapura, manakala 'Syair Sultan Abu Bakar' adalah ditranskripsi dari Manuskrip 10 di Perpustakaan Universiti Malaya. Ketiga-tiga manuskrip ini digabungkan bagi melahirkan suatu gambaran sejarah kegemilangan Kerajaan Johor.

Kemunculan Kerajaan Johor di Johor Baharu di abad ke-19 adalah akibat dari perpecahan kepemimpinan politik dalam Empayar Johor-Riau-Lingga. Orang Bugis telah menguasai Johor sejak tahun 1722, setelah berjaya membantu Johor mengalahkan Raja Kecil dari Siak.¹ Pada 4 Oktober tahun 1722, Raja-raja Bugis Lima Bersaudara itu serta orang besar-besar suku Bugis dan suku Melayu yang ada di Riau, telah melantik Raja Sulaiman jadi Sultan Johor-Riau-Pahang dengan gelaran Sultan Sulaiman Badrul Syah Ibtani Almarhum Sultan Abdul Jalil Riayat Syah (IV).²

Dengan persetujuan Sultan Sulaiman, Daing Marewah yang lebih terkenal lagi dengan panggilan Kelana Jaya Putera dilantik sebagai Yamtuan Muda, manakala Tun Abbas, kakanda Sultan dilantik memegang jawatan Bendahara Seri Maharaja. Dari sejak itulah pembesar Bugis mula memantapkan kedudukannya dengan cara berkahwin dengan kerabat di Raja Johor. Kuasa Bugis melalui jawatan Yamtuan Muda ini berakhir buat sementara dalam tahun 1784 (Tahun Hijrah 1198) iaitu apabila Belanda menduduki Riau.

- 1 Raja Kecil daripada Siak ini mengaku dirinya sebagai putera Sultan Mahmud (Mahmud mangkat di julang), pada masa itu pusat kerajaan ialah di tanah besar Johor. Raja Kecil telah membawa angkatan perangnya melalui Selat Singapura memudiki Sungai Johor. Raja Kecil mendapat sokongan Orang Laut iaitu pengikut Sultan yang setia dan juga Orang-orang Melayu yang diketuai oleh Datuk Laksamana yang bencikan kezaliman Tun Mahmud, Yamtuan Muda ketika itu Raja Kecil berjaya menguasai dan memerintah Johor mulai tahun 1718. Lihat L.Y. Andaya, *The Kingdom of Johor, 1641—1728: Economic and Political Development* (Kuala Lumpur Oxford Universiti Press, 1975) hlm. 196-314. Buyung Adili, *Sejarah Pahang* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1972) hlm. 75—78. Raja Haji Ali, *Tukfat al-Nafis*, (Singapura: Malaysia Publication Ltd., 1965) hlm. 40—70.
- 2 Sultan Abdul Jalil Riayat Shah ialah bekas Bendahara di masa pemerintahan Sultan Mahmud (Marhum mangkat di julang), menjadi Raja dalam tahun 1699. Dalam tahun 1708 baginda memindahkan pusat kerajaan dari Panchor ke Pulau Riau, kemudiannya kembali semula ke Panchor iaitu di tanah besar Johor. Sultan Sulaiman kemudiannya bersemayam semula di Riau.

suatu pengenalan
dan
anotasi

Belanda menyingkirkan suku Bugis keluar dari Riau. Belanda juga telah menempatkan David Ruhde sebagai Residennya di situ setelah perjanjian di kapal 'Utrecht.'³ Sejak itu pula kuasa politik empayar Johor berada di tangan Raja Tua, Raja Bendahara, Raja Temenggung dan Raja Indera Bongsu.⁴ Mereka adalah pemimpin golongan Melayu yang berpengaruh dalam Empayar Johor.

Sejak tahun 1784 juga Riau berada dalam tangan suku Melayu di bawah Ungku Muda, iaitu Temenggung Johor. Ungku Muda dikatakan menjalankan tugas sebagai Yamtuan Muda setelah Yamtuan Muda Raja Ali bersama suku Bugis dikeluarkan dari Riau. Menurut catatan F.G. Smidt seorang Belanda yang melawat Riau, Ungku Muda menggelarkan dirinya Sultan Riau.⁵ Di akhir abad ke-18 itu juga Belanda menyerahkan secara sementara jajahan takluknya di timur kepada Inggeris, iaitu dari tahun 1795 hingga 1816. Pergolakan politik di Eropah itu menyebabkan Belanda tidak dapat mengawasi keadaan Riau. Keadaan ini ditunggu oleh pihak Bugis. Yamtuan Muda Raja Ali yang di dalam buangan di Muar telah mengumpulkan kekuatannya bagi mengambil alih semula kuasa di Johor. Dengan sokongan menantu Raja Haji (Marhum Ketapang) yang bernama Ungku Kraing Talibak, mereka berjaya mengundurkan Ungku Muda dari Riau ke Pulau Bulang. Pada hakikatnya, Ungku Muda dan Yamtuan Muda Raja Ali adalah saudara sepupu dengan Sultan Johor ketika itu. Namun demikian krisis politik ini berakhir dengan perang saudara.⁶

Dalam tahun 1802 dengan usaha Bendahara, Sultan Mahmud dapat membawa kedua-dua pihak ke meja rundingan. Raja Ali dapat meneruskan jawatannya sebagai Yamtuan Muda pada 21 Disember 1804 dan pusat pentadbirannya ialah di *Penyengat*. Namun begitu Ungku Muda dikatakan enggan memakai jawatan Temenggung tetapi memperakukan iaitu "*... all the islands and islets and Johor are under me and certainly Pahang belongs to my father (ayah-ku) Dato' Bendahara Abdul Majid: for today the Sultan no longer heeds Malay but lives at Lingga and gives Riau to the Raja Muda. Look at our case. We ought to own the country because we are coinheritors with the Sultan...*"⁷ Tidak lama kemudian, pada tahun Hijrah 1221 (T.M. 1806), bertempat di Istana Lingga, Ungku Abdul Rahman iaitu kerabat Ungku Muda ditabalkan sebagai *Temenggung Seri Maharaja Johor* manakala Tun Ali dijadikan *Bendahara Siwa Raja Pahang* menggantikan ayahandanya Tun Koris.⁸

Dalam tahun 1805, Raja Jaafar putera Raja Haji Marhum Ketapang menjadi Yamtuan Muda Riau menggantikan Raja Ali. Berikutan dari kemangkatan Sultan Mahmud Syah di Lingga pada 12 Januari 1812, Yamtuan Muda Jaafar menjadi orang yang paling berkuasa dalam empayar Melayu yang kian menurun itu.

3 Lihat R.O. Winsted 'The History of Johore 1365—1895' *JMBRAS*, 10(3), 1932 hal. 63—65 dan R. Mohd. Ali (Ed.) *Surat-surat perjanjian antara Kesultanan Riau dengan Pemerintahan VOC dan Hindia Belanda 1784—1909* (Jakarta, 1970).

4 Winsted, 'The History of Johore,' hlm. 66.

5 *Ibid.*, hlm. 71.

6 Lihat Raja Ali Haji, *Tuhfat al-Nafis*, hlm. 245-247, Winsted, 'History of Johore,' hlm. 72.

7 Winsted, 'History of Johore.' hlm. 72.

8 *Ibid.*, hlm. 72.

Kemangkatan Sultan Mahmud ini merencanakan semula krisis politik dalam Empayar Johor itu. Menurut *Tuhfat al-Nafis* sebelum mangkat, Sultan Mahmud telah mewasiatkan, iaitu Tengku Abdul Rahman untuk mewarisi takhtanya.⁹ Abdul Rahman adalah putera Sultan dari isterinya yang bernama Mariam iaitu anak pembesar Bugis, perkahwinan ini diuruskan oleh Raja Haji, iaitu Yamtuan Muda Johor dalam tahun 1870. Isteri Sultan Mahmud yang pertama ialah Encik (Cik) Makoh anak Bugis Daing Maturang, dari isteri inilah baginda mendapat putera sulungnya iaitu Tengku Hussein yang lebih dikenali sebagai Tengku Long. Temenggung Abdul Rahman adalah penyokong utama Tengku Long untuk menjadi Sultan. Semasa kemangkatan Sultan Mahmud, Tengku Hussein berada di Pahang, Yamtuan Muda Jaafar mengambil kesempatan menegapkan kuasanya, dengan mengisytiharkan Tengku Abdul Rahman yang masih muda sebagai Sultan Johor yang baru.

Suasana politik yang hangat itu telah mendorong Temenggung Abdul Rahman membawa pengikut-pengikutnya berhijrah ke Kampung Gelam Singapura. Temenggung menggunakan Inggeris sebagai peluang merajakan Tengku Hussein dalam Kerajaan Johor. Inggeris dibenarkan membuka loji di Singapura, di samping Sultan dan Temenggung mendapat kepentingan. Sultan Hussein dikenali semasa pemasyhuran sebagai Yang Dipertuan Selat. Di Singapura Temenggung Abdul Rahman mangkat pada 8 Disember 1825, dikatakan *Sultan Hussein outlived him by ten unhappy years*.¹⁰ Ibrahim putera kedua Temenggung Abdul Rahman mengambil alih jawatan Temenggung Johor itu, bagaimanapun istiadat pertabalannya berlangsung hanya pada 19 Ogos 1841 di hadapan Gabenor Bonham dan Bendahara Tun Ali Pahang.

Temenggung Ibrahim cuba membaiki hubungan dengan Istana Lingga, iaitu dengan mengadap Sultan Mahmud, Sultan Lingga yang baru berbetulan pula adalah ipar kepada Temenggung Ibrahim. Temenggung Johor yang baru ini sangat energetic dan bijak, bagi memantapkan kuasanya baginda telah membuat pusat pentadbirannya di Teluk Belanga dan berusaha memajukan tanah besar Johor, di samping itu diplomasinya dengan pentadbiran British di Singapura membolehkan ketahanan kuasa beliau terhadap tanah besar Johor itu terjamin. Temenggung Ibrahimlah yang memerintahkan Tanjung Puteri dibangunkan sebagai pusat pemerintahan Kerajaan Johor yang baru dalam tahun 1855.¹¹ Seterusnya dalam tahun 1857 Tun Koris Bendahara Pahang dikahwinkan dengan puterinya Che Ungku Besar. Ikatan perkahwinan di Raja telah membawa implikasi politik, Tun Koris telah bersetuju juga menyerahkan kawasan Endau dan Sedili Besar kepada Johor, manakala Johor menyatakan kesediaan membantu Pahang bila diserang. Ikatan ini menyeret Johor dalam Perang Saudara Pahang seperti yang terdapat dalam manuskrip syair Sultan Abu Bakar.

9 Lihat Perbincangan dalam Winstedt, 'History of Johore,' hlm. 74. Menurut *Tuhfat al-Nafis*, "Adapun negeri Lingga iaitu Bahagian si Komeng [Tengku Abdul Rahman] hlm. 256.

10 Winstedt, 'History of Johore,' hlm. 89.

11 Mengensai hal ini boleh diikuti dalam bab I tesis sarjana yang sedang dielenggarakan oleh M.A. Fawzi Bauri, 'Johor 1819—1917: Perkembangan Dalam Pentadbirannya,' (Jabatan Sejarah Universiti Malaya, 1981).

Temenggung Ibrahim meninggalkan beberapa orang putera seperti Ungku Abu Bakar, Ungku Abdul Rahman, Ungku Abdul Majid dan Ungku Abdullah. Ungku Abu Bakar memakai gelaran Temenggung dalam tahun 1862. Ungku Abu Bakar bertanggungjawab membereskan pembangunan bandar di Tanjung Puteri yang kemudiannya dinamakan Johor Baharu dalam tahun 1866, bandar ini menjadi pusat pentadbiran Kerajaan Johor Moden.

Judul-judul

Manuskrip 'Kisah Pelayaran ke Riau' tidak mempunyai tajuk yang rasmi, manuskrip bertulis jawi ini ditemui dimikrofilem berkenaan, judulnya ditulis tangan oleh penemunya sebagai *The Trip to Riau*. Berdasarkan tulisan-tulisan Abdullah Munshi dan Mohd. Ibrahim Munshi sebelumnya, maka penulis menterjemahkannya sebagai 'Kisah Pelayaran ke Riau.' Hikayat Johor serta Pahang pula memang ditulis judulnya sedemikian di manuskrip tersebut. Kedua-dua manuskrip ini telah disalin semula dari salinan bertulis tangan kepada salinan *typescript*. Kisah Pelayaran ke Riau ditaip dalam huruf jawi, manakala Hikayat Johor serta Pahang bertaip rumi. Dalam rangkaian mikrofilem kedua-dua manuskrip ini terdapat satu lagi manuskrip tidak berjudul tetapi ada dinyatakan "... yang hamba karangan dia di dalam Johor Baharu pada tatkala hijrah seribu dua ratus sembilan puluh dua dan sehari Jamadil Akhir pada zaman Kerajaan Yang Maha Mulia Maharaja Johor Abu Bakar [1875]..." Taip skrip jawi ini dipercayai ditulis pada tahun yang sama dengan 'Kisah Pelayaran ke Riau.' Kerosakkan pada naskhah asal manuskrip tidak berjudul itu menyebabkan ada huruf-huruf dan perkataan yang ditinggalkan dalam taipskrip tersebut.

Judul manuskrip syair judulnya adalah diberikan oleh Joseph H. Howard sebagai *about Sultan Abu Bakar bin Sultan Ibrahim of Johore*.¹² Ismail Hussein kemudiannya menterjemahkannya sebagai "Syair Sultan Abu Bakar Ibn Sultan Ibrahim Johor." Jika dikaji dari segi isinya ternyata syair ini juga mengandungi sejarah Pahang. Namun demikian bukanlah keterlaluan jika dikatakan kisah Abu Bakar jelas sekali digembarakan. Syair ini lebih tepat dinamakan Syair Sejarah Johor serta Pahang, atau jika mahu diteruskan judul yang diberikan oleh Joseph H. Howard kenalah dibetulkan sebagai "Syair Sultan Abu Bakar Ibn Temenggung Ibrahim."

Pengarang dan Penyusun

Syair Sultan Abu Bakar "dikarang oleh seorang peranakan Lingga yang berkelana di Pahang, dan tamat tulisannya pada tahun Hijrah 1317 [1899 Masihi]." Manakala "Hikayat Johor serta Pahang" pula sudah pasti disusun semula selepas tahun 1917, tetapi pengarangnya tidak diketahui, bagaimanapun adalah dipercayai naskhah asalnya adalah bertulis jawi kemudian ditaip rumi oleh kakitangan tertentu dalam Kerajaan Johor. Syair Sultan Abu Bakar adalah dalam tulisan tangan, berbeza dengan dua manuskrip lain yang disusun semula. Kisah Pelayaran ke Riau pasti sekali disusun dalam

12 Joseph H. Howard, *Malay manuscripts* (Kuala Lumpur, 1966), hlm. 47. Lihat juga Ismail Hussein, "Dokumentasi: Syair Sultan Abu Bakar Ibn Sultan Ismail Johor," *Dewan Bahasa*, Jilid 20, Bil. 5, Mei 1975, hlm. 306.

tahun 1870-an, ini disebabkan oleh manuskrip yang tidak berjudul yang dijilid bersamanya dikatakan ditulis pada tahun Hijrah 1292: Lagi pula adalah jelas "Kisah Pelayaran ke Riau" adalah dikutip dari 'diary' (Peringatan) Ungku Haji Mohamad bin Ungku Haji Abdullah iaitu sepupu Maharaja Abu Bakar¹³ dan juga catatan dari Datuk Bentara Jaafar Haji Mohamad.

Dalam tahun-tahun 1870-an orang yang benar-benar hampir dengan istana ialah Mohamad Ibrahim Munshi,¹⁴ kebolehan beliau mengarang tidak boleh dinafikan lagi. Ibrahim Munshi dan Datuk Sri Amar Di Raja¹⁵ adalah pendokong pertubuhan persuratan terulung di negara ini iaitu; Pakatan Belajar-Mengajar Pengetahuan Bahasa (P.Bm.P.B.) yang ditubuhkan dalam tahun 1886.¹⁶ Salah satu dari objektif P.Bm.P.B. ialah menggalakkan ahli-ahlinya menyimpan 'diary' mengikut jejak langkah Ungku Haji Jan Datuk Bentara Jaafar. Dipercayai bagi membuktikan betapa pentingnya 'diary' itu pada orang Johor maka "Kisah Pelayaran ke Riau" telah disusun berasaskan catatan berasingan dari 'peringatan' Ungku Haji dan Datuk Bentara itu. Sudah menjadi resam dalam manuskrip Melayu lama iaitu merupakan naskhah salinan dalam berbagai versi. Keadaan ini berbeza dengan manuskrip yang dinyatakan di sini mungkin kerana manuskrip ini ditulis lewat abad ke-19 dan awal abad ke-20. Dipercayai tidak berlaku keadaan di mana 'Si penyalin dapat berbuat sesuka hatinya dalam menjalankan kerja penyalinan itu. Menokok tambah dengan sesuka hati... atau sebaliknya mengurangkan (membuang) mana yang difikirkan tidak perlu.'¹⁷ Manuskrip-manuskrip ini juga sudah tidak memenuhi ciri-ciri pensejarahan Klasik Melayu, tidak terdapat unsur-unsur legenda, mitos, psfeventum mahupun 'simbolisme' dan 'sainskrisme' yang tergolong ke dalam *the realm of folk-lore*.¹⁸ Atas dasar ini juga diyakini Mohd. Ibrahim Munshi dapat dikatakan sebagai penyusun 'Kisah Pelayaran ke Riau' kerana Mohd. Ibrahim memegang prinsip "tidak sekali-kali aku menambah atau mengurangkan daripada apa yang aku dengan itu [Malah Ibrahim Munshi] mementingkan ketetapan fakta dengan

13. Ungku Haji Mohamad dan Datuk Bentara mengiringi Abu Bakar semasa Lawatan ke India dan Eropah dalam bulan Mac 1866. Haji Musa Yusof, *Johor Baharu*, hlm. 18-19. Mengenai Datuk Bentara Jaafar sila lihat M.A. Fawzi Basri, "Datuk Jaafar Haji Muhammad: Menteri Besar Johor yang pertama, 1869-1919" *JEBAT* (Jurnal Persatuan Sejarah Universiti Kebangsaan Malaysia), Bil. 2, 1972/73 dan juga lihat Fawzi Basri & Hasrom Haron, *Sejarah Johor Moden 1855-1940: Satu Perbincangan Dari Pelbagai Aspek*, (Kuala Lumpur: Muzium Negara, 1978), hlm. 53-58.

14. Mohd. Ibrahim Munshi dilahirkan di Melaka dalam tahun 1840, beliau telah mengikut ayahandanya Abdullah Munshi berpindah ke Singapura. Dibesarkan di Singapura, Mohd. Ibrahim mula berdamai dengan Abu Bakar semasa menjadi guru Sekolah Melayu Teluk Belanga, kemudian menjadi Jurubahasa dan Jurutulis, Sekretariat negeri. Dalam tahun 1883 Mohd. Ibrahim dilantik menjadi Setiausaha Kerajaan Johor, tahun 1886 menerima anugerah bintang kebesaran SPMJ yang membawa gelaran 'Datuk.' Beliau merupakan Timbalan Menteri Besar Johor yang pertama dan meninggal dunia pada tahun 1904. Beliauah Pengasas Pendidikan Melayu Moden di Johor, lihat M.A. Fawzi Basri, Mohd. Ibrahim Munshi: Birokrat "Pemaju Pelajaran Melayu Johor" *Widya* (Kuala Lumpur: Adabi) 1978 dan dalam Fawzi & Hasrom, *Sejarah Johor Moden*, hlm. 82-87.

15. Nama sebenarnya Abdul Rahman Andak, beliau mendapat didikan di London dalam tahun 1871-1876. Huraian lanjut lihat M.A. Fawzi Basri, Datuk Sri Amar Di Raja: Penghalang cita-cita Inggeris menakluk Negeri Johor *Malaysia in History*, Vol. XV, NO. 2 Disember 1972, hlm. 14-21.

16. Lihat M.A. Fawzi Basri, "Sejarah Pakatan Bahasa Johor," *Berita Minggu*, 26 Mac 1972.

17. Yusuf Iskandar, "Anakronisme Dalam Tradisi Penulisan Sejarah Klasik Melayu" *Dewan Bahasa*, Jld 20, Bil. 2, Februari 1976, hlm. 90.

18. Lihat Mohd. Fadzil Othman, "Suatu Penilaian kritis tentang kisah Pelayaran Mohd. Ibrahim Munshi sebagai sumber sejarah" (Tesis M.A., Jabatan Sejarah Universiti Malaya, 1976), hlm. XXXXI. Tesis ini diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, 1980.

memberikan angka-angka yang spesifik apabila mencatat sesuatu." Suatu yang tidak dapat dinafikan jika dikatakan ketiga-tiga manuskrip ini mempunyai *Historical Sense*.

Kisah Pelayaran Ke Riau Sebagai Sumber Sejarah

Riau adalah sebuah dari pusat kebudayaan Melayu,¹⁹ khususnya dengan kehadiran Raja Ali Haji.²⁰ Teks Kisah Pelayaran ke Riau ini sebahagian besarnya merakamkan perihal pertemuan dengan Raja Ali Haji yang pada ketika itu menjadi Penasihat kepada Yamtuan Muda Riau. Selain dari menjadi tokoh politik beliau juga merupakan tokoh teologi. Peranannya sebagai 'Penasihat' Kerajaan Riau itu adalah diwarisi dari jawatan ayahandanya Raja Haji Ahmad yang bergelar Raja Tua,²¹ iaitu salah seorang dari lapan Penasihat Sultan Johor-Riau. Selain dari menjadi 'Orang Kanan' Yamtuan Muda Riau, Raja Tua boleh mewakili Sultan atau Yamtuan Muda Riau dalam memasyhurkan gelaran dalam Majlis Istiadat Pertabalan.²² Raja Ali Haji dengan kefasihannya akan selok-belok peraturan dan adat istiadat Kerajaan Melayu juga telah menulis buku mengenai kehakiman serta buku-buku sejarah Raja Melayu dan Bugis.

Kisah Pelayaran ke Riau dapat juga membuat pemeriksaan terhadap tulisan R.O. Winstedt,²³ malah dapat pula memperlihatkan keabsahan keturunan Temenggung Johor sebagai pemerintahan Johor yang berdaulat.²⁴ Selain dari itu, teks ini juga memperlihatkan amalan Johor membuat *reference* ke istana Riau berhubung dengan adat istiadat Johor, malah Kisah Pelayaran ke Riau telah dapat membutirkan buku-buku karya Raja Ali Haji yang dibawa ke Johor, antara kitab-kitab itu termasuklah 'Syamarat Al Mihmah Dziafat Il Umara Wal Kubara': Undang-undang di zaman Sultan Abdul Ghaffar Muhaiddin Syah: Kitab kanun dan adat yang diatur pada zaman Sultan Sulaiman,²⁵ kitab-kitab ini turut mempengaruhi pembentukan sistem pentadbiran Kerajaan Johor Baharu.²⁶ Ini ada kaitan dengan matlamat Abu Bakar menghantar delegasi ke Riau di tahun 1868 itu dengan tujuan 'bertanya' kepada Raja Ali Haji berkenaan 'Aturan Melayu.'

19 Lihat T. Iskandar Raja Ali Haji: Tokoh dari pusat kebudayaan Johor-Riau, *Dewan Bahasa*, Jil. VIII, Bil. 12, Disember 1964, hlm. 533—540.

20 Ibid., dan lihat juga Mohamad Anas, *Geographical Notes To The 'Tuhfat al-Nafis' or A Malay History of Riau and Johore*, (Latihan Ilmiah yang tidak diterbitkan) Singapura: Universiti Malaya 1958.

21 Raja Tuah kepala segala menteri yang besar sekali... *Tuhfat al-Nafis*, hlm. 214.

22 Mohamad Anas, *Geographical Notes*, hlm. X.

23 *The Bendahara and Temenggung*, *JMBRAS*, X (1), 1932, hlm. 65. Menurut Winstedt "In 1868 Raja Ali was consulted by Temenggung Abu Bakar as to his eligibility for throne of Johore, that pro-Bugis court geneologist replied that the step to sovereignty was easier for him than for the Bendahara of Pahang..." "Perbandingan dengan teks, hlm. 3 dan 5.

24 Lihat Surat W. Napier kepada Sir Michael F. Hicks-Beach M.P. mengenai *The title and position of the Maharajah of Johore*. 20 Julai 1978 dan *SSDM* Datuk Menteri Johor D.F.A. Harvey, 18 November, 1889.

25 Teks 'Kisah Pelayara ke Riau,' hlm. 10.

26 Ini dapat ditunjukkan menerusi pembentukan 'Mesyuarat Kerajaan' (*Council of State*) yang dapat dikesan sudah pun terbentuk dalam tahun 1873 (SCD 1873, hlm. 1) pembentukan Mahkamah Polis dengan seorang tokoh agama Tuan Haji Mohd. Salleh sebagai Magistretnya. Beberapa bahagian dari *Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895* sukar dinafikan mempunyai unsur-unsur penasihatannya Raja Ali Haji itu.

Winstedt²⁷ pernah memberikan komennya bahawa lawatan ke Riau itu semata-mata sebagai usaha Temenggung Abu Bakar mendapatkan *his eligibility for the throne of Johore*. Winstedt membayangkan sikap Abu Bakar yang *indifference* akan pendapat dari Riau-Lingga, lantas Abu Bakar dalam tahun 1868 memakai gelaran Maharaja sahaja. Teks Kisah Pelayaran ke Riau ini dapat menjawab komentar Winstedt dan keraguan selama ini akan kemungkinan Abu Bakar terpengaruh dengan gelaran 'Maharaja India' semasa lawatannya ke barat dunia dalam tahun 1866 itu. Sebaliknya Raja Ali Haji menerangkan bagaimana Temenggung boleh menjadi Raja Johor, jika menjadi Raja bangsa Temenggung, apakah yang patut gelarannya.²⁸ Apabila delegasi dari Johor itu bertanya tentang penggunaan gelaran Maharaja, Raja Ali Haji menerangkan bahawa Maharaja bermakna Raja Besar seperti Sultan yang ada beberapa raja-raja yang di bawah takluknya. Tentang perkataan Seri Maharaja 'adapun Serinya ialah bagi Temenggung, adapun Maharaja itu ialah Rajanya.'²⁹ Justeru itu di kalangan orang Inggeris di Negeri Selat khususnya, secara rasmi Abu Bakar disebut *His Highness Abu Bakar, Sri Maharaja of Johore and its dependencies*.³⁰ Kerana pemakaian gelaran Maharaja inilah kedudukan ketua Negeri Johor ini menjadi satu issue politik. Raja-raja Negeri Melayu dikatakan *do not regard the position of the Maharaja of Johore as equivalent to that of the Rajah-born rulers of the other Native states-which clearly implies that he held his highness not to be Rajah-born*.³¹ Dalam tahun 1889 persoalan ini timbul lagi, Johor bernasib baik mempunyai Datuk Jaafar Mohamad yang turut mendalami selok-belok peraturan Melayu di Riau itu, lantas beliau telah menerangkan kelainan warisan jawatan Temenggung di Johor:³²

... kerana pada adat Johor tiada boleh dijadikan Temenggung dan Bendahara melainkan darah Raja bersalahan dengan negeri Melayu yang lain mengadakan jawatan-jawatan itu tetapi bukan darah Raja pun boleh duduk di dalam jawatan-jawatan itu.

Abu Bakar amat bijak dari segi politik mengukuhkan dirinya sebagai pemerintah Kerajaan Johor yang unggul.³³ Baginda sedar dari segi formaliti,

27 Winstedt, 'Bendahara dan Temenggung,' hlm. 65.

28 'Kisah Pelayaran ke Riau,' hlm. 11.

29 *Ibid.*, hlm. 9.

30 SCD, 1873.

31 Surat Napier kepada Sir M.F. Hicks, 30 Julai 1878. Dalam tahun 1891 Raja-raja Melayu masih belum mengiktiraf status kesultanan Abu Bakar, "On 25 February 1891 he [Abu Bakar] was invited to dine and stay at castle, ... the ruler with whom the Sultan of Trengganu had once refused to sit..." Emerson, *Malaysia*, hlm. 202.

32 SSMD, 18 November 1889. Abu Bakar dan tentera Kerajaan Johor turut melibatkan diri dalam krisis di negeri-negeri Melayu dalam tahun 1870-an. Pada 4 Mei 1872 Abu Bakar telah menghantar Datuk Bentera Jaafar dan Gunboat "Pulai" ke Selangor bagi menyelesaikan krisis Tengku Kudin dan Raja Mahadi. Tindak-tanduk Abu Bakar dalam perang saudara dan krisis takhta di Perak disifatkan oleh Inggeris sebagai 'bekerjasama' dengannya. Oleh itu dalam bulan Julai 1876 Abu Bakar pernah diadangkan untuk ditabalkan sebagai Sultan Perak tetapi Gabenor Jervois telah menolak usul itu kerana menurut beliau, Abu Bakar adalah 'orang biasa'. *Governor Despatch* No. 295, 19 Ogos 1876 dan lihat juga Laporan C.J. Irving *Memorandum relative to the affairs of Selangor with reference to visit to that country in April and May 1872 etc.* (Arkib Negara).

33 *His wide travels and his close association with the men of the Straits Settlements bureaucracy and the European members of the merchantile community of Singapore and other prominent men, like lawyer,*

Istana Riau perlu menabalkan dirinya sebagai Maharaja Johor. Delegasi Johor dapat membincangkan keberangkatan pihak berkuasa Riau di upacara pertabalan Maharaja Abu Bakar di Teluk Belanga. Pada 14 Muharam 1285 (7 Mei 1868) Raja Ali Haji yang mengetuai delegasi Riau telah sampai di Teluk Belanga untuk upacara pertabalan itu.³⁴ Sebagai membalas jasa baik perutusan Istana Riau itu Maharaja Abu Bakar telah menghadiahkan Raja Ali Haji sebuah sekoci (steamer) *twin-screw*. Kerajaan Johor juga telah memberi penghormatan kepada perutusan itu dengan menyewa khas kapal api ekspres 'Muar' yang terkenal di Singapura ketika itu, khusus menghantar segala raja-raja Riau berangkat pulang ke Penyengat.

Dalam teks 'Kisah Pelayaran ke Riau' dapat juga diperlihatkan kehadiran pegawai-pegawai Temenggung Abu Bakar yang dedikasi seperti Ungku Haji Mohamad, Ungku Abdullah,³⁵ Datuk Bentara Jaafar dan Kapten Kapal Kerajaan Johor atau sekonar 'Segget' (سيگيت)³⁶

Kesemua mereka ini adalah orang kepercayaan Abu Bakar dan mereka menjadi Ahli Mesyuarat Kerajaan Johor yang dipercayai ditubuhkan selepas kepulangan delegasi dari Riau ini. *Council* inilah yang telah memainkan peranan sebagai Penasihat Kerajaan Johor. Oleh itu bukanlah ganjil bagi Raja Haji menasihatkan Datuk Bentara Jaafar dan Encik Abu Talib Kapten Kapal 'Segget', "hendaklah pandai-pandai menghambat hati orang [menarik hati rakyat] supaya tertambat kasihnya kepada Raja kita."³⁷ Ini adalah satu strategi yang penting bagi Abu Bakar mendapat sokongan penuh sebagai pemerintahan Johor, dalam pada itu Raja Ali Haji juga memujuk Johor mencari jalan terbaik-baik dengan Sultan Ali Kesang.³⁸ Dalam pesannya kepada delegasi Johor Raja Ali Haji meminta Temenggung Abu Bakar menyemak dengan teliti akan kitab-kitab yang dipinjamkannya itu, khususnya dari segi politik pemerintahan dan adab tertib sebagai pemerintah:

Objektif penting delegasi Johor ke Riau nampaknya tercapai, ini dapat dibuktikan dalam pesan Raja Ali Haji:

not only sharpened his outlook but also increased his knowledge of the officials, business and legal world, P.S. Sundram, "The Economic Development of Johore, 1862-1895" (Latihan Ilmiah yang tidak diterbitkan), Singapura: Universiti Malaya, 1958, hlm. 9.

- 34 Turut menyertai rombongan dari Riau itu ialah Raja Hassan (Putera Raja Ali Haji) Raja Sulaiman (Putera marhum Rashid) dan Tengku Long (Putera Yamtuan Muda Mohd. Yusof). Dalam tahun 1868 kebanyakan kerabat Johor masih menetap di Teluk Belanga, Abu Bakar dan kerabat di Raja Johor menetap di Johor Baharu mulai tahun 1889. Lihat R. Emerson, *Malaysia: A Study in Direct and Indirect Rule*, Kuala Lumpur: University of Malaya Press, 1966, hlm. 202.
- 35 Iaitu Putera Temenggung Daing Ibrahim, Ungku Abdullah kemudiannya selain dari menjadi Ahli Mesyuarat Kerajaan juga bertugas sebagai Pesuruhjaya Wilayah Endau dan Pantai Timur Johor, beliau mangkat pada 10 Mac, 1893, *SCD*, hlm. 2.
- 36 Dalam tahun 1860-an Kerajaan Johor telah melengkapkan Jabatan Lautnya dengan kapal-kapal jenis 'screw gunboat' seperti Pulau (beratnya 80 tan), screw tender "Duffadar" dan "Putanda" dalam tahun 1973 Kerajaan Johor sedang membina kapal jenis screw steam sloop yang dinamakan "Panti" yang beratnya 400 tan dengan kekuatan 90 kuasa kuda, *SCD*, 1873, hlm. 2.
- 37 'Kisah Pelayaran ke Riau' hlm. 5, Raja Ali Haji memberitahu "jikalau orang suka senanglah pekerjaan kerana iaitu suatu daripada sebab yang mengharuskan mendirikan Raja."
- 38 Mulai tahun 1855 Sultan Hussein telah menyerahkan seluruh negeri Johor kecuali Kesang di Muar kepada Temenggung Ibrahim. Setelah Sultan Hussein mangkat digantikan oleh puteranya bergelar Sultan Ali. Kisah lanjut lihat Mohd. Said Sulaiman, *Hikayat Johor* I.M.A. Fawzi Basri 'Perang Saudara di Muar' *Berita Minggu*, 5 Mac 1972; R. Emerson, *Malaysia*, j. 198: Abdullah Ayub. 'The Johore Succession Controversy, 1850-1878,' (Latihan Ilmiah yang tidak diterbitkan) Singapura: Universiti Malaya, 1951.

Aku dan Yamtuan suka akan Temenggung jadi Raja ada jalannya jikalau boleh biar Yamtuan Muda ini berangkat ke sana [Johor] melantiknya ada pun seperti Pahang boleh juga tetapi susah... Aku suka kita gelar akan dia [Abu Bakar] lain daripada nama Sultan atau yang Dipertuan Johor atau Yamtuan Muda tetapi nantilah aku fikir.³⁹

Lawatan ke Riau tahun 1868 ini besar ertinya bagi pengembangan pentadbiran Johor kemudiannya, ini adalah suatu usaha mengimbangkan penerimaan model pentadbiran Singapura dan pemikiran orang-orang Johor yang pernah berkunjung keluar negeri. Dalam konteks zaman itu pentadbiran Johor sungguh unik jika dibandingkan dengan negeri-negeri Melayu Semenanjung di tahun yang sama seperti yang diperikan oleh Abdullah Munshi dalam pelayarannya itu. Jika tulisan Thomson, Khoo Kay Kim dan J.M. Gullick⁴⁰ digunakan menunjukkan pola dan ciri-ciri Kerajaan Melayu Tradisional,⁴¹ maka dengan itu Johor sudah tidak mempunyai sifat tradisional tulin. Secara komparatifnya, tahun 1869 Johor adalah negeri Melayu yang sedang memodenkan sistem kerajaannya. Dalam usaha pemodenan ini Johor juga mencari identitinya, Maharaja Abu Bakar mendapati masih perlu unsur-unsur pentadbiran tradisional untuk diubahsuaikan. Itulah sebabnya delegasi ke Riau itu ditugaskan mendapatkan peraturan-peraturan, nama-nama gelaran dan buku salasilah dan sejarah untuk ditelaah. Justeru itu juga, bukanlah menghairankan jika Johor telah menggunakan beberapa gelaran tradisional secara berperingkat-peringkat dengan sedikit pindaan di sana sini. Gelaran-gelaran itu bukan lagi sebagai *ascribed status*, sebaliknya gelaran-gelaran itu dikurniakan kepada elite birokrat yang digaji oleh Kerajaan Johor selaras dengan kedudukan mereka. Agak sukar dinafikan bahawa kebanyakan pegawai-pegawai Kerajaan Johor adalah dari campuran darah Bugis, mereka inilah yang dilantik oleh Abu Bakar sebagai Ahli Mesyuarat Kerajaan (Council of State), tugas Ahli Mesyuarat ini amat besar kerana *The government is administered by a council of state*.⁴² Satu perubahan yang ketara dalam tahun 1882 ialah Maharaja Abu Bakar melantik adiknya Ungku Abdul Majid sebagai Menteri Merangkap Bendahari Kerajaan, Datuk Bentara Jaafar sebagai Setiausaha Kerajaan pula telah dinaikkan ke jawatan yang dihidupkan semula untuknya, iaitu Datuk Menteri Besar. Seorang tokoh Agama Haji Mohd. Salleh pula dilantik menjadi Hakim Johor.⁴³ Dalam senarai perjawatan yang lain pula Kerajaan Johor mengikut model Singapura tetapi Johor telah dapat membuat terjemahan yang tepat dan digunakan

39 'Kisah Pelayaran ke Riau,' hlm. 9. Ini ialah satu helah Raja Ali Haji mahu mempertahankan ketinggian maritab Kerajaan Riau-Lingga. Abu Bakar tidak pula memberi komentar yang negatif. Sebaliknya Abu Bakar ada perancangannya sendiri seperti yang disebut oleh Winstedt, "In 1883 Sultan Sulaiman last descendants of Sultan Abdul Jalil in the male line died and there was interregnum of two years before the Sultan of Lingga was conferred on Raja Abdul Rahman who inherited through his mother, great grand daughter of Temenggung Abdul Rahman of Singapore. Maharaja Abu Bakar then [1886] assumed the title of Sultan." Winstedt: 'Bendahara and Temenggung,' hlm. 65.

40 Lihat J.T. Thomson, *Sequel to some glimpses into life in the far east*, London, 1865, khususnya di bab xi 'Malay Government at his time, Khoo Kay Kim, 'Traditional Malay Polity. This preliminary case studies.' *The Museum Journal*, XIII, 1968, hlm. 83-89 dan J.M. Gullick, *Indigenous Political Systems of Western Malaya*, London: The Athlone Press, 1969, hlm. 1-32.

41 *Ibid.*

42 SCD, 1873, hlm. 101.

43 SCD 1882, hlm. 127.

sehingga kini seperti Pesuruhjaya (Commissioner), Jabatan (Department), Kerja Raya (Public Works) dan sebagainya.

Dalam tahun-tahun berikutnya pula Kerajaan Johor telah menggunakan beberapa gelaran tradisional untuk pegawai tadbir awamnya. Mohamad Ibrahim Munsyi yang menggantikan tempat Datuk Bentara Jaafar digelar Datuk Bentara Dalam, manakala Pesuruhjaya Polis Mohamad Salleh bin Perang telah dianugerahkan gelaran *Datuk Bentara Luar*.⁴⁴ Pesuruhjaya Wilayah Barat Johor Abdul Samad Ibrahim digelar Penggawa kemudian diubah menjadi *Datuk Penggawa Barat* manakala Jaafar Nong Yahya Pesuruhjaya Wilayah Timur Johor pada mulanya digelar Penggawa Kiri kemudian diubah menjadi *Datuk Penggawa Timur*. Menjelang Abu Bakar bergelar Sultan Johor, dua lagi gelaran tradisional telah digunakan dalam Kerajaan Johor iaitu *Datuk Sri Amar Di Raja* yang dikurniakan kepada Penasihatnya iaitu Abdul Rahman Andak,⁴⁵ akhir sekali ialah *Datuk Sri Setia Raja* yang disandang oleh Abdullah Tahir yang ketika itu menjadi Pesuruhjaya Besar Polis. Dalam tahun 1886, Johor mewujudkan golongan 'Datuk' melalui pengurniaan pingat darjah kebesaran negeri 'Datuk Paduka Mahkota Johor' (DPMJ) dan 'Datuk Sri Paduka Mahkota Johor (SPMJ).' Hanya selepas tahun 1914, Johor sekali lagi mencipta senarai gelaran-gelaran tradisional bagi maksud-maksud upacara istana, khususnya di upacara per-tabalalan, perkahwinan. Ulang tahun keputeraan, ada juga gelaran yang dikhaskan kepada pegawai peribadi Sultan sahaja.⁴⁶

Pemakaian gelaran tradisional ini pasti merupakan usaha Johor menegakan identiti sebagai negeri Melayu yang berdaulat dan merdeka. Usaha ini lebih penting lagi dalam tahun 1883 apabila mangkatnya Sultan Sulaiman Lingga, yang bererti berakhirnya zuriat dari keturunan Sultan Jalil IV (Marhum mangkat di Kuala Pahang). Penggantinya yang dilantik dua tahun kemudian iaitu Sultan Abdul Rahman adalah keturunan dari sebelah ibunya, berkebetulan pula cicit almarhum Temenggung Abdul Rahman Johor.⁴⁷ Abu Bakar yang telah mengkaji asal usul keturunannya itu merasakan dirinya lebih dekat sebagai warisan keturunan Sultan Abdul Jalil iaitu moyangnya sendiri. Putusnya zuriat keturunan Abdul Jalil di Lingga itu merupakan satu alasan yang munasabah bagi Abu Bakar menghidupkan semula gelaran Sultan

44 Beliau adalah dari keturunan Panglima Raja yang turut berhijrah ke Teluk Belanga bersama Temenggung Abd. Rahman Mohd. Salleh Perang bermula kerjanya sebagai Kerani, Ketua Kerani Pejabat Residen Johor Baharu, Ketua Polis Negeri Johor sebelum mengetuai Jabatan Tanah dan Ukur. Beliau juga merupakan ahli Jemaah Menteri yang kanan pernah menjadi Pesuruhjaya Kerajaan Muar dan Batu Pahat, sumbangan besar beliau yang lain dapat diikuti dari M.A. Fawzi Basri *Datuk Bentara Luar*: peranannya dalam konteks sejarah Johor moden *Jurnal Sejarah*, Jil. X, 1972 (Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Universiti Malaya), hlm. 32-41.

45 Satu ikhtisar mengenai beliau sila lihat M.A. Fawzi Basri, 'Datuk Sri Amar Di Raja: Penghalang cita-cita Inggeris menakluk Johor' *Malaysia in History*, Vol. IX, No. 2, Disember 1972, hlm. 14-20.

46 *Balai Rong Jemaah Ungku Sri Paduka* terdiri dari Ungku Sri Paduka Bina Maharaja, Ungku Sri Paduka Sendera Senggara, Ungku Sri Paduka Kepiti Raja dan Ungku Sri Paduka Perba Raja; *Jemaah Pegawai Besar Datuk Bentara Kanan* (Setiausaha Kerajaan), *Datuk Bentara Kiri*, (Timbalan Setiausaha Kerajaan), *Datuk Penghulu Istiadat*, *Datuk Penghulu Istana*, *Datuk Penghulu Biracara*; *Jemaah Pegawai Besar Damping* (Pegawai Tetap) tetapi dari *Datuk Paduka Sri Jaya* (ADC Sultan), *Datuk Paduka Sri Setia* (Setiausaha Sulit), *Datuk Sri Selera* dan *Datuk Sri Priwara*, lihat 'Lembaga Aturan bagi pemerintahan Majlis Raja, Majlis Istana dan Igama,' 1920.

47 Lihat R.O. Winstedt, 'Bendaharas dan Temenggungs,' hlm. 65.

Johor. Dalam konteks ini Abu Bakar telah menggunakan Inggeris sebagai kuasa pertama yang boleh mengiktiraf dan menyokong cita-citanya menjadi Sultan Johor. Perjanjian Inggeris-Johor tahun 1885 yang ditandatangani di London telah memakbulkan cita-cita Abu Bakar sebagai Sultan Johor.⁴⁸

R. Emerson pula cekat sekali menyatakan Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895 itu digubalkan oleh firma Undang-undang Inggeris yang menjadi penasihat undang-undang kepada sultan. Namun begitu R. Emerson gagal menunjukkan pemikir-pemikir tempatan yang menyusun sebelum digubal secara tersusun seperti yang dikatakannya. *No pretense is made in it that it is a western constitution or that it established a democratic form of government.*⁴⁹ Dalam konteks ini pendapat Thio boleh dipinjamkan, iaitu kemungkinan adalah besar bahawa Sultan Abu Bakar telah dinasihat oleh Datuk Sri Amar Di Raja supaya mengisytiharkan Perlembagaan Negeri Johor itu,⁵⁰ khusus sebagai strategi memperlihatkan kedudukan Johor yang merdeka dan berdaulat serta lebih tersistem pentadbirannya. Perlembagaan Negeri atau Undang-undang Tubuh yang mengandungi enam puluh empat fasal itu, bukanlah mustahil mempunyai unsur-unsur atau pengaruh dari peraturan dan kitab-kitab yang dibawa dari Riau itu. Bukti ini dapat diperatahkan lagi dengan kehadiran Datuk Jaafar selaku Menteri Besar Johor. Semangat Kebangsaan Datuk Jaafar yang berpadu dengan Datuk Sri Amar merupakan fikiran yang melahirkan Perlembagaan Johor yang bertulis itu dan terulung di negara ini. Datuk Jaafar yang fasih akan peraturan Melayu lama dan Datuk Sri Amar yang mendapat didikan di London, yang menjadi Penasihat Politik Abu Bakar berjaya menolak unsur otokrasi dalam Kerajaan Johor. Unsur-unsur Agama Islam telah dijadikan asas bagi melahirkan Kerajaan yang demokratik di Johor. Konsep yang dipercayai disadur dari kitab *Syamaratul mihmah Thafat kumara' Wal kubara Ahli'! Mahkamah'* dapat dilihat dari fasal 15 Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor itu:-

[Raja tiada boleh menyerahkan negeri kepada kerajaan lain]. Jikalau dilalui atau dicuba lalui larangan dan tegahan ini jika Raja sendiri disifatkanlah dia berdosa memecahkan amanah yang diletakkan Tuhan atasnya dan demikian tiada diwajibkan rakyat negeri melanjutkan setia lagi padanya...

Dalam konteks demokrasi Undang-undang Tubuh ini menyadur konsep dalam bab pertama kitab *Syamaratul mihmah* yang menyebutkan "pada menyatakan mendirikan Raja dan Menteri dan menjadikan orang besar-besar."⁵¹

Terdapat lima belas fasal dalam Undang-undang Tubuh Johor berhubung dengan *Jemaah Menteri*, manakala dua belas fasal menyentuh dengan *Mesyuarat Kerajaan*. Kedua-dua badan (jemaah) inilah yang disebutkan di Johor sebagai *Jemaah Pangkuan Negeri* yang dijalankan atas asas konsep

48. Teks perjanjian lihat W.G. Maxwell dan W.S. Gibson, *Treaties and Engagements affording the Malay States and Borneo*, London, 1974, hlm. 125, Mohd. Said Sulaiman Buku Teriti serta pertambahannya, *Johor Bahru*, 1940. Lihat juga E. Thio, *British Policy in the Malay Peninsula 1880—1910*, Vol. I. Singapura: University of Malaya Press, hlm. 102—115 dan R. Emerson, *Malaysia*, hlm. 202.

49. R. Emerson, *Malaysia*, hlm. 202, firma tersebut ialah Tetuan Rodyk & Davidson, C. Buckley adalah salah seorang peguam yang bertugas dengannya.

50. Thio, *British Policy*, hlm. 226.

'Ahli'l hal wal Aqad' (اهلى المال والعقد).

Yakni orang-orang yang layak dan boleh bersuara dalam pekerjaan memilih Raja dan melantik dan menjadikan Raja dan dalam perkara besar-besaran yang menghendaki apa yang dikatakan fikiran dan timbangan orang ramai atau isi negara.⁵¹

Ahli mesyuarat ini samalah konsepnya dengan Ahli Dewan Undangan Negeri Selat ketika itu, namun demikian Ahli Mesyuarat Kerajaan Johor pada peringkat awalnya terdiri dari kerabat Abu Bakar dan pegawai kanan kerajaan,⁵² pegawai yang berpengalaman dan berkebolehan dilantik menjadi Ahli Jemaah Menteri. Malah Jemaah Pangkuan Negeri inilah yang bersama Raja yang memerintahkan menetapkan perantukan Raja Muda, Raja Bendahara dan Temenggung Johor dari kalangan Kerabat Di Raja Johor. Namun begitu waris takhta yang terdekat ialah *Tengku Mahkota Johor (Crown Prince)* satu gelaran yang dicipta pada 21hb. Mei, 1891.⁵³

Pengaruh Agama Islam memang nyata dalam Undang-undang Tubuh pada fasal 57 yang menetapkan Islam sebagai 'Agama Negeri' selama-lamanya. Dengan cara itu kitab Syamaratul Mihmah telah turut berperanan dalam menjalankan kaedah-kaedah kehakiman Negeri Johor. Bukti lain pula ialah perlantikan Syed Salim Ahmad al-Attas sebagai Datuk Mufti Johor dalam tahun 1895, Yang Arif Haji Mohd. Salleh Haji Mohd. Arif Magistret Johor dijadikan Datuk Hakim Johor. Dalam tahun 1899 pula Datuk Haji Abdullah Musa pula dilantik menjadi Hakim Besar Johor merangkap Mufti Johor.⁵⁴ Bidang kehakiman yang dipegang oleh Mufti yang disesuaikan dengan iklim kehakiman negeri jiran tetangga Johor dan terus dipegang oleh orang-orang Johor sehingga ke tahun 1911.⁵⁵ Dalam itu pegawai Inggeris mula menjadi Penasihat Undang-undang dan Hakim Mahkamah Tinggi Johor. Sejak itu menurut *The Muhammedan Law Determination Enactment No. 27 of 1919*, Mufti hanya menguasai bidang kehakiman yang bersabit dengan hukum Islam dan syariah khususnya. Satu lagi peraturan tradisional Johor yang diikuti oleh Kerajaan Johor kemudiannya ialah peraturan memakai bendera, Kerajaan Johor telah membuat sedikit pindaan, putih untuk Raja yang memerintah, merah bagi bakal Raja, kuning bagi kerabat di Raja dan hitam bagi rakyat.⁵⁶

51 *Undang-undang Tubuh Johor*, serbukaan (٥) dan lihat nota bawah 39.

52 Mengikut rekod awal ditemui dalam tahun 1873 ahli-ahli mesyuarat terdiri dari 6 orang Ungku kerabat di raja, 3 keturunan Syed dan 12 orang kebanyakan. Dalam tahun 1895 kebanyakan pegawai kanan yang berpengalaman dilantik ahli Jemaah Menteri, lihat 'Daftar Ahli-ahli Mesyuarat Kerajaan 1895—1930', (Arkib Negara).

53 Abu Bakar semasa pemerintahan Temenggung Daing Ibrahim bergelar 'Bakal Raja' pada tahun 1891 pula bakal Sultan dikenali sebagai *Tengku Mahkota Johor*. Lihat *A Souvenir Commemorating the Jubilee of his highness the Sultan of Johore*. Johore Baharu, 1955 hlm. 14. Di zaman Kerajaan Johor Lama pernah juga waris takhta bergelar 'Tengku Besar'.

54 Datuk Haji Abdullah Musa dilantik menjadi Mufti Johor pada 6 Mac 1899. Lihat SSTP, Menteri Besar kepada Haji Abdullah Musa, 9 Mac 1899 dan Daftar Ahli-ahli Mesyuarat, juga SSDM, Datuk Amar kepada Hakim Mahkamah Besar, 18 Jun 1899.

55 Thio British Policy, hlm. 250. Dari kaca mata Inggeris dikatakan *Unfortunately the Johore Court are a by word for dilatoriness and incompetence...* Inggeris dengan projek perluasan kuasanya sentiasa menidakkan kepercayaan Johor dari segi pentadbiran semua bidang, pokok Inggeris mahukan Johor dari segi sistem pentadbirannya disamakan diseluruh Semenanjung.

56 Onn Jaafar (ed.), *Selamat Johor*, (Johor Baharu, 1935), hlm. 13, perbandingan dengan teks 'Kisah Pelayaran ke Riau,' hlm. 7.

'Kisah Pelayaran ke Riau' walaupun tidak setebal kisah-kisah pelayaran yang pernah diterbitkan, tidak tergolong sebagai manuskrip yang direkodkan,⁵⁷ namun kandungannya dapat menunjukkan bukti-bukti sejarah perlantikan Abu Bakar sebagai Maharaja Johor serta keabsahannya. Keduanya kitab-kitab yang dibawa dari Riau sedikit sebanyak turut memberikan sumbangan kepada perkembangan pentadbiran Johor. Seterusnya Kisah Pelayaran ke Riau membuktikan kewujudan hubungan setelah berlakunya krisis antara Ungku Muda waris Temenggung Johor dengan Istana Riau di awal abad ke-19. Di antara lain dapat juga menunjukkan secara tidak langsung peranan Riau sebagai pusat pembelajaran Agama Islam, khususnya di bidang tarekat. Selama enam hari di Riau "kebanyakan daripadanya duduk membaca sejarah dan siarah Raja-raja Melayu dan bercakap-cakap akan hal dan peraturan dahulu kala.' Lawatan ke Riau ini memang telah memberikan kesan kepada sistem pentadbiran Johor secara peringkat-peringkat dan tidak ketara sehinggalah kita menemui 'Kisah Pelayaran ke Riau' ini.

Kisah Pelayaran ke Riau memang dapat dijadikan sumber kajian yang mempunyai unsur sejarah. Winstedt telah menemui teks ini, malangnya penyalin terakhir kisah ini mungkin tidak dapat membaca dengan jelas nama orang dan masa tertentu yang dicatatkan dalam naskhah awalnya, ini menjadikan bahagian tertentu tidak lengkap begitu juga kesilapan taip jawi dalam mengeja perkataan tertentu sehingga tidak dapat dikesan maksudnya dan gambaran sebenarnya. Apakah telah berlaku amalan setiap penyalin kesusasteraan sekular sebagai *a potential re-writer*. Sama ada Ibrahim Munshi, atau Mohd. Said Sulaiman⁵⁸ menjadi penyusun atau penyalin Kisah Pelayaran ke Riau ini adalah satu yang belum dapat dipastikan. Hanya kajian yang mendalam secara komparatif sahaja yang dapat menghilangkan sebarang waham dari segi kebenarannya.

Teks Kisah Pelayaran ke Riau dibahagikan kepada tiga bahagian. Bahagian pertama ialah suntingan dari catatan harian Ungku Haji Mohamad dan Datuk Bentara Jaafar mengenai kunjungan mereka ke rumah-rumah pembesar kerajaan Riau, iaitu pertemuan dengan Yamtuan Muda Riau, Tengku Nong Kelana dan Tok Kaya Muda Haji Ibrahim, lebih utama lagi kunjungan ke rumah Raja Ali Haji. Bahagian kedua mengandungi sembilan fasal catatan pendek yang antara lain menyebut tentang tujuan kunjungan delegasi Johor ke Riau, keadaan di Riau, dan keadaan *Gunboat* 'Segget' itu.

Dalam bahagian ketiga dimuatkan tiga belas fasal khazanah-khazanah yang dibawa balik ke Johor Baharu. Ini termasuklah catatan mengenai sistem

⁵⁷ Seperti *Sejarah Melayu (JMBRAS) XV, 1952; Hikayat Raja-raja Pasai (JMBRAS), 66, 1914. Hikayat Merong Mahawangsa (JMBRAS, 72, 1916), Misa Melayu, Tuhfat al-Nafis (JMBRAS, X, pt, 1932), Sejarah Raja Riau, (JMBRAS, XI, pt 2, 1933)* dan manuskrip-manuskrip yang terdapat katalog manuskrip di London seperti *Sejarah Raja-raja Riau, Syair Sultan Mohamad di Lingga dan lain-lain*. Lihat juga Khoo Kay Kim, *Persejarahan Malaysia*, (Kuala Lumpur, KKBS, 1975), hlm. 1.

⁵⁸ Beliau memulakan kerjanya dengan perkhidmatan awam Johor sebagai Kerani Pejabat Pelajaran, kemudian menjadi Penolong Ketua Pejabat Pos Negeri, Pegawai di Perbendaharaan, akhir sekali menjadi Setiausaha Sulit Ibrahim Johor. Butir-butir lanjut sila ikuti dari M.A. Fawzi Basri, 'Major Datuk Haji Mohd. Said bin Haji Sulaiman' peranan dan kerjanya dalam sejarah Persuratan dan Kesusasteraan Melayu Moden' *Humanisma* (Kuala Lumpur: Persatuan Mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia, 1972), hlm. 40—46.

gelaran, bendera-bendera kerajaan, keturunan mewarisi gelaran, mahkamah, tempat mesyuarat, petikan dari Undang-undang pada zaman Sultan Abdul Ghaffar Mahyudin Syah Pahang, akhir sekali sebuah kandungan intisari dari kitab karya Raja Ali Haji yang berteraskan kitab Syarak dan adat dinamakan 'Syamarat 'al Mihmah Diafatil umarawaikubaraahlil Mahkamah' yang bermaksud jamuan bagi raja-raja dan bagi orang besar-besar yang mempunyai pekerjaan di dalam tempat berhukum.

Kitab Syamarat 'al Mihmah ini dibahagikan kepada empat bab dan mukadimahnyanya, kebanyakan kandungannya mencatatkan fasal perlantikan raja, menteri dan orang besar negeri, peraturan kerajaan dan larangan kepada raja.

Bahagian tiga ini menjadi lebih penting lagi apabila fasal dua belasnya membuktikan nama kitab-kitab dan catatan-catatan yang dipinjamkan oleh Istana Riau kepada Istana Johor Baharu. Iaitu *Sejarah Bugis*, *Sejarah dan Siasah Melayu dan Bugis*, dua versi kitab Syamarat al Mihmah termasuk naskah asalnya, undang-undang zaman Sultan Abdul Ghaffar Mahyuddin Syah, Kitab Kanun dan adat pada zaman Sultan Sulaiman.

Fasal ketiga belas dalam bahagian tiga ini menumpukan perhatian pada soal jawab masalah politik Empayar Johor sebelumnya sehingga pembentukan kerajaan di Johor Baharu dan Kesang. Soalan yang penting untuk ditanya kepada Raja Ali Haji adalah Temenggung Johor boleh menjadi raja dan aspek peraturan-peraturannya.

Bahagian akhir teks 'Kisah Pelayaran ke Riau' ini adalah catatan tarikh dan peristiwa kunjungan Raja Ali Haji dan kerabat Di Raja ke Teluk Belanga dan Johor Baharu.

Walaupun teks 'Kisah Pelayaran ke Riau' ini terlalu ringkas, namun sumbangannya kepada pensejarahan negara ini tidak boleh dinafikan, gambaran hidup mengenai hubungan Johor-Riau dapat dijelaskan oleh teks ini.

Hikayat Johor serta Pahang sebagai sumber sejarah

Manuskrip ini amat menarik kerana intrik politik kerajaan Johor digambarkan dalam versi yang berbeza dengan *Tuhfat al-Nafis*.⁵⁹ Ini boleh dilihat dalam kes seulas nangka telah membawa kepada kematian isteri Megat Seri Rama. Namun demikian kezaliman Sultan Mahmud II tetap sebagai punca pembunuhan baginda, pembunuhan isteri Megat Seri Rama adalah sebagai satu buktinya. Dalam pada itu Temenggung Johor dan Raja Indera Bongsu dikatakan sebagai memainkan peranan utama. Hikayat Johor serta Pahang dengan jelas menyatakan Temenggung Johor yang memainkan peranan kerana beliau bercita-cita mahu menjadi Raja Muda atau Yamtuan Muda Johor. "Jikalau abang menjadi Raja, sahaja hendak menjadi Raja Muda."⁶⁰ Dalam hal ini Hikayat Johor serta Pahang bertentangan dengan tulisan Winstedt yang menunjukkan Tun Mahmud iaitu Raja Indera Bongsu yang kemudiannya dilantik menjadi Yamtuan Muda.⁶¹

Keduanya mengenai Megat Seri Rama itu sendiri, Hikayat Johor serta Pahang ini telah membuat keterangan yang berbeza dengan tulisan Haji

59 *Tuhfat al-Nafis*, hlm. 34—35.

60 Lihat Hikayat Johor serta Pahang dan anotasinya.

61 Winstedt 'History of Johore,' hlm. 150. (lampiran).

Mohamad Salleh Haji Awang.⁶² Bendahara Tun Habib Abdul Majid atau Marhum Padang Saujana adalah Bendahara Johor dari tahun 1688 hingga 1697. Haji Mohd. Salleh Awang menyebutkan Wan Abdul Rahman sebagai pembesar yang bergelar Megat Seri Rama ketika zaman Bendahara Padang Saujana itu. Kenyataan ini disinggung kerana ada yang menyatakan Laksamana Johor dalam tempoh itu ialah *Tun Abdul Jamil* beliaulah yang telah menundukkan Jambi di bawah Kerajaan Johor.⁶³ Kemudian, dan menurut Andaya *For the Laksamana's good results' he was awarded the title of Paduka.*⁶⁴ Dalam konteks ini 'Hikayat Johor serta Pahang' lebih dapat dipegang kebenarannya, iaitu Wan Deraman (Abdul Rahman) yang berpangkat Laksamana Johor, kemudian dinaikkan lagi pangkatnya menjadi Paduka Raja adalah watak yang hidup dalam tempoh pemerintahan Sultan Abdul Jalil (Marhum Kuala Pahang).

Ketiganya ialah peristiwa yang membawa terbunuhnya isteri Megat Seri Rama. Menurut *Tuhfat al-Nafis* ibu yang sedang hamil mengidamkan angka yang sedang dalam simpanan Penghulu Istana, angka tersebut disimpan sementara menanti Sultan Mahmud terjaga dari beradu,⁶⁵ kenyataan ini adalah sama seperti yang terdapat dalam sumber-sumber sejarah Siak.⁶⁶ Anihnya 'Hikayat Johor serta Pahang' membuat versi yang berbeza dengan menyatakan "... pada masa itu bininya [isteri Megat Seri Rama] tengah bunting, lepas Megat Seri Rama belayar itu, turun seorang dari darat membawa buah angka dipanggil oleh bini Megat Seri Rama." Oleh kerana yang memberikan angka itu tidak tahu nama perempuan yang mencukai seulas angka Baginda, lantas pemeriksaan telah dibuat dan akhirnya isteri Megat Seri Rama diperintahkan bunuh. Perbezaan cerita yang sebegini bukanlah ganjil dalam pensejarahan Melayu.

Keempatnya mengenai asal usul Raja Kecil dari Siak, *Tuhfat al-Nafis* menyebutkan gundik Sultan Mahmud itu bernama Encik Pong,⁶⁷ manakala manuskrip 'Hikayat Johor serta Pahang' ini menyebutkan nama Che' Mi. Namun begitu kedua-dua sumber ini memperakui wanita tersebut ialah anak Laksamana, sumber-sumber ini tetap memperakukan Panglima Bebas (Bibas) yang telah menyelamatkan anak kandung gundik Sultan Mahmud ini yang kemudiannya dikenali sebagai 'Raja Kecil', baginda kemudian berjaya merebut takhta Kerajaan Johor. Jika Raja Kecil ini lahir di saat Istana Johor bergolak (1699) bererti baginda baru berusia lebih kurang 18 tahun semasa menawan Johor dalam tahun 1717. Sebelum itu baginda ditabalkan menjadi Raja Negeri Siak di Sumatera. Kemunasabahan inilah yang menjadi tanda tanya.

Satu lagi kelainan yang terdapat dalam manuskrip 'Hikayat Johor serta Pahang' ialah salasilah Temenggung Abdul Rahman Johor. Penyusun hikayat ini nyatalah gagal mengetahui nama anak lelaki Temenggung Abdul Rahman, iaitu Wan Abdullah yang sepatutnya menjadi Temenggung

62 *Mengkaji Sejarah Trengganu*, Vol. 1 (Trengganu: Mansur Printing Press, 1966).

63 Buyang Adil, *Sejarah Johor*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1971) hlm. 79.

64 Andaya, 'The Kingdom of Johore,' hlm. 131.

65 *Tuhfat al-Nafis*, hlm. 33.

66 Andaya, *The Kingdom of Johore*.

67 *Tuhfat al-Nafis*, hlm. 13 dan 34.

tetapi kerana cacat akal, adiknya, iaitu Daing Ibrahim dipilih menjadi Temenggung Johor (1841-1862).

'Hikayat Johor serta Pahang' ini lebih banyak menekankan aspek Kerajaan Pahang. Fakta-fakta yang diberikannya merupakan satu sumbangan dalam rekod dan sumber peribumi, khususnya struktur politik Pahang secara ikhtisar.

Seperkara yang menarik hati dari hikayat ini ialah penceritaan tentang pembukaan Singapura. Sumber sejarah tertentu menyatakan orang-orang lautlah yang mula nampak kedatangan angkatan Stamford Raffles.⁶⁸ Tetapi Hikayat Johor lebih khusus dengan menyebut nama Encik Salleh sebagai orang yang ditanya oleh Raffles itu. Dalam satu buku teks sejarah sekolah di Singapura yang kontraversial sedikit waktu dulu dikatakan pula Raffles bertanya kepada sekumpulan nelayan mengenai kehadiran Belanda.⁶⁹ 'Hikayat Johor serta Pahang' ini dapat memetik dialog-dialog yang penting dari segi sejarah. Seterusnya juga mengenai tokoh-tokoh Johor yang telah membawa Tengku Hussein (Tengku Long) ke Singapura dalam tahun 1819 itu. Hikayat ini dan *Tuhfat al-Nafis* menunjukkan Ungku Yahya sebagai yang diutuskan ke Riau. Tujuannya ialah untuk berhubung dengan Cik Abu Putih di Riau bagi mempersilakan Tengku Hussein ke Singapura untuk ditabalkan sebagai Sultan. Tetapi menurut W.J. Read tokoh yang pergi mengadap Tengku Hussein itu ialah Raja Embong dan Encik Wan Abdullah.⁷⁰

Akhir sekali sudah pasti Hikayat Johor dan Pahang ini memberikan sumbangan keterangan sejarah mengenai istiadat bagi majlis kebesaran raja-raja seperti jenazah di Raja, aturan bertabal, protokol mengenai utusan. Peraturan-peraturan ini adalah satu 'tambahan' kepada pengetahuan selain dari mengikutnya dari buku *Istiadat Raja-raja Melayu* yang pernah ditulis oleh Syed Alwi Alhady.

Kesimpulannya di sini dapatlah dirumuskan Hikayat Johor serta Pahang adalah manuskrip yang dapat dipertahankan kebenaran sejarahnya. Paling tidaknya manuskrip ini memperlihatkan versi-versi dan kelainan fakta mengenai sejarah tanahair.

Syair Sultan Abu Bakar sebagai sumber sejarah

Menurut Prof. Ismail Hussein "walaupun teks ini rupa-rupanya ditulis di Pahang tetapi jelas ini adalah lanjutan dari tradisi Johor dan sedikit sebanyak tentu memancarkan semangat dan jiwa penghidupan sastera Melayu di Tanjung Puteri pada waktu itu."⁷¹ Betapa Syair Sultan Abu Bakar sebagai satu karya pensejarahan Melayu sukar sekali dinafikan. Walaupun ianya ditulis di awal abad ke-20 namun konsep pensejarahan Melayu jelas ditunjukkan iaitu dengan menjadikan "... *the rulers as the nucleus — their court*

68 Lihat *Singapore 150 Years*, MBRAS Reprint No. 1, 1973, hlm. 74—75.

69 Tan Suan Imm (ed.), *Nenek Moyang Kita Sebagai Peneroka*, Singapura, (n.d.). Lihat teks 'Hikayat Johor serta Pahang' nota bawah 67.

70 *Singapore 150 Years*, hlm. 76.

71 Ismail Hussein, "Dokumentasi: Syair Sultan Abu Bakar" *Dewan Bahasa*, Jil. 20, Bil. 5, Mei 1976, hlm. 307.

life filled with intrigues and romance; daring exploits and unquestioned loyalties of ministers and chieftain to these rulers and so on.⁷² Sehubungan dengan itu juga syair ini memperagakan keagungan Sultan Abu Bakar dan Sultan Ahmad. Syair ini telah menurunkan salasilah raja-raja itu secara panjang lebar, unsur-unsur pemodenan pensejarahan Melayu sudah kelihatan dalam syair ini. Kendatipun begitu memperagangkan raja-raja ini tetap sebagai objek utama syair ini selaras dengan semangat dan jiwa penghidupan masyarakat semasa. Malah beberapa karya terkemudian daripadanya tetap menunjukkan objek tersebut, seperti karya Datuk Haji Mohd. Said Sulaiman⁷³ iaitu *Hikayat Johor serta Tawarikh Sultan Abu Bakar Johor, Hikayat Johor dan Tawarikh Yang Maha Mulia Ibrahim Sultan Johor dan Permulaan hingga kedatangan Jepun*. Kedua-dua karya sejarah ini adalah diterbitkan di dekad keempat dan kelima abad ke-20. Bagi pengkaji-pengkaji sejarah Johor, Syair Sultan Abu Bakar ini merupakan satu dari sumber-sumber sejarah Johor dalam bentuk puisi.

Kesibukan Pelabuhan Johor Baharu dinyatakan 'Kapal nan masuk berganti-ganti kecil dan besar tiada berhenti, bermuat papan dan beluti, di tepi enjin kapal menanti.'

Pentadbiran Kerajaan Johor juga diceritakan dengan panjang lebar ini termasuklah sistem keselamatan negeri, proses pentadbiran undang-undang berasaskan Hukum Syariah. Lebih menarik lagi ialah syair dapat mensenaraikan nama kerabat Abu Bakar yang kebanyakannya sebagai birokrat Negeri Johor, dengan diberi anotasinya kita dapat menjelaskan lagi peranan-peranan mereka itu. Hampir keseluruhan pegawai-pegawai kanan Kerajaan Johor semasa Abu Bakar telah diulas akan sikap atau jawatan mereka, salah satu dari contohnya adalah seperti berikut:

Ungku Othman Muda yang pita
 Anakanda saudara Duli Mahkota
 Bijaksana jangan dikata
 Tambahan cermat tutur kata.
 Ilmu dituntut sudah ketahuan
 Pergi belajar ke Negeri England
 Memangku pekerjaan Yang Dipertuan
 Pesuruhjaya Pekerjaan Hutan.

Syair ini juga dapat membawa implikasi betapa Abu Bakar telah memilih orang-orangnya yang ada latar belakang pendidikan untuk menjadi Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri atau 'Majlis Negeri.' Mereka ini lebih masyhur dalam sebutan tempatan sebagai 'Ahli Johor.' Ahli Johor ini terdiri dari Kerabat Di Raja, pegawai kanan kerajaan dan Alim Ulama:

"Apatah lagi tulis-menulis
 Ketahui belaka Melayu Inggeris

⁷² Ami Junid, "An Appraisal of 'Kisah Pelayaran Abdullah ke Kelantan as an Historical work,'" *Peninjau Sejarah*, Vol. 11, No. 1, April 1967, hlm. 2.

⁷³ Lihat M.A. Fawzi Baari, "Peranan dan Sejarah Pakatan Bahass Johor" *Berita Minggu*, 26 Mac 1972.

Ada mengaji kitab dan hadis
Angka abjad diketahuannya habis.”

Sambutan Kerajaan Johor terhadap pelawat-pelawat luar negeri juga dapat digambarkan dengan baik dalam syair tersebut begitu juga dari segi protokolnya. Kebiasaannya Abu Bakar mengutuskan Datuk Menteri atau adindanya Ungku Majid untuk menyambut utusan terlebih dahulu dan kemudiannya mengiringi tetamu negeri itu mengadap Sultan.

Dalam soal perang saudara di Pahang, Syair ini tidak pula menceritakan sebab-musababnya, sekadar diberikan garis besar iaitu “Adik-beradik tidak setuju masing-masing berhati mutu.” Pengarang syair ini juga telah berusaha mendapatkan gambaran persediaan dari dua-dua pihak yang bermusuh, namun demikian persediaan Wan Ahmad nyata sekali tonjolnya, peranan Ungku Syed dan ‘Anaknya Tuan Embong’ di pihak Bendahara Tun Mutahir dan juga penglibatan Kerajaan Johor dalam konflik Istana Pahang ada juga diriwayatkan.

Suatu yang menarik dalam syair ini ialah alasan ketewasan Bendahara Tun Tahir dan juga gambaran perang saudara itu. Begitu juga tentang senarai pahlawan-pahlawan dari kedua-dua pihak. Apa yang jelas ialah ketewasan Bendahara Mutahir disebabkan oleh kezaliman anak-anak Bendahara itu seperti Ungku Aman yang telah membunuh Wan Embong anak Maharaja Perba Jelai (Tok Raja), iaitu salah seorang dari orang Besar Berempat Kerajaan Pahang. Tok Raja tidak bersetuju dengan tindakan Ungku Aman dan sikap Bendahara Mutahir dalam kes tersebut, Tok Raja kemudian meninggalkan pahang lalu membuat ikatan dengan rakan sejawatnya Tok Kaya Lipis. Mereka kemudian bersekutu dengan Wan Ahmad untuk menyerang Pahang.

Syair ini juga menjelaskan gambaran kedatangan dan keterlibatan Johor dalam sengketa politik Pahang ini. Johor telah menghantar bantuan angkatan perangnya termasuk *gunboat*, angkatan perang dari Johor itu diketahui oleh Raja Kechik iaitu bekas Residen Johor Baharu dan sepupunya Ungku Ahmad.⁷⁴ Ikatan kerabat dan cita-cita politik Johor telah mendorong Johor melibatkan diri dalam perang saudara di Pahang. Kerajaan Pahang memberikan sambutan hangat atas ketibaan angkatan Johor itu. Walau apa jua bantuan Johor namun Bendahara Tun Mutahir tewas juga, Syair Sultan Abu Bakar ini tidak menyorot sebab kekalahan yang lain tetapi Hikayat Pahang menjelaskan betapa rakyat dan Pahlawan Pahang kecewa dengan sikap bala tentera bantuan Kerajaan Johor mengacau isteri orang-orang Pahang itu dan mungkin terdedahnya niat Kerajaan Johor ... *virtually directed operations and claimed to own the country.*⁷⁵

Seperkara yang menarik ialah pemodenan angkatan bersenjata Johor itu sendiri seperti yang digambarkan dalam syair itu, yakni dari segi persenjataan dan pakaian.

74 Menurut sumber lain angkatan Johor ke Pahang pada tahun 1862 adalah diketahui oleh Ungku Ali dan Raja Kecil. Abu Bakar juga cuba dapatkan bantuan dari pahlawan handal dari Perak. Lihat Linehan, *History of Pahang*, hlm. 84.

75 *Ibid.*, hlm. 84.

“Adapun pakaian segala baris”
Pedang senapang tiada berkeris
Kisah menembak belajar habis*
Adat pakaian cara Inggeris.

Syair ini juga membariskan nama pahlawan Johor yang dihantar ke Pahang seperti [Mat Ali Khamis?] Panglima Awang dari Sungai Benut, Penghulu Deraman dari Pahang Luar, Encik Sopok atau lebih terkenal sebagai ‘Silawatang’ dan Pahlawan Hamid dari Batu Pahat.

Di sebelah pihak Bendahara Wan Ahmad pula kemenangannya lebih banyak bergantung kepada pengaruh dua orang besar yang berpaling tadah atas sebab-sebab tertentu iaitu Maharaja Purba dan Tok Kaya Lipis, mereka ini banyak pengaruhnya serta “banyak menaruh kaum dan suku.” Satu lagi sebab kejayaan Wan Ahmad ialah baginda mempunyai pahlawan handalan *Imam Perang Rasu*. Syair ini berjaya merakamkan gambaran puncak peperangan yang mencetuskan kemenangan Wan Ahmad.

Setelah selesai perang itu, Johor terus berusaha menyambungkan semula hubungan diplomatik dan kekerabatan. Datuk Menteri Besar Johor Jaafar Haji Mohamad diutuskan ke Pahang.

Adapun akan Wazir pilihan
Bijaksana lagi dermawan
Kerja yang sukar dengan kemudahan
Berdamailah sudah dua kerajaan.

Kejayaan utusan Johor ini menyebabkan Johor dan Pahang berbaik semula “muafakat baik bukan buatan.” Maharaja Abu Bakar sendiri melawat Pahang dalam tahun 1880. Menurut Thio sejak itu Sultan Ahmad sentiasa mendapat pandangan dan nasihat dari Maharaja Abu Bakar mengenai soal politik negeri, khususnya dasar perluasan kuasa British.⁷⁶ Teknik biasa dalam politik raja-raja Melayu dipakai terus oleh Sultan Abu Bakar iaitu “paduka anakandanya lalu ditunangkan”⁷⁷ Bagaimanapun majlis perkahwinan di raja itu terbantut kerana Tengku Mahmud jatuh gering.

Syair itu juga membawa gambaran bersama lawatan Abu Bakar ke beberapa buah negeri asing di barat dunia, sekembali dari lawatan inilah Sultan Abu Bakar bertambah uzur dan gering. Atas nasihat doktor, Sultan belayar ke London untuk berubat, akhirnya baginda mangkat di sana. Istiadat permakaman jenazah juga dirakamkan dalam syair ini.

Syair ini juga memberikan informasi keberangkatan Sultan Ahmad Pahang ke Kuala Kangsar bagi menghadiri persidangan Raja-raja Melayu atau ‘Durbar’ yang pertama di Kuala Kangsar. Sebelum pemergiannya itu Tengku Mahmud dilantik sebagai pemangku Raja dan juga digelarkan Tengku Besar, Tengku Ali digelar Tengku Muda. Lain-lain pegawai Sultan turut

76 E. Thio, *British Policy*, hlm. 56–58.

dinamakan dalam syair itu seperti Tuan Mandak, Encik Endut Imam Perang Mahkota, Abdul Halim, Encik Garuh dan Haji Mohamad Nor. Haji Andak Hakim Kerajaan Pahang, Panglima Dalam Syeikh Mohammad. Habib Mohamad Amir Mufti Kerajaan Pahang dan akhir sekali dinyatakan iaitu Panglima Garang Yusof digelar Imam Tawar bagi menggantikan tempat Indera Gajah Pahang.

Semasa meriwayatkan peristiwa di Durbar itu, Syair ini juga sempat memeriksakan senarai orang kenamaan Negeri Perak seperti Panglima Kinta Tuk Muda Wahab, Raja Chulan, Raja Mansur, Tun Sendika Raja dan Mat Salleh.

Di bahagian akhir syair ini diceritakan pula kisah istiadat perkahwinan di raja antara Tengku Besar Mahmud dengan Tengku Mariam setelah beberapa tahun ditangguhkan akibat Tengku Mahmud jatuh gering semasa hayat Sultan Abu Bakar dulu, istiadat itu berlangsung di Johor Baharu. Akhir sekali syair itu menyentuh tentang sepuluh orang putera-puteri Sultan Ahmad Pahang antaranya Tengku Long, Tengku Sulaiman yang dikatakan "mengaji sembahyang tiada berbeza, terlalu yakin di dalam dada," Tengku Yusof dan Tengku Omar.

Syair Sultan Abu Bakar ini mempunyai nilai-nilai sejarah yang ketara, walaupun pernyataan tentang tarikh-tarikh kurang diutamakan namun fakta-fakta peristiwa tersebut ternyata kebenarannya. Keadaan ini bertepatan dengan pengertian Barnes iaitu sejarah sebagai *the science of the reconstruction of past civilisation and of the genesis of our present day culture*.⁷⁸ Pemahaman beberapa fakta dalam syair ini dapat memberikan gambaran sejarah Johor dan Pahang secara langsung dan tidak langsung mengenai perkembangan politik Melayu dewasa itu.

Namun begitu syair ini bukanlah seni syair yang menarik tidaklah ada percubaan yang meyakinkan untuk meneroka penggunaan bahasa yang dinamik, atau untuk menjalinkan seni penceritaan yang memikat, malah terlalu banyak dikuasai oleh klise-klise yang amat biasa.⁷⁹ Walau apa jua keadaan, tidak dapat disangkal lagi syair ini adalah lebih penting sebagai bahan sejarah.

KESIMPULAN

Ketiga-tiga manuskrip ini adalah bahan sejarah yang tidak kurang pentingnya. Ketiga-tiga telah bertolak jauh dari tradisi pensejarahan Melayu dan sebaliknya menjadi dokumen sejarah yang dapat dipertahankan kebenarannya. Seterusnya terdapat unsur pengembangan darjah intelektualisma dalam masyarakat, *the ability to regard oneself as a passing phenomenon with both earlier and later connections; as merely part of a continuous but changing human processes in short to have a sense of history*.⁸⁰ Penulisan manuskrip

77 Lihat "Syair Sultan Abu Bakar, rangkap 614—657."

78 H.E. Barnes, *A History of Historical Writing*, (New York: Dover Publication inc., 1963) hlm. 392.

79 Ismail Hussein, Dokumentasi: Syair Sultan Abu Bakar, *Dewan Bahasa*, Jil. 20. Bil. 5, Mei 1976, hlm. 306.

80 J.C. Bottoms, "Malay Historical Works" dalam *Malaysian Historical Couces* diedit oleh K.G. Trengganu, Singapura, hlm. 38.

tersebut dalam tahun yang berbeza dapat memperlihatkan beberapa kelainannya. *Sense of History* yang wujud di dalam manuskrip ini menjadikan ketiga-tiga bahan sewajarnya diketengahkan sebagai satu dari beberapa bahan sejarah peribumi yang masih kurang didedahkan kepada masyarakat negara ini.

BAHAN RUJUKAN:

A. Manuskrip

1. Hikayat Johor
2. Salinan Surat Datuk Menteri Johor
3. Salinan Surat Maharaja Johor
4. Salinan Surat Titah Perintah
5. Lembaga Aturan Bagi Pemerintahan Majlis Raja, Majlis Istana dan Agama, Tahun 1920.

B. Buku dan Artikel

1. Andaya, L.Y., *The Kingdom of Johor: Economic and Political Development*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1975.
2. Buyung Adil, *Sejarah Johor*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1971.
3. Buyung Adil, *Sejarah Pahang*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1972.
4. Fawzi Basri, M.A., "Daerah Batu Pahat 1880—1917 satu kajian ringkas mengenai perkembangan pentadbiran daerah-daerah dalam Negeri Johor. *JEBAT* (Jurnal Persatuan Sejarah Universiti Kebangsaan Malaysia), Bil. 2 1971/73.
5. _____, "Apakah benar Sultan Abu Bakar Bapa Johor Moden," *Berita Minggu*, 20 Mac 1973.
6. _____, "Birokrasi Negeri Johor dan Elita Tradisionalnya" *Dewan Masyarakat*, Jil. XI, Bil. 5, 15 Mei 1973.
7. _____, "Datuk Bentara Luar: Peranannya dalam sejarah, Johor Moden," *Jurnal Sejarah*, E. Persatuan Sejarah Universiti Malaya), Jil. X, 1972.
8. _____, "Datuk Jaafar Haji Mohamad: Menteri Besar Johor yang pertama 1819—1919," *JEBAT*, Bil. 23 1972/73.
9. _____, "Datuk Sri Amar Di Raja: Penghalang cita-cita Inggeris menakluk Negeri Johor," *Malaysia in History*, Jil. XV. Bil. 2 1972.
10. _____, "Johor Negeri Melayu yang tidak pernah ditakluk oleh Inggeris," *Berita Minggu*, 12 Mac 1972.
11. _____, "Major Datuk Haji Mohd. Said bin Haji Sulaiman: Peranan dan karyanya dalam sejarah persuratan dan kesusasteraan Melayu Moden," *Humanisma* (Jurnal Persatuan Mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia), Bil. 1, 1972.
12. _____, *Sejarah Johor Moden 1855—1940 Satu Perbincangan dari Pelbagai Aspek* (Kuala Lumpur: Muzium Negara, 1978).
13. _____, "Peranan dan Sejarah Pakatan Bahasa Johor," *Berita Minggu*, 26 Mac 1972.

14. _____, "Sejarah Endau: Suatu komentar," *Mingguan Malaysia*, 25 Mac, 1 dan 9 April 1973.
15. _____, "Birokrasi Negeri Johor dan Elit Tradisionalnya," *Dewan Masyarakat*, Jil. X, Mei 1978.
16. _____, "Kisah Pelayaran ke Riau: Suatu Pengenalan dan Anotasi," *Dewan Bahasa*, Jil. 21, Bil. 9, September 1979.
17. _____, "Perkembangan Pendidikan Di Negeri Johor 1856-1938: Satu Kajian Ringkas," dalam Khoo Kay Kim & Fadzil Othman *Pendidikan Di Malaysia Dahulu dan Sekarang*, (Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, 1980), hal. 27—50.
18. Howard, Joseph, *Malay Manuscripts*, Kuala Lumpur University of Malaya Library, 1966.
19. Linehan W.A. History of Pahang, *MBRAS*, Reprint No. 2, 1973.
20. Mohd. Said Sulaiman, Major Datuk Haji, *Buku Teriti serta Pertambahannya*, Johor Baharu, 1940.
21. _____, *Hikayat Johor I dan Tawarikh almarhum Sultan Abu Bakar*, Johor Baharu: Jabatan Cetak Kerajaan, 1959.
22. _____, *Hikayat Johor II: Tawarikh Yang Maha Mulia Ibrahim Sultan Johor dari Permulaan Lingga Kedatangan Jepun*, Johor Baharu: Jabatan Cetak Kerajaan, 1951.
23. Mohd. Salleh Awang Haji, *Mengkaji Sejarah Trengganu*, Vol. I, Trengganu: Mansor Printing Press, 1966.
24. Musa Yusof, Lt. Kol. Haji, *Johor Baharu Seratus Tahun*, Johor Baharu: Jabatan Cetak Kerajaan, 1955.
25. Mubin Sheppard Tan Sri Datuk (ed.) *Singapore 150 Years*, *MBRAS, Reprints* No. 1.
26. Thio E., *British Policy In The Malay Peninsular*, Vol. 1, Singapore University of Malaya Press, 1969.
27. Tregonning, K.G. (ed.), *Malaysian Historical Sources*, Singapore.
28. Winstedt, R.O., "History of Johore 1365—1895," *JMBRAS*, X (3) 1932.

C. Dokumen Rasmi

1. *Straits Calendar and Directory*, 1873-1875.
2. *Singapore & Straits Directory*, 1883-1914.
3. *Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor*, 1895.

D. Tesis Yang Belum Diterbitkan

- FAWZI BASRI, "Johor 1855—1917: Perkembangan Dalam Pentadbirannya" (Tesis Sarjana Sastera, Jabatan Sejarah Universiti Malaya, 1982).

BAB DUA

KISAH PELAYARAN KE RIAU

Peringatan Engku¹ Haji dengan Datuk Bentara Johor² yang diperintahkan oleh Maharaja Johor³ pergi ke Riau dengan 'Segget' atau sekonar *Segget*⁴ Kapten Encik Abu Talib membawa surat daripadanya kepada Raja Ali Haji⁵ dan surat bertanya kepadanya dari aturan Melayu kata ahli-ahli

- 1 Engku juga dieja 'Ungku' ianya ialah gelaran berdasarkan status perkahwinan kerabat Di Raja Johor. Di kalangan anak-anak Raja terdapat gelaran Tengku atau Tunku iaitu gelaran bagi putera-puteri Sultan dan Tengku Mahkota. Gelaran Ungku pula diuntukkan kepada anak-anak Tengku yang beristerikan orang yang di bawah tarafnya. Ketiganya ialah gelaran Encik Wan ialah bagi anak-anak yang beristerikan orang yang di bawah tarafnya, juga gelaran bagi anak-anak Encik Wan yang beristerikan orang yang sama tarafnya. Akhirnya sekali ialah gelaran Wan bagi putera-puteri Encik Wan yang berkahwin dengan orang sama taraf atau tidak setaraf dengannya. Lihat *SSDM*, Datuk Menteri Johor kepada D.F.A. Harvey, Residen Konselor Melaka, 18 November 1889 dan juga *Court Circular*, Ranks status and mode of addressing anak-anak Raja of Johor (n.d.).
- 2 *Datuk Bentara* adalah satu jawatan yang diwujudkan oleh Abu Bakar Maharaja Johor selepas kematian Encik Long Menteri. *Datuk Bentara* diterjemahkan oleh penulis Inggeris di Singapura sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri, iaitu peranan *Datuk Bentara*. Terjemahan itu ada ketetapanannya dan terbukti dalam tahun 1883 di Johor terdapat Jawatan *Datuk Bentara* Dalam yang bertugas sebagai Setiausaha Kerajaan dan Penyimpan Mohor Kerajaan, juga terdapat gelaran *Datuk Bentara* Luar yang bertugas di Jabatan Tanah dan Pertanian Negeri. Kedua-dua *Datuk Bentara* Johor itu merupakan Pegawai Kanan di Sekretariat Kerajaan Johor. Dalam konteks Johor Modern, *Datuk Bentara* yang pertama seperti di dalam teks ini ialah Jaafar Haji Mohamad. Dilahirkan di Teluk Belanga Singapura dalam tahun 1838. Beliau tidak pernah mendapat didikan formal tetapi berjaya di dalam kerjanya melalui pergaulan dan pengalaman. Semasa berusia 16 tahun beliau mula berkhidmat dengan Kerajaan Johor yang pada ketika itu berpusat di Teluk Belanga. Dalam tahun 1856 beliau berjawatan Kerani Besar di Pejabat Menteri kepada Temenggung Johor yang kebetulan bapa saudaranya. Dengan kematian Encik Long Menteri kepada Temenggung itu pada 14 Januari 1863, Jaafar Mohamad merupakan satu-satunya Pegawai Tadris Kanan. Abu Bakar kemudiannya telah mencipta gelaran baru 'Datuk Bentara' yang mengetuai Ibu Pejabat Kerajaan Negeri Johor. *Datuk Bentara* Jaafar turut sama mengiringi Maharaja Abu Bakar melawat Eropah kali pertama. Hasil perkembangan perjawatan di Johor, Abu Bakar telah menghidupkan semula gelaran Menteri, kali ini disebut 'Datuk Menteri Besar' Johor. Jaafar Mohamad adalah Menteri Besar Johor yang pertama ada paling lama 1886—1919. Beliau meninggal dunia pada 16 Julai 1920. Butiran lanjut mengenai *Datuk Jaafar Mohamad DK., SPMJ, CMJ*. Sila lihat Othman Abd. Hamid, *Salasilah Tok Abdul Jabar bin Tok Othman*, Johor Baharu, 1967, Onn Jaafar (ed.) *Majalah Selamat Johor*, Singapura 1935 dan M.A. Fawzi Mohd. Basri, *Datuk Jaafar Haji Mohamad DK, SPMJ, CMG, Menteri Besar Johor* yang pertama, 1886—1919, *JEBAT* (Jurnal Persatuan Sejarah Universiti Kebangsaan Malaysia) Kuala Lumpur, 1973, hlm. 1—6.
- 3 Abu Bakar telah memecahkan tradisi Kesultanan Melayu dengan menggelarkan dirinya Maharaja Johor, bukannya Yamtuam atau Sultan. Gelaran Maharaja Johor ini diperkenalkan sekembalinya Abu Bakar dari lawatannya ke Eropah iaitu dalam tahun 1868. Abu Bakar yang dilahirkan di Teluk Belanga Singapura pada 3 Februari 1833, sebelum menjadi Temenggung Abu Bakar dikenali dengan nama Encik Wan Abu Bakar, kadangkala disebut juga Tun Abu Bakar. pada 1 Februari 1862 Abu Bakar telah menggantikan ayahandanya Temenggung Tun Ibrahim Sri Maharaja sebagai Temenggung Johor.
- 4 Sekonar bermaksud sejenis kapal layar yang bertiang dua, sekonar 'segget' adalah di antara kapal kepunyaan Maharaja Abu Bakar. Nama kapal ini diambil sempena nama sebatang sungai kecil di Johor Baharu.
- 5 Lihat T. Iskandar, 'Raja Ali Haji' *Dewan Bahasa* Jilid VIII, Bil. 2, Disember 1964, hlm. 533—540.

pelayaran yang tersebut bermula berlepas dari Johor Baharu kepada 24 hari bulan Zulhijjah hari Sabtu pukul tujuh sanat 1284 (dalam takwin G. Ford and Simmons (جينود عين سيمونس) hari Sabtu yang tersebut terkena 25 Zulhijjah bersamaan 18.4.1868 sampai ke Riau kepada hari Selasa pukul 11.27 haribulan Zulhijjah (dalam takwin yang tersebut hari Selasa ini 28 Zulhijjah) berlabuh di laut Penyengat⁶ adapun sebab lambat kerana salah angin dan arus maka berhenti di situ enam hari dari sampai dan hari bertolak balik dari Riau maka di dalam enam hari itu oleh berbagai-bagai hal tetapi kebanyakan daripada duduk membaca sejarah dan siarah Raja-raja Melayu dan bercakap-cakap akan hal dan peraturan dahulu kala.

Hari yang pertama iaitu pada Selasa (28 Zulhijjah 1284 takwin G. Ford and Simon 21.4.1968)

Pukul satu Ungku Haji dan Encik Wan Abdullah dan Datuk Bentara dan Encik Abu Talib naik ke darat ke rumah Raja Ali Haji menyampaikan suratnya, maka apakala habis dibacanya diajaknyalah pergi mengadap *Yamtuan*,⁷ maka pergilah semua bersama-sama dia lalu naik kembali yang di dalam kotanya ada sebentar Yamtuan pun berangkat kembali lalulah diberikan oleh Raja Ali Haji surat itu kepadanya. Maka disambut lalu dibacanya, apakala selesai ia daripada membacanya lalulah ia bertanya kepada Ungku Haji akan khabar Maharaja, maka jawab Ungku Haji khabar baik setelah itu bercakaplah akan hal Eropah dan London daripada kebesaran dan keramaian dan keindahan dan kesusahannya, kata Ungku Haji jikalau hendak melihat dunia ke sanalah dan lagi kata Ungku Haji pada zaman ini jikalau tidak di antara Johor Pahang dan Lingga Riau ber Dunia berdatang-datang daripada jalan bersahabat dan menghubungkan silatulahim dengan siapakah lagi dengan orang putih tiada terlawan pula kita. Maka tidak Yamtuan, kami ada berjanji dengan *Datuk Temenggung*⁸ hendak datang kepadanya apakala ia balik dari Eropah tetapi waktu ini belumlah boleh kerana Tuanku yakni Sultan Sulaiman ada bersemayam di Tanjung Pinang. Maka kata Ungku Haji tiadakah ia berangkat kemari jawabnya tidak melainkan hari raya sahaja kami pun tiada mengadap ke sana kerana ia bersemayam tiada dengan adat istiadat jikalau ia bersemayam di Lingga atau Penyengat bolehlah kita semua mengadap. Maka inilah halnya Raja kita kesusahan atas kita akan hal Raja yang demikian kerana duduk di situ dengan tiada apa pekerjaan meninggalkan negeri. Maka di antara itu keluarlah angkatan penganan,⁹ maka Datuk Bentara, Encik Abu Talib masuklah ke penangah mengadap Tengku Fatimah yang dipanggil Tengku Embung ialah isteri Yamtuan Muda, apakala sampai keduanya padanya

⁶ Laut Penyengat dimaksudkan sebagai kawasan Selat Riau, sekitar kawasan yang berhampiran dengan Pulau Penyengat dan Tanjung Pinang. Penyengat terletak di bahagian barat laut pulau Riau. Lihat Mohamad Anas, 'Geographical Notes,' hlm. 27.

⁷ Yamtuan di sini bermaksud 'Yamtuan Muda' Riau Raja Mohamad Yusof yang memerintah Negeri Riau dengan segala daerah takluknya. *Tuhfat al-Nafis*, hlm. 378.

⁸ Datuk Temenggung bermaksud Abu Bakar Maharaja Johor kerana pada tanggapan Kerajaan Riau, Abu Bakar sepatutnya bergelar Temenggung Sri Maharaja Johor.

⁹ *Kali-miah* atau disebut *juadah*.

lalulah ia bertanya khabar Maharaja dan paduka ninda-nindanya dan paduka ayahanda-ayahandanya iaitu kerabatnya yang di Selat, maka jawab keduanya semua khabar baik. Di antara itu dikurniakannya air kehwa¹⁰ (كهاوا) dan rendang pisang, setelah selesai daripada makan dan minum itu disembahkan oleh Datuk Bentara kepadanya, mengatakan Paduka ayahandanya Ungku Haji hendak berjumpa, maka titahnya suruhlah ia datang ke *selasar* maka keluarlah keduanya kembali. Maka Ungku Haji pun naiklah ke selasar berjumpa dengan Tengku Fatimah, maka apakala selesai di antara keduanya bercakap akan kaum kerabatnya yang di Selat¹¹ maka berkatalah Ungku Haji kepada Tengku Embung adapun 'Wak' ini hendak berpesan, hendaklah Tengku taat akan suami sifatkanlah dia itu atas tiga perkara, pertama laki (suami), kedua Tuan Penghulu, ketiga saudara; kerana laki itu tiada sekali-kali niatnya yang kejahatan atas isterinya pandailah membawa diri. Maka jawab Tengku Fatimah dia hendak membuat negeri asing pun sekerat adapun dia itu yakni Yamtuan, setelah itu keluarlah Ungku Haji dari situ lalulah ke rumah *Tengku Nong Kelana* di kampung Baharu dalam Penyengat jua bersama *Encik Wan Abdullah*¹² dan Datuk Bentara dan Encik Abu Talib, apabila sampai ke kanturnya diterimanyalah dengan hormatnya dan bersalam-salaman dan bercakap-cakap pula akan hal Eropah dan London. Setelah [itu] diberilah oleh Tengku Nong akan Ungku Haji sebilah keris panjang katanya jadi tanda pertemuan matā kita kerana oleh Ungku Haji telah bersahabat dengan dia pada waktu di *Makkah al-Musyarafah* [Mekah]. Maka malamnya pergilah Ungku Haji bersama-sama Tengku Nong santap di balai Yamtuan dan Datuk Bentara pun makan jua di sana. Adapun Encik Wan Abdullah dengan Encik Abu Talib turun ke sekonar (kapal), apakala selesailah Ungku Haji dan Tengku Nong santap Yamtuan pun datang maka bercakap-cakaplah pula darihal Eropah dan London, di antara itu datanglah Raja Ali dan seorang tuan Syed bernama [tidak dituliskan] ialah yang sudah berkahwin dengan binti Tengku Syarif yang di dalam *مندا* (manda) tetapi belum bersatu, perjanjian dia hendak belayar dahulu ke Jawa kira-kira setengah bulan dia balik lalu bersatu, maka malam ini turunlah ke sekoner.

Hari yang kedua iaitu 29 Zulhijjah 1284 (22.4.1868)

Ungku Haji dan Datuk Bentara naiklah ke rumah Raja Ali Haji lalulah berjumpa dia dan membaca sejarah dan siarah dan bercakap-cakaplah akan peraturan dahulu kala, maka kata Raja Ali Haji besok naiklah ke darat lalu ke kantar Tengku Nong, jawab Ungku Haji baiklah. Maka hari inilah Tuan Ahmad baharu naik ke darat dan mengadap Yamtuan dan tidur di darat dan Datuk Bentara malam ini tidur dan makan di rumah Orang Kaya Haji Ibrahim dan Ungku Haji berangkat turun ke sekoner.

10 Sejenis minuman yang dibuat hasil campuran tumbuhan atau bunga Pengertian Kekwa sila lihat *Kamus Dewan*, him. 514.

11 Selat dimaksudkan dengan Singapura di ketika itu. Sultan Hussein Syah yang dilantik menjadi Sultan Johor oleh Stamford Raffles disebut juga Yang Dipertuan Selat.

12 Andina Maharaja Abu Bakar, yang juga saudara sepupu Ungku Haji Mohamad bin Ungku Haji Abdullah Ketua Delegasi Kerajaan Johor yang melawat Riau.

Hari yang ketiga iaitu pada hari Khamis 30 Zulhijjah 1284 (22.4.1868)

Naiklah Ungku Haji dan Datuk Bentara ke kantur Tengku Nong membaca-baca akan sejarah dan siarah dan undang-undang dan aturan dan peredaran zaman-zaman yang telah lalu dan hal sekarang ini, maka malam Jumaat ini Ungku Haji dengan Datuk Bentara tidur di balai Yamtuan bersama-sama putera Yamtuan yang bernama Tengku Abdul Rahmah. Besok pagi kemudian daripada sembahyang subuh datanglah Encik Wan Abdullah, Encik Abu Talib dan Encik Rejab iparnya ke darat lalulah kita semua bersama-sama ziarah makam Habib Syeikh kemudian ke makam Marhum Raja Ali yang di Pertuan Muda Riau dan kubur Tengku Ampuan. Setelah itu lalulah turun.

Hari yang keempat iaitu pada hari Jumaat 1 Muharam 1285 (24.4.1868).

Apakala turun dari darat di sekoner pada niat kita semua naik sembahyang Jumaat tiba-tiba hujan pun lebat tiadalah jadi. Maka pada Jumaat inilah Tuan Syed [...] yang tersebut belayar dengan kapalnya ke Jawa, maka Raja Ali Haji dan anaknya yang bernama Raja [Hassan?] turunlah menghantarnya hingga ke kapal, kemudian dari situ singgahlah ketiganya itu ke sekoner, maka diterimalah dengan hormatnya serta minum air sirap ros dan melihat meriam. Maka apakala mereka itu hendak turun dari menjemput Ungku Haji dan Encik Wan Abdullah dan Datuk Bentara dan Encik Abu Talib naik bersama-sama kerana dia hendak berjumpa, maka apakala waktu pukul lima naiklah kita ke darat ke rumah Tengku Nong apakala lepas sembahyang maghrib makanlah di dalam sebuah sorongnya (سورونج) bersama-sama Tuan Ahmad serta Tengku Nong serta lima orang anak Raja-raja. Adapun Datuk Bentara dengan Encik Abu Talib dan Encik Ismail anak Orang Kaya Haji Ibrahim Riau pun makan di majlis itu jua pada hidang yang di bawahnya, apakala habis makan turunlah pula ke kantur Tengku Nong lalu bercakap-cakap akan hal Raja-raja zaman-zaman yang telah lalu dan yang zaman 170 tahun lebih yang telah lalu itu turunlah ke sekoner.

Hari yang kelima iaitu pada hari Sabtu 2 Muharam 1285 (25.4.1868).

Pagi-pagi datanglah surat daripada Raja Ali Haji memanggil Datuk Bentara naik maka naiklah dia seorang sahaja ke rumahnya lalulah bercakap-cakap dan membaca akan sejarah dan siarah Raja-raja Melayu dan Bugis dan zaman Johor Datuk Bendahara ini Datuk Bendahara Tun Habib jadi Sultan¹³ dan membaca undang-undang, serta ia berpesan kirim salam kepada Maharaja mengatakan yang dia hendak datang pada waktu ini tiadalah sempat kerana anak-anaknya tengah kesakitan demam *insya-Allah Taala* dalam sepuluh lima belas hari. Adalah ia berkirin surat minta ambil dan lagi katanya adapun Datuk Temenggung boleh jadi Raja berkuasa sen-

¹³ Penerimaan tentang kemangkatan Sultan Mahmud II dan perantikan Bendahara Tun Habib sebagai Sultan Johor sila lihat L. Y. Andaya, *The Kingdom of Johore*, hlm. 182 dst., R. J. Wilkinson, 'Mahmud II' dan Abdul Jalil III, 1685—1720 a.d. *JMBRAS* IX (i), 1931 hlm. 28—34 dan Raja Ali Haji. *Salasilah Melayu dan Bugis dan Sekalian Raja-rajanya*, hlm. 13 dan *Tuhfat al-Nafis*, hlm. 13—14.

diri kerana ada jalan tetapi nantilah aku datang ke Selat kelak boleh putus muafakat kita. Maka apakala Datuk Bentara turun dari sini lalulah ke kantur Tengku Nong hingga pukul tiga Ungku Haji pun naik pulak [pula], lalu berjumpa di situ dan duduk di situ hingga petang pergilah ke rumah Encik Maryam binti Mohamad Ali bapa saudara sebelah ibu kepada Datuk Bentara, makanlah Ungku Haji dengan Datuk Bentara di situ, kemudian dari situ lalulah ke rumah Tok Kaya Muda Ibrahim maka [di] berinya minum kehwa dengan susu dan penganan bertelur dan buah sahu Manila duduklah di situ hingga pukul sembilan. Maka turunlah dari situ lalu pula ke Balai Yamtuan [Muda] apakala sampai di situ Yamtuan sedang bersemayam maka duduklah bercakap-cakap. Maka Datuk Bentara masuk ke penangghah mengadap Tengku Embung maka dikurniakannya air kehwa waktu itu Encik Abdul Kadir anak saudara Encik Omar Lingga ada duduk mengadapnya kerana Tengku Embung hendak berkirim [batu] nisan (نيسان)¹⁴ bagi kubur Sultan Mahmud¹⁵ yang mangkat di Pahang kerana ia hendak belayar ke Kelantan. Kemudian kata Datuk Bentara Kebawah Duli Tengku Embung Ungku Haji hendak berjumpa maka titahnya suruhlah ia ke Selasar¹⁶ maka Datuk Bentara pun keluar ke balai Ungku Haji sedang berpanjang-panjang cakap dengan Yamtuan hingga jauh malam dari situ lalulah turun ke sekoner tiadalah sempat ia berjumpa Tengku Embung.

Hari yang keenam iaitu pada hari Ahad 3 Muharam 1285 (25.4.1868).

Pagi-pagi naiklah sekoci¹⁷ dari sekoner mengambil Tengku Abdul Rahman Putera Yang Dipertuan Muda Raja Mohamad Yusof dengan Tengku Fatimah Putera Almarhum Sultan Mahmud yang mangkat di Pahang kerana ia hendak melihat sekoner. Apakala ia sampai sekoner kemudian daripada melihat-lihat sekoner, lalulah santap nasik [nasi] bertiga dengan Ungku Haji dan Encik Wan Abdullah. Apakala selesai daripada santap maka Ungku Haji memberi akan dia sehelai kemili panas dan Datuk Bentara menyembahkan dia suatu teropong mata dua, kemudian Ungku Haji naiklah ke darat ke Penyengat bersama-sama Tengku Abdul Rahman dan Encik Lip naik jua dengan lain sekoci bersama-sama Encik Wan Abdullah dan Datuk Bentara tetapi yang Encik Abu Talib naik ke Penyengat dan Encik Wan Abdullah dengan Datuk Bentara naik ke Tanjung Pinang pergi mengadap Tuanku iaitu Sultan Sulaiman di rumah Tuan فتدوال. Maka apakala sampai keduanya duduklah di dalam suatu bilik tempat orang-orang mengadap, adapun Tuanku waktu itu di dalam bilik peraduannya menyurat,¹⁸ maka disembahkan oleh Tuan Chik iaitu daripada Syed peranakan Lingga mengatakan Paduka anakanda Encik Wan Abdullah dengan Bentara datang hendak mengadap, maka titahnya suruhlah ia duduk sebentar kami lagi hendak menyudahkan surat lagi sedikit ada sejeurus belum

14 Batu tanda pada kubur. Biasanya nisan itu diukir dengan nama-nama dan mempunyai bentuk yang seni.

15 Sultan Mahmud II.

16 Iaitu sambungan pada rumah ibu yang menganjur keluar.

17 Perahu kecil yang disimpan atas kapal sekoner itu.

18 Duduk menulis atau menyalin surat.

jua ia berangkat keluar, maka masuklah Encik Wan Abdullah ke dalam bilik peraduannya, maka ia pun berangkat keluar bersemayam di atas [kaus كوسج, Encik Wan Abdullah duduk bersila di atas kerusi, Tuan Chik itupun di atas kerusi jua. Adalah Sultan Sulaiman ini berdaulat tubuhnya dan molek misainya dan tiada berapa tinggi keadaannya dan berseri mukanya dan berboceng ulunya, waktu ini ada ia memakai sapu tangan dan berbaju berpesak¹⁹ cara Jawa daripada kain khas berseluar panjang. Maka ia bersemayam itu dengan ramah fupanya dan manis pandangan serta menyelang-nyelang, akan titahnya dengan tertawa-tawa, maka lapanglah rasa hati yang mengadap dia, maka adalah titah selama kami balik dari Betawi²⁰ duduklah berhenti di sini supaya beristirahat daripada tiada sedap badan kerana bertukar dengan hawa Betawi, maka sihatlah rasanya selama di sini badan gemuk, hendak pun kami duduk di Penyengat di situ terlalu lindung dan tiada dapat angin serta paya, di Penyengat itu terlalu busuk, tambahan selama kemarau ini pun menjadi kering di Penyengat kesusahannya air, hanyalah sekali sahaja raya hari kami ke sana, dan lagi titahnya kami pun sudah lama di sini hendak balik pula ke Lingga dan lagi titahnya adapun Riau ini jikalau habis Ladang Gambir ini kelak apalah jadinya kayu pun akan habis²¹ susah pada fikiran kami. Maka adalah dalam kira-kira sejam ia bersemayam di situ masuklah ia ke dalam bilik peraduan, sebentar keluarlah Tuan Chik membawak [membawa] dua helai sapu tangan batik Betawi kurnianya kepada Encik Liah [Alias?] Pahang di Johor, maka dipulangkan oleh Encik Wan Abdullah akan dua helai sapu tangan itu dipohonkan gantinya kain kerana dia tiada memakai sapu tangan, maka dikurniakannya dua helai kain batik lepas dan Datuk Bentara dikurniakannya kira-kira sehelai baju daripada kain batik jua setelah itu nasi persantapannya pun diangkat orangleh ke dalam bilik peraduannya, maka Encik Wan Abdullah pun mohonlah lalu keluar turun ke sekoci menuju ke Penyengat naik ke kantar Tengku Nong berjumpa Ungku Haji dan Encik Abu Talib, dari situ semuanya turunlah serta Raja Ali Haji ke sekoner dengan sekoci dan sampan-sampan mengikut jua apakala sampai ke sekoner, katanya inilah pesan aku kepada Datuk Temenggung pertama; bacalah sejarah dan siarah karangan aku dari hingga akhirnya dan perhatikan baik-baik. Kedua; yang aku dan Yamtuan suka akan Temenggung jadi Raja ada jalannya²² jikalau boleh biar Yamtuan Muda ini berangkat ke sana melantiknya adapun seperti Pahang boleh jua tetapi susah. Ketiga; hendaklah ingat akan Allah Tuhan Yang Maha Kuasa dan jangan takbur dan riak dan hendaklah beradab dan yang patut. Keempat; ambil

¹⁹ Kain yang dijahit pada bahagian ketiak bajunya.

²⁰ Betawi ialah ibu negeri Hindia Timur Belanda (Indonesia sekarang).

²¹ Maksudnya masa depan Riau yang terancam kerana bergantung pada ladang gambir yang memerlukan kawasan hutan yang luas untuk dijadikan kayu api bagi memasak gambir. Kebiasaannya sesebuah ladang gambir itu memerlukan kawasan hutan untuk dijadikan kayu api hampir sama luas dengan kawasan perkebunan gambir. Justeru itu kawasan gambir lada yang besar biasanya terdapat di tengah-tengah hutan.

²² Raja Ali Haji dan Yamtuan Muda suka menjadikan Temenggung sebagai Raja yang memerintah Johor kerana adanya amalan dan peraturan bagi berbuat demikian. Namun begitu Raja Ali Haji mahu mempertahankan ketertinggian martabat dan kuasa Kerajaan Riau dengan menyatakan Yamtuan Muda perlu berangkat ke Johor bagi melantik Abu Bakar dengan rasminya. Lihat bab pengenalan dan kaitannya pada nota bawah 9 dan 10.

hati segala orang-orang tua-tua dan kerabat dan penghulu-penghulu dan tiada mengapa pergi makan ke rumah orang kecil [kecil] yang patut kerana muslihat melainkan jika sombong nampaknya sebab kita makan di rumahnya maka yang demikian fikirlah. Kelima; seperti engkau semua yakni mengatakan Datuk Bentara dengan Encik Abu Talib hendaklah pandai-pandai mengambat [mengambil] hati orang supaya tertambat kasihnya pada Raja kita. Keenam; jikalau orang berkata orang suka senanglah pekerjaan kerana iaitu suatu daripada sebab yang mengharuskan mendirikan Raja. Ketujuh; cari jalan supaya Sultan Ali²³ suka akan maksud kita. Kedelapan; aku suka kita gelar akan dia [Temenggung] lain daripada nama Sultan atau Yang Dipertuan Johor atau Yang Dipertuan Muda tetapi nantilah aku fikirkan.

Kesembilan; aku sendiri akan berjumpa dia ke Selat²⁴ di dalam sepuluh lima belas hari ini bila-bila aku hendak datang adalah surat minta ambil dengan perahu kecil yang laju.

Maka apakala selesailah ia berpesan seperti yang tersebut disudahkannya dengan ia kirim salam kepada Maharaja, maka ia pun turunlah ke sampannya menuju ke penghujung maka sekoner pun mengangkat sauh iaitu pada pukul empat petang hari Ahad 3 haribulan Muharam sanan 1285 (26.4.1868) apakala sauh terangkat angin pun teduh arus surut maka berlabuh pula hingga malam kira-kira pukul ... [?] berlabuh pula dengan angin barat sepoi-sepoi arus surut, maka tatkala Encik Abu Talib terlelap matanya sebentar kemudian daripada sudah dikhabarkannya kepada jurumudi dan kelasi yang terjaga apakala sampai hingga patut berpaling [pal] ²⁵ فال hendaklah kejutkan dia, tiba-tiba oleh kelengahan mereka itu teraikhlah di tepi tumbu wangkang²⁶ yang mengadap ^{سكولى} dipimpin oleh arus iaitu pada pukul tiga setengah malam Isnin terkeringlah di situ sehingga siang, di belakangnya air dalam lima hasta di haluannya dalam tiga hasta senget ke sebelah kiri mengadap ke tengah tumbu itu tetapi tiadalah sakit sekoner ini, pertama sebab tiada arus hanyalah terhimpit kedua kebetulan ia masuk suatu halor [alor] hanyalah luannya [haluannya] lekat di celah balak maka turunlah kelasi mencuci lapisnya maka apakala air pasang angin timur menenggara (منكلا) pun bertiuplah dengan kencangnya sampai pukul dua belas diputarlah dua tali cemeti (چمت) dari belakangnya kerana

- 23 Dalam tahun 1855 Sultan Ali menguasai Kesang di Muar dan baginda telah menyerahkan seluruh tanah Johor yang lainnya kepada Temenggung Johor Daing Ibrahim. Sultan Ali Kesang menghadapi masalah hutang. Untuk memenuhi kehendak Riau itu bukanlah suatu yang sukar bagi Temenggung Abu Bakar kerana Abu Bakar mempunyai sumber jua kewangan yang kukuh. Lagipun Abu Bakar sedar Sultan Ali sudah tidak mempunyai hak ke atas Johor melalui Perjanjian Tahun 1855. Abu Bakar telah ditabalkan sebagai Maharaja Johor dalam tahun 1868 juga. Sultan Ali diangkat di Melaka pada 23 Jun 1877 dan meninggalkan Kesang kucar-kacir kerana baginda melantik putera bongsunya Tengku Mahmud sebagai pengganti bukannya Tengku Alam putera sulungnya. Abu Bakar akhirnya berjaya mendapat sokongan pembesar dan penghulu-penghulu di kawasan Kesang dan mengakui taat setia pada Kerajaan Johor dan lantas memilih Abu Bakar sebagai Raja mereka. Perang saudara di Muar itu turut diakhirkkan dengan persetujuan Abu Bakar memberi pencen tahunan kepada kerabat Sultan Ali, tidak timbul lagi soal tuntutan takhta Johor dari keturunan Sultan Ali selepas itu. Lihat R.J. Wilkinson, *Paper On Malay Subjects*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1971, him. 72-73.
- 24 'Selat' ialah nama lain bagi Singapura, misalnya Sultan Hussein lebih dikenali dengan 'Yang Dipertuan Selat.' Lihat *Tuhfat al-Nafis*, him. 297.
- 25 Maksud mengubah haluan atau membeluk kapal tersebut.

sebelah belakangnya dalam lepas ke laut maka selepaslah selamatnya suatu pun tiada bocor waktu itu air petak tiada air baharu masuk. Maka diselesaikanlah sekali sauh-sauh pendarat dan tali-temalnya dan ditariklah layar dan dinaikkanlah kedua buah sekoci setelah siap lalulah belayar, maka apakala sampai Lubam (لوريم) turunlah ribut barat daya yang keras serta gelap iaitu waktu pukul satu, maka berlabuhlah pula maka besoknya pagi-pagi hari Selasa pukul lima berlepaslah dari situ, maka sampailah ke perlabuhan [Pelabuhan] Johor Baharu pukul enam petang hari itu juga dengan selamatnya.

Wassalam-intaha.

Ini fasal pada menyatakan beberapa peringatan di dalam pelayaran ini

Pertama; ada membawa tiga pucuk surat dari Riau sepucuk kepada Maharaja dan sepucuk kepada Imam Haji Abdul Rahman²⁷ dan sepucuk kepada Haji Katijah. Kedua; ada membawa satu bakul buah sahu Manila yang tumbuh di Tanjung Pinang daripada Datuk Kaya Haji Ibrahim [untuk di] persembahkan [kepada] Yang Mulia [Temenggung], maka busuk-busuk hingga tinggal sedikit. Ketiga; darihal Tuan Haji Mohamad dengan pekerjaan mencari Kam Sook Koy (كم سوق كوي) yang telah jatuh berniaga di Singapura lebih kurang \$58,000 ringgit yang telah lari ke dalam perintah Riau itu. Bermula petang Khamis ia datang ke sekoner di pelabuhan Riau dia membawa surat daripada Konsul Belanda kepada Residen Riau, kemudian pada hari Jumaat datang pula ia mengatakan dia hendak pulang ke Terung membawa surat daripada Yamtuan supaya menangkap Cina itu di Pulau Terung atau di Ungar. Maka hari itu juga sudah tulis surat maklumkan ke bawah kaus Ungku Aman daripada Datuk Bentara dan sepucuk surat ke bawah kaus dia jua daripada Ungku Haji menyatakan pelayaran kita sudah sampai ke Riau dan menyatakan hal hendak balik. Keempat; Ungku Haji menyuruh Tuan Haji Mohamad memohon keris pada Yamtuan akan membuat zaman maka dikurniakannya sebilah keris Alang yang tua yang disebut *Raja Sembahyang*. Kelima; kota batu Yamtuan itu baharu sudah dan parit-parit belum sudah dikerjakan dan lagi ada sebuah rumah besar di hadapan kotanya ditempatkan balai lama daripada batu atap timah cukup dengan dapurnya, titah Yamtuan, rumah itu akan [dijadikan] tempat bicara dan sekolah dan tempat orang-orang yang patut apakala datang ke Riau. Keenam; adapun banyak kelasi sekoner ke Riau 20 atau 10 dariapdanya anak buah sekoner *orang kerah* (كواه) dan 5 daripada orang sekoci seri (سيري) dan 5 daripadanya ialah kelasinya sendiri. Ketujuh; Tuan Ahmad dan Mohamad Nor dipegangkan oleh Yamtuan Muda di Riau kerana hendak *مفاجع* dan membaru-barukan Ilmu Tarekatnya, maka akan dihantarnya pada Jumaat hadapan ini wallah-hu Alam. Kedelapan; apa-apa perkara yang

26 'Tumbu wangkang' bermaksud kawasan batu karang yang besar dan menghalang perjalanan kapal (Terumbu Batu Karang).

27 Imam Haji Abdul Rahman Zainuddin dalam tahun 1895 dilantik menjadi Datuk Kadi yang pertama dan turut menandatangani Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895, seterusnya atas perkenan Sultan Abu Bakar beliau dilantik menjadi Ahli Jemaah Menteri Kerajaan Johor. Lihat Daftar *Ahli-ahli Mesyuarat Kerajaan*. Sebelum itu Haji Abdul Rahman telah pun menjadi Ahli Mesyuarat Kerajaan, beliau kemudian dikurniakan bintang kebesaran Johor Datuk Paduka Mahkota Johor (DPMJ).

dikehendaki oleh Maharaja seperti aturan dan nama-nama dan sejarah adalah seperti peringatan Ungku Haji dengan Datuk Bentara yang ada bersama-sama surat ini. Kesembilan; adapun lamanya sekoner ke Riau ini daripada berlepas dari Johor Baharu²⁸ sampai hari sampainya ke Johor Baharu iaitu 11 hari berlepasnya pagi Sabtu kembalinya petang hari Selasa 5 hari Muharam 1285 (23.4.1868).

Pada waktu pagi pergi tiga hari tiga malam baru sampai kerana salah arus dan angin. Pada waktu baliknya dua malam dan dua siang dan duduk di Riau lima hari lima malam lebih kurang, kerana belum khusus dinyatakan oleh Raja Haji daripada segala maksud.

Intaha

Bahawa inilah peringatan Ungku Haji Mohamad dengan Datuk Bentara Johor setengah daripada barang yang dikehendaki oleh Maharaja Johor daripada barang yang bergantung dengan kerajaan, daripada gelaran dan pekerjaannya dan kebesarannya seperti bendera dan sambut[an] dengan meriam dan erti daripada tempat bicara seperti balai dan erti daripada bahasa yang didapati oleh keduanya di dalam Riau daripada seorang Raja yang tua lagi berilmu iaitu Raja Ali Haji, beberapa fasal seperti tersebut di bawah ini.

Dan ada jua daripada Orang Kaya Muda Riau iaitu Haji Ibrahim darihal bendera-bendera.

Intaha

Fasal Yang Pertama

1. Adapun Sultan Lingga dipanggil Yang Dipertuan Besar dan bakalnya dipanggil Tengku Besar adapun pada zaman purbakala dipanggil Raja Muda.²⁹
2. Adapun Yang Di Pertuan Muda Riau bakalnya dipanggil kelana.
3. Adapun Bendahara pada zaman purbakala bakalnya dipanggil Sri Paduka Tuan.
4. Adapun Temenggung bakalnya dipanggil *Wan Ungku*.³⁰
5. Adapun pangkat Indera bangsa itu ia boleh menggantikan Bendahara dan Temenggung dan lagi beberapa nama dan gelaran seperti Sri Nara Di Raja dan Sri Amar Perbangsa dan Sri Maharaja dan Sri Paduka Raja dan Penghulu dan Paduka Maharaja Bendahari dan Paduka Maharaja

28 Johor Baharu pada ketika itu sedang membangun sebagai ibu negeri Johor yang baru sebelum itu pejabat Kerajaan Johor terletak di tanah Temenggung di Teluk Belanga Singapura. Pengesahan Temenggung Ibrahim dengan pihak berkuasa Singapura telah mempercepatkan perpindahan Tanjung Puteri, nama itu kemudiannya dinamakan Iskandar Puteri dalam tahun 1866 pula dirasmikan bandar itu 'Johor Baharu. Bagaimanapun tanah besar Johor ini pada hakikatnya ditadbir oleh Ungku Abdul Rahman (Wakil Mutlak Maharaja) dan mulai 1855 kawasan Johor Baharu diberi taraf Residen dengan Raja Ahmad sebagai Residennya. Keseluruhan kerabat Abu Bakar di Teluk Belanga berpindah ke Johor Baharu dalam tahun 1889, bagi menggalakkan pengikutnya berhijrah sama Kerajaan Johor telah memberi tanah percuma kepada rakyatnya di kawasan antara bandar Johor Baharu dengan Skudai. Lihat R. Emerson, *Malaysia*, hlm. 202. Haji Musa Yusof, *Johor Baharu Seratus Tahun*, Johor Baharu, 1955.

29 Gelaran Raja Muda ini digunakan semula oleh Johor dan diperuntukkan dalam *Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor*, manakala Tengku Besar diubah kepada Tengku Mahkota yang kedudukannya lebih tinggi dari Raja Muda sebagai waris ketiga takhta Johor menurut urutan pengantiannya.

30 Abu Bakar semasa dilantik sebagai 'Bakal Raja Temenggung' dipanggil dengan gelaran Wan Ungku Abu Bakar.

maka semuanya yang tersebut itu daripada bangsa Raja. Adapun Mangku Bumi pangkatnya pada zaman seperti pangkat Yang Dipertuan pada zaman Riau itu.

Fasal Yang Kedua Darihal Bendera-bendera.³¹

1. Yang Di Pertuan Besar putih sahaja.
2. Tengku Besar kuning saja.
3. Raja Muda pada adat istiadat purbakala kuning sahaja.
4. Yamtuan Muda Raja Jaafar memulakan memakai bendera kuning tepi hijau supaya berbeza dengan Bendera Tengku Besar.
5. Bendahara, hitam sahaja.
6. Temenggung, fajar menyinsing iaitu hitam tepi putih.
7. Kelana bakal Yamtuan Muda, hijau tepi kuning.
8. Anak Raja-raja yang berempat seperti Putera Yang Dipertuan Besar dan Yang Dipertuan Muda Temenggung [dan juga] Bendahara hitam sahaja tertentu dipakai pada tiang tupang sahaja.
9. Laksamana, merah, tetapi adapun zaman Laksamana Hang Tuah lain warnanya.
10. Syahbandar Riau, merpati sekawan tetapi kata Raja Ali Haji merah tepi kuning.
11. Orang Kaya Muda Haji Ibrahim Riau, merah tepi hitam.

Fasal Yang Ketiga Darihal Nama Bendera dan Aturnya

1. Ula-ula (اولاولا) iaitu bendera yang panjang maknanya cemeti pada laut.
2. Adapun bendera tetunggul itu dua macam pertama kapak namanya kedua (فربودنگلو) namanya. Adapun kapak itu lebih sedikit daripada empat persegi adapun فربودنگلو itu pun demikian jua tetapi bercabang hujungnya maka diperbuat akan keduanya itu dan ula-ula dengan mengikut warna daripada bendera masing-masing seperti Yang Dipertuan Besar Putih dan Bendahara dan lain-lainnya.

Bermula Yang Dipertuan Besar apakala berangkat dengan tiada cukup kelengkapannya, maka memakai ia bendera kapak dan ula-ula agung tupang aturnya kapak di atas, ula-ula di bawahnya. Maka jikalau ia berangkat dengan kelengkapannya maka memakai ia bendera kapak sahaja di tiang belakang dan benderanya buritan kenaikannya.

Tetapi kata Ungku Raja Ali Haji jikalau Yang Dipertuan Besar berangkat dengan kelengkapan memakai ia فربودنگلو dan ula-ula topang dan benderanya di tiang agung jikalau tiada dengan kelengkapan فربودنگلو dan ula-ula topang adapun Yamtuan Muda dan Temenggung Bendahara boleh memakai فربودنگلو agung tupang dan bendera masing-masing diburitan kenaikan masing-masing.

Fasal Yang Keempat, Darihal Kebesaran Sambut Dengan Meriam Sultan 16 pucuk, Yamtuan Muda 7 pucuk, Bendahara 7 pucuk [dan]

31 Lihat nota bawah 45 dalam bab pengenalan sebelum ini.

Temenggung 7 pucuk.

Darihal sambut Belanda pada zaman ini Yang Dipertuan Besar Lingga 13 pucuk, Yamtuan Muda 11 pucuk, adapun pada zaman marhum Bukit Chengkeh 21 pucuk.

Fasal Yang Kelima Menyatakan Bangsa-bangsa Yang Boleh Naik Kepada Pangkat-pangkat

Bermula Penghulu Bendahari iaitu daripada bangsa Tun-Tun (تن-تن) tetapi pada zaman Singapura orang kebanyakan jadi Penghulu Bendahari yang bernama Sang Arjuna yang mati di Beras Basah. Laksamana pada zaman Johor daripada anak Raja Bugis oleh pada zaman Lingga Sultan Mohamad, Encik Ismail Bugis jadi Laksamana.

Syahbandar³² daripada orang kebanyakan.

Bentara³³ demikian jua.

Panglima Perang³⁴ demikian jua.

Fasal Yang Keenam Darihal Bicara atau Mahkamah

Bagi Yang Dipertuan Besar dipanggil

Bagi Yang Dipertuan Muda dan Temenggung [dan] Bendahara dipanggil. Balai Penghadapan.

Bagi anak Raja-raja dipanggil balai sahaja.

Fasal Yang Ketujuh Menyatakan Raja-raja Yang Ada pada Suatu Zaman

Adapun zaman Sultan Abdul Rahman Kerajaan di Lingga maka Yang Dipertuan Muda Raja Jaafar jadi Yamtuan Muda Riau. Dan Sultan Hussein di Singapura ialah yang telah dilantik oleh Temenggung Abdul Rahman dengan Inggeris di Singapura. Dan Temenggung Abdul Rahman di Singapura dilantik oleh Yamtuan Muda Jaafar di dalam Lingga sehari dengan marhum Sultan Mahmud mangkat tetapi ditabalkan dia di Pulau Penyengat. Dan Bendahara Tun Ali jadi Bendahara di Pahang ialah dilantik oleh marhum Sultan Mahmud di dalam Penyengat.

Fasal Yang Kedelapan Darihal Tempat Mesyuarat dan Nama Ahli Mesyuarat³⁵

Katanya tiadalah ia dapat dalam bahasa Melayu tetapi pada fikirannya

32 Jawatan ini dipakai dalam Kerajaan Johor moden dan jawatan Syahbandar diadakan di Jabatan Laut Johor Baharu dan Pelabuhan Muar juga Batu Pahat. Lihat *SSD*, 1886—1900, passim.

33 Jawatan Bentara di Johor telah diubahsuakan dengan kaedah birokrasi moden. Lihat keterangan ringkas mengenainya dalam bab pengenalan.

34 Datuk Bentara Luar Mohd. Salleh Perang, Menteri yang menjaga hal-ehwal tanah dan pertanian Johor (1883—1915) adalah keturunan Panglima Perang Johor yang turut berhijrah dari Riau ke Teluk Belanga bersama Temenggung Abdul Rahman dalam tahun 1809. Bagaimanapun Mohd. Salleh Perang tidak pula mewarisi gelaran itu sebaliknya memulakan perkhidmatannya selaku kerani di Sekretariat Negeri di Teluk Belanga, kemudian Kerani Besar di Pejabat Residen Iskandar Puteri sebelum dilantik menjadi Pesuruhjaya Besar di Pejabat Residen Iskandar Puteri sebelum dilantik menjadi Pesuruhjaya Besar Polis Johor. Lihat Mohamad Haji Alias, *Tarikh Datuk Bentara Luar, Johor Baharu*, 1928.

35 Dipercaiyai dalam tahun 1868 telah pun tertubuhnya Mesyuarat Kerajaan (*Council of State*) di Johor tetapi rekod yang pertama ditemui ialah lima tahun setelah Abu Bakar dilantik sebagai Maharaja Johor. Iaitu *Straits Calendar Directory*, 1873. Perubahan hanya ketara melalui pengisytiharan Undang-undang Kerajaan Johor 1895.

nama cara Arab terlebih manis dan mulia kerana bahasa Islam adalah guna dipakai bahasa lain meskipun bahasa Sanskrit yang asal Melayu itu.

Adapun makna Maharaja itu ialah Raja besar seperti Sultan yang ada beberapa raja-raja yang di bawah takluknya.

Adapun makna Sri Maharaja seperti Temenggung Sri Maharaja adapun Srinya itu ialah bagi Temenggung adapun Maharaja itu ialah rajanya.

Adapun makna seriwa (سرىو) Raja seperti Bendahara Seriwa Raja adapun Seriwanya itu ialah bagi Bendahara maknanya tangan kanan Raja iaitu bahasa Sanskrit adapun Raja ialah Rajanya seperti Maharaja.

Fasal Yang Kesembilan Darihil Pekerjaan Masing-masing Pangkat

Seperti Temenggung Bendahara dan Mangku Bumi dan Laksamana dan lain-lainnya bolehlah dilihat di dalam Undang-undang pada zaman Sultan Abdul Ghafar Mahyuddin Syah, pada zaman kerajaannya di Pahang Darussalam yang ada bersama-sama surat peringatan ini tetapi di dalam Undang-undang ini tiadalah di bilang-bilang ini hanyalah dinyatakan dengan sedikit sahaja daripada jumlah pekerjaan mereka itu maka kiaskanlah daripadanya.

Fasal Yang Kesepuluh

Darihil sejarah dan siarah Raja-raja Melayu dan sebab bermasukkan⁶ dengan Bugis-bugis, iaitu Upu-upu yang berlima bersaudara bolehlah dilihat di dalam sejarah dan siarah karangan Raja Ali Haji bersama-sama surat peringatan ini yang diambil daripada beberapa sejarah, maka pesannya hendaklah dengan hormat membaca dia daripada awal hingga akhir.

Fasal Yang Kesebelas

Adalah sebuah kitab yang mentafsir karangan Raja Ali Haji yang diambilnya daripada kitab syarak Islam dan adat maka dinamainya akan dia:

شجرة المهدي ضيافت للامراء والكبرلاءهل المنحكه

yakni buah-buahan yang dicita-cita hal keadaannya jadi jamuan bagi raja-raja dan bagi orang besar-besar yang mempunyai pekerjaan di dalam tempat berhukum. Maka diaturnya akan dia satu mukadimah dan tiga bab di dalam beberapa fasal dan satu khatimah intaha. Maka adalah kitab yang tersebut bersama-sama surat ini intaha.

Mukadimah yakni pendahuluan

Pada menyatakan kelebihan ilmu dan kebinasaa Jahil

Bab yang pertama:

Pada yang menyatakan mendirikan raja dan menteri dan menjadikan

6 'Bermasuk-masukkan' bermaksud bercampur aduk, Sejarah Kerajaan Johor yang dipimpin oleh orang Melayu sahaja telah berakhir dengan campur tangan kuasa Bugis dengan menyingkirkan kuasa Raja Kecil Siak dari Johor. Sejak itu keturunan Upu Berlima Bugis itu menjadi Yamtuan Muda Johor yang merupakan pemerintah Johor yang sebenarnya, manakah Yang Dipertuan Besar disifatkan oleh Bugis sebagai 'ayam betina' sahaja. Keterangan lanjut mengenai kaedah termasuk-masukkan ini dapat diikuti dari L.Y. Andaya, *Kingdom of Johore 1941—1728*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1975, hlm. 277—323. *Tuhfat al-Nafis*, hlm. 18—100. Raja Ali Haji, *Salsilah Melayu dan Bugis dan Sekalian Raja-rajanju*, Johor Baharu, 1956, hlm. 17—19.

segala orang besar-besar yang memegang akan jabatan kerajaan dan menyatakan pula yang diharuskan pada syarak dan pada adat menurutkan dia daripada pangkat dan melepaskan dia daripada jabatannya di dalam tiga fasal.

Bab yang kedua:

Pada menyatakan tertib kerajaan dan aturan pada mesyuarat dan hukumnya iaitu beberapa fasal.³⁷

Bab yang ketiga

Pada menyatakan barang yang tiada dapat tiada daripada raja-raja dan orang besar-besar memelihara dia iaitu tiga perkara pertama memelihara roh yakni nyawa, kedua memelihara badan atau jasad, ketiga memelihara nama.

Khatimah

Pada menyatakan barang yang jadi cacat dan cedera pada raja-raja dan kepada orang besar-besar daripada sifat yang kecelaan yang di dalam hati atau lain yang jadi mendatangkan kepada dirinya mudarat yang besar atau kepada lain maka iaitu amat banyak, akan tetapi pada kitab ini tiada habis disebutkan kerana yang disebutkan di sini yang mudarat kepada dirinya terkadang membawa kepada lainnya.

Intaha

Maka di dalam kitab tersebut banyaklah daripada yang seakan-akan dengan maksud maharaja haruslah dimatlamatkan dia daripada awal hingga akhirnya.

Fasal yang kedua belas

Pada menyatakan surat-surat yang dapat dipinjam dari Riau seperti yang tersebut di bawah ini:-

Pertama sejarah Bugis ialah daripada Raja Ali Haji pesanannya apakala habis dibaca pulangkan kepada Ungku Lebar isteri Ungku Aman.

Kedua sejarah dan sjarah Melayu dan Bugis karangan Ungku Raja Ali Haji maka iaitu belum tersalin dengan khat yang molek inilah naskhah awal karangannya.

Ketiga kitab syamaratul al-mihmah jua iaitu belum beberapa absah³⁸ ialah diminta kepada Tengku Nong Kelana Maja ia berjanji akan memberi suatu naskhah asal tetapi pada yang ada ini bolehlah jua dilihat.

Keempat kitab syamaratul al-mihmah jua iaitu naskhah awal yang dikarang oleh Raja Ali Haji.

Kelima Undang-undang buruk pada zaman Sultan Abdul Ghafar Mahyuddin Syah Kerajaan di Negeri Pahang dipinjam daripada Tengku Nong Kelana.

Keenam suatu kitab kanun dan adat diatur pada zaman Sultan Sulaiman adat di antara Yang Dipertuan Muda dengan Datuk Bendahara dan Yang Dipertuan Besar ialah dipinjam daripada Tengku Nong Kelana.

37 Dipercayai peraturan ini menjadi asas terbentuknya *Mesyuarat Kerajaan (Council) of State*.

38 'Absah' bermaksud lebih sah lagi.

Ketujuh setengah daripada Bahasa Melayu dan ertinya karangan dan daripada Raja Ali Haji.

Fasal yang ketiga belas

Pada menyatakan beberapa pertanyaan yang dikarang oleh Ungku Raja Ali Haji serta akan disediakan jawabnya kemudian akan dibawahnya bersama-sama dia datang berjumpa Maharaja.³⁹

Pertama

Bagaimana jalan-jalan Yang Dipertuan Sultan Hussein menjadi Raja dan Temenggung menyertai pekerjaannya ke Singapura itu.

Kedua

Bagaimana peraturan Johor maka jadi tertentu di bawah pemerintahan Kerajaan Sultan Hussein kerana putera Sultan Mahmud berdua orang.

Ketiga

Apa sebab Sultan Hussein waktu sudah mangkat Temenggung Abdul Rahman maka tiada lekas anaknya atau lainnya menjadi Temenggung apa kecederaan akhirnya tidak segera mengangkat itu.⁴⁰

Keempat

Apa sebab jadi terserah Negeri Singapura kepada government Inggeris.

Kelima

Pekerjaan Tengku Ali menjadi raja bergelar Sultan siapa mengangkat dan menzahirkan dan adakah sudah surat-surat angkatnya itu dikirimkan oleh Kompeni Inggeris kepada mana-mana negeri Melayu atau tiadakah.

Keenam

Dan naik pula bangsa Temenggung menjadi Raja Johor atau tiada, dan jika tiada boleh apa sebabnya, dan jika boleh apa jalannya dan bagaimana aturannya.

Ketujuh

Jika menjadi raja bangsa Temenggung apalah yang patut gelarannya.

Peringatan darihal Raja Ali dan Tengku Long, putera Yamtuan Mohamad Yusof, datang dari Riau ke Teluk Belanga dan balik ke Riau.

14 hari Muharam 1285 (7.5.1868) Raja Ali dan anaknya Raja Hassan dan Raja Sulaiman putera Marhum Rashid dan Tengku Long putera Yamtuan Yusof sampai ke Teluk Belanga. 17 Muharam Raja Ali Haji dan Raja Hassan

³⁹ Raja Ali Haji telah menuliskan semua pertanyaan mengenai pemerintahan dan kedudukan Abu Bakar sebagai pemerintah Johor, kemudian dituliskan jawapannya untuk dibawa semasa beliau pergi ke Johor kemudian nanti.

⁴⁰ Fasal ini amat penting dan tidak dapat diketahui sehingga kini, *Hikayat Johor I* pernah menyebutkan bagaimana Temenggung Ibrahim anak saudara Abdul Rahman dilantik 'adalah yang sepatutnya dilantik jadi ganti iaitu Daing Abdullah putera sulung kepada almarhum itu tetapi yang menjadikan عروض baginya oleh sebab hilang akal adanya, hlm. 3.

sahaja bersama-sama Ungku Haji Mohamad Ribut dan Datuk Bentara ke Johor Baharu duduk di dalam Johor Baharu dua hari dua malam dan berjumpa dengan Ungku Abdullah baharu datang dari berburu. 19 Muharam kembali semuanya ke Teluk Belanga.

23 Muharam Raja Ali Haji dan Raja Hasan dan Raja Sulaiman dan Tengku Long dan Ungku Haji Mohamad Ribut dan Tuk Bentara oleh Mejer Bendera di Singapura dengan hormat diterima oleh Mejer Tallbott dengan perintah Gabenor dan melihat dia membedilkan meriam pukul 12 siang.

24 Muharam malam Tengku Long dan Ungku Haji Mohd. Ribut dan Datuk Bentara melihat [gas ?] كس⁴¹ di rumahnya di Rochor (Rochore) 24 Muharam siang Yang Maha Mulia berangkat ke Serangoon dijamu oleh Encik Wan Abdul Majid maka Raja Ali Haji dan Tengku Long dan Raja Hassan dan tuan-tuan Syed seperti Syed Hasan al-Munuer (منوار) dan Ismail Idrus dan Hussein dan Ungku Abdul Rahman dan orang tua-tua di Teluk Belanga dan orang-orang pengiring Tengku Long, adapun Raja Sulaiman Riau tiada pergi kerana sakit tinggal di *Cruisenya*.

26 Muharam 1285 Datuk Bentara akan segala Raja-raja Riau yang tersebut dengan kapal api Muar balik ke Riau, bermula berlepas dari Teluk Belanga pukul 6¼ [Enam Empat Puluh Lima] sampai ke Penyengat pukul 1½ [Satu Tiga Puluh].

27 Muharam pukul 12 setengah berlepas dari Tanjung Pinang sampai di perlabuhan Singapura pukul 7 malam. Adapun yang bersama-sama dengan Datuk Bentara menghantar Sheikh Umar bin عومس بامقيد. Adapun tambangnya seratus ringgit iaitu Raja Ali Haji bayar.

Adapun setengah daripada hadiah Maharaja akan Raja Ali Haji sebuah sekoci (سكوي) Twin screw harganya \$200 dan kain-kain dan sehalad (سخالد) kepada Tengku Long adanya.

41 Ada kemungkinan juga perkataan Inggeris "guest" bagi menyatakan tetamu bangsa Eropah.

BAB TIGA

HIKAYAT JOHOR SERTA PAHANG

Sebermula, maka adalah telah dapat diketahui mula-mula Mahmud menjadi Sultan di Johor Lama,² Abdul Jalil Bendaharanya,³ dan seorang orang besar Sultan Mahmud, namanya Megat Seri Rama.⁴ Maka pada suatu hari, diperintah oleh Sultan Mahmud pergi melanggar Linggi: pada masa itu bininya tengah bunting, lepas Megat Sri Rama belayar itu, turun seorang dari darat membawa buah nangka dipanggil oleh bini Megat Sri Rama, katanya, "Berapa hendak dijual?" Jawab orang yang membawa itu, "Tiada hendak jual kerana hendak dipersembahkan pada Raja."⁵ Dalam antara itu, diambil bini Megat Sri Rama seulas lalu dimakannya. Dan nangka itu pun dipersembahkan pada Sultan Mahmud, maka didapati oleh Sultan Mahmud nangka itu sudah dicacat oleh orang di tengah jalan, lalu disuruh orang periksa, didapati bini Megat Sri Rama yang mengambilnya. Maka Sultan Mahmud murkalah lalu disuruh bunuh bini Megat Sri Rama itu dan bini Megat Sri Rama pun matilah kena bunuh.

Hatta, apakala Megat Sri Rama balik daripada melanggar Linggi itu, ia pun mendapat khabar bininya telah mati kena bunuh; maka ia pun

- 1 Teks ini didapati dari Mikrofilem *JQ Mal. 3* Perpustakaan Singapura. Manuskrip ini bertaip rumi dengan ejaan lama untuk kajian ini keseluruhan kandungannya tidak diedit dalam ejaan baru.
- 2 Sultan Mahmud Syah II memerintah Johor, Riau Lingga dan Pahang dari tahun 1685—1699 merupakan pemerintah Johor ke-10, Pusat Pemerintahannya ialah di Kota Tinggi.
- 3 Bendahara Paduka Raja Tun Abdul Jalil adalah putera al-marhum Bendahara Padang Saujana Johor Tun Habib Abdul Majid (lihat Haji Buyong Adii, *Sejarah Johor*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1971, hlm. 87). Tun Abdul Jalil mempunyai beberapa saudara lelaki, ini termasuklah Tun Zainal Abidin yang bergelar Paduka Maharaja (1717) dan dilantik menjadi Sultan Trengganu yang pertama 1725—1733 (lihat R.O. Winstedt, 'History of Johore' *JMBRAS*, X, B, 1932, Lampiran 1).
- 4 Menurut sumber tempatan pada masa hayat Bendahara Padang Saujana terdapat seorang pahlawan bernama Wan Abdul Rahman. Wan Abdul Rahman mendapat gelaran melalui proses pencapaian (*achievement*), pada mulanya beliau menjadi 'Ketua Juak Raja.' Setelah itu digelar 'Megat Sri Rama,' setelah berjaya menawan Pulau Tujuh dan Linggi beliau dinaikkan pangkat dari Laksamana kepada 'Paduka Raja' iaitu sebagai waris gelaran Bendahara. Megat Sri Rama merupakan salah seorang dari orang kaya empayar Johor itu. (Lihat Haji Mohd. Salleh Awang, *Mengkaji Sejarah Trengganu*, Vol. 1, 1966, hlm. 40—42 juga semak dan bandingkan dengan L.Y. Andaya *Kingdom of Johore 1641—1728: Economic and Political Development*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1975, hlm. 186—187. Sama ada Wan Abdul Rahman Megat Sri Rama yang membunuh Sultan Mahmud (lihat perbincangan di pengenalan).
- 5 Mengikut *Tuhfat al-Nafis* pula nangka itu disimpan oleh Penghulu Istana "tiba-tiba datang bini Megat Sri Rama yang mengidam hendak makan nangka ... maka Penghulu pun mengambil seulas diberikan kepada bini Megat Sri Rama..." "Apabila Sultan murka kerana buah nangkanya cacat Penghulu Istana memberitahu" "Ada yang tiada baik tadi, patik berikan kepada bini Sri Rama daripada terbuang sahaja." (hlm. 33).

mengadap Bendahara Abdul Jalil, sembahnya, "Datuk, hamba ini hendak menderhaka." Jawab Bendahara, "Sabar, kerana Raja kita," Maka Megat Sri Rama pun balik ke rumahnya. Dan Bendahara bercakap dengan adiknya, mengata Megat Sri Rama hendak menderhaka, jawab adiknya, "Betapalah ia tidak menderhaka, bininya dibunuh? Jikalau kita sekalipun, tiada tersabar juga."⁶ Dan kata Temenggung, "Jika mati Raja itu, tiada lain orang lain yang boleh menjadi Raja hanyalah abang: jika abang menjadi Raja, sahaya hendak menjadi Raja Muda." Dalam hal itu datang pula Megat Sri Rama mengadap Bendahara Abdul Jalil, sembahnya, "Datuk sahaya hendak menderhaka." Jawabnya, "Mana suka engkau maka sembah Megat Sri Rama, "Jikalau Datuk hendak menolong sahaya, tolonglah jarakkan hulubalang yang menjaga Sultan itu."⁷ Maka Bendahara pun tangkap hulubalang itu dan dibunuhnya, dan Megat Sri Rama pun bersiap. Pada suatu hari Sultan Mahmud hendak berangkat bersiram,⁸ duduk di atas julangan, ditikam oleh Megat Sri Rama dengan keris panjang, Sultan Mahmud pun jatuh lalu mangkat, dan Megat Sri Rama pun diramai oleh orang lalu mati pula. Sultan Mahmud itulah disebut orang Sultan Mangkat berulang.⁹ Dan Abdul Jalil menjadi Sultan, adiknya menjadi Raja Muda, dan anak-anaknya digelar Tengku. Maka apakala sultan Mahmud dimakamkan, Sultan Abdul Jalil pun menyuruh memeriksa di dalam istana, jikalau ada bunting anak Sultan Mahmud disuruhnya buang, takut di belakang [anak itu menuntut takhta]. Dalam hal ini ada seorang anak Laksamana, nama Che' Mi, gundik Sultan Mahmud tengah mengandung, diambil oleh Laksamana diserahkan-nya pada Panglima Bebas disuruhnya hantar ke Minangkabau¹⁰

Maka dalam masa Sultan Abdul Jalil memerintah itu, seorang bernama Wan Deraman¹¹ digelar oleh Sultan Abdul Jalil Megat Laksamana, maka

- 6 Megat Sri Rama telah memberikan Bendahara, Temenggung dan Raja Bungsu (Tun Mahmud) iaitu adik Bendahara Abdul Jalil untuk menderhaka. Dailog di atas adalah di antara Bendahara dengan adiknya Raja Indrabungsu yang kemudiannya menjadi Raja Muda (Yamtuan Muda). (Winstedt, 'Johore', hlm. 50—51). Bendahara Abdul Jalil menurut gambarannya adalah 'orang tua' yang sedikit sekali campur tangan dalam urusan kerajaan (Andaya, *Johor*, hlm. 135—186).
- 7 Di ketika itu Sultan Mahmud mula dibenci rakyat akibat dari kezaliman yang melampau termasuk ke atas orang kaya Johor itu sendiri. Menurut Andaya, Megat Sri Rama dibantu oleh 30—40 orang bersenjata (hlm. 186), Datuk Bendahara telah membuat helah mengalpakan hulubalang gagah yang mengawal Sultan Mahmud iaitu Sri Bija Wangsa. "... jikalau ada Sri Bija Wangsa (*Tuhfat al-Nafis*, hlm. 34—35).
- 8 *Tuhfat al-Nafis* menyatakan Sultan Mahmud mangkat dibunuh di atas julangnya dalam perjalanan ke masjid untuk bersembahyang jumaat. hlm. 34.
- 9 Sama ada ingin menunjukkan kesaktian Sultan Mahmud atau menonjolkan kejahatan baginda *Tuhfat al-Nafis* menyebutkan peristiwa ini dalam gambaran yang berlainan iaitu Encik Pong anak Laksamana, Sultan Mahmud dikatakan telah berkahwin dengan seorang peri, ketika hampir mangkat baginda 'datang berahikan isterinya peri. Maka terpancarlah mani baginda itu disuruhnya makan kepada Encik Pong itu, maka jadilah Encik Pong itu bunting, konon... Maka kata daripada isi istana; adalah baginda tengah berahikan, Encik Pong itu, maka baginda itu pun mangkat. Maka tadbir segala misterinya baginda itu takut tiada meninggalkan anak cucu yang bongsu daripadanya. Maka disuruhlah oleh orang besar-besar itu akan Encik Pong itu, setubuh dengan baginda itu, konon, pada ketika itu, maka apabila telah selesai barulah rebah zakar baginda itu, maka Encik Pong pun buntinglah *Tuhfat al-Nafis* juga mengutip sumber lain yang menyatakan Encik Pong sedang mengandung ketika kemangkatan itu. (hlm. 13).
- 10 Dalam *Tuhfat al-Nafis* dikatakan Encik Pong dilarikan oleh Panglima Bebas dibawahnya ke Pagar Ruyung Puteri Jenilan Anak Encik Pong iaitu Raja Kecil oleh Puteri Jenilan (Jamilah). Lihat *Tuhfat al-Nafis*, hlm. 13, Andaya, *Johor*, hlm. 250.
- 11 'Deraman' biasanya sebutan ringkas penduduk pantai timur semenanjung bagi menyebut Abdul Rahman (lihat nota bawah 4).

dengan sebab banyak baktinya, diangkat pula gelaran Paduka Raja.¹² Dalam itu banyaklah orang-orang yang sudah datangkan fitnah, diperbuatnya suatu muslihat ditirunya saputangan gundik Sultan Abdul Jalil diberikan pada orang menjaga istana Sultan Abdul Jalil itu. Oleh orang yang menjaga istana itu dipersembahkan pada Sultan Abdul Jalil, sembahnya 'Ampun, tuanku, beribu ampun' harapkan diampuni sembah patik' semalam patik berjaga didapati Paduka Raja bertarik-tarik setangan [sapu tangan] dengan seorang dayang (sekerat) dapat kepada Paduka Raja, dan sekerat dapat kepada dayang-dayang itu dibuangkannya, patik pun ambil, "Maka ditenguk oleh Sultan Abdul Jalil sah gundiknya yang empunya maka titah Sultan Abdul Jalil, "Buangkan Paduka Raja itu." Maka pada masa itu Paduka Raja di dalam perahu kerana hendak pergi melanggar Lukut. Maka orang yang dititahkan oleh Sultan Abdul Jalil itu pun datanglah ramai-ramai hendak membuat [membunuh?] Paduka Raja. Oleh itu Paduka Raja dilawannya orang yang datang itu lalu meriam dua, satu bernama Seri Johor dan satu bernama Seri Pasir, dan ditembaknya pada orang yang datang itu. Meriam meletup tetapi peluru tiada pergi. Maka berfikir Paduka Raja, "Barangkali aku ini menderhaka."¹³ Maka ia pun lari dua buah gundiknya dengan anaknya. Maka apakala sampai ke Bari dalam jajahan Trengganu, berhentilah ia di situ. Maka apakala dapat khabar kepada sultan Abdul Jalil ada di Bari,¹⁴ ia pun menulis surat kepada orang Besar di Trengganu menyuruh tangkap Paduka Raja itu. Maka apakala orang besar Trengganu mendapat surat, lalulah ke Trengganu. Kemudian datang pula surat daripada Sultan Abdul Jalil dengan kerisnya disuruh hibiskan Paduka Raja itu. Maka Paduka Raja pun dibunuh oranglah, dan ditanam di Tanjung Luang dan meriam yang bernama Seri Pasir dan Seri Johor¹⁵ itu diambil oleh orang Trengganu, ada sampai sekarang ini di bukit Puteri di Trengganu. Maka pada waktu Paduka Raja lari itu Zainal Abidin, adik sultan Abdul Jalil, ada di dalam perahu anak Paduka Raja.¹⁶ Bila Paduka Raja sudah mati kata anak Paduka Raja, "Anak Raja itu tiada patut kita bela. Bapa kita tiada satu salah dibunuh

¹² "Paduka Raja" biasanya untuk penyandang jawatan bakal Bendahara. L. Y. Andaya mengulas setelah kemangkatan Sultan Abdul Jalil Syah pada 1677, terdapat sedikit komplikasi cita-cita Laksamana untuk terus berkuasa, khususnya selepas kalahkan Jambi dalam tahun 1679, Andaya menyebut *all other officials and orang kaya were intimidated by the great power arrogated by the Laksamana Tun Abdul Jamil and his son...* (Johor, hlm. 130). Namun begitu kecemerlangan baktinya menyebabkan Laksamana dianugerahkan gelaran *Paduka Raja* "unquestionable control of government." (hlm. 133).

¹³ Jun 1688 Paduka Raja membuat tektik mengambil alih kuasa dengan meminta Sultan Mahmud dan Bendahara baru dari Riau ke Pahang atas alasan keselamatan. Paduka Raja mendapat sokongan hamba setia Johor 'orang laut' yang tidak mahu pindah dari Riau. Bendahara Johor dapat mengesan tektik Paduka Raja itu. Bendahara mendapat sokongan Orang Kaya Tun Pihrama Muar. Paduka Raja akhirnya dapat dibunuh oleh angkatan Perang Sultan (Andaya, *Johor*, hlm. 154—158).

¹⁴ Bari terletak dekat Setiau [setiu] dan dalam Negeri Trengganu, setengah cerita menyebut angkatan perang Sultan dan Bendahara Johor mengejar Paduka Raja hingga ke Penarikan dan akhirnya Paduka Raja telah dibunuh di Tanjung Gegalang, iaitu dekat Mengabang Telipot, Mukim Batu Pahat, Kuala Trengganu, (Salleh Awang, *Trengganu*, hlm. 43—44).

¹⁵ Mengikut sumber lain terdapat sebuah meriam di perahu Paduka Raja, meriam itu bernama *Seri Jamlor*, (Ibid., hlm. 42).

¹⁶ Menurut manuskrip *Peringatan Sejarah Negeri Johor*, Paduka Raja Tun Abdul Jamil yang disingkir dari Riau pada 14 Syaaban 1100 A.H. (4 Jun 1689) mempunyai dua orang anaknya iaitu "Seri Bija di Raja dan abangnya... (Encik Tahil?)". (Andaya, *Johor*, hlm. 156). Menurut sumber lain pula anak Paduka Raja bernama *Wan Abdullah* (Salleh Awang, *Trengganu*, hlm. 43).

oleh abangnya baiklah kita halaukan." Maka Raja itu pun dihalaukan oleh anak Paduka Raja. Maka keluarlah ia dari Trengganu. Apakala sampai ia ke Patani, diambil oleh seorang Raja perempuan namanya Nang Chayang,¹⁷ diangkat menjadi anak.

Syahadan pada suatu hari Sultan Abdul Jalil bertanya akan adiknya tiada nampak: sembah orang-orang, "masa Paduka Raja lari, Zainal Abidin ada di dalam perahu anak Paduka Raja." Maka Sultan Abdul Jalil pun menyuruh seorang panglimanya orang Lanun¹⁸ pergi mencari Zainal Abidin. Maka pergilah panglima itu mencari hingga sampai ke Patani dan didapatnya khabar mengatakan Zainal Abidin telah menjadi anak angkat Nang Chayang, Raja Patani. Maka Panglima itu pun baliklah ke Johor dan dipersembahkan pada Sultan Abdul Jalil. Maka tiada berapa hari Sultan Abdul Jalil berangkat ke Patani. Apakala sampai Sultan Abdul Jalil ke Patani, dapatlah khabar kepada Nang Chayang lalu disuruhnya orang besar-besar menanti di Penarek. Maka orang besar-besar itu pun berjumpalah dengan Sultan Abdul Jalil lalu dipersilakan ke Istana Nang Chayang dan Sultan Abdul Jalil pun berjumpa dengan Zainal Abidin dan tiada berapa lamanya Sultan Abdul Jalil pun berkahwin dengan Nang Chayang. Dalam Istana Nang Chayang itu ada seorang penyanyi, namanya Dang Sirat, suaranya sangatlah merdu bunyinya, maka asyiklah Sultan Abdul Jalil kepadanya itu, maka pada suatu hari dibawa oleh Sultan Abdul Jalil bergajah ke darat Patani maka apakala sampai pada suatu tempat tersangkut oleh ranting kayu kepada sanggul Dang Sirat lalu jatuh satu 'Azimat daripada sanggul Dang Sirat, diambil oleh Sultan Abdul Jalil, dan ia pun memandang kepada Dang Sirat didapatinya rupa; Dang Sirat itu sangatlah hodohnya. Maka berfikirilah di dalam hati Sultan Abdul Jalil, "kerana Dang Sirat inilah, aku mendapat malu," lalu ia menghunus keris dan ditikamlah pada Dang Sirat itu, maka Dang Sirat pun jatuh lalu mati. Maka seketika itu juga Sultan Abdul Jalil pun balik lalu dibawanya Zainal Abidin: ia pun tiada singgah kepada isterinya Nang Chayang itu.¹⁹ Maka diperbuatkan nyanyi oleh orang;

Zaman-zaman terkukur mati x Mati di bawah terbang perat:

Zaman-zaman Raja Johor mari x Mari membunuh Dang Sirat.

Dari Patani ke Tanjung Kandis x ditiup angin selatan daya:

Dari mula ianya manis x Rupanya Sultan kena perdaya.

Maka apakala sampai ke Trengganu dijadikan oleh Sultan Abdul Jalil adiknya Zainal Abidin itu Bendahara, dan Sultan Abdul Jalil balik ke Johor. Maka duduklah Zainal Abidin menjadi Bendahara di Trengganu itu.²⁰

17 "Nang Chayang" adalah gelaran Siam yang bagi Baginda Raja Perempuan Patani "Pra Nang Chau Yeng," Raja Perempuan Patani yang pertama (T.M. 1599) ialah Raja Hijau, Raja Kuning ialah Nang Chayang ketiga Raja Patani ke-10, iaitu menggantikan bondanya Raja Ugu, Raja kuning ialah Nang Chayang yang terakhir dan mangkat pada tahun 1686, (Salleh Awang, *Trengganu*, hlm. 45—46).

18 Maksudnya 'orang laut' pengikut setia Kerajaan Johor.

19 Mengikut sumber lain Sultan Abdul Jalil dua kali datang ke Patani, kali terakhir ialah pada hari Khamis 7 Muharram 1109 H iaitu 31 Julai 1697 T.M. iaitu tarikh kemangkatan Bendahara Padang Saujana. Nang Chayang yang menyuruh Zainal Abidin balik ke Johor. (Salleh Awang, *Trengganu*, hlm. 46—47).

20 Menurut sejawaran tempatan dalam tahun 1697 Zainal Abidin balik ke Johor kerana kemangkatan ayahandanya Bendahara Padang Saujana, setelah itu baginda kembali ke Patani dan memberitahu Sultan Abdul Jalil mengurniakan Negeri Trengganu. "Kemudian Nang Chayang pun memerintahkan orang-orangnya supaya berlangkap kerana hendak ditabalinya Zainal Abidin menjadi Raja Trengganu." (Salleh Awang, *Trengganu*, hlm. 47).

Mangkat Zainal Abidin, Mansur menjadi Raja; mangkat Mansur, Zainal Abidin menjadi Raja; mangkat Zainal Abidin; Ahmad menjadi Raja; mangkat Ahmad berpindah kepada Omar; Ahmad menjadi Sultan; mangkat Ahmad Zainal Abidin menjadi Sultan yang ada sekarang ini, dan pecahnya tiadalah disebutkan.

Sebermula maka tersebutlah perkataan Che'Mi. Apabila sampai ke Minangkabau, beranakkan seorang laki-laki dinamakan Raja Kecil.²¹ Maka apakala Raja Kecil sudah besar, dapatlah ia ketahui dirinya anak Sultan Mahmud Johor, dan diceritakan pula oleh ibunya Che'Mi itu. Maka ia pun berasa besar di dalam hatinya maka ia pun meminta bantu pada Raja Minangkabau, kerana ia hendak melanggar Johor. Oleh Raja Minangkabau, diberinya pertolongan. Pada saat yang baik pergilah Raja Kecil dengan rakyat bala tentera Minangkabau melanggar Johor.²² Apakala sampai ke Johor orang-orang pun gemarlah mengatakan musuh dari Minangkabau lalu persembahkan pada Raja Muda. Maka pada waktu itu Raja Muda sedang bercatur, sembah orang, "musuh tuanku." Jawab [Raja Muda], "apa gaduhkan musuh? musuh di sini lari ke sini." Maka dipersembahkan lagi, jawabnya begitu juga. Maka pada fikiran Raja Muda musuh catur, rupanya musuh betul. Dalam antara itu musuh Minangkabau pun sampailah ke dalam Kota, baharulah Raja Muda sedarkan musuh betul. Maka berfikir Raja Muda, "jika demikian, tiadalah tertahan oleh aku: baiklah aku bunuh anak gundik aku, supaya tiada ditawan oleh Minangkabau."²³ Lalu ia masuk ke dalam istana anak gundiknya di dalam itu ada seorang putera Raja Muda bersembunyi. Maka pada fikiran Raja Muda semua sudah mati, lalu ia turun ke tanah melawan Minangkabau itu. Di dalam berkelahi Raja Muda pun matilah, dan musuh pun sampai ke Kota Tinggi. Maka Sultan Abdul Jalil, pun baharu tahukan musuh, titah Sultan Abdul Jalil, "Ya mamanda! bukannya hamba ini hendakkan Negeri Johor, ialah hamba hendakkan kerajaannya ayahanda hamba." Maka Sultan Abdul Jalil pun menyerahkan kepada Raja Kecil, dan ia pun balik ke tempatnya. Maka Raja Kecil pun duduklah memerintah di Johor dan bergelar Yang Dipertuan Raja Kecil.

Alkisah. Maka tersebutlah perkataan anak Raja Bugis namanya Upu Daing Parani belayar dari Negeri Bugis singgah di Negeri Johor. Apakala ia sampai di Johor dipanggil oleh Sultan Abdul Jalil ke istananya. Tengah bercakap itu kata Upu, "Sayangnya Negeri Johor ini dengan mudahnya dialahkan oleh Minangkabau."²⁴ Maka cakapan Upu Parani itu tiada siapa

21 Raja Kecil Siak dipelihara oleh Puteri Jamilan, isitu Raja Pagar Ruyung Minangkabau, (lihat nota bawah 10).

22 Lihat Andaya, *Johor*, hlm. 250—272. Usaha menyelamatkan Raja Kecil (semasa dilahirkan adalah dengan kerjasama Laksamana, Temenggung Muar dan Raja Negara Selat (Ketua Orang Laut Singapura). Menurut *Tuhfat al-Nafis* yang memetik 'Siaran Siak' Raja Kecil menyerang Johor dalam tahun 1718. Sebelum menyerang, Raja Kecil telah memerintahkan perisiknya menyebarkan berita Raja Kecil putera Sultan Mahmud akan kembali menuntut takhta Johor, Rakyat yang enggan bekerjasama akan ditimpa daulat. Orang Laut akhirnya bersetuju menyokong Raja Kecil, Laksamana bapa Encik Pong (Encik Mi) pula bersedia belot dari dalam kota Johor. (hlm. 266).

23 Yamtuan Muda (Raja Muda) Mahmud menjadi cemas dan telah membunuh a wife famous for her beauty (and her golden loom) and many of his children. Mahmud bagaimanapun berjuang terus di Batu Bara, Deli di Inderagiri dan mati dalam peperangan Aru (Winstedt, *Johore*, hlm. 55).

24 Bugis mengambil kesempatan dalam kekeruhan politik Johor, Sultan Lemah (Lembah) Abang dan Raja Kecil yang di dalam penggambarannya pernah bertemu dengan Daing Parani dan Daing Chelak

menjawabnya. Pada suatu hari Sultan Abdul Jalil menjamu Upu Daing Parani. Tengah duduk di majlis itu, datang seorang anak Sultan Abdul Jalil, namanya Tengku Mandak, ditanggalkannya subang daripada telinganya lalu dicampakkannya di atas riba Upu Daing Parani lalu ia berkata, "Kalana tolonglah sapukan arang di muka, jikalau Kalana sapukan arang di muka, ambil sahaya ini perbuatkan hamba." Maka jawab Che Upu, "Insya-Allah," di dalam hal itu Sultan Abdul Jalil bermuafakat dengan Upu minta bantu kerana hendak melanggar Raja Kecil. Maka apakala sudah berteguh-teguh setia, Upu pun balik ke Bugis dan ia bertangguh setahun.²⁵ Maka apakala sampai setahun, dinanti oleh Sultan Abdul Jalil tiada juga Upu datang, maka Sultan Abdul Jalil pun menulis surat kepada Upu ke Bugis. Maka apakala Upu menerima surat itu, ia pun berlangkap beberapa buah perahu lalu menyerang Johor itu. Maka berperanglah orang-orang Bugis dengan rakyat Raja Kecil: beberapa lama perang itu, alah Raja Kecil lalu ia lari keluar ke Siak, dan Abdul Jalil menjadi Sultan pula di Negeri Johor dan Upu dikahwinkan oleh Sultan Abdul Jalil dengan puteranya yang bernama Tengku Mandak itu. Maka duduklah Upu di negeri itu. Maka tiada berapa lamanya datang surat dari Bugis kepada Upu mengatakan Negeri Bugis hendak bergaduh. Maka Upu pun balik ke Bugis. Maka tiada berapa lama balik ke Bugis datang pula Raja Kecil itu melanggar Johor. Di dalam berkelahi itu alah Sultan Abdul Jalil, keluarlah ia dari Johor itu lalu ke Pahang duduk di sebelah hulu Kuala Pahang. Nama kampungnya Teluk Kandang. Maka didapat ketahui oleh Raja Kecil, maka ia pun menyuruh seorang panglimanya nama Nakhoda Che Sekam²⁶ menangkap Sultan Abdul Jalil itu bawa balik ke Johor. Di belakang daripada Nakhoda Che Sekam itu pergi, datang pula surat Raja Kecil pada Che Sekam suruh buangkan sekali Sultan Abdul Jalil itu dan anaknya itu, dan anak-anaknya sekalian suruh bawa balik ke Johor. Maka pada satu hari Sultan Abdul Jalil tengah sembahyang, datang Nakhoda Che Sekam ditikam dari belakang Sultan Abdul Jalil, maka ia pun matilah di atas tikar sembahyang dan dimakamkan sebelah hulu sungai Pekan. Maka sekalian anak-anak isterinya dibawa balik oleh Nakhoda Che Sekam ke Johor. Maka seorang anak Sultan Abdul Jalil itu bernama Tengku Kamariah diperisterikan oleh Yang Dipertuan Raja Kecil dan yang lainnya itu dipelihara. Maka Tengku Mandak menulis surat pada Upu menyatakan Raja Kecil sudah melanggar Johor, sudah didapat olehnya dan Sultan Abdul Jalil undur ke Pahang dan sudah pula ditikam oleh Nakhoda Che Sekam. Maka apakala Upu mendengar surat itu, ia pun datang pula serta dilanggar pula Raja Kecil itu, ia pun datang pula serta dilanggar pula Raja Kecil itu. Maka tiada berapa lama perang itu, alahlah pula, Raja Kecil itu lalu undur ke Siak. Maka putera Sultan Abdul Jalil bernama Tengku

di Bangka Kota dan *made an abortive arrangement for them to help him take Palembang.* "Raja Kecil kemudian menakluk Siak, initu satu dari jajahan Johor. Di Bengkalis Raja Kecil bertemu lagi dengan Ketua Bugis tersebut dan menjanjikan Daing Parani akan dilantik menjadi Yang Dipertuan Mula Johor jika Bugis membantu menyerang Johor. (Winstedt, *Johore*, hlm. 55). Semasa Ketua Bugis bertolak ke Langat untuk mengumpulkan orangnya Raja Kecil telah berjaya menawan Johor Lama pada 21 Mac.

25 Tahun 1721 Angkatan Bugis di bawah pimpinan Daing Parani berjaya mengalahkan Raja Kecil.

26 1720 menurut Winstedt, *Laksamana Sekam*, ditugaskan membawa balik Sultan Abdul Jalil.

Sulaiman ditabalkan Upu dijadikan Sultan Johor.²⁷ Maka Sultan Sulaiman pun berkerajaanlah di Johor itu. Maka Upu Daing Parani pun balik ke Bugis tinggal anaknya seorang di Johor bernama Upu Daing Merewah. Oleh Sultan Sulaiman diangkatnya menjadi anak, dan tiada berapa lama Sultan Sulaiman berpindah duduk ke Riau: maka pada suatu masa dilanggar pula oleh Raja Kecil, alah Sultan Sulaiman undur ke Pahang, anak angkatnya Upu Daing Merewah undur ke Selangor. Dalam hal itu Upu Daing Merewah mengambil kayu di Linggi hendak membuat kelong dilarang oleh orang Linggi tiada dipakainya dan dilawannya orang Linggi berkelahi. Maka orang Linggi pun persembah pada Raja Kecil di Riau mengatakan Upu anak angkat Sultan Sulaiman membuat kacau di Linggi. Maka apakala Raja Kecil mendengar itu, ia pun pergi ke Linggi lalu berjumpa dengan Upu di Laut Linggi lalu berkelahi; ketika berkelahi Upu undur ke dalam Sungai Linggi, Raja Kecil pun menjaga di laut. Maka pada waktu tengah malam Upu keluar Raja Kecil tiada sedar ia pun lalu ke Riau disadaikannya sekalian perahunya, ia pun naik mengamuk Riau dan Riau pun dapatlah kepadanya. Maka isterinya Raja Kecil yang bernama Tengku Kamariah menulis surat kepada Raja Kecil, Riau sudah didapat oleh Upu Daing Merewah serta dengan pantunnya:

Ada tiap-tiap ikan membang x Riau mudik bergalah,
Tengku Kecil silalah pulang x Linggi diserang Riau alah.

Maka apakala Raja Kecil mendapat surat itu, ia pun balik dengan segeranya. Apakala dekat dengan Riau,²⁸ ditembak oleh Upu-upu. Maka Raja Kecil pun tiada boleh hampir ke darat lalu balik ke Siak.

Kalakuan Upu-upu pun datang ke Pahang mengadap Sultan Sulaiman mempersilakan balik ke Riau, maka jawab Sultan Sulaiman, "Aku tiada mahu balik jikalau tiada diambil kerajaan aku kepada Raja Kecil itu."²⁹ Maka Upu-upu pun pergilah ke Siak melanggar Raja Kecil. Raja Kecil pun alah dan sekalian alatan kerajaan itu pun semuanya dapat kepada Upu-upu; Raja Kecil pun lari ke hulu Siak, tiadalah ia melanggar lagi. Maka Upu-upu pun balik ke Pahang mengadap Sultan Sulaiman mempersembahkan sekalian alat kerajaan. Maka sultan Sulaiman pun balik ke Riau. Maka Upu pun hendak digelar juga Putera Jaya anak laki-laki dinamakannya Daing Abdul Majid [yang kemudian berkahwin dengan puteri yang bernama] Tun Khatijah dan Tun Khatijah dapat seorang anak laki-laki dinamakan Daing Abdul Rahman.³⁰ Hilang Daing Abdul Majid, Daing Abdul Rahman men-

27 Dalam bulan Oktober 1722 putera Sultan Abdul Jalil ditabal sebagai Sultan Johor bergelar Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah kandanya Tun Abas digelar Bendahara Sri Maharaja. Saudara Sulung Upu bernama Daing Merewah dilantik menjadi Yamtuan Muda Daing Menompo (Ketua Bugis) "took the title of Raja Tua..." (Winstedt, *Johore*, hlm. 56).

28 Tahun 1727, 1728 dan 1735 Raja Kecil membuat siri serangan ke atas Riau. 15 Ogos 1737 puteranya Raja Alam menyerang Riau Raja Kecil menjadi gila setelah kematian isterinya Tengku Kamariah dan mangkat pada tahun 1746. (*Ibid.*, hlm. 57).

29 Temenggung Jamal ialah anak Bendahara Sri Maharaja Tun Abbas iaitu cucu Sultan Abdul Jalil (lihat Rajah A).

30 Apabila Ungku Muda tidak mahu memakai gelaran Temenggung, beliau menyerahkannya kepada anak saudaranya Daing Abdul Rahman. Sebelum berpindah ke Kampung Gelam Singapura berikutan dari krisis politik Empayar Johor, Temenggung Abdul Rahman berundur ke Bulang semasa Abdul Rahman di Singapurah Stamford Raffles datang meminta izin mendirikan loji di Singapura dalam tahun 1819. (lihat Winstedt, *Johore*, hlm. 36-90).

jadi Temenggung, anak Temenggung Abdul Rahman dua orang laki-laki, seorang bernama Ibrahim,³¹ yang seorang lagi tiadalah ketahuai dan perempuan Che' Puan Sulung, Che' Puan Isah, Che' Puan Engku Andak; Che' Puan Sulung, berkahwin dengan anak Raja Riau; Che' Puan Isah berkahwin dengan anak Raja Riau juga, maka habis pertemuan ia bercerai, kemudian Che' Puan Isah berkahwin pula dengan Syed Jaafar, dapat dua orang anak laki-laki, namanya Syed Muhamad dan Syed Hussein. Anak Syed Muhamad, Tuan Sulung. Syed Jaafar, Syed Abdul Rahman dan Sharifah Aminah; anak Syed Hussein yang laki-laki empat orang, Syed Abdullah, Syed Abdul Rahman, Syed Jaafar dan Syed Ahmad.

Hilang Temenggung Abdul Rahman, anaknya Ibrahim menjadi Temenggung. Anak Temenggung Ibrahim enam orang anak laki-laki, yang pertama tiadalah hamba mendapat ketahuinya nama; yang laki-laki Encik Wan Abu Bakar,³² Che' Wan Muhamad, Che' Wan Abdullah,³³ Che' Wan Abdul Rahman,³⁴ Che' Wan Abdul Majid³⁵ dan Che' 'Wan Muhamad Khalid. Mangkat Temenggung Ibrahim, anaknya yang bernama Che' Wan Abu Bakar menjadi Temenggung Seri Maharaja dan berpindah duduk ke Tanjung Puteri membuka negeri dinamakan kepada negerinya Johor Baharu.³⁶ Temenggung Abu Bakar sangat-sangatlah tinggi himahnya: di dalam suatu masa bergelar ia Sultan Abu Bakar, maka diperbuat oleh orang Kampung Gelam pantun, demikian pantunnya:

Tanglung simpai rotan x Kemuning sampir keris,
Temenggung menjadi Sultan x Asalnya dari Raja Bugis.

Putera Sultan Abu Bakar tiga orang; yang laki-laki bernama Tengku Ibrahim, yang perempuan namanya Tengku Meriam dan Tengku Puteri. Sultan Abu Bakar itu sangatlah jaganya memerintah negeri dan cukup segala aturannya sebab Negeri Johor itu berdekatan dengan Negeri Singapura. Dan saudara-saudara Sultan Abu Bakar punya riwayatnya tiadalah disebutkan kerana tiadalah dapat tertib hendak diuraikan. Mangkat Abu Bakar itu di Negeri Eropah, dimakamkan di dalam Negeri Johor di Bukit Muhammadiyah. Maka hendak diangkat jenazah itu, cukuplah 'adat istiadat yang telah diadatkan dan puteranya Tengku Ibrahim yang telah bergelar Tengku Mahkota³⁷ dilantikkan dijadikan Sultan Johor ialah menggantikan ayah-

-
- 31 Temenggung Johor 1841—1862 beliau telah mengasaskan pentadbiran moden Johor yang beruruseta di Teluk Belanga. Abu Bakar putera yang menggantikan mempergiatkan lagi pemodenan Johor. (lihat M. A. Fawzi Basri, "Apakah Sultan Abu Bakar Bapa Johor Moden," *Berita Harian*, 20 Mac 1973).
- 32 Menjadi Temenggung Johor dalam tahun 1862, di tahun 1866 bergelar Maharaja Johor, 1886 bergelar Sultan Johor dan mangkat di London dalam tahun 1895. Lihat Zakaria Mohd. Ali *The Reign of Sultan Abu Bakar, 1862-1895*, (Latihan Ilmiah yang tidak diterbitkan, Universiti Malaya, Singapura, 1954).
- 33 Pernah menjadi Pesuruhjaya Kerajaan Wilayah Timur Johor dan juga Pemangku Raja selain daripada menjadi ahli-ahli Majlis Negeri (*State Council*) dalam tahun 1870—1880-an.
- 34 Selain dari menjadi anggota Majlis Negeri dalam tahun 1860-an dilantik menjadi Wakil Mutlak Maharaja. Merupakan tokoh Johor moden yang banyak memainkan peranan dari segi pentadbiran Johor semasa ketiadaan Abu Bakar.
- 35 Pernah menjadi Ahli Majlis Negeri dan Pemangku Raja dalam tahun 1880-an.
- 36 Dinamakan Johor Baharu dalam tahun 1866. Lihat Haji Musa Yusof, *Johor Baharu Seratus Tahun*, 1955, hlm. 13—18.
- 37 Tengku Ibrahim dilahirkan oleh bondanya Encik Besar Zabidah pada pukul lima subuh hari Rabu 25 Rejab 1290 (17 September 1873) di Istana Bidadari di Singapura. Pada 23 Mei 1891 dimasyhurkan

anda bagindanya dan seperti adat-adatnya itu tiadalah disebutkan sebab kerana tiadalah dapat tertib hendak diuraikan. Mangkat Abu Bakar itu di sekarang ini yang telah melihatnya, tambahan pula dikeluarkan oleh orang Johor pemberitanya.

Alkisah. Maka diceritakan oleh orang yang empunya cerita ini asal Raja Pahang yang memerintah daripada zaman dahulu hingga sekarang ini, yang telah dapat diceritakan separuh ataupun sesuku, kerana aturan ini bukannya didapat dengan tulisan melainkan dapat diceritakan oleh orang tua-tua, mana-mana yang salah ataupun silap banyaklah hamba menerima kasih dimintalah encik dan tuan-tuan yang membacanya tolong betulkan.

Bahawa. Maka adalah Raja Pahang ini asal dari orang Johor Lama ialah daripada Bendahara Abdul Jamal³⁸ turun kepada Abdul Jalil, daripada Abdul Jalil turun kepada Hassan, daripada Hassan turun kepada Tahir, ialah mula-mula Bendahara Pahang; puteranya lima orang laki-laki, namanya Tun Abdul Majid, Tun Abdul Jamal ialah menjadi Temenggung di Riau, Tun Muhamad duduk di Trengganu, Tun Yusof duduk di Tembeling, Tun Abbas duduk di Semantan.

Mengikut Tun Tahir, puteranya Tun Abdul Majid menjadi Bendahara Pahang, puteranya laki-laki Tun Abdul Mutalib duduk di Pekan Seberang, Tun Muhamad duduk di Chenor, Tun Koris duduk di Endau dan Deh duduk di Pedah.

Arakian pada suatu masa Bendahara Abdul Majid pergi ke Riau mengadap Sultan Sulaiman dan anaknya Tun Abdul Mutalib pergi bersama-sama. Pada suatu hari Sultan Sulaiman santap nasi diajaknya Tun Abdul Mutalib makan sehidang dengannya, dan anak Temenggung Abdul Jamal yang bernama Daing Chelak dan Daing Busu menyelampai tetapan³⁹ mengadap Sultan Sulaiman santap itu. Oleh itu menjadi musykil di hati Temenggung Abdul Jamal, anak-anaknya tiada makan bersama-sama, dan menaruh dendamlah Temenggung Abdul Jamal itu. Adalah adat Raja-raja zaman dahulu, jikalau ia santap, maka anak Bendahara yang diajaknya santap sehidang dengannya, ialah akan menjadi bakal Bendahara; demikian juga anak Temenggung itulah akan menjadi bakal Temenggung.

Sekali persetua Sultan Sulaiman berangkat ke Pahang⁴⁰ dan Temenggung

sebagai Tengku Mahkota Johor. Adinda Tengku Ibrahim dari bonda yang berlainan ialah Tengku Besar Puteri, Tengku Azizah dan Tengku Fatimah. (Lihat, *CBMPSJ*, hlm. 18—19).

38 Menurut Buyung Adil, 1699 Bendahara Paduka Raja Tun Abdul Jalil menjadi Sultan Johor bergelar Sultan Abdul Jalil Riayat Syah (iv). Baginda melantik adindanya Temenggung Tun Mahmud sebagai Raja Muda (Yamtuan Muda). Dalam tahun itu juga isteri Sultan Abdul Jalil melahirkan Raja Sulaiman. Lebih kurang dalam tahun Temenggung Tun Mas Jiwa adinda Sultan Johor dilantik menjadi Bendahara Seri Maharaja, seorang lagi adinda baginda Tun Abdullah dijadikan Temenggung. Bila Tun Mas Jiwa meninggal dunia Tun Abdullah dilantik sebagai Bendahara. Pada tahun 1717, meninggal dunia dan digantikan oleh adinda Sultan Abdul Jalil iaitu Tun Abdul Jamal. Lima tahun kemudian Tun Abbas mewarisi gelaran Bendahara Seri Maharaja. Dalam tahun 1748 Tun Hassan anak Tun Abbas menjadi Bendahara Seri Maharaja, 1770 adik Tun Hassan iaitu Tun Abdul Majid menjadi Bendahara. Bendahara yang lain ialah Tun Muhamad (1802), Tun Koris (1803—1806), Tun Ali (1806—1857).

39 Duduk menangut dan menungkat dagu serta tiada dihairankan.

40 Dalam tahun 1740 Sultan Sulaiman, berangkat ke Pahang untuk membuat binaan di makam almarhum ayahandanya. 1760 Sultan Sulaiman mangkat, Raja di Baruh telah ditabalkan sebagai gantinya dalam tahun 1761 bergelar Sultan Abdul Jalal, kemungkinan pelayaran itu antara 1740—1760 (lihat W. Linehan, *A History of Pahang* (MBRAS Reprint, 1973, hlm. 50—51).

Abdul Jamal tiga beranak mengiring juga. Maka tiada berapa lama di Pahang datanglah fikiran Temenggung Abdul Jamal yang tiada baik: pada suatu malam pergilah ke rumah Bendahara Abdul Majid dinantinya pada pintu belakang, tiada berapa lama berjumpalah ia dengan anak Abdul Majid⁴¹ yang bernama Tun Abdul Mutalib⁴² lalu ditikamnya dengan tombaknya kena arah rusuknya, maka kata Tun Mutalib, "ayah enggung [Temenggung] apa salahnya sahaya ini?" Ia pun lalu rebah tidak berapa lama lalu mangkat. Seketika orang-orang pun gemparlah mengatakan Tun Abdul Mutalib sudah mangkat kena tikam. Temenggung Abdul Jamal lepas ia menikam, ia larilah ke Padang Buluh; pada malam itu juga Sultan Sulaiman menurut Temenggung Abdul Jamal. Orang-orang pun menurutlah pada keesokan harinya berjumpalah dengan Temenggung Abdul Jamal di Padang Buluh. Maka kata Temenggung Abdul Jamal "Jangan dekat! Sahaya ini orang mati." Maka dijawab oleh seorang yang bernama Che' Engku Yahya, katanya, "Sahaya tiada peduli: ini menjalankan titah" lalu ditangkapnya Temenggung Abdul Jamal itu, lalu dibawanya turun ke Tanjung Parit, dan disembahkan kepada Bendahara Abdul Majid. Maka disuruh oleh Bendahara Abdul Majid bawa naik ke balai dan disuruh orang membuang duri di kakinya. Maka seketika lagi datanglah Tun Koris hendak menikam Temenggung Abdul Jamal, tiada diberi oleh Bendahara Abdul Majid, "Siapa ini? Bukankah bapa saudara? orang gila." Maka Koris pun diamlah. Maka Temenggung Abdul Jamal pun minta bunuhlah tiga beranak sekali. Maka tiadalah jadi dibunuh, lalu dititahkan oleh Sultan Sulaiman "Hantarkan balik ke Riau Temenggung Abdul Jamal ini." Orang pun membawa Temenggung Abdul Jamal hilir. Apakala bertentang dengan Kuala Ayer Hitam, Temenggung Abdul Jamal pun mencampakkan tombaknya ke air iaitu tombak yang ditikamkan pada Tun Abdul Mutalib itu: perahu pun hilirlah sampai ke Kuala Pahang lalu berlayar. Maka apakala sampai dekat dengan Kuala Rompin, gundik Temenggung Abdul Jamal namanya Bernas hendak beranak, lalu disuruhnya singgah di pantai laut dan Temenggung Abdul Jamal pun naik ke darat membawa gundiknya berjalan: apakala sampai dekat Sungai Rompin, Bernas pun beranak, anaknya mati, maka tempat itu dinamakan Pantai Bernas hingga sampai sekarang ini. Maka perahu dilayarkan orang ke dalam Sungai Rompin, dua tiga hari duduk di Rompin ia pun keluar belayar. Apakala sampai di Penyusuk berjumpalah dengan sekoci⁴³ berlabuh. Maka Temenggung Abdul Jamal pun naik ke sekoci itu lalu diamuknya orang sekoci itu, setengah mati dibunuhnya, setengah terjun [ke dalam] air, sekoci pun dapatlah kepadanya lalu ditundanya dan dilayarnya ke Riau, demikian pantunnya:-

Besar bulat di buku kayu x Anak Belanda bermain sekopong
 Besar daulat Raja Melayu x Sekoci ditunda dengan jongsong

-
- 41 Bendahara Abdul Majid yang ditabalkan dalam tahun 1770 anak Tun Abdul Mutalib (Tinggal di Pekan Seberang), Tun Muhamad atau Engku Sentol (Chenor), Tun Koris (Endau) dan Deh atau disebut juga 'Da' (Pedah). Lihat Linehan, Pahang, hlm. 53.
- 42 1786 Sultan Johor ialah Sultan Mahmud. Linehan telah memetik sepenuhnya para ini dalam tulisannya (Ibid., hlm. 53).
- 43 Sekoci ialah sejenis kapal (perahu) kecil, perahu (potongan Eropah). Lihat *Kamus Dewan*, hlm. 1036.

Maka apakala sampai di Riau, Temenggung pun masuk ke dalam kurung sekoci menyuluh, ditakdir Tuhan jatuh api di tempat ubat bedil lalu meletup: Temenggung Abdul Jamal pun mangkat berdua beranak dengan Daing Busu: Daing Celak dimakan oleh api juga tetapi mangkat kemudian sedikit.

Sebermula maka kedengaranlah khabar kepada Tun Muhamad di Chenor saudaranya Tun Abdul Jamal, ia pun hilirlah dengan segera, iaitu dengan empat puluh orang pertikaman. Tengah hilir itu di rantau lepar disuruhnya buang dapur hendak sampai bangat. Maka apakala sampai ke Pekan, didapati Temenggung Abdul Jamal sudah balik ke Riau. Maka Tun Muhamad pun meminta ayahandanya Bendahara Abdul Majid hendak menurut ke Riau. Maka tiadalah dibenarkan oleh Bendahara Abdul Majid, maka diturutnya juga. Apakala sampai di Riau, didapati khabar oleh Tun Muhamad Temenggung Abdul Jamal sudah mangkat dua beranak sekali dimakan oleh api ubat bedil. Maka tiadalah sampai hajat hati Tun Muhamad itu dan duduklah ia di Riau. Maka tiada berapa lamanya Tun Muhamad duduk di Riau itu, datanglah utusan dari Pahang menyatakan Bendahara Abdul Majid sudah mangkat.⁴⁵ Maka Tun Muhamad pun digelar Sultan Sulaiman Bendahara menggantikan ayahandanya Bendahara Abdul Majid yang hilang itu. Maka tiada berapa lama lepas bergelar itu, ia pun balik ke Pahang. Apakala sampai ke Sedili, Bendahara Muhamad pun menyeberang ke Tioman. Kemudian ia hendak menyeberang pula ke Endau. Maka datang sembah orang tua-tua di Tioman tiada dibenar menyeberang. Maka tiada dipakai oleh Bendahara Muhamad, ia menyeberang juga, apakala sampai di laut Endau, perahu pun karam, Bendahara Muhamad pun mangkat dalam kurung berdua dengan gundiknya, ialah disebut orang marhum di laut. Maka orang lain semuanya hidup baliklah ia: apakala sampai dibunuh oleh Tun Koris⁴⁶ sebab tiada hendak mati bersama dengan raja, dan ditanam dua tiga selubang di dalam empat puluh orang itu dua sahaja yang tinggal tiada dibunuhnya iaitu Haji Zakri dan Lebai Rajab sebab kerana lari ke rumah Tun Jambul. Adapun Tun Jambul⁴⁷ itu ia menjadi Menteri kepada Bendahara Tun Abdul Majid yang telah mangkat itu, maka jenazah Tun Muhamad itu tiadalah dapat di mana makamnya.

Anak Bendahara Tun Muhamad seorang bernamanya Tun Abdul Kadir. Anak Tun Abdul Kadir empat orang, iaitu Wan Dagang Kelembak, Wan Aki, Wan Cik dan Wan Su.

Anak Wan Dagang tiga orang, Wan Mahmud, Wan Ali dan Wan Andak. Anak Wan Aki empat orang, Wan Sulung, Wan Endut, 'Wan Hitam dan Wan Kadir.

Anak Wan Cik, Wan Andak (Penghulu Kuantan)
Anak Wan Su, Wan Lingga.

⁴⁴ Cepat, lekas, atau segera, *Kamus Dewan*, hlm. 69.

⁴⁵ Bendahara Abdul Majid mangkat dalam tahun 1802, Tun Muhamad telah ditabalkan oleh Sultan Johor sebagai ganti.

⁴⁶ Bila Tun Muhamad mangkat, Tun Koris digelar Bendahara Paduka Raja, (Linehan Pahang, hlm. 54) Koris memerintah Pahang 1803—1806.

⁴⁷ Tun Koris telah melantik Tun Jambul sebagai Datuk Perdana Menteri atau 'executive officer' (Ibid., hlm. 54).

Hilang Bendahara Tun Muhamad, adiknya Tun Koris menjadi Bendahara Pahang pula, hingga sampai pada masa ini uriat [riwayat] Bendahara Koris menjadi Raja dalam Pahang (1803—1806). Putera Bendahara Koris dua orang Tun Ali dan Tun Muhamad.

Mangkat Bendahara Koris, Tun Ali⁴⁸ menjadi Bendahara Pahang, puteranya sebelas orang: Tahir,⁴⁹ Ismail duduk di Chenor Wak Siwa bergelar Panglima Besar, Ahmad⁵⁰ duduk di Pahang Sabarang, Mansur⁵¹ di Kampung Marhum, Hasan duduk di Beruas, Che' Wan Sulung, Che' Wan Teh, Che' Isah dan Che' Wan Andak.

Putera Tahir bin Ali sembilan orang: Tun Koris, Tun Osman Tun Deh, Tun Abdullah, Tun Muhamad, Tun Abdul Rahman, Che' Wan Ngah (Engku Puan), Che' Wan Nit, Che' Wan Cik ialah berkahwin dengan Sultan Abu Bakar Johor.

Putera Ismail bin Ali lima orang ialah Mahmud ia bergelar Engku Temeng-gung Seri Maharaja Pahang,⁵² Che' Wan Ali, Che' Wan Empok, Che' Wan Dalam dan Che' Wan Nit.

Putera Ahmad bin Ali, Tengku Abdullah, Tengku Sulaiman, Tengku Yusof, Tengku Omar, Tengku Muhamad, Tengku Long, Tengku Dalam, Tengku Nong, Tengku Kelsum, Tengku Mariam dan yang mati kecil tiada disebutkan.

Putera Mansur bin Ali: Abdul Majid, Abdul Jamal, Che' Engku Burok, Che' Engku Hawa, Che' Engku Maimunah, Che' Engku Yah dan Che' Engku Zainab.

Hasan bin Ali tiada beranak beristeri, mangkat di Beruas.

Che' Wan Sunit binti Ali berkahwin dengan Che' Wan Abdullah adik Abu Bakar Johor: puteranya empat orang Che' Wan Abdul Jamal, Che' Wan Ahmad, Che' Wan Ali dan Che' Wan Dara.

Che' Wan Timah binti Ali puteranya tiga orang, Che' Wan Ali, Che' Wan Cik dan Che' Wan Bar.

Che' Wan Andak binti Ali berkahwin dengan seorang Sayid namanya Engku Yusof, anaknya dua orang Sayid Abdul Rahman dan Sayid Jaafar.

Putera Muhamad bin Koris tiga orang, Che' Wan Ngah, Che' Wan Cik

48 Tun Ali yang bergelar Bendahara Seri Wak Raja (Bendahara Siwa Raja) memerintah 1806—1857. Lihat Linehan, *Pahang*, hlm. 56—65 dan Buyong Adil, *Sejarah Pahang*, hlm. 97.

49 Menjadi Bendahara Seri Maharaja Tun Mutahir dilahirkan dalam tahun 1813, menjadi pemerintah Pahang 1857—1893. Perantikan Mutahir telah menimbulkan konflik politik dengan saudaranya Tun (Wan) Ahmad, dan telah menyerahkan Kerajaan Pahang kepada anaknya Tun Koris (Wan Long) yang bergelar Bendahara Muda Koris. Perang saudara di Pahang (1857—1863) meletus dengan mengaitkan Trengganu, Riau, Lingga dan Johor. (Linehan, *Pahang*, hlm. 67—83).

50 Ahmad adik kepada Mutahir lahir pada 23 Mei, 1836, setelah berjaya dalam Perang Saudara dilantik sebagai Bendahara Seri Wa Raja dan diisytiharkan oleh pembesar-pembesarnya sebagai Sultan Pahang pada 5 Disember, 1884 dan diiktirafkan oleh Inggeris tiga tahun kemudian. Sultan Ahmad mangkat dalam tahun 1914, lihat, *Hikayat Pahang* yang sebahagian meriwayatkan kisah Pahang di masa pemerintahan Sultan Ahmad.

51 Beliau lebih dikenali sebagai Ungku Muda Mansur iaitu gelaran yang dikurniakan selepas Perang Saudara di Selangor. Berikutan dengan dari satu krisis dalam tahun 1882 Ungku Muda Mansur membawa diri ke Johor, Bendahara Pahang kemudian memujuk Mansur dengan menawarkan hasil-mahsul Endau atau Rompin tetapi Mansur menolak. Akhirnya melalui satu rundingan dalam tahun 1885 perbalahan politik diselesaikan dengan perantikan Ungku Mansur sebagai Raja Muda (Linehan, *Pahang*, hlm. 101—111 dan *Hikayat Pahang Citra* 35.

52 Lihat Linehan, *Pahang*, hlm. 104.

dan Che' Engku Besar. Putera Che' Wan Ngah yang ada sekarang: Che' Wan Endut, Che' Engku Ali (sekarang menjadi Penghulu Penyur), Che' Wan Tanjung, Che' Engku Muhammad (sekarang menjadi Penghulu Pekan), Che' Wan Bar, Che' Wan Dalam berkahwin dengan Wan Char.

Putera Che' Wan Cik yang ada sekarang dua orang, Che' Wan Boh dan Che' Wan Abdul Majid.

Putera Engku Besar yang ada sekarang seorang sahaja iaitu Tengku Long.

Mangkat Bendahara Ali, puteranya yang bernama Wan Ahmad menjadi Bendahara Pahang. Dalam masa ia menjadi Bendahara itu diangkat namanya sendiri gelaran menjadi Sultan Ahmad Al-muadzam Syah Pahang. Saudara sepupunya Che' Wan Ngah diangkat gelaran Engku Bendahara Siwa [Sri Wak] Raja Pahang dan anak saudaranya bernama Mahmud diangkat gelaran Engku Temenggung Sri Maharaja. Dahulu diangkat gelaran Bendahara dan Temenggung adiknya bernama Mansur telah diangkat gelaran Engku Muda.

Temenggung Mahmud puteranya yang laki-laki tiga orang Che' Wan Ngah, Che' Wan Muhammad Salleh, Che' Wan Abdullah.

Lebih kurang 25 tahun lalu Sultan Ahmad telah melantik dua orang puteranya: Tengku Mahmud gelar Tengku Besar, Tengku Muda, pada masa itu British Resident sudah ada di dalam Pahang ini.

Bahawa dengan sesungguhnya Bendahara itu 'ibarat tangan kanan Sultan, Temenggung itu 'ibarat tangan kiri Sultan: di bawah itu orang besar berempat gelarannya seperti di bawah ini:

1. Orang Kaya Indera Syah Bandar duduk di Benta.
2. Orang Kaya Indera Pahlawan duduk di Chenor.
3. Orang Kaya Indera Segera duduk di Temerloh.
4. Maharaja duduk di Jelai.

Inilah nama orang berempat yang telah dapat ketahu:-

Ali⁵³ bin Hussain bin Challidin bin Zainal.

Husain⁵⁴ bin Kuin bin Adam bin Hassan.

Tahir Ahmad⁵⁵ bin Hassan bin Aji bin Muhamad.

Muhamad⁵⁶ bin Idris bin Muhamad Ismail.

Di bawah Orang Besar berempat Orang Besar delapan:-

53. Orang Kaya Indera Syah Bandar OKIS menguasai kawasan dari Luit ke Bebar, berasal dari keluarga Bangsawan Bugis yang datang ke Pahang dalam tahun 1722. Tondek ialah OKIS I, Jenal (Zainal) OKIS II, Bediman OKIS III, Ismail OKIS IV, Jahidin (Chadidin) OKIS V, Husain OKIS VII, Hussain OKIS IX, Tun Abd. Razak OKIS X dan sekarang Datuk Mohd. Najib Tun Razak OKIS XI. Lihat Linehan, *Pahang*, hlm. 195.

54. Menurut Linehan Orang Kaya Indera Putra Pahlawan (OKIS II) Chenor berketurunan campuran, India dan Minangkabau. OKIS pada mulanya menguasai kawasan Bera ke Kuala Lumut. Menurut rekod OKIS wujud 1740. Ismail (OKIS I) Adam (OKIS II), Tuit (OKIS III), Husain (OKIS IV), Engku Abdullah Haji (OKIS V, 1932). Dari masa ini juga Engku Mahmud telah dilantik menjadi Temenggung dan meninggal dunia 22 Mac 1895 dan anaknya Engku Salleh dilantik menjadi Panglima Besar Pahang (hlm. 194).

55. Orang Kaya Indera Segara atau Maharaja Indera Putera Temerloh (MIP). Dalam tulisan Linehan disebut lima generasi MIP iaitu Muhamad Aji, Hasan Ahmad dan Tahir (hlm. 194).

56. *Orang Kaya Indera Maharaja Perba* (OKIMP) Jelai yang dipercayai berasal dari Kota Lima Puluh Minangkabau. Wan Ismail (OKIMP I), Wan Muhamad (II), Idris (III) dan Wan Muhamad (Sri Maharaja Jelai 1882—1919), Wan Tanjung (OKIMP 1919—1953). Dalam pada itu beberapa kerabat mereka pernah dilantik sebagai Panglima Perang (Wan Pahang). Orang Kaya Maharaja Setia (Haji Wan Daud 30 September 1863).

- (1) Amar Segara⁵⁷ duduk di Setaka
- (2) Dewa Hulubalang⁵⁸ duduk di Tanjung Belawan
- (3) Dewa Pahlawan⁵⁹ duduk di Bangau
- (4) Setia Persaka⁶⁰ duduk di Lipat Kajang
- (5) Setia Muda⁶¹ duduk di Perlak
- (6) Setia Wangsa⁶² duduk di Lipis

Dan ada orang besar enam belas dan tiga puluh dua, tetapi gelarannya itu tiada dapat oleh hamba.

Arahan dalam masa al-Marhum Ahmad menjadi Bendahara di Pahang, Tuan Hitam menterinya Koming Imam Perangnya,⁶³ maki Koming jatuh kepada Endut pangkat itu, gelarannya Imam Perang Mahkota, Hitam Panglima Dalamnya, Muda Panglima Balainya, Talib Panglima Lautnya.

Sebermula masa Sulaiman menjadi Sultan di Riau, Raja-raja Muda anak saudara Abdul Jalil menjadi Raja Muda juga di Riau, ia berkhotbah⁶⁴ (?) dengan Bendahara Abbas.⁶⁵ Maka Raja Muda undur ke Lingga. Maka dipanggil oleh Sultan Sulaiman tiada hendak balik dan ia membuat kacau di Lingga. Maka Sultan Sulaiman muafakat dengan Belanda minta halaukan Raja Muda itu dari Lingga. Maka dipukul oleh Belanda, alah Raja Muda tiadalah dapat ceritanya itu.

Dan Sultan Sulaiman pun menjadi Rajalah di Riau itu: mati Sulaiman menjadi Sultan di Riau, [digantikan oleh Mahmud] iaitu cucu kepada Sulaiman, anak Abdul Jalil. Mati Mahmud⁶⁶ anaknya Abdul Rahman menjadi Sultan di Lingga ialah marhum Bukit Changkit, anak Abdul Rahman tiga orang; Muhamad, Husain, Sulaiman. Mati Abdul Rahman, Muhamad menjadi Sultan di Lingga ialah marhum Kedaton, Sulaiman menjadi Raja Muda di Lingga. Anak Muhamad banyak; ialah seorang namanya Mahmud ditabalkan oleh Sultan Muhamad menjadi Sultan gantinya. Bila Muhamad mati, Mahmudlah kerajaan di Lingga. Di dalam itu Mahmud mendapat salah dijatuhkan oleh Belanda kerajaannya dan diangkatkan Sulaiman menjadi

57 Datuk Amar Segara berpusat di Sungai Duri. Datuk Amar mempunyai hak berhubung terus hanya tanpa merujuk kepada Orang Kaya Indera Segara Temerloh.

58 Linehan menyebut Datuk Raja Hulubalang yang tinggal di Tanjung Belawan (hlm. 198).

59 Orang Kaya Setia Perkasa Pahlawan yang juga diletak di bawah OKIP Temerloh, salah seorang dari Orang Kaya Setia Perkasa yang termasyhur ialah Abdul Rahman atau Dato' Bahaman. Lihat Eunice Thio, "The Extension of British Control to Pahang *JMBRAS*, Vol. 30 pt L, 1957 dan *British policy in the Malaya Peninsula 1880—1910*: Kuala Lumpur University of Malaya Press 1968 Vol. I.

60 Orang Kaya Dewa Pahlawan atau To Bongsu yang diletakkan di bawah pegangan Orang Kaya Indera Segara Temerloh.

61 Datuk Setia Muda diletakkan di bawah struktur kuasa Maharaja Perba Jelai, biasanya mereka ini mempunyai hubungan keluarga. Gelaran-gelaran dan sempadan disemak pada 8 Oktober 1891. (Linehan, *Pahang*, hlm. 137).

62 Orang Kaya Setia Wangsa Lipis atau disebut Orang Kaya Setia Lela Lipis juga di bawah pegangan Maharaja Purba Jelai. Dalam manuskrip Hikayat Johor serta Pahang tidak memasukkan gelaran Dato' Setia Lela Kiran dan Orang Kaya Setia Penggawa yang berkuasa di kawasan Berhala Gantung ke Bukit Segumpal. (Linehan *Pahang*, hlm. 198).

63 Sebelum Koming, semasa ke Bendaharaan Tuan Mutahir Imam Perangnya ialah Mohamad Akil. Dalam tahun 1868 Buyong Adil menyebut "Imam Perang Wan Mohamad anak Maharaja perba Jelai Wan Idris... membantu pasukan pihak Bendahara Wan," (hlm. 156—157).

64 Bertengkar (?).

65 Bendahara Pahang 1722—1748, mangkat baginda digantikan oleh Tun Hassan Raja Indera Bongsu, Putera Tun Abbas iaitu menjadi Bendahara Johor Riau Pahang. Adiknya Temenggung Abdul Majid dijadikan Raja Indera Bongsu. Lihat *Tuhfat al-Nafis*, hlm. 101. Buyong Adil, *Pahang*, hlm. 85.

66 Pemerintah Empayar Johor 1761—1811.

Sultan. Bila mati Sulaiman cucu saudaranya menjadi Sultan, iaitu anak Raja Muda di Riau namanya Abdul Rahman. Maka sekarang Sultan Abdul Rahman dipecat oleh Belanda.

Sekali persetua pada suatu masa tahun 1819 Tuan Raffles datang ke Singapura ia bertanya pada Salleh,⁶⁷ "Siapa Raja di sini?" Jawabnya, "Temenggung Abdul Rahman." Maka kata Tuan Raffles "Bolehkah berjumpa dengannya?" Jawab Che' Salleh, "Nantilah sahaja sembah kepadanya." Maka Che' Salleh pun pergi lah berjumpa." Jawab Temenggung, "Jika dengan baik boleh juga aku berjumpa. Jika tiada baik aku amuk." Maka Tuan Raffles petang itu berjumpalah dengan Temenggung dan banyaklah hadiah-hadiah daripada Tuan Raffles. Maka Tuan Raffles pun bersahabatlah dengan Temenggung Abdul Rahman lalu diminta oleh Tuan Raffles diperbuat pelabuhan di Singapura itu. Maka tiada berapa hari Tuan Raffles pun balik ke Eropah⁶⁸ dan tiada berapa lama datang pula ke Singapura dan ia hendak menjadikan Temenggung Abdul Rahman Raja Singapura. Maka jawab Temenggung, "Sahaya tiada boleh menjadi Raja, sebab sahaya pangkat yang ketiga, abang sahaya di Pahang, pangkat yang pertama, di Riau pangkat kedua, Rajanya di Daik."⁶⁹ Maka jawab Tuan Raffles, "Sahaya dengar Temenggung pun boleh juga menjadi Raja bakā itu juga." Maka jawab Temenggung Abdul Rahman, "Jika tuan hendak menjadikan Raja juga ada seorang [adik] Sultan Abdul Rahman di Riau, Tengku Husain namanya." Maka kata Tuan Raffles "Bolehlah kita panggilkan kemari?" Jawab Temenggung Abdul Rahman, "Boleh" lalu ia menyuruhkan Che' Engku Yahya⁷⁰ mendapatkan Che' Abu Putih di Riau menyelakan Tengku Husain ke Singapura lalu berjumpa dengan Tuan Raffles. Maka Tuan Raffles meminta semuanya dinaikkan bendera, dimasukkan meriam lalu digelarnya Sultan Husain. Kemudian dari pada itu Temenggung Abdul Rahman menulis surat ke Pahang menyatakan Tengku Hussain telah bergelar Sultan. Maka jawab Bendahara Ali darihal itu tiadalah ia mencampuri melainkan ia menyembah ke Daik juga dan apa-apa hal dari Pahang tiadalah singgah ke Singapura melainkan terus ke Daik selalu.⁷¹

Sebermula daripada mula dilantik Tengku Mahmud itu,⁷² ia pun

67 Ini satu versi permulaan Raffles menjejakan kaki di Singapura dalam buku sejarah yang kontroversial. Terbitan Kerajaan Singapura dikatakan "Hakim dan Ann Siang yang mula-mula nampak kapal Inggeris memberitahu orang-orang kampung nelayan yang kemudian berkerumun ke kapal 'Indiana' itu Raffles bertanya "adakah atau tidak orang-orang Belanda di pulau kamu?" bila dijawab oleh nelayan itu "tidak ada" Raffles kemudian pergi ke rumah Temenggung. Lihat Tan Suan Imm (ed.) *Nenek moyang kita sebagai Peneroka*, buku 1, Singapura, hlm. 24—25. Lihat dan bandingkan dengan *Singapore 150 Years, MBRAS*, Reprint No. 1. 1873, hlm. 74—77.

68 Sir Stamford Raffles tidak pulang ke Eropah tetapi masih berada di perairan Selat Melaka, menurut *Tuhfat al-Nafis*, "Adapun Tuan Raffles lagi di Pulau Pinang, kerana ia akan belayar ke Benggala dan Tuan Farquhar..." (hlm. 276).

69 Linehan memetik dialog ini keseluruhannya ini (hlm. 56). Daik yang dimaksudkan ialah Riau.

70 *Tuhfat al-Nafis*, menyebut "lalu ia [Temenggung Abdul Rahman] menyuruh Che' Engku Yahya mendapatkan Che Abu Putih di Riau menyilakan Tengku Husain [Tengku Long] ke Singapura menjelajah mengail" (hlm. 276) menurut W.H. Read Raja Embung dan Encik Wan Abdullah yang pergi mendapatkan Tengku Long dan Raffles mengadap Trengganu. Lihat *Singapore 150 Years*, hlm. 76.

71 "Bendahara Ali Father wrote a letter to Timmuranman Fhyssen, Governor of Malacca, expressing amarement that the inscrutable creator had parted brother from brother from son, and friend from friend..." (Linehan, *Pahang*, hlm. 56).

72 Pada 22 Julai 1889 Sultan Ahmad melantik Tengku Mahmud sebagai Pemangku Raja. Mahmud menjadi sultan dari tahun 1914—1917.

belayarliah dan menjalankan negara negeri. Maka daripada suatu masa kepada suatu masa dipandang oleh Seri Paduka ayahandanya bertambah-tambah baik sekalian pekerjaanya dan sangatlah bersetuju kepada bangsa kulit putih. Pada masa itu Seri Paduka ayahandanya telah 'uzur kerana lanjut usianya lalu ia berwakil kepada Tengku Besar kerana ia hendak berwenang diri. Dahulu daripada Seri Paduka ayahandanya memberi wakil itu Bendahara Temenggung Engku Muda telah mangkat dan Orang Besar berempat iaitu Orang Kaya Indera Pahlawan Chenor, Orang Kaya Indera Segara dan Orang Kaya Indera Syah Bandar telah mati; tiap-tiap pangkat yang hilang itu tiada gantinya, pasal tiadalah diketahui. Arakian pada 13 Mei 1914. Datanglah perindaran dunia lebih kurang pukul 4.45 petang Sultan Ahmad al-Muadzam Syah Pahang kembali ke Rahmat Allah Ta'ala, berpindah dari yang fana ke negeri yang baka. Pada 15 Mei itu jenazah dibawa hilir dimakamkan di sebelah hulu Kuala Pahang lebih kurang empat petang.

Bahawa sesungguhnya pun tiada dilantik siapa-siapa tetapi cenderung hati orang Tengku Besar juga menjadi Sultan Pahang. Maka yang begitulah telah menyalahkan 'adat dan resam yang terdahulu: pada 29 Mei 1914, datang telegram menyatakan pukul 3 petang ditembak meriam' alamat menzahirkan Yang Amat Mulia Tengku Besar menjadi Sultan Negeri Pahang dan jajahannya. Dari pada hari itu Yang Maha Mulia Sultan Mahmud bertakhta di atas Kerajaan Negeri Pahang sampai kepada 19 Jun 1917 datanglah perindaran negeri. Sultan Mahmud pun kembali ke Rahmat Allah Ta'ala di Tanjung Kuala Pahang, dibawa ke Istana Seri Terentang pada 20 Jun, dimakamkan di sebelah hulu Kuala Pahang dekat dengan Makam Seri Paduka ayahandanya. Maka [semasa] hendak mengangkat jenazah Mahmud dilantik Tengku Abdullah⁷³ menjadi sultan menggantikan al-Marhum itu. Sultan Mahmud mangkat meninggalkan seorang isteri namanya Tengku Mariam, gelaran Tengku Ampuan Besar Pahang. Al-marhum itu tiada zuriatnya. Tengku Ampuan Besar itu puteri Sultan Abu Bakar Johor.

Kebesaran Raja-raja

Pedang, Keris Panjang, Tombak, Cogan⁷⁴

'Adat Sultan serba 16, Bendahara serba 8. Adalah enam belas atau lapan itu iaitu meriam, kain dukung, dian besar menjawat⁷⁵ muka bantal, menjawat lampu, pebaraan. Jika Sultan bekerja alatan serba kuning, Bendahara bekerja alatan serba cindai.

Jika Raja-raja berangkat berjalan, didahulukan tombak di belakang tombak cogan: lepas itu Raja, di belakang Raja keris panjang, di kiri kanan Raja pedang, di belakang itu orang Besar-besar, juak-juak⁷⁶ dan orang ramai. Waktu Raja tengah berangkat, jika, orang berjumpa dengannya hen-

73 Abdullah ialah adinda Sultan Mahmud menjadi Sultan Pahang dalam tahun 1917 dan baginda melantik adindanya Tengku Sulaiman sebagai Tengku Besar (Buyong Adil, *Pahang*, hlm. 357). Dalam tahun 1932 Tengku Abu Bakar putera Sultan yang berusia 21 tahun dilantik menjadi 'Tengku Mahkota Pahang' iaitu gelaran baru bagi takhta Kerajaan Pahang.

74 Panji-panji.

75 Bererti 'memegang' seperti memegang muka bantal dan lampu sambil berarak.

76 Hamba Raya yang mengiringi Raja.

daklah duduk hingga lepas Raja itu baharulah bangun. Jika berbandung tiga, dinamakan rumah tela,⁷⁷ rumah di belakang dinamakan penangah⁷⁸ dan jika didirikan sebuah lagi di hadapan berhampiran dengan istana itu dinamakan peseban⁷⁹ itulah tempat Raja bersemayam hari-hari. Dipantangkan orang kebanyakan membuat rumah limas, benduk madu mencung bilis sayap layang-layang, pintu gerbang pagar pada sekalian istana raja-raja itulah dikatakan kota pintu. Pagar itu diperbuat sebuah rumah dan orang boleh duduk di atasnya, itulah dikatakan pintu gerbang. Suatu lagi sebuah balairung seri, adapun balai itu pada masa bekerja telah beradat di dalam istana: demikian juga di balai itu. Adat dijaga oleh Penghulu Balai, di dalam kota dijaga oleh Panglima Dalam. Masa orang bekerja itu jika masuk ke dalam kota atau dalam istana ataupun naik ke balai hendaklah memakai dengan tarafnya: jika dapat panggil di balai hendaklah duduk di mana-mana diletakkan oleh Penghulu Balai. Perempuan yang masuk ke dalam istana dikehendakkan memakai baju singkat berleungan kecil lagi berbuah di lengan leher bajunya tiada boleh dikancing⁸⁰ dan rambut dikehendaki bersanggul lintang, dikecualikan anak raja-raja bebas jika lelaki boleh berseluar panjang berbaju kurung naik ke balai itu, jika perempuan boleh memakai baju labuh dengan besar.

Dimulai meletakkan pekerjaan kahwin

Meriam ditembak pukul enam pagi ataupun waktu matahari terbit bendera pun diangkat kemuncak tiang siang malam tiada turun tiap-tiap pagi dan petang ditembak ke mana-mana pergi mempelai itu diikuti oleh penjawat dengan membawa kain dukung. Dian dipasang masa bersanding atau masa makan nasi tabak⁸¹ penjawat muka bantal dan penjawat tempat masa bersanding atau masa makan nasi tabak ia hadir disitu.

Pakaian mempelai⁸²

Berseluar panjang berbaju kurung, berkain lepas, bergelang tangan, berkeroncong kaki, berdokoh, berpending, kemudian memakai terapang atau terapang gabus, disangkut pula setangan sutera yang ada bergayut satu selepa, memakai pula destar serban bertanjak memegang sirih lekat di hadapan mukanya.

Pakaian Pengantin

Berkain, berbaju, bergelang tangan, berkeroncong kaki, berdokoh, berpending, bergandik, bersunting dan bertanjak.

'Adat berjamu di Balairung Seri

Di atas seri balai hidangan Sultan, hidangan Bendahara, hidangan

⁷⁷ Rumah belakang yang didirikan bersambung dengan istana biasanya untuk kaum wanita.

⁷⁸ Tempat memasak atau dapur.

⁷⁹ Perkataan dalam bahasa Jawa bermaksud 'Balai Pengadapan.'

⁸⁰ Ditutup.

⁸¹ Mikudnya talam, dulang atas tetampan.

⁸² Pengantin lelaki.

Temenggung, hidangan putera Sultan, kemudian baharu hidangan anak raja-raja dan di bawah seri balai hidangan orang besar-besar anak baik-baik dan haji, jika raja belum berhenti.

Jika Mempelai Berarak

Berarak mempelai berarak dahulu sekali berjalan orang ramai dengan bersorak mencabut keris, di belakang itu orang memukul tetawak⁸³ gendang serunai, di belakang itu orang membawa tombak, di belakang itu orang membawa ketur, terenang, puan, bangkal kadut, lepas itu baharulah mempelai seorang memegang kain pancung mempelai, dua orang menjadi ganding di kiri kanan mempelai itu pekerjaannya mengipas, di belakang itu keris panjang dan pedang, di belakangnya itu orang membawa kain dukung, di belakang orang mengiring. Apakala mempelai sampai dekat tangga, orang rumah menabur dengan beras kunyit 'alamat selamat berarak'. Waktu hendak masuk ke dalam pintu, orang di rumah mengancing pintu, orang yang membawa mempelai itu menyuruh membuka pintu, orang di dalam rumah meminta tebus. Apakala dicari tebus, pintu pun terbuka, masuklah mempelai duduk di peterana: di kanan pengantin, di hadapannya satu tabak nasi. Kemudian datanglah orang besar-besar ataupun orang tua-tua yang melayankan mempelai makan nasi tabak itu. Lepas makan seorang Ulamak meletakkan punca benca di atas kepala mempelai dan pengantin serta dicucunya sedikit air mawar di kepala keduanya itu dan duduklah ia membaca doa. Selesai daripada membaca doa itu, mempelai dan pengantin dibawa masuk pelamin ditanggalkan pakaiannya.⁸⁴ Di dalam pelamin itu nasi damai pula, disuruh orang tua mengintainya itu membasuhkan tangan mempelai. Biarkan ia hendak lepas daripada itu satu hari atau tiga hari, mandi sampat pula. Alatannya diperbuat daripada pucuk kelapa barang-barang benda perbuatnya beringin sebar [selebar?] tiga sebar panjang gambaran macam-macam perhiasan daripada pucuk kelapa itu dan beberapa pula ternang sangku batil yang berisi bedak-bedak air-air dan air rias. Jika Raja yang mandi sampat itu melainkan cukuplah adatnya. Waktu mandi banyaklah orang-orang bersimbahan kecil besar, tua muda, laki-laki perempuan. Lepas mandi datanglah tukang andam, dipasangkan dian diambilnya cherimin [cermin] keduanya itu lalu di keliling pada muka orang yang mandi sampat itu tiga kali, lepas itu bersalin kain basahan lalu berjalan sekarang dibawa masuk ke dalam rumah laki-laki, perempuan memakai pula kedua-duanya diduduki di atas peterana pula, laki-laki makan seorang, lepas daripada makan itu kedua-duanya turun menyembah kepada ibu bapa dan mertua.

Jika seorang hendak berahli⁸⁵

Datanglah daripada pihak laki-laki kepada pihak perempuan adalah menjadi persetujuan itu di antara laki-laki dengan perempuan itu. Jika kabulkan oleh ibu bapa bagi pihak perempuan itu ataupun warisnya, menjadi bertunanglah pihak laki-laki menghantar tandanya, kemudian menghantar

83 Gong kecil untuk mengerahkan orang.

84 Maksudnya bersalin pakaian.

85 Berahli atau menjadi keluarga ahli yang juga sering disebut bertunang.

belanja ikut adat perempuan itu, barang yang dihantar itu ringgit, kain, cincin dan tepak sirih. Waktu menghantar belanja itu lebih kurang pukul tiga petang, lepas berjamu baharulah turun pergi ke rumah pihak perempuan itu, dua orang menjadi kepalanya, seorang perempuan, seorang laki-laki. Apakala sampai dekat rumah perempuan pihak bagi perempuan pun berpantun demikian bunyi:

Sangatlah cantik bunga membacang
Mari dikait dengan kekati
Ayuhai encik orang yang datang
Inilah air pembasuh kaki

Dijawab oleh orang yang datang itu:-

Dari jauh ke pematang
Tetak cengal papan kemudi
Dari jauh saya datang
Mendengarkan tuan baik budi

Dan banyaklah lagi berbalas pantun itu. Orang yang datang itu hampir dekat tangga, orang di rumah pun menabur beras kunyit, naiklah orang yang datang, lalu masuk ke dalam rumah laki-laki tinggal di salasar, belanja dibawanya masuk ke dalam rumah perempuan yang datang bercakap di dalam rumah, kemudian ringgit, kain, cincin dihantarkan ke selasar itu. Apakala sudah diperiksa oleh pihak perempuan dihantarkannya masuk ke dalam cukup dan baik semuanya. Pihak perempuan menjamu orang yang datang balasan hantaran itu, seluar, baju, setangan kepala,⁸⁶ ikat pinggang, setangan sirih, semuanya itu dipulangkan kepada pihak laki-laki.

Jika seorang bunting sulung

Apakala sampai tujuh bulan menempah bidan dan berleenggang perut, beberapa orang bidang yang hendak ditemahnya itu disediakan bokor⁸⁷ yang telah berisi dengan sirih pinang dan duit, kemudian dijemput bidan-bidan itu, dan disediakan tujuh bangsa sulur-sulur bemban, mengkuang, lengkuas tepus dan lainnya, perempuan yang mengandung itu memakai seperti pakaian pengantin dan diambil oleh bidan anak batu dipakaikannya cara laki-laki dimisalnya oleh bidang laki-laki, orang yang bunting duduk dekat di situ. Bidan sudah berhimpun semuanya, orang yang bunting itu disuruh oleh bidan baring. Bidan pun berganti-ganti melancar sulur itu di atas perut orang yang bunting itu dari atas lalu ke bawah. Lepas itu dimandikannya pula, kain basah mandi itu disiat karungnya dan disuruh taruh hingga sampai beranak, baharu dipakai pula.

Jika perempuan hendak beranak

Diambil kekar alas, puntung damar, daun terung asam, duri mengkuang, digayutnya di bawah rumah pada tempat perempuan itu akan beranak. Di bawah tangga di muka pintu dibakar rabun. Jika rumah itu bertingkat di-

⁸⁶ Maksudnya kain ikat kepala atau destar.

⁸⁷ Pnggan yang tepinya lebar dan biasanya dibuat daripada logam.

ambilnya jala, diregangnya pada tingkat itu. Waktu beranak bidan kepala menyambut, seorang menjabat, seorang mengurut. Apakala selesai beranak bidan kepala membela kanak-kanak, lain-lain membela ibunya, perempuan yang beranak itu, tiga hari mandi bersiram. Lepas itu tiga hari berurut, tiap-tiap berurut bertangas petang pagi bersalai atau berdiang, hingga sampai empat puluh hari itu pantanglah pada sekalian. Kanak-kanak itu apakala sampai tujuh hari 'umurnya dicukurnyalah. Perkakas bercukur, tepung tawar, daun keladi, air kelapa, gunting, pisau penyukur, tepung tawar itu direcikkan⁸⁸ di kepala budak itu, daun keladi alas kepala budak itu, air kelapa tempat membubuh rambutnya, banyak orang yang mengguntingkan tiga orang ataupun tujuh orang. Pada hari itu juga disediakan bedak, langir, anak ayam: bidan itu melangirkan⁸⁹ di tempat beranak itu: apakala habis pekerjaannya, anak ayam itu dicampakkannya ke tanah upah bidan pun diberi, dan basahan diberi kepada bidan, dan nasi kunyit satu pinggan diberikan kepada bidan, dinamakan nasi kunyit itu nasi balas bidan.

Dimisalkan kepada orang yang hendak beristeri hingga sampai berdamai: orang yang disuruh itu ibarat utusan, perkara yang dibawanya itu diibaratkan orang sudah berendam: pihak laki-laki pergi mengintai itu diibaratkan mengaku musuh: menghantar belanja itu, diibaratkan utusan yang besar sekali, ataupun memutuskan perkaranya menggantung ataupun di balai itu diibaratkan membangunkan kubu, pada masa itu diibaratkan seumpama raja hendak melanggar sebuah negeri berarak ataupun hendak pergi bersatu ke rumah perempuan itu diibaratkan tengah melanggar musuh: orang yang berarak itu diibaratkan rakyat tenteranya: apakala hampir ke rumah perempuan itu, diibaratkan musuh sudah sampai ke dalam kota: orang di rumah mengancing pintu diibaratkan orang melanggar kota: disuruh buka pintu itu diibaratkan orang menyuruh membuka pintu kota; orang di dalam rumah meminta tebus diibaratkan orang yang dalam sudah hendak belot dan meminta beri suap: mempelai duduk di atas peterana diibaratkan raja yang melanggar itu sudah menaklukkan negeri itu; masuk ke dalam pelamin diibaratkan raja melawat ke dalam istana negeri itu; makan nasi damai itu diibaratkan mensahirkan pada segala isi negeri; duduk makan nasi hadapan diibaratkan mentahirkan pada segala isi negeri; duduk makan nasi hadapan lepas mandi sempat itu diibaratkan raja duduk di atas takhta kerajaan dan dihadap oleh sekalian hulubalang menteri; menyembah mertua itu diibaratkan meminta maaf.

Jika mengangkat raja memerintah negeri

Bendera diturunkan hingga sampai ke pangkat sulur bayur [bayong?] meriam pun timbak dialamatkan. Demikian adatnya.

Waktu menyiramkan mayat

Mayat diriba oleh anak Raja lima orang ataupun tujuh pebaran [perbara] enam belas, dian besar pandak enam belas dipasang, dan orang menyelam-

88 Direnjiskan tepung tawar.

89 Membersihkan rambut dan badan dengan langsir.

pai tetampam dan orang yang memandikan, orang yang menyirus layan [mayat?]. Jika ada orang abdi disuruhkan duduk di bawah rumah tentang mayat itu, orang itu dinamakan tapisan mandi; orang tapisan mandi itu dilepaskan ia merdeheka. Selesai bersiram meriam pun ditembak. Jenazah sudah siap diangkat ke balairung. Waktu hendak mengangkat jenazah turun itu, siapa-siapa yang akan menjadi ganti raja itu dipersilakan berdiri dekat jenazah itu, bangunlah seorang melafazkan ucapan berseru melantikan Tengku anu menjadi sultan menggantikan sultan anu yang telah hilang. Tengku yang dilantik itu menjawab, "Kabullah," lalu ia menyuruh angkat jenazah itu. Apakala jenazah diangkat ia pun menyusup di bawah jenazah itu juga tiga kali, langsunglah jenazah diangkat dibawa ke usungan yang dinamakan raja di raja, dan meriam ditembak pula. Maka jika tiada dilantik seorang dijadikan raja, mengesahkan sekalian adat-adat dan tiadalah boleh dijalankan hukuman di dalam negeri itu, kerana tiada rajanya. Sebelum usungan raja di raja diangkat alat sudah disediakan, didahului pebara di belakang lagi tombak, lepas itu cogan, di belakang cogan usungan raja di raja, payung pada usungan itu, di belakang itu orang membawa kain dukung, di atas usungan itu orang membawa keris panjang dan pedang, berteh hambur-hambur di belakang usungan orang membawa kain dukung.

Usungan jenazah itu dinamakan raja di raja, diperbuat daripada kayu yang keras, ataupun batang pisang, dikembangkan payung ubur-ubur enam belas di dalam usungan itu diletakkan jenazah itu dijawab oleh anak raja-raja menyandang keris panjang dan pedang, menyelampai tetampam, dan raja yang dilantik itu duduk di atas usungan, ataupun berjalan dahulu daripada usungan itu, di atas usungan itu dua orang menghamburkan berteh yang telah bercampur emas perak itulah dinamakan ambor-ambor. Daripada mula diangkat usungan itu hingga sampai ke kubur dihambur ambor-ambor itu, dan waktu mula diangkat jenazah itu juga orang memakai perkabungan kain putih di kepalanya, hingga sampai empat puluh hari balik daripada memakamkan jenazah itu, orang-orang semuanya iaitu laki-laki bercukur kepalanya, dan tiadalah boleh memakai apa-apa pakaian di kepalanya melainkan kain perkabungan.

Aturan bertabal

Diperbuat suatu tempat bersiram, dinamakan Panca Persada tujuh tingkat, dan diperbuatnya empat ekor naga kayu yang menyembur mengeluarkan air di atas tingkat-tingkat panca itu. Anak raja-raja perempuan duduk menjadi pejawat, di atas tingkat yang ketujuh itulah tempat bersiram, lepas daripada bersiram itu berangkat naik ke istana memakai pakaian kerajaan, turun dari istana berangkat naik ke balairung seri bersemayam di atas takhta singgahsana.

Dua orang Bentara daripada anak raja-raja menyandang pedang bercabut, seorang di kiri dan seorang di kanan singgahsana itu, sekalian rakyat bersapsap berdiri di hadapan balairung itu. Seketika bersemayam itu bangunlah Bendahara atau Temenggung ataupun siapa-siapa yang layak melafazkan ucapan demikian bunyinya: "Ketahuilah sekalian yang hadir dan lainnya! Adalah pada waktu ini di hadapan kita Yang Maha Mulia Sultan anu ber-

takhta di atas singgahsana dihadapi oleh sekalian Raja-raja, orang besar-besar, menteri hulubalang dan rakyat sekalian, Yang Maha Mulia inilah kita sekalian harapkan perintah "adil lagi murah makmur, dan sama timbangnya di atas rakyat isi negerinya." Dan sekalian telah mengatakan 'Daulat Tuanku,' berturut-turut tiga kali, dengan menundukkan kepalanya seperti orang rukuk. Maka seketika Raja yang di atas takhta itu pun bangunlah pula melafazkan ucapan: "Adalah beta ini bertakhta di atas singgahsana telah diharapkan oleh sekalian Raja-raja, menteri, orang besar-besar, suka berajakan beta dalam negeri ini. Sekarang berikrarlah beta di hadapan Melayu yang ramai daripada hari ini hingga selama-lama hamba menjadi Raja, wajiblah menjalankan sekalian adat dan hukuman yang keadilan di dalam negeri ini. Dan beta harapkan pula sekalian Raja-raja menteri yang besar hulubalang rakyat sekaliannya, setia dan taat. Mudah-mudahan Allah subhanahu wataala anugerahkan aman senang sentosa sekalian negeri kita ini." Kemudian Bendahara pula melafazkan ucapan: "Daulat Tuanku Syah Alam salallahu-fi-'alam, ampun tuanku beribu-ribu ampun, harapkan diampuni. Adalah patik sekalian ini hamba dan rakyat ke bawah Duli Yang Maha Mulia taat menjunjung titah perintah, dan tiadalah niat menderhaka ataupun hendak mendatangkan candakia. Maka jika ada niat melainkan ditempa oleh daulat ke bawah Duli Yang Maha Mulia." Dan Bendahara pun lalu menyembah menjunjung duli jauh dua hasta daripada duli sultan itu, lepas itu Temenggung, lepas Temenggung orang besar-besar berempat pula, orang besar itu menjunjung duli jauhnya tiga hasta daripada duli Sultan, masuk dan undur berlangkah serong. Tiada siapa boleh sampai ke duli Sultan menjunjung duli itu: Jika sesiapa sampai ke duli Sultan dipancung oleh dua orang Bentara yang menyandang pedang itu. Apakala selesai menjunjung duli, tiada berapa antara Sultan berangkat naik ke istana dan Bendahara pun bersabda menyuruh panglima dalam edarkan segala jamuan ke balai. Telah selesai berjamu masing-masing pun beredarlah.

Surat utusan

Jika utusan datang dari mana-mana dimaklumkan pada Sultan ataupun kepada Bendahara. Orang yang menjadi utusan itu diberi suatu rumah, tiap-tiap pagi petang dihantar makanan. Surat utusan itu disuruh [ambil dengan] alat menyambut [surat utusan] itu. [Iaitu] seorang anak baik-baik membawa satu ceper, dengan tetampan di bahunya, dan seorang membawa payung diiringi oleh orang-orang ramai. Apakala surat diterima daripada utusan, diletakkan di dalam ceper, ditudung dengan kain kuning surat itu, dipayungkan berjalan menuju ke balai, ataupun ke peseban. Orang yang menjadi utusan itu berjalan bersama-sama, sambil berjalan itu ditembak beberapa [das?] senapang; apakala sampai ke tangga balai disambut surat itu, utusan pun disuruh duduk, surat utusan itu, disuruh baca oleh Raja kepada Bentara, Bentara pun bangun berdiri membaca surat itu, apakala selesai membaca lalu duduk, dan surat itu pun diletak balik ke dalam ceper itu. Bila dibalas surat utusan itu, diserahkan sahaja pada utusan itu, serta dikurniakan persalinan kepadanya.

BAB EMPAT

SYAIR SULTAN ABU BAKAR

1. Bismillah itu permulaan kalam
Dengan nama Tuhan Halik Ul Alam
Melimpahkan rahmat siang dan malam
Kepada sekalian mukmin dan Islam.
2. Alhamdulillah sifat kepujian
Puji hambanya kepada Tuhan
Ialah menjadikan sekalian insan
Meningkatkan darjah Raja-raja Bangsawan.
3. Dengarkan tuan suatu peri
Syair dikarang dagang yang ghari¹
Sajaknya janggal tidak terperi
Sekadar menghibur hati sendiri.
4. Dikarang oleh fakir yang lara
Ceritanya Raja Johor Negara
Masa sekarang tersebutlah cetera
Wartanya masyhur segenap negara.
5. Sultan Abu Bakar² konon namanya
Marhum Ibrahim nama ayahandanya
Sikap majlis elok parasnya
Arif laksana sempurna bicaranya.
6. Serta adil lagi perkasa
Ramai memuji segala bangsa
Di dalam negeri senang sentiasa
Banyaklah mereka suka temasya.
7. Johor Baharu³ konon dinamakan
Di situlah bersemayam Paduka Sultan

1 Ghari (غاري) bererti keseorangan.

2 Abu Bakar memakai gelaran Sultan mulai tahun 1885, sebelum itu pada tahun 1868 memakai gelaran Maharaja Johor. Baginda menggantikan ayahandanya Temenggung Ibrahim pada tahun 1862 dengan mewarisi gelaran Temenggung Sri Maharaja Johor. Semasa hayatnya Abu Bakar adalah disenaraikan sebagai 'Orang Ternama' di Singapura.

3 Nama asalnya ialah 'Tanjung Puteri'. Bandar ini dibuka oleh Temenggung Ibrahim pada tahun 1856 kemudiannya dimajukan oleh Abu Bakar; pada tahun 1866 bandar tersebut dibuka dengan rasmi oleh Abu Bakar dan dinamakan Johor Baharu.

- Datuk Menteri⁴ wazir pilihan
Memerintah di bawah baginda tuan
8. Kerajaan sendiri⁵ konon dianya
Cukup sekalian hulubalang menterinya⁶
Serta dengan daerah takluknya
Terlalu ramai rakyat tenteranya.
 9. Negerinya elok terlalu permai
Jalannya bersih terlalu besar
Segala mereka duduk berkedai
Segala dagangan berbagai-bagai.
 10. Banyaklah masuk dagang senteri
Cina dan Keling Arab dan Jawi
Berjenis dagangan khas Meseri (محسن ميسري)
Orang berniaga sebilang hari.
 11. Dahulu bernama Tanjung Puteri
Sekarang sudah jadinya negeri
Masa baginda bernama Tanjung Puteri
Johor Baharu nama gelari.
 12. Gedung sewa berbanjar rapat
Darinya pantai sampai ke darat
Rumah beratur bersekat-sekat
Pintu jendela berkipas rapat.
 13. Alatan negeri pula dikata
Cukup sekalian alat senjata
Segenap simpang ada mata-mata⁷
Serta berjaga istana dan kota.
 14. Melayu dan Kabul⁸ ada belaka
Pedang senapang dipakai mereka
Setiap hari ia berjaga
Siang malam tiada bertika (برتیکا).
 15. Kuda kereta ada belaka
Banyaklah naik segala mereka
Jalannya deras dengan seketika
Sampailah ia bagai dijangka.

4 Datuk menteri bermaksud 'Datuk Menteri Besar Johor' selaku Ketua Pentadbiran Kerajaan Johor.
5 Maksudnya kerajaan yang merdeka dan berdaulat.

6 Sebelum dicatatkan dalam Perlembagaan Negeri Johor tahun 1895, sejumlah menteri-menteri telah dilantik; mereka terdiri daripada pegawai kanan kerajaan mamakai gelaran 'Datuk Bentara Dalam, Datuk Bentara Luar, Datuk Sri Amar Di Raja, Datuk Sri Setia Raja, Datuk Penggawa Barat dan Datuk Penggawa Timur.'

* Khas bermakna sejenis kain, disebut juga kain kasa; Mesiri bermaksud Mesir, Khas Meseri bermakna kain dari Mesir.

7 Polis, Pasukan Polis Johor telah ditubuhkan semasa pembukaan pada Tanjung Puteri; tahun 1866 Pasukan Polis Johor disusun semula, Mohamad Salleh Perang mengetuai Jabatan Polis sebagai *Pesuruh-jaya Polis*. Pada tahun 1883 Abdullah Tahir mengambil alih jawatan itu (lihat M.A. Fawzi Basri, 'Datuk Bentara Luar...' *Jurnal Sejarah*, Jil. x, 1972, Kuala Lumpur: SCD 12; SSD, hlm. 123).

8 'Kabul' bermaksud Indian Muslim (Benggali) sekarang dikenali sebagai Pakistan.

16. Kota istana pula disebutkan
 'Seri Menanti' yang dinamakan
 Di situlah bersemayam Paduka Sultan
 Cukup lengkap segala alatan.
17. Balai dan dewan ada berlaka [belaka]
 Tempat mesyuarat Menteri Paduka
 Bila-bila waktu sampai ketika
 Berhimpun ke situ segala mereka.
18. Adapun rumah pegawai sekalian
 Di atas bukit tempatnya tuan
 Rumah dan kampung elok kelihatan
 Kedudukannya itu sangat berpatutan.
19. Rumah batu dibuat mereka
 Sekaliannya itu demikianlah juga
 Dengan munasabah sekalian belaka
 Di dalam aman segala mereka.
20. Sebuah masjid baru dibuat
 Besar dan panjang terlalu rehat
 Perbuatannya elok pula dilihat
 Tempat mereka berbuat ibadat.
21. Benarannya⁹ empat sama sekata
 Dari jauh dipandang nyata
 Atapnya tembaga bukannya bata
 Lantainya marmar dibubuhkan rata.
22. Tukangnya itu Cina dan Keling
 Atapnya dibuat sisik tenggiling
 Dibuat sisir pula keliling
 Pintu jendela bercat kuning.
23. Kata orang empunya cetera
 Kisah istana Sultan mengendera
 Di Bukit Tersil¹⁰ di Singapura
 Istananya besar nampak ketara.
24. Beberapa majlis pula di dalamnya
 Cukup lengkap perhiasannya
 Terlalu halus perbuatannya
 Serta elok dengan sempurnanya.
25. Adapun istana Yang Dipertuan
 Segala alatan dengan berpatutan
 Masa sekarang belum kelihatan
 Di Singapura seperti demikian.

⁹ 'Benarannya' maksudnya 'menaranya'.

¹⁰ Bukit Tyersall di Singapura. Istana ini dibuka dengan rasmi oleh Abu Bakar pada 3 Disember 1892. Liputan upacara itu lihat Haji Musa Yusuf, *Johor Seratus Tahun*, 1956, hlm. 24.25.

26. Di Singapura tiada suatu
Berjual barang-barang seperti itu
Pesan ke Eropah sekaliannya itu
Harganya mahal sudah tertentu.
27. Di atas bukit istana dibuat
Nampaknya elok dengan istirahat
Jalannya rata bagai disifat
Kuda kereta ke istana rapat.
28. Cukuplah dengan padang halaman
Berjenis nika bunga-bunga
Kaedahnya itu seperti taman
Diselangkan pula pokok buah-buahan.
29. Tiap-tiap istana Sultan Paduka
Cukup lengkap demikianlah juga
Ramai memuji segala mereka
Entahlah berapa pulanya harga.
30. Pelabuhan negeri tersebutlah gerangan (كراغ).
Airnya dalam harusnya (Arus) tenang
Tiada suatu batu karang
Kapal berlabuh terlalu senang.
31. Tebing pantai batu berikat
Pasir kapur dibuat perkat¹¹
Rupanya elok serta kuat
Kapal berlabuh di tebing rapat.
32. Kapal nan masuk berganti-ganti
Kecil dan besar tiada berhenti
Bermuat papan dan beluti
Di tepi injin kapal menanti.
33. Telah berhenti ini perkataan
Tersebut pula kapal kerajaan¹²
Pergi datang tiada berputusan
Pergi memeriksa segala jajahan.
34. Kapal kerajaan hadirilah tentu
Ke sana ke mari tiada berwaktu
Kerja negeri bukannya satu
Sentiasa juga begitu.
35. Adapun daerah Johor¹³ sekalian
Laut dan darat dijagakan

11 'Perkat' maksudnya 'gum'.

12 Kapal kerajaan ini dikendali oleh Jabatan Laut (Marine Dept.). Antara kapal kecil (*launch*) ialah *Gazelle*, *Duffadar* dan *Puranda*.

13 Lain-lain daerah takluk Johor ialah berasas pusat pentadbiran daerah seperti Endau, Muar, Batu Pahat, Kukup dan Tanjung Surat.

- Tiap-tiap masa tiada berputusan
Rumah Pasung ada sekalian
36. Orang berjaga tiada berselang
Setiap hari malam dan siang
Kapal belayar pergi datang
Berjaga perompak lanun dan galang.
 37. Barang siapa mereka yang jahat
Yang melalui hukum dan adat
Ia ditangkap segera cepat¹⁴
Dikenakan belunggu tangannya lekat.
 38. Ke Johor Baharu ia diserahkan
Di dalam mahkamah lalu dihukumkan
Hukum Syariah¹⁵ yang dijalankan
Baik dan jahat supaya ketahuan.
 39. Kata orang yang menceritakannya
Kerajaan Johor banyak hasilnya
Orang Cina¹⁶ terlalu ramainya
Gambir dan lada yang ditanamnya.¹⁷
 40. Ramainya Cina bukan buatan
Ada yang bekerja segala galian¹⁸
Bangsanya tidak teringatkan
Macao, Tiu Chew, Khek, Hokkien.¹⁹
 41. Kepada masa ini sekarang
Nenas banyak ditanam orang²⁰
Segenap bukit tiada berselang
Apatah lagi nyiur dan pinang.
 42. Pokok buah-buahan berbagai nika
Durian, cempedak, duku dan nangka
Pulas, rambutan, mempelam dan mangga
Buahnya banyak tidak terhingga.
 43. Bangsa Cina tiada terhitung
Merata negeri mencari untung
Bangsa hitam [Hailam?] dan Kwang Tung
Banyak menaruh kapal dan gedung.

14 Banduan dibawa ke Johor Baharu melalui kapal kerajaan.

15 Pihak berkuasa Singapura pernah mencabar hukum yang dijatuhkan oleh Mahkamah Johor ke atas nelayan Cina Rakyat British. Lihat Maharaja Letterbook, Maharaja kepada Residen Konselor Singapura, 12 Juli 1861.

16 Jumlah orang Cina dalam tahun 1890-an ialah 150,000 orang, J.L. Jackson, *Planters and Speculators*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press, 1968, hlm. 25.

17 Kebanyakan orang Cina mengusahakan kebun gambir dan lada hitam di kawasan hulu sungai dalam Negeri Johor.

18 Di Jemeluang orang-orang Cina mengusahakan lombong bijih timah.

19 Di Johor orang Cina ini dibenarkan menjadi anggota kongsi gelap tunggal Ngee Heng (*Undang-undang Kancu, 1873*).

20 Nenas mula ditanam mulai akhir abad ke-19.

44. Demikianlah orang empunya peri
Kisah baginda Sultan bestari
Segala yang miskin di dalam negeri
Tiap-tiap bulan belanjanya diberi.
45. Banyaklah doa mereka sekaliannya
Meninggikan darjat pangkat syurganya
Tuhanku panjangkan kira umurnya
Raja yang adil segala perintahnya.
46. Adapun akan Sultan yang ghari
Jalan kebajikan yang digemari
Perkara yang besar di dalam negeri
Berangkat ke Mahkamah baginda sendiri.
47. Alim ulama adalah belaka
Di situ mesyuarat Seri Paduka
Beberapa kitab pula dibuka
Sekalian juri ada belaka.
48. Juri sekalian lalu memikirkan
Fikir yang benar yang dikeluarkan
Yang membetuli dalil Quran
Jangan bertanggung hari kemudian
49. Telah berfikir sekaliannya itu
Muafakatnya sudah menjadi satu
Tua dan muda sama sekutu
Lalu disembahkan duli Tuanku.²¹
50. Berhenti dahulu ini perkataan
Tersebut kisah Paduka Sultan
Muafakatnya baik bukan buatan
Adik dan kakak keluarga sekalian.
51. Jalan sahabat sangat dinika
Dengan sekalian adik kakak
Tiap-tiap seorang adinda Paduka
Pangkat martabat diberi belaka.
52. Kata orang empunya madah
Akan baginda duli khalifah
Budi pekerti masyhurlah sudah
Merata negeri namanya termegah.
53. Tersebut pula suatu perkataan
Saudara baginda paduka Sultan
Namanya itu suatu perkataan
Serta nama menteri sekalian.

21 Cara ini menyebabkan Kerajaan Johor merasmikan amalannya dengan menjadikan Majlis Negeri Johor juga berfungsi sebagai "*Most exalted court of Justice and Appeal*." Kebiasaannya mufti menjadi Ketua Hakim Mahkamah Tinggi Johor, lihat SSD, 1901, hlm. 321—322. Semasa pemerintah Abu Bakar, Hakim Mahkamah Tinggi ialah Datuk Haji Mohd. Salleh SPMJ, muftinya ialah Syed Salim al-Attas, Magistret British yang pertama di Johor ialah Howard Bently, SSP 1887, hlm. 243—248.

54. Ungku Abdul Rahman²² namanya nyata
Saudara baginda Sultan Mahkota
Bijaksana jangan dikata
Dia memangku di bawah takhta²³
55. Ungku Abdullah²⁴ tersebut pula
Saudara baginda Sultan terala (ترعلا)
Arif dan bijaksana sama setala (ستال)
Bicaranya elok tiada cela.
56. Ungku Abdul Majid²⁵ seorang namanya
Saudara baginda jua dianya
Bijak dan cerdik sempurna bicaranya
Sekalian itu taat semuanya.
57. Ungku Khalid²⁶ saudara yang muda
Bijaksana lakunya syahda
Inilah lagi seorang yang ada
Saudara laki-laki Duli Paduka.
58. Raja Kecil²⁷ orang yang tampan
Saudara sepupu yang di Pertuan
Arif Laksana lagi setiawan
Kepala perang ia dijadikan.
59. Ungku Ahmad²⁸ orang perwira
Saudara sepupu Sultan mengendiria
Serta bijak kira bicara
Kepala perang sama setara
60. Ungku Haji Mohamad²⁹ seorang lagi
Sepupu baginda ke bawah duli
Kitab dan Quran sudah dikaji
Arif billah (عاريف بالله) sudah terpuji.
61. Terlalu fasih berkata-kata
Amal ibadat tiada leta
Kitab dan nahu ditafsirkan rata
Tiada dapat hendak dikata.

22 Baginda ialah adik Abu Bakar yang memainkan peranan penting dalam menguatkuasakan undang-undang Kerajaan Johor. Abdul Rahman menguasai kawasan Pahang (lihat, *Pelayaran Mohd. Ibrahim Munsyi*, passim.).

23 Semasa hayatnya Abdul Rahman diberi jawatan *Wakil Maharaja Johor* 1862—1875 beliau lebih aktif dalam memajukan Johor khususnya semasa Abu Bakar bersemayam di Singapura, dan melawat keluar negeri. Abdul Rahman meninggal dunia pada 24 Disember, 1876.

24 Beliau adalah ahli Majlis Negeri (Council of State) dan berjawatan sebagai Pesuruhjaya Kerajaan Endau dan Wilayah Pantai Timur Johor, *SCD*, 1875, hlm. L3-L4.

25 Beliau ialah Pesuruhjaya Kerajaan bagi sungai Muar dan Wilayah Pantai Barat, di samping menjadi ahli Majlis Negeri *SCD*, 1875, hlm. L3—L4.

26 Beliau menjadi Ketua Jabatan Pendaftaran kebun gambir lada dan kopi (*SSD*, 1887).

27 Namanya yang sebenar ialah Raja Ahmad (Raja Kecil Ahmad) dilantik Residen pertama Tanjung Puteri dalam tahun 1856 beliau bertanggungjawab membangunkan Johor Baharu.

28 Beliau menjadi ahli Mesyuarat Kerajaan sejak ditubuhkan (*SCD*, 1873).

29 Ungku Haji Mohamad bin Ungku Abdullah dalam tahun 1883 menjadi Ketua Jabatan Kerja Raya (*SSD*, 1883, hlm. 124). Beliau menjadi Ketua Utusan Kerajaan Johor dalam lawatan bersejarah ke Riau, lihat teks '*Kisah Pelayaran ke Riau*' beliau bersama Detuk Jaafar Mohamad telah mengiringi Abu Bakar melawat Eropah tahun 1866.

62. Ungku Abdullah Pahang tersebut cetera
Bendahara Tun Tahir empunya putera
Menjadi ipar Sultan mengendera
Lagi kerabat pangkat saudara.
63. Diam di Johor ia nan tuan
Duduk berkhidmat kepada Sultan
Terlalu bijak madah perkataan
Pangkat besar dikurniakan.
64. Habib Salim Attas Mufti Besar³⁰
Alim pendeta masyhurlah khabar
Banyaklah orang datang belajar
Tua muda kecil besar.
65. Hafaz Quran, nahu dan tafsir
Amal ibadat tiada taksir
Tiada khali wirid dan zikir
Taat kepada Tuhan yang takdir. (قَتَدِير)
66. Haji Mohamad Salleh³¹ peranakan barat
Menjadi Hakim Paduka hadrat
Amal ibadat terlalu taat
Serta alim tauhid makrifat.
67. Raja-raja ini hilanglah sudah
Sekaliannya kembali ke rahmatullah
Dari dunia sudah berpindah
Ke negeri akhirat tempat yang indah.
68. Habib Salim wafat belaka
Berpindah ke akhirat ke negeri yang baqa'
Haji Mohamad Salleh demikian juga
Sekaliannya itu kesana belaka.
69. Encik Jaafar³² orang bestari
Gelarnya itu Datuk Menteri
Wazir yang besar di dalam negeri
Wartanya masyhur kesana kemari.
70. Dari dahulu hingga sekarang
Namanya harum disebut orang
Bijak laksana sudah terbilang
Pekertinya elok tiada berselang.

30 Syed Salim al-Attas menjadi Datuk Mufti di akhir abad ke-19 (SSD, 1887). Sebelum itu Mufti Johor ialah Tuan Syed Mohamad, manakala imannya Haji Abdul Rahman (SSD, 1883), Haji Abdul Rahman kemudiannya menjadi Kadi Kerajaan Johor.

31 Dalam tahun 1873 dilantik menjadi Magistret (, SCD, 1873, hlm. 12) kemudian dinaikkan tarafnya menjadi Hakim (SSD, 1883, hlm. 123).

32 Keterangan lanjut sila lihat M.A. Fawzi Basri 'Datuk Jaafar Mohamad, Menteri Besar Johor yang pertama.' *JEBAT*, Bil. 2, 1973, hlm. 1-6 dan ikuti catatan ringkas nota bawah, dalam teks 'Kisah Pelayaran ke Riau' yang dianotaskan sebelum ini.

71. Encik Abdul Rahman³³ orang yang pitah
Datuk Amar yang indah
Arif dan bijak masyhurlah sudah
Jadi menteri duli khalifah.
72. Adapun akan Tok Amar³⁴ itu
Beroleh bintang dianya satu
Daripada Queen mengendera Ratu
C.M.G.³⁵ namanya itu.
73. Datuk Menteri juga demikian
Satu bintang juga dikurniakan
Oleh Queen lela dermawan
C.M.G.³⁶ namanya tuan.
74. Encik Mat Salleh³⁷ orang yang pita (فيتا)
Bijak dan pandai jangan dikata
Datuk luar gelar yang nyata
Menteri baginda Sultan Mahkota
75. Serta sempurna budi bicara
Di Batu Pahat membuka negara³⁸
Jadilah negeri tampak ketara
Cukup sekalian mahkamah bicara.
76. Di Batu Pahat ini ketika
Banyaklah orang masuk berniaga
Orang berniaga terlalu suka
Maklumlah negeri baharu dibuka.
77. Encik Jaafar³⁹ orang bangsawan
Datuk Timur nama gelaran
Saudara sekopek yang di Pertuan
Bijaksana lagi bangsawan.

³³ Lihat M.A. Fawzi Basri, 'Datuk Sri Amar Di Raja' Penghalang cita-cita Inggeris menakluk Johor, *'Malaysia In History'*, xv, No. 2, Disember 1972. Beliau bersama Ungku Othman anak saudara Abu Bakar adalah anak Johor yang pertama belajar di England. Pada mulanya beliau menjadi penterjemah Inggeris kepada kerajaan, kemudiannya menjadi Setiausaha Kerajaan dan urusan luar negeri. Beliau diingkir oleh Sultan Ibrahim atas nasihat Inggeris dan menetap serta meninggal di London dalam tahun 1927.

³⁴ Ringkasan disebutkan dari Dati Datuk Sri Amar Di Raja.

³⁵ Lihat E. Thio, *British Policy In The Malay Peninsula 1880—1910*, Singapura: University of Malaya Press, 1969. CMG bintang Paduka Mahkota England yang tinggi jarang dikurniakan kepada pembesar Melayu ketika itu.

³⁶ Ibid.

³⁷ Nama sebenar Mohamad Salleh bin Perang, keturunan Panglima kepada Temenggung Johor, beliau melaksana kerjanya sebagai Kerani Temenggung Abu Bakar, kemudian Ketua Kerani, Pesuruhjaya Polis, Menteri Pertanian Tanah & Ukur, pernah menjadi Pesuruhjaya Kerajaan Muar, dan Batu Pahat. Beliau telah membuka Endau, Muar dan Batu Pahat. Lihat tulisan M.A. Fawzi Basri, 'Datuk Bentara Luar', hlm. 32—41 dan 'Perang Saudara di Muar' *Berita Minggu*, 5 Mac 1972.

³⁸ Huraian lanjut mengenai Batu Pahat dan peranan Datuk Bentara Luar sila ikuti dari M.A. Fawzi, 'Sejarah Ringkas Batu Pahat, 1880—1917'. (Latihan Ilmiah yang tidak diterbitkan, Jabatan Sejarah Universiti Malaya, 1971).

³⁹ Nama sebenarnya Jaafar bin Nong Yahya, beliau pada mulanya membantu bapanya sebagai Residen di Tanjung Surat, (SCD, 1873) kemudian dilantik Pesuruhjaya Kerajaan bagi Sedili dan Pulau-pulau di pantai timur Johor bergelar *Penggawa Kanan* (SSD, 1885, hlm. 171). Dalam tahun 1887 bergelar *Datuk Penggawa Timur* dan dikurniakan bintang SMJ. Dalam tahun 1895 beliau menjadi ahli Jemaah Menteri.

78. Jadi menteri duli khalifah
Tokong, pulau padanya terserah
Taat menjunjung sabda dan titah
Faham mengerti adat perintah.
79. Encik Samad⁴⁰ seorang namanya
Datuk Barat konon gelarnya
Bijaksana sempurna akal nya
Menteri baginda juga dianya.
80. Berapa lama menjunjung sabda
Tulus ikhlas di dalam dada
Pekertinya elok tiada berbeza
Hingga sekarang demikianlah ada.
81. Encik Ibrahim⁴¹ namanya itu
Datuk Dalam⁴² digelar Tuanku
Terlalu tertib tingkah dan laku
Di dalam kota perintahnya itu.
82. Ilmunya ada akal nya sempurna
Tambahan cerdik arif laksana
Tutur katanya terlalu bina
Menjadi menteri duli yang ghana.
83. Encik Andak⁴³ namanya tuan
Datuk Andak nama gelarnya
Pandai mengerti lagi setiawan
Jadi Menteri baginda tuan.
84. Menjunjung titah duli Tuanku
Terlalu yakin di dalam kalbu
Berapa lama pekerjaan di pangku
Nama yang ghalib (غالب) tiada suatu.
85. Encik Yahaya⁴⁴ orang pilihan
Datuk Yahya nama dikurniakan
Datuk kedua satu gelaran
Bijak bestari lagi setiawan.

40 Nama sebenarnya Abdul Samad bin Ibrahim, pada mulanya menjadi Residen Tanjung Kupang, dalam tahun 1885 diangkat sebagai Pesuruhjaya Kerajaan Pantai Barat da Pulau-pulainya, dua tahun kemudian bergelar Datuk Penggawa Barat, seterusnya diperkenan oleh Sultan sebagai ahli Jemaah Menteri dalam tahun 1895. Beliau dikurniakan bintang kebesaran DPMJ.

41 Nama sebenarnya Mohamad Ibrahim bin Abdullah Munsyi, huraian lanjut lihat nota bawah 4 di 'Pengenalan' dan Mohd. Fadzil Othman, 'Suatu Penilaian Kritis Tentang Kisah Pelayaran Mohamad Ibrahim Munsyi sebagai sumber sejarah' (Tesis M.A. yang telah diterbitkan, Jabatan Sejarah Universiti Malaya, 1967).

42 Gelaran 'Datuk Bentara Dalam' didapatinya dalam awal tahun 1890-an.

43 Nama sebenarnya Andak bin Ming, dalam tahun 1873 menjadi Residen Muar (Tulu Muar) dan ahli Majlis Negeri dalam tahun 1886 dikurniakan bintang DPMJ.

44 Encik Yahya Awal (Awaluddin) ialah Jurutera dan Jurukur Kerajaan, manakala Yahya Shaaban ialah Penguasa Kerja Raya. Dalam tahun 1886 masing-masing mendapat gelaran 'Datuk' melalui bintang SPMJ dan DPMJ. Mereka kemudiannya menjadi ahli Jemaah Menteri.

86. Keduanya itu suatu nama
Pangkatnya itu kedua sama
Digelar berdua bersama-sama
Terjunjunglah titah Sultan utama.
87. Keduanya itu orang Johari
Menteri baginda Sultan bestari
Terlalu nika pekerjaan negeri
Tiada sunyi sebilang hari.
88. Encik Abdullah⁴⁵ muda yang syahda
Datuk Setia digelar baginda
Akalnya cerdik bijak pun ada
Jadi menteri Duli Seri Paduka.
89. Fikirnya elok tiada cedera
Sangat selidik segenap perkara (درکارا)
Kerjanya sempurna dengan segera
Pangkatnya besar pekerjaan negara.
90. Seorang pegawai ke bawah duli
Namanya itu Encik Mat Ali⁴⁶ (اچي معالي)
Dikurniakan gelaran Datuk Mat Ali
Jadi Residen di Endau Kiri.
91. Bijak mengerti jangan dikata
Bicara elok tiada kata
Terlalu taat di dalam cita
Menjunjung titah duli mahkota.
92. Encik Mohamad⁴⁷ saudara Tok Barat
Digelar Datuk Setia Adat
Terlalu bijak kias ibarat
Fahamnya baik lagi cermat.
93. Serta tertib lagi selidik
Masing-masing pangkat kakak dan adik
Aturannya kena dipandang cantik
Barang di mana tiadalah tempik (تمنيق)
94. Kata orang yang menceterakan
Tersebut kisah Encik Abdullah Keptan⁴⁸
Orangnya bijak madah perkataan
Jadi pegawai baginda nan tuan.

⁴⁵ Nama sebenarnya Abdullah bin Tahir, beliau menggantikan Datuk Luar sebagai Pesuruhjaya Polis Negeri Johor dan dikurniakan gelaran Datuk Sri Setia Raja, dalam tahun 1905 menjadi Pesuruhjaya Kerajaan Muar di samping ahli Jemaah Menteri.

⁴⁶ Mohd. Ali bin Khamis menjadi Residen Endau yang mengambil alih dari tangan Haji Abd. Latif. Dalam tahun 1886 dikurniakan bintang 'Datuk'. Beliau tidak pernah menjadi ahli Jemaah Menteri Kerajaan Johor.

⁴⁷ Datuk Mohamad bin Ibrahim adalah Datuk Penghulu Istiadat dalam tahun 1887 (SSD, 1887, hlm. 12).

⁴⁸ Eapen Abdullah menjadi Pegawai Pengiring Abu Bakar.

95. Terlalu taat di dalam dada
Menjunjung titah duli baginda
Berapa lama demikianlah ada
Sampai sekarang tiada berbeza.
96. Encik Daud bin Sulaiman⁴⁹
Segala pelajaran menjadi ketahuan
Di dalam sojar⁵⁰ menjadi keptan
Perintahnya elok dengan berpatutan.
97. Melayu Inggeris sudah belajar
Menjadi mudah kerja yang sukar
Tambahkan bijak pula berkhobar
Dapatlah dia pangkat yang besar.
98. Adapun anak menteri pilihan
Encik Abdullah⁵¹ seorang dinamakan
Sedang remaja umurnya tuan
Di dalam sojar menjadi leftenan.
99. Encik Mustapha⁵² anak menteri
Memangku jawatan dalam Treasury (ترجيري)
Bersama Raja Cik muda bestari
Memegang wang belanja negeri.
100. Akal fikiran dengan sempurna
Pekertinya baik kedengaran bahana (بهنا)
Menjunjung pekerjaan duli yang ghana
Keduanya itu bijak laksana.
101. Anak saudara sultan mengendera
Terlalu baik budi bicara
Jalan bakti sahaja dikira
Pekerjaan yang ghalat belum ketara.
102. Ungku Othman⁵³ muda yang pita
Anakanda saudara duli mahkota
Bijaksana jangan dikata
Tambahkan cermat tutur kata.

49 Kapten Daud Sulaiman, beliau ditauliahkan sebagai Penolong Pegawai memerintah Pasukan Tentera Johor (Johore Military Forces), dalam tahun 1906 dinaikkan ke pangkat 'mejar' menjadi Pegawai Memerintah Johor Volunteer Forces (JVF). *SSD*, 1906, hlm. 366.

50 Sojar ringkas perkataan *soldier* (askar).

51 Abdullah Jaafar memulakan perkhidmatan sebagai Penolong Pesuruhjaya Rendah Polis Johor (*SSD*, 1901, hlm. 322), kemudian Pesuruhjaya Polis Muar (*SSD*, 1906, hlm. 387/8). Dalam tahun 1907 dikurniakan pingat DPMJ bergelar Datuk. Dalam Tentera Johor beliau aktif dalam JVF akhirnya menyandang pangkat mejar. Beliau akhirnya menjadi Menteri Besar Johor 1923—1928.

52 Mustapha Jaafar memulakan perkhidmatan sebagai Ketua Kerani di Pejabat Datuk Menteri dalam tahun 1885, kemudian Penolong Ketua Jabatan Pendaftaran (1888), kemudian membantu Datuk Bentara Dalam di Perbendaharaan dalam tahun 1906 menjadi Juruaudit Negeri dengan Raja Chik bin Ahmad sebagai pembantunya. Beliau menjadi Menteri Besar ke-IV (1928-31).

53 Bersama Datuk Sri Amar Di Raja menuntut di London, dalam tahun 1901 menjadi ahli Mesyuarat Kerajaan. Beliau pernah menjadi Penolong Residen Muar dalam tahun 1891.

103. Ilmu dituntut sudah ketahuan
Pergi belajar ke Negeri England
Memangku pekerjaan yang di Pertuan
Pesuruhjaya pekerjaan hutan.
104. Ungku Mud²⁴ orang sempurna
Saudara sepupu Sultan yang ghana
Sedap manis budi rencana
Budi bahasa terlalu bina.
105. Orang bijak lagi setiawan
Besar juga pengikutnya tuan
Ramah mesra bukan buatan
Pada sekalian handai dan taulan.
106. Ungku Chik paduka adindanya
Menjadi lawyer konon kerjanya
Akalnya cerdik faham bicaranya
Periksa dan siasat sangat tertibnya.
107. Kata orang empunya cetera
Terlalu bijak dia bicara
Barang siapa yang ada perkara
Mendapat dia dengan segera.
108. Ada seorang Syed peranakan
Namanya itu Abdul Rahman
Omar Attas walidnya tuan
Menjadi lawyer sangat handalan.
109. Akalnya tajam serta ilmunya
Satu perkara banyak maknanya
Jaranglah konon bicaranya
Bersoal jawab terlalu fasihnya.
110. Hassan Attas (حسن عطاس) tersebut ceteranya
Habib Ahmad nama walidnya
Di Johor Baharu konon tempatnya
Menjadi saudagar sekarang dianya.
111. Peranakan Pahang dialah masyhur
Hartanya banyak Pahang dan Johor
Dikurnia oleh Rabil Ghaffur
Sedikit tiada menaruh takbur.
112. Adapun akan Syed Hassan bangsawan
Orang Johari lagi beriman
Suatu bintang dikurnia Sultan
Bintang kerabat namanya tuan.

* Ungku Mahmood menjadi Penolong Pesuruhjaya Polis Muar dalam tahun 1855 (SSD, 1885, hlm. 17-172).

113. Syeikh Kecil orang bestari
Dunia akhirat semua dicari
Dengan sempurna akal fikiran
Serta bijak madah dan peri.
114. Anak Pahang konon dianya
Di Johor Baharu sekarang diamnya
Menjadi Haji sekarang dianya
Amal ibadat terlalu yakinnya.
115. Haji Abdullah⁵⁵ orang pilihan
Peranakan Kelantan dia nan tuan
Kitab dan Quran faham sekalian
Menjadi Hakim Paduka Sultan.
116. Serta alim lagi pendeta
Nahu dan mantik ditafsirkan rata
Hakimnya adil timbangnya rata
Tiada boleh hendak dikata.
117. Haji Othman⁵⁶ mufti yang kedua
Nikah kahwin mereka semua
Bercerai-berai tuntutan dakwa
Belanja isi kahwin dengan sebahwa (سيهما)
118. Bicaranya terang dengan pasti
Sedikit tidak walang hati
Terlalu taat berbuat bakti
Kepada Tuhan Rabbil Izati (رب العزة)
119. Kata orang empunya peri
Tersebutlah kisah di dalam negeri
Kerap muafakatnya wazir menteri
Pekerjaan yang musykil dicari.
120. Tentulah adatnya yang demikian
Berkumpul ke dewan⁵⁷ mereka sekalian
Sudah satu pakatnya sekalian
Baru dibuat segala pekerjaan.
121. Adapun pegawai Sri Paduka
Jalan muafakat sangat di piaka
Sekaliannya itu mengerti belaka
Kerjanya elok bagai dijangka.

55 Haji Abdullah Musa dilantik menjadi Mufti pengganti Syed Sallim al-Attas merangkap Hakim Besar Mahkamah Tinggi Johor, beliau kemudian dianugerahkan bintang DPMJ membawa gelaran 'Datuk'. Semasa beliau memegang jawatan-jawatan itu serentak, Syed Abdul Kadif diperbantukan kepada beliau selaku Penolong Mufti.

56 Dalam tahun 1883 Tuan Haji Othman telah dilantik menjadi ahli Majlis Negeri (Mesyuarat Kerajaan Johor), dalam tahun 1885 beliau menjadi Hakim Residen Muar.

57 Dalam tahun 1873 Abu Bakar telahpun menubuhkan 'Council of State' (Mesyuarat Kerajaan) ahlinya terdiri dari kerabat baginda, Pegawai-pegawai Kanan dan Alim Ulama.

122. Kepada masa zaman sekarang
*Ahli Johor*⁵⁸ disebut orang
 Di mana tercampak tidak terbang
 Pengetahuannya itu dipandang orang.
123. Apatah lagi tulis-menulis
 Ketahui belaka Melayu Inggeris
 Ada mengaji kitab dan hadis
 Angka abjad diketahuinya habis.
124. Tersebutlah Muar⁵⁹ desanya negeri
 Takluk baginda Sultan bestari
 Sekarang sudah menjadi negeri
 Ramailah masuk dagang senteri.
125. Bandar Maharani namanya tuan
 Di situlah tempat dagang sekalian
 Kapal berlabuh di tepi jambatan
 Orang berniaga tiada berputusan.
126. Kapal yang masuk tiada berhenti
 Pergi datang berganti-berganti (برکنتی برکنتی)
 Cina, Melayu, Keling dan Ceti
 Berjenis dagangan adalah pasti.
127. Negerinya ramai kelihatan nyata
 Kota Polis ada semata
 Cukup sekalian dengan mata-mata
 Setiap tempat dijagakan rata.
128. Mereka berjaga setiap hari
 Siapa yang melalui hukuman negeri
 Berbuat jahat samun dan curi
 Ia ditangkap dikenakan gari.
129. Ungku Sulaiman⁶⁰ orang yang mulia
 Terlalu kena segak (سگه) dan gaya
 Negeri Muar⁶¹ serahkan dia^{*}
 Menjadi Residen dahulu ia.

58 Semua ahli-ahli Mesyuarat Kerajaan (Council of State) kebiasaannya dikenali dengan gelaran 'ahli Johor.'

59 Sebelum tahun 1885 terdapat tiga kawasan Muar yang mempunyai pusat tadbiran iaitu Padang dan Muar Hulu (Kepung) ialah di bawah Residennya Wan Andak dan Encik Andak manakala kawasan tebing kiri mudik sungai Muar diperintah oleh Sultan Ali Kesang dan setengah kawasan Muar Hulu diperintah oleh Temenggung Muar. Selepas Perang Saudara di Muar, seluruh kawasan Muar hari ini diperintahkan oleh Sultan Johor. Sultan Abu Bakar kemudiannya memerintahkan Muar dimajukan, Datuk Luar telah membangunkan bandar Maharani sebagai pusat tadbiran Muar. Lihat Fawzi Baari, 'Perang Saudara di Muar,' E. Thio, *British Policy in the Malay Peninsula*, hlm. xxvi-xxvii.

60 Ungku Sulaiman pada mulanya berkhidmat sebagai Penolong Setiausaha Kerajaan (SCD, 1873), dalam tahun 1884 menjadi Residen Muar sehingga tahun 1895 apabila beliau dilantik menjadi ahli Jemaah Menteri dan menyandang portfolio Pesuruhjaya Besar Kerajaan ('State Commissioner General').

61 Kerajaan Johor dalam menerapkan statusnya sebagai negara merdeka telah menamakan Johor sebagai negeri, itulah sebabnya dalam tahun 1890 misalnya di Muar perkhidmatan keretapinya disebut 'Muar State Railway', lihat M.A. Fawzi Baari 'Keretapi Muar 1890—1916, *JERAT, 1974/1975*, hlm. 113—120.

130. Anak saudara duli khalifah
 Bijaksana lagi pandai memerintah
 Balik ke Johor dia nan sudah
 Dikurniakan pula pangkat yang indah.
131. Ungku Mat⁶² muda bangsawan
 Anakanda saudara paduka Sultan
 Di dalam Muar memangku jawatan
 Menjadi commissioner ia nan tuan.
132. Fikirnya sempurna di dalam hati
 Tambahan bijak lagi mengerti
 Adatnya perintah dengannya pasti
 Mencari nama berbuat bakti.
133. Ungku Omar⁶³ muda muktabar (مكتابر)
 Jadi hakim di dalam Muar
 Arif billah serta sabar
 Dengan tertib pula berkhabar.
134. Dua pupu baginda Yang Di Pertuan
 Kitab dan Quran sudah ketahuan
 Taat kepada hadis dan firman
 Serta saleh lagi beriman.
135. Ungku Cik⁶⁴ adindanya tuan
 Hukum dan adat ketahui sekalian
 Serta bijak sempurna fikiran
 Hakim yang kedua ia dijadikan.
136. Tok Mohamad⁶⁵ orang yang petah
 Di dalam Muar menjunjung titah
 Menjadi Residen duduk memerintah
 Terlalu bijak menjalankan perintah.
137. Dengan sempurna budi bicara
 Pekertinya elok tempat ketara
 Fahamnya baik tiada cedera
 Terlalu suka isi negara.
138. Tuan Kecut yang dinamakan
 Anak Pahang dia nan tuan
 Di dalam Muar memangku jawatan
Commissioner nombor dua ia dijadikan.

62 Ungku Mat Ungku Abdullah pernah menjadi kerani pelatih Polis Negeri Johor dalam tahun 1886.
 63 Selepas jadi magistret mahkamah keadilan Muar Ungku Omar Ungku Ahmad dilantik menjadi Pemangku Pesuruhjaya Kerajaan dan Magistret Endau (SSD, 1901, hlm. 225).
 64 Ungku Cik Ismail bin Ungku Ahmad menggantikan abangnya Ungku Omar sebagai Magistret Muar (SSD, 1901, hlm. 225).
 65 Datuk Mohamad Mahbob DPMJ pada mula seorang guru, kemudian memasuki Perkhidmatan Awam Johor kemudian menjadi Pesuruhjaya Polis Muar (1890), merangkap Komandan Timbalan Setia negeri, kemudian Hakim Muar, Pesuruhjaya Kerajaan Muar 1895—1905, Timbalan Setiausaha Kerajaan 1904, Setiausaha Kerajaan 1906 dan Menteri Besar Johor (1919—1923).

139. Ali bin Hassan nama Arabnya
 Bangsa Habsyi konon dianya
 Orangnya bijak elok pekertinya
 Memangku pekerjaan biasa ianya.
140. Tersebut kisah paduka hadrat
 Baginda mendapat sepucuk surat
 Daripada Gabenor ayuhai sahabat
 Menyatakan Duke⁶⁶ raja yang hebat.
141. Surat dibaca baginda sendiri
 Sambil bertitah durja (مرح) berseri
 Kepada Datuk Wazir bestari
 Suruh berhadir di dalam negeri.
142. Lalu dikerah isi negara
 Mereka pun datang dengannya segera
 Ramai berhimpun rakyat tentera
 Serta dihiaskan pekan pesara.
143. Di dalam negeri telah dihiaskan
 Setiap lorong kain diatapkan
 Seperti khemah rupa perbuatan
 Candle (كنديق) tanglung pula digantungkan.
144. Apatah lagi balai istana
 Segala perhiasan sudah dikena
 Ramai berhimpun hina dan dina
 Ada sekalian jantan betina.
145. Tiada berapa lena antara
 Lalulah datang raja perwira
 Bertemu baginda Sultan mengendera
 Kerana sahabat sudah ketara.
146. Putera Queen yang keduanya
 Ke Johor Baharu konon datangnya
 Sehari Ramadan pada hisabnya
 Seribu dua ratus lapan puluh hijrahnya.
147. Pada masa itu ketika
 Orang Singapura datang belaka
 Terlalu ramai segala mereka
 Disediakan makanan sekalian belaka.
148. Tersebut pula perahu kenaikan
 Berbagai jenis rupa perhiasan
 Tidak serupa berlain-lainan
 Kelengkapannya itu sangat berpatutan.

⁶⁶ Duke of Sutherland, selepas sembuh dari sakit teruk telah dinasihat beralih hawa (to winter abroad). Duke itu telah melawat ke Siam dan Johor Baharu dan Muar sebelum berangkat ke Ceylon (Sri Langka). Lihat Florence Caddy, *To Siam and Malay: In The Duke of Sutherland's Yacht 'Sons Peur'*, (London: Hurst and Blackett, Limited, 1889). Hlm. 231—279.

149. Perahu Merah Emas nombor satunya
 Di situlah tempat kenaikannya
 Perahu kenaikan kuning alatnya
 Mereka yang berkayuh demikian pakainya.
150. Adapun akan Paduka Sultan
 Hadir menanti menyambut di pabian⁶⁷
 Setelah sampai Duke bangsawan
 Dengan baginda bergoncang tangan ⁶⁸
151. Orang menyambut ramai terlau
 Cogan alamat berjalan dahulu
 Meriam dipasang bertalu-talu
 Enam belas pucuk adat dahulu.
152. Langsung ke balai dibawa dia
 Oleh Baginda Duli Yang Mulia
 Di atas kerusi kedudukan dia
 Dengan baginda bertentang dia.
153. Adapun akan Seri Paduka
 Hulubalang Menteri hadir belaka
 Sekalian saudara demikianlah juga
 Mustaib mengadap segala mereka.
154. Seketika semayam Duli baginda
 Di atas kerusi tulus perada
 Bertitah kepada saudara yang ada
 Serta sekalian menteri memanda.
155. Dengan Duke disuruh berkenalan
 Bangkit berdiri mereka sekalian
 Bergoncang tangan serta menghormatkan
 Kemudian hari supaya ketahuan.
156. Duduk beratur sama sekata
 Hulubalang menteri sekaliannya rata
 Gabenor⁶⁹ di kiri duli mahkota
 Kakanda adinda adalah serta.
157. Tatkala semayam Paduka Sultan
 Ramai mengadap mereka sekalian
 Adapun Duka Raja bangsawan
 Lakunya tertib malu dan sopan.
158. Sultan Abu Bakar Raja Johari
 Sambil bersabda di Raja berseri
 Baginda bermadah serta berperni
 Lamakah sudah meninggalkan negeri?

67 " دفين " iaitu di pangkalan kapal.

68 Berjabat tangan iaitu bersalaman.

69 'TYT Gabenor Negeri Selat' duduk di sebelah Sultan Abu Bakar.

159. Lalu menjawab usul yang fitnah (فتنه)
 Terlalu manis mengeluarkan madah
 Dua purnama dibilangkan sudah
 Banyak negeri tempat yang singgah.
160. Seketika bersemayam di balai penghadapan
 Diangkat orang segala persantapan
 Berbagai nikmat ada sekalian
 Susu, Kehwa serbat minuman.
161. Segala alatan di meja itu
 Daripada emas sepuluh mutu
 Piring pinggan camca dan garpu
 Terlalu besar jamuannya itu.
162. Setelah selesai daripada jamuan
 Lalu berangkat Duli Yang Di Pertuan
 Langsung ke istana baginda tuan
 Membawa Duka Raja Pahlawan.
163. Sehari semalam dia berhenti
 Beradu di istana Sri Menanti
 Ramah mesra rupa pekerti
 Madah rencana tiada berhenti.
164. Adapun akan Duli Mahkota
 Terlalu suka di dalamnya cita
 Akan Duke Raja yang pita
 Tulus ikhlas sudahlah nyata.
165. Seketika berada sianglah hari
 Bangunlah baginda raja bestari
 Dengan Duke seraya berperi
 Baginda menegur durja berseri.
166. Waktu jam pukul delapan
 Diangkat orang segala persantapan
 Di atas meja sudah dihadirkan
 Makan minum bersuka-sukaan.
167. Telah berhenti jamuan Paduka
 lalu bermain bersuka-suka
 Harimau dan kerbau pula dilaga
 Ramai melihat segala mereka.
168. Alah harimau sudahlah pasti
 Rebah tergolek ia nan mati
 Ditanduk kerbau bersungguh hati
 Tidak disangka kepada hati.
169. Terlalu ramai itu ketika
 Orang Singapura datang belaka
 Ramainya tidak lagi terhingga
 Ke Johor Baharu bersuka-suka.

170. Adapun akan Duke bangsawan
Setelah berhenti segala permainan
Memberi takzim paduka Sultan
Lalu kembali Duke nan tuan.
171. Meriam dipasang bunyi gempita
Enam belas pucuk adat yang nyata
Memberi hormat muda yang pokta
Putera Queen yang bermahkota.
172. Berhentilah madah dengan cetera
Tersebut perkataan Sultan mengindera
Kiranya setahun lama antara
Mendapat surat dari Singapura.
173. Seorang Raja sebelah England
Hendak mengutus kepada Sultan
Raja Itali namanya tuan
Dengan baginda hendak bertaulan.
174. Lalu bertitah Duli yang ghana
Kepada sekalian Menteri Perdana
Menyuruh hiaskan balai istana
Mustaib alatan dengan sempurna.
175. Dalam antara hal demikian
Tibalah sudah kapal utusan
Menghantar bintang kepada Sultan
Ada berlabuh di Laut pabian.
176. Baginda bertitah seraya memandang
Menyuruh sambut utusan datang
Kedua adinda pergilah كراغ [gerakan]
Bawalah ia kemari datang.
177. Ungku Ahmad sepupu baginda
Ungku Abdul Majid Paduka adinda
Ia kedua tiada berbeza
Dititah oleh Duli baginda.
178. Mendengar titah yang di Pertuan
Lalu bermohon muda bangsawan
Berdatang sembah tertib kelakuan
Seketika pergi sampailah tuan.
179. Orang di kapal diketahui belaka
Yang datang itu saudara paduka
Memberi hormat sekalian mereka
Di dalam kapal duduk seketika.
180. Setelah sudah berkata-kata
Kembali balik muda yang pita (فيتا)
Naiklah utusan bersama serta
Langsung mengadap Sultan mahkota.

181. Memberi takzim lakunya syahda
Menyembahkan bintang⁷⁰ kepada baginda
Lalu disambut oleh Seri Paduka
Tanda sahabat tiada berbeza.
182. Demi bertitah Sultan terbilang
Pada utusan Raja yang datang
Hadiah itu sudahlah terang
Menerima kasih bukan kepalang.
183. Dua puluh orang naik mereka
Memakai bintang sekalian belaka
Pakaian hormat itu ketika
Mengadap baginda Sultan Paduka.
184. Adapun akan Paduka Sultan
Telah mustaib alat kebesaran
Penuh sesak di balai penghadapan
Hulubalang menteri hadir sekalian.
185. Setelah selesai madah dan sabda
Lalu bertitah Duli Seri Paduka
Disuruh jamu utusan yang ada
Serta sekalian menteri memanda.
186. Segala nikmat berbagai nika
Sekalian halwa ada belaka
Di atas meja diatur mereka
Ramailah makan segala mereka.
187. Setelah selesai daripada jamuan
Lalu bermohon utusan sekalian
Bangkit berdiri tertib kelakuan
Serta mentakzamkan yang di Pertuan.
188. Adapun akan Paduka hadirat
Serta berkirim bingkis dan surat
Menyatakan tulus di dalam hadirat
Raja Itali Paduka sahabat
189. Berhentilah sudah kisah utusan
Tersebut cetera Paduka Sultan
Lima orang puteranya tuan
Seorang wakil usul dermawan.

⁷⁰ Bintang tersebut ialah *Commander of the Cross of Italy*, satu darjah kebesaran Kerajaan Itali. Abu Bakar semasa hayatnya menerima bintang kebesaran negara asing seperti *Royal Prussian Order of the Crown*, *Commander of the Cross of Saxecoberg and Gotha*, dan *First Class Order of the Double Dragon*. Baginda yang merupakan Raja Melayu yang pertama sekali dianugerahkan bintang kebesaran England *CMG* di samping *GCMG* dan *KCSI*.

190. Tengku Ibrahim⁷¹ muda yang pita
 Timbangannya itu *Tengku Mahkota*⁷²
 Niat baginda di dalam cita
 Anakanda nan kelak menggantikan takhta.
191. Sikap Majlis lakunya bersahaja
 Sedap manis dipandang durja (درج)
 Umurnya sedang sampai remaja (رومانج)
 Patutlah ia dijadikan Raja.
192. Terlalu kasih Sultan yang ghana
 Akan anakanda muda teruna
 Akalnya cerdik arif laksana
 Tingkah laku semuanya kena.
193. Adapun akan duli khalifah
 Kasihnya tidak kalanya sudah
 Akan anakanda paras yang indah
 Seperti menatang minyak yang limpah.
194. Putera yang tua duli baginda
 Tengku Meriam⁷³ lela yang syahda
 Tengku Puteri⁷⁴ seorang anakanda
 Elok Majlis demikianlah ada.
195. Berhentilah perkataan Sultan mengendera
 Tersebut pula suatu cetera
 Encik Long putera Bendahara
 Pergi beristeri ke Singapura.
196. Engku Long Muda nama isterinya
 Marhum Ibrahim paduka ayahandanya
 Raja memerintah konon dianya
 Di Teluk Belanga kota istananya.
197. Adapun akan putera paduka
 Duduk di sana terlalu leka
 Ramai mengiring segala mereka
 Bercengkerama bersuka-suka.
198. Muafakatnya elok laki isteri
 Kasih dan mesra tiada terperi
 Bersuka-sukaan sehari-hari
 Dengan sekalian hamba sendiri.

71 Baginda diputerakan di Bidadari Serangoon Singapura pada subuh hari Rabu 17 September, 1873. Baginda telah diperkenalkan oleh Sultan Abu Bakar kepada ketua-ketua negara di Eropah.

72 Johor memulakan sejarah Malaysia dengan pemakaian gelaran 'Tengku Mahkota Johor' bagi menggantikan Raja Muda. Tengku Ibrahim dimasyhurkan sebagai 'Tengku Mahkota' pada 23 Mei, 1891. Dalam Perlembagaan Johor 1905 waris takhta disusun menurut tertib ganti seperti berikut: Temenggung, Bendahara, Raja Muda, Tengku Mahkota dan Sultan dipuncak hirarki Kerajaan Johor. Fasal 7 dan 23—24.

73 Tengku Meriam berkahwin dengan Raja Muda Pahang kemudian bergelar Sultan Mahmud Pahang (1914—1917).

74 Kemudian bergelar Tengku Besar, putera lain ialah Tengku Azizah dan Tengku Fatimah.

199. Daging darah pangkat saudara
 Kasih sayang tiada terkira
 Duduk sahaja di lain negara
 Kedua negeri tiada antara.
200. Kisah nan tidak hamba panjangkan
 Ceritanya banyak lagi disebutkan
 Ini sekadar saya ringkaskan
 Kisah berperang pula diceterakan.
201. Adapun anakanda paduka ratu ⁷⁵
 Sebelas orang jumlah yang tentu⁷⁶
 Lelaki perempuan sekalian itu
 Tua muda sama sekutu.
202. Putera laki-laki yang tuanya
 Ialah memangku paduka ayahandanya
 Perintah negeri serahkan kepadanya
 Bendahara Tun Tahir⁷⁷ konon namanya.
203. Encik Ungku Ahmad⁷⁸ seorang anakanda
 Putera yang tengah Raja berada
 Lima orang laki-laki paduka anakanda
 Sikapnya elok lakunya syahda.
204. Kata orang empunya peri
 Setelah mangkat marhumnya Ali
 Itulah mula gaduh negeri
 Adik-beradik sama sendiri.
205. Hijrah Nabi dibilang tentu
 Seribu dua ratus lima puluh satu [1251]
 Adik-beradik tiada setuju
 Masing-masing berhati mutu.
206. Selang tiada berapa antara
 Encik Ungku Ahmad keluar mengembara
 Pergi belayar ke Singapura
 Sambil menghibur hati yang lara.
207. Pelayaran tiada berapa lamanya
 Sampailah sudah konon dianya
 Di Kampung Gelam tempat berhentinya
 Di dalam kota tempat diamnya.

⁷⁵ Yang dimaksudkan ialah Bendahara Pahang.

⁷⁶ Antara putera Bendahara Ali ialah (1) Wan Sulung, (2) Wan Mutahir, (3) Wan Ismail, (4) Wan Teh, (5) Wan Ahmad, (6) Wan Tinit, (7) Wan Sunit, (8) Wan Esah, (9) Wan Andak, (10) Wan Hassan dan (11) Wan Mansur. Wan Ismail bergelar Engku Panglima besar dalam tahun 1857 tinggal di Chenor, Wan Ahmad di Pekan Seberang, Wan Mansur di Kampung Marhum dan Wan Hassan di Beruas. W. Linehan, *A History of Pahang*, 1973, MBRAS Reprint, 1973, him. 65.

⁷⁷ Membuat pertempuran di Ganchoong.

⁷⁸ 25 Mei 1856 Bendahara Ali serahkan kuasa pungut hasil Kuantan dan Endau kepada Wan Ahmad (Tun Ahmad). *Ibid.*, him. 66.

208. Duduk bersama putera Sultan.⁷⁹
 Tengku Jaafar namanya tuan
 Itulah konon menjadi taulan
 Diduduk di sana terlalu *هيوان* [hewan?]
209. Encik Ungku Ahmad⁸⁰ muda bestari
 Lalu mesyuarat sama sendiri
 Tiadalah kena demikiannya peri
 Hendak belayar ikhtiar dicari.
210. Adapun akan muda bangsawan
 Menyuruh bersiap perahu kenaikan
 Hadirlah sudah segala kelengkapan
 Harta benda lalulah diturunkan.
211. Setelah siap sekaliannya rata
 Lalu bermohon muda yang pokta
 Telah selesai berkata-kata
 Langsung berjalan keluar kota.
212. Serta diiring teman dan kawan
 Ramai menghantar teman dan taulan
 Seketika sampai ke dalam kenaikan
 Lalu kembali mereka sekalian.
213. Sauh pun dibongkar dengan segera
 Belayar sudah muda perwira
 Ke sebelah barat mencari kira
 Pergi Kemaman konon cetera.⁸¹
214. Kata orang empunya madah
 Ke dalam Kemaman sampailah sudah
 Di situlah berhenti muda yang indah
 Sultan Trengganu empunya perintah.
215. Tiada berapa lama antara
 Sampai di Kemaman lalu berkira
 Dapatlah pakatan⁸² dengannya segera
 Hendak melanggar Pahang negara.
216. Telah muafakat sekalian rata
 Orang Kemaman habislah serta
 Hadir sekalian alat senjata
 Lembing dan tombak perisai bergenta.

79 Sultan yang dimaksudkan ialah Sultan Ali yang memerintah Kesang, baginda mewarisi harta benda Sultan Hussein yang ada di Kampung Gelam Singapura.

* Makna leka pukta.

80 Encik Ungku (Wan) Ahmad berada di Singapura dalam tahun 1857.

81 Wan Ahmad bertolak ke Kemaman pada bulan Julai 1857.

82 Ahmad dapat sokongan Encik Koming Imam Perang Raja, Encik Endut Panglima Raja, Encik Talib Panglima Laut, Hitam Pengasuh Panglima Dalam, Panglima Kakap, Bahaman, (Tok Bahaman), Panglima Tunggul, Panglima Hitam dan Panglima Muda, manakala Kontinjen Trengganu yang membantu Ahmad dipimpin oleh Salyid Idrus, Raja Muda, Wan Dagang dan lain-lain. Lihat Linehas, *History of Pahang*, him. 68.

217. Segala senjata berbagai nika
Meriam senapang lela rentaka
Sekalian perahu berapil(برافيل) belaka
'Dandan Lengkong' kenaikan paduka.
218. Ramai berhimpun segala orang
Hadirlah sudah kelengkapan perang
Serta dengan panglima hulubalang
Riuh-rendah gong dan gendang.
219. Setelah kena saat edaran
Lalu belayar segala angkatan
Tunggul bendera berkibar-kibaran
Ke Negeri Pahang menuju haluan.
220. Empat puluh perahu di bilang
Penuh sesak bermuat orang
Maklumlah sahaja angkatan Perang
Pengail penjabat lancang dan payang.⁸³
221. Selang tiada berapa hari
Sampailah angkatan di dalam negeri
Dapatlah khabar kepada Menteri
Musuh nan datang menyerang kemari.
222. Musuh yang datang terlalu ramai
Encik Wan Ahmad nama Rajanya
Dari Kemaman datang dianya
Di Pulau Jawa tempat berhentinya.
223. Di situlah berhenti muda perwira
Dengan sekalian rakyat tentera
Kubu dan benteng dibuat segera*
Sambil muafakat berkira-kira.
224. Ungku Saiyid Wazir pukta
Rakyat dikerah tiadalah rata
Mana yang jauh tiada beserta
Musuh nan hampir istana kota.
225. Lalu disuruh dua orang pahlawan
Membawa surat ia disuruhkan
Terlalu keras bunyi perkataan
Negeri Pahang hendak dimilikkan.
226. Adapun surat diberi dahulu
Jangan dikata tidak kelulu
Adat berperang sahaja begitu
Supaya berkerah hilir dan hulu.
227. Adapun akan Wazir bestari
Pada utusan lalu berperai
Fahamlah sudah surat diberi
Baiklah pulang segeranya diri.

83 Sejenis perahu yang dibuat daripada kayu, biasa digunakan untuk menangkap ikan.

228. Adapun akan kedua utusan
 Telah selesai surat dihantarkan
 Lalu bermohon ianya tuan
 Lalu menuju tempat perhentian.
229. Engku Saiyid menteri yang pita
 Setelah pulang utusan nyata
 Menyuruh berhadir sekeliannya rata
 Penuh sesak di dalam kota.
230. Berapa banyak hulubalang pahlawan
 Alat senjata hadir sekalian
 Anak raja-raja dan tuan-tuan
 Musuh yang datang disuruh berlawan.
231. Adapun akan Wazir terbilang
 Sedikit tidak rupa bimbang
 Serta dijamunya panglima hulubalang
 sudah sedia alatan perang.
232. Panglima Besar saudara Bendahara ⁸⁴
 Gagah berani lagi perwira
 Ia memerintah sekalian tentera
 Sedikit tidak gentarkan mara.
233. Bersaf-saf keluar ke medan
 Kedua pihak lalu berhadapan
 Hulubalang panglima berlompahan
 Seperti harimau lepas tangkapan.
234. Parang-memarang tembak-menembak
 Bunyi gemuruh tempik dan sorak
 Belum beralah kedua pihak
 Rakyat tentera banyaklah rosak.
235. Adapun akan muda pokta (فؤت)
 Gagah berani jangan dikata
 Menyerbukan diri ke dalam senjata
 Ia sendiri melanggar kota.
236. Perangnya itu tiada berura براورا [berkira?]
 Tetak-menetak sekaliannya tentera
 Ada yang undur ada yang mara
 Tiadalah tentu sanak-saudara.
237. Apabila terkena peluru senapang
 Ada yang mati ada yang tempang
 Peluru berdengung seperti kumbang
 Segala yang takut hatinya goyang.

84 Menurut Linehan, "Engku Panglima Besar Ismail a brother of Mutahir" *History of Pahang*, hlm. 68.
 * Kemungkinan maksudnya Teluk Berantai iaitu nama Sulaman kain sutera itu.

238. Berbunuh-bunuhan bersungguh hati
 Hulubalang panglima mengadu sakti
 Siang berperang malam berhenti
 Banyaklah rakyat luka dan mati.
239. Adapun berperang menteri bangsawan
 Rakyat yang jauh tiada bersempatan
 Lawannya (لاوران) banyak tiadalah padan
 Keras langgarnya bukan buatan.
240. Kata orang empunya peri
 Selang tiada berapa hari
 Pecahlah perang Wazir bestari
 Dapatlah sudah kotanya negeri.
241. Bendera putih lalu dinaikkan
 Membuang senjata mereka sekalian
 Sebelah yang menang sangat kesukaan
 Banyaklah dapat segala rampasan.
242. Emas perak ada belaka
 Apatah lagi perkakas (فكاكس) tembaga
 Mendapat harta terlalu suka
 Tiadalah sedar mati dan luka.
243. Kain sutera tolok berantai (تلوک برانتي)
 Harta benda tidak ternilai
 Mereka yang dapat suka mengilai
 Ke atas bahu kain disibai.
244. Istana di Ganchung tersebut perkataan
 Cukup dengan segala perhiasan
 Harta benda banyak ditinggalkan
 Sukanya orang dapat rampasan.
245. Adapun Pahang zaman bahari
 Emas perak dapat dicari
 Banyaklah senang isi negeri
 Apatah lagi Raja dan menteri.
246. Tersebut kisah Raja negara
 Tatkala alah pekan pesara
 Mudik ke Chenur hulu negara
 Serta membawa sekaliannya putera.
247. Ungku Saiyid Wazir bestari
 Sudah keluar darinya negeri⁸⁵
 Membawa nasib badan sendiri*
 Serta ikhtiar hendak dicari.

⁸⁵ Menurut *Hikayat Pahang* "Engku Saiyid pun angkatlah bendera tanda tunduk maka malam itu lebih kurang pukul sepuluh dia dua beranak dengan Tuan Embong tujuh orang kawan-kawannya undurlah ke Ketapang naik ke Paya Palas, Sungai Miang berjalan kaki ke Singapura."

248. Berjalan darat konon perginya
Ke Singapura tempat ditujunya
Tuan Embong nama anakandanya
Pergi bersama dengan ayahandanya.
249. Adapun akan wazir bangsawan
Tiada ramai perginya tuan
Didalam hal yang demikian
Tiga empat orang teman dan kawan.
250. Encik Puan usul bestari
Ia nan tinggal di dalam negeri
Dia putera marhum Ali
Ungku Saiyid empunya isteri.
251. Kota istana bandar Pekan
cukup lengkap segala alatan
Encik Wan Ahmad adindanya tuan
Tiada siapa membuat olahan.
252. Sesia takdir Tuhan yang ghari
Duduk berperang sama sendiri
Di dalam Pahang negeri bahari
Tiga kali perangnya negeri.⁸⁶
253. Encik Wan Ahmad tersebut perkataan
Negeri Pahang sudah dimilikikan
Duduklah ia bersuka-sukaan
Dengan segala menteri pahlawan.
254. Adapun akan muda perwira
Lalu bergelar Datuk Bendahara
Bijaksana merintah negara
Terlalu suka rakyat tentera.
255. Terlalu ramai di bandar Pekan
Timur dan barat datang sekalian
Berjenis nika segala dagangan
Perahu yang masuk tiada bersangkutan.
256. Encik Wan Ahmad puteranya raja
Umurnya itu sedang remaja
Sekarang ia menjadi Raja
Bergelar Bendahara Siwa [Sriwa] Raja.⁸⁷
257. Kata orang empunya madah
Ungku Saiyid tersebutlah kisah
Ke Teluk Belanga sampailah sudah
Ia berjalan tiada berlengah.

86 Perang itu memakan masa antara 1857—1863. Pertempuran juga berlaku di Endau dan Kuantan, lihat Buyung Adil, *Sejarah Pahang* (Kuala Lumpur, Dewan Bahasa Pustaka, 1972), hlm. 115—191.

87 Menurut *Hikayat Pahang*: "dengan ke depan muafakat segala orang besar-besar hulubalang diangkut digelar Panglima Encik Ungku Ahmad itu digelar Datuk Bendahara Sri Raja Ahmad bagaimana istiadat dan gelaran Raja di atas baharung seri cukup dengan teribnya."

258. Setelah sampai wazir berida
Langsung mengadap Bendahara Muda⁸⁸
Ungku Saiyid pangkatnya ayahanda
Serta diceterakan perihal yang ada.
259. Habis sekalian diceterakannya
Tatkala musuh melanggar dianya
Encik Wan Ahmad datang menyerang
Orang Kemaman beserta semuanya.
260. Setelah didengar muda bestari
Susahnya hati tidak terperi
Memikirkan hal ayahanda sendiri
Pergi merata membawa diri.
261. Ungku Tanjung bijak laksana
Muafakat sudah tiada lena
Sudah berputusan bicara di sana
Lalulah masuk ke dalam istana.
262. Lalu berkhobar kepada isteri
Perkataannya manis durja berseri
Aduhai adinda lela bestari
Kekanda hendak bermohon diri.
263. Jika ada apa kesalahan
Harap jua adinda maafkan
Kakanda balik mengadap lawan
Hendaklah adinda tolong doakan.
264. Dengan sebenar kakanda berperi
Jangan adinda berhati ngeri
Jika ada hayat Allah memberi
Dengan segera kakanda nan mari.
265. Setelah didengar usul pokta
Berdebar lenyap di dalamnya cita
Tunduk diam tiada berkata
Berasalah lemah sendi anggota.
266. Seketika diam lela bangsawan
Lalu berkata dengan perlahan
Kakanda sendiri adinda pohonkan
Suruhlah sahaja hulubalang pahlawan.
267. Belasnya hati Bendahara Muda
Mendengar madah paduka adinda
Janganlah susah gerangan adinda
Tiada terbalas kisah yang ada.

⁸⁸ Wan Koris putera Bendahara Tun Mutahir bergelar Bendahara Muda, dia "seorang pematik, tidak cerdik orangnya... serta tiada pula mengambil berat akan hal negeri" Buyung Adil, *Sejarah Pahang*, jilid. 140. Mengenai kepulangan Wan Koris ke Pahang lihat *Maharaja Letterbooks*, 1855—1868, Temenggung Johor kepada Gabenor Negeri Selat, 21 November 1857.

268. Jika ada Tuhan yang memelihara
 Lepas kakanda dari mara
 Bala dan seteru semua terpelihara
 Kehendak Allah sekalian perkara.
269. Dengan isterinya lalu berkata
 Ayuhai tuan, emas juita
 Tinggallah tuan cahaya mata
 Janganlah gundah di dalam cita.
270. Setelah selesai madah dan cetera
 Lalu berangkat muda perwira
 Selang tiada berapa lama
 Sampailah sudah ke dalam negara.
271. Seketika sampai muda yang syahda
 Serta diiringkan teman yang ada
 Lalu mengadap paduka ayahanda
 Pulu dan belas di dalam dada.
272. Adapun akan muda bangsawan
 Berdatang sembah lakunya rawan
 Datuk Bendahara bersabdalah tuan
 Berbagai kisah yang diceterakan.
273. Demi didengar bunyi rencana
 Hatinya panas terlalu bina
 Mukanya merah gemilang warna
 Mengerahkan rakyat tiada lena.
274. Bendahara Muda tersebut perkataan
 Rakyat tentera sudah dihimpunkan
 Berapa banyak hulubalang pahlawan
 Hendak melanggar ke bandar Pekan.
275. Sudah lengkap alatan perang
 Alat senjata tiadalah kurang
 Meriam senapang keris dan pedang
 Tombak lembing dipakai orang.
276. Setelah berhimpun sekaliannya rata
 Lalu berjamu muda yang pukta
 Orang Besar Berempat masuk beserta
 Ramainya orang tiada menderita.
277. Di dalam Pekan tersebut kisah
 Segala mereka sudah dikerah
 Alatan Perang hadirilah sudah
 Di dalam kota riuh dan rendah.
278. Adapun akan Datuk Bendahara
 Raja berani lagi perwira
 Musuh di hulu sudah ketara
 Menyuruh mudik hulubalang tentera.

279. Ramailah mudik orang sekalian
Tunggul bendera tampak berkibaran
Serta dengan panglima pilihan
Musuh yang datang disuruh tahan.
280. Panglima Kumbang nama seorang
Biasa mengadap berperang
Beraninya sudah terbilang
Lakunya tidak membilang.
281. Empat orang kepala yang besar
Gagah berani lagi pendekar
Hatinya tentu tiada ghubar (غوبير)
Ialah memerintah segala askar.
282. Panglima Kakap seorang namanya
Orang Kaya Pahlawan sekarang gelarnya
Pantas tangkas (تينكس) konon orangnya
Berani dan cerdik ada semuanya.
283. Syed Idrus orang bangsawan
Panglima besar gelarnya tuan
Rupanya bengis dipandang roman (رومان)⁸⁹
Patutlah ia jadi pahlawan.
284. Tuan Kecil namanya itu
Handal berani sama sekutu
Bangsa Attas⁹⁰ dianya itu
Serta hebat dipandang laku.
285. Ungku Tanjung mud yang syahda
Encik Wan Aman paduka adinda
Serta adinda Encik Wan Da
Lalu mengadap paduka ayahanda.
286. Berdatang sembah lakunya gembira
Ayahanda apa lagi bicara
Anakanda bermohon dengannya segera
Kalah menangnya belum ketara.
287. Malunya anakanda tiada terperi
Memikirkan hal demikian peri
Jangan dipanjangkan lagi fikiran
Biarlah anakanda berperang sendiri.
288. Demi didengar raja berida
Terlalu gundah di dalam dada
Hendak melepaskan paduka anakanda
Hilanglah akal mana yang ada.

⁸⁹ Roman di sini bererti 'rupa' iaitu Syed Idrus pada penglihatan orang ramai berwajah bengis.

⁹⁰ Keturunan Arab dari kelompok keluarga 'Al-Attas.'

289. Mengeluarkan sabda tertahan-tahan
 Jika sudah dengan keredaan
 Kepada Allah ayahanda serahkan
 Ialah juga yang memeliharakan.
290. Sudah memakai ketikanya anakanda
 Lalu bermohon muda yang syahda
 Sujud menyembah paduka ayahanda
 Pulu dan belas di dalamnya dada.
291. Adapun pakaian muda bangsawan
 Serba hitam pakainya tuan
 Namanya itu 'Gagak Sekawan'
 Menggerlapan cahayanya rupa pakaian.
292. Berkeris terapan bertatah setia
 Tiga beradik sama sebaya
 Memegang pedang muda yang mulia
 Terlalu kena segak dan gaya.
293. Pakaian panglima berjenis bagai
 Berseluar sampak berbaju rantai
 Berkeris pendek bengkungnya cindai
 Songkok merah jambul berjurai.
294. Kepala perang demikian pakaiannya
 Keris dipinggang senapang dipegangnya
 Sebetuk pedang tersangkut di bahunya
 Sikap laki-laki rupa lakunya.
295. Segala pakaian berjenis nika
 Lima bertabur dipakai mereka
 Misai dan janggut berpenitas (برفتيس) belaka
 Sekaliannya memakai itu ketika.
296. Lalu berjalan muda bangsawan
 Diiringkan oleh teman dan kawan
 Serta dengan menteri pahlawan
 Duduk mengapit kiri dan kanan.
297. Segala pahlawan sama sekata
 Terlalu yakin di dalam cita
 Ilmu isyarat jangan dikata
 Sangat diharap muda yang pukta.
298. Panglima Mansu (منسو) nama seorang
 Orang berani serta garang
 Sedang masyhur di dalam Pahang
 Jadi kepala lasykar hulubalang.⁹¹

91 Panglima Perang Mansu mengetuai kumpulan 40 buah perahu, beliau berjaya mengundurkan tentera Wan Ahmad dari Kuantan dalam bulan Ogos 1861. Panglima Mansu tewas di Tanjung Batu apabila ditembak oleh orang-orang Rawa, dan akhirnya meninggal dunia di Kuala Jempul. Buyung Adil, *Sejarah Pahang*, hlm. 132—133 & 136.

299. Encik Usuh seorang namanya
 Panglima Dalam konon gelarnya
 Bengis juga rupa orangnya
 Cakapnya besar serta beraninya.
300. Muhamad Aki⁹² panglima pilihan
 Orangnya hebat tertib kelakuan
 Bahasanya halus rupanya tampan
 Kepala perang ia dijadikan.
301. Khatib Baharin nama seorang
 Handalnya itu sudah terbilang
 Hatinya tetap tiada goyang.
 Ia menjadi kepala perang.
302. Syed Deraman seorang namanya
 Jadi kepala juga ianya
 Terlalu berani konon orangnya
 Sikit tak indah akan lawannya.
303. Segala lasykar diatur mereka
 Rawa, mendeling adalah belaka
 Besar angkatan putera paduka
 Rakyat tentera tiada terhingga.
304. Segala bendera berkibar-kibaran
 Bendera merah hulubalang pahlawan
 Bendera hitam muda bangsawan
 Pakaian Bendahara juga demikian.
305. Adapun akan panglima Perang
 Ia dahulu daripada orang
 Sekalian tentera berbaris di belakang
 Kilat senjata rupa cemerlang.
306. Ramainya orang berpasuk-pasukan
 Perahu yang hilir tiada berputusan
 Mengikut perang menteri pahlawan
 Memberi dahsyat orang sekalian.
307. Hilir angkatan darinya hulu
 Gendang perang bunyinya bertalu
 Bunyi serunai mendayu-dayu
 Segala pahlawan berhati sayu.
308. Dalam antara hal demikian
 Lalu bertemu kedua angkatan
 Kedua pihak laku berhadapan
 Lalu bertempur beramuk-amukan.

92 Menurut *Hikayat Pahang* cetera ke-23, ketiga-tiga panglima (Muhamad Aki, Khatib Ibrahim dan Syed Draman) ini berkubu di Pulau Temai.

309. Perangnya keras tiada terkira
 Banyaklah rakyat mati dan cedera
 Bukannya musuh lain negara
 Adik-beradik sanak-saudara.
310. Kedua pihak sangat gembiranya
 Segala pahlawan mengadu saktinya
 Masing-masing dengan lawannya
 Sebelah-menyebelah banyak cederanya.
311. Muhamad Akil pahlawan yang besai
 Sebelah kiri memegang perisai
 Mengerat pedang terlalu pandai
 Jika terkena badan bercerai.
312. Segala pahlawan terlalu meta
 Masuk mengamuk ke dalam senjata
 Kedua pihak sama sekata
 Kalah menangnya belumah nyata.
313. Encik Wan Aman Muda yang garang
 Sambil menggeram mencabut pedang
 Hendak keluar ke medan perang
 Orang pun ramai datang memegang.
314. Encik Wan Da pula berperni
 Sambil berkata menggeram diri
 Mencabut sundang serta berlari
 Dipegangnya orang tiada diberi.
315. Berdatang sembah menteri pahlawan
 Pada kedua muda bangsawan
 Janganlah keluar dahulu tuan ⁹³
 Masakan kurang rakyat sekalian.
316. Hamba sekalian taatlah pasti
 Sikit tidak malang dihati
 Reda menanggung luka dan mati
 Menjunjung sabda lela gusti.
317. Pada hari itu tiada beralahan
 Banyaklah rosak rakyat sekalian
 Hari pun petang surai perkelahian
 Masing-masing kembali ke tempat perhentian.
318. Duduk berperang sebilang hari
 Sorak dan tempik tiada terperi
 Tiada berhenti barang sehari
 Berapa lama demikian peri.

93 Menurut Buyung Adil, Wan Aman seorang yang zalim, *Sejarah Pahang*, hlm. 140. Haji Hassan yang menjaga Jelai, Orang Kaya Temerloh dan Orang Kaya Syahbandar memberitahu Bendahara Sri Maharaja Tun Mutahir 'Negeri Tuanku ini sejak dari hulu tempat mengalir sampai ke kuala tempat ombak memecah telah rosak binasa, merata-rata tempat telah dibakar, sekiranya dibenarkan putera-putera Tuanku berjalan terus, tentulah tiada akan aman.'

319. Panglima kumbang sangat beraninya
Pahlawan Mansu berlawan dianya
Panglima Kakap jadi kapitnya
Sama mengerjakan tuan penghulunya.
320. Muhamad Akil mengamuk juga
Khatib Baharin beserta belaka
Banyaklah orang mati dan luka
Keras perangnya tiada terhingga.
321. Bunuh-membunuh tiada terperi
Tembak-menembak sehari-hari
Tetak-menetak kanan dan kiri
Ada yang mara ada yang lari.
322. Terlalu ramai datang angkatan
Hilir melanggar bandar Pekan
Di sebelah hilir tiada bantuan
Alah padanya nyatalah tuan.
323. Keras langgarnya orang dahulu
Di sebelah hilir tewas selalu
Kalah padannya sudah tertentu
Riuh soraknya sebelah hulu.
324. Berkelahi juga tiada berselang
Malam berhenti siang berperang
Sehingga sampai ke Pulau Kembang
Di situlah mati pahlawan seorang.
325. Orang diharap paduka ratu
Banyak menaruh kaum dan suku
Tuan Kecil namanya itu
Bangsa Syed sudah tertentu.
326. Encik Wan Aman bijak laksana
Ia melanggar di Kampung Cina
Peperangan tiada berapa lena
Dapatlah sudah kota istana.
327. Demikianlah orang yang menceterakan
Tatkala sampai musuh ke Pekan
Ungku Bendahara undurlah tuan
Berangkat turun ke dalam kenaikan.
328. Teman dan kawan mana yang ada
Ramai mengiring tua dan muda
Alat kelengkapan sekaliannya ada
Kenaikan bernama 'Singa Garuda.'
329. Kehendak Allah telah berlaku
Dua kali perangnya itu
Adat dunia sahaja begitu
Kalah menangnya sudah tertentu.

330. Ungku Bendahara raja yang indah
 Dari Pahang keluarlah sudah
 Ke negeri orang pergi berpindah
 Sultan Trengganu empunya daerah.
331. Di sebelah barat bersama paduka
 Di situlah duduk raja paduka
 Ramai mengiring segala mereka
 Hulubalang panglima ada belaka.
332. Ungku Tanjung tersebut kisah
 Di dalam Pahang ia memerintah
 Bendahara muda bergelar sudah
 Bersuka-suka riuh dan rendah.
333. Encik Ungku Aman nama adindanya
 Ia memangku paduka kekandanya
 Rupanya hebat bengis lakunya
 Banyaklah takut orang akan dianya.
334. Terlalu ramai di Bandar Pahang
 Bersuka-suka tiada berselang
 Apatah lagi senteri hulubalang
 Maklumlah orang menang berperang.
335. Kata orang empunya cetera
 Setelah selesai berperang negara
 Selang tiada berapa antara
 Lalu bekerja Datuk Bendahara.
336. Orang bermain tepuk dan tari
 Silat pencak sehari-hari
 Kahwin anakandanya lela bestari
 Riuh-rendah di dalam negeri.
337. Encik Ungku Chik nama anakandanya
 Maharaja Johor nama suaminya
 Sultan Abu Bakar sekarang gelarnya
 Di Johor Baharu tempat semayamnya.
338. Terlalu ramai itu ketika
 Bercengkerama bersuka-suka
 Johor dan Pahang kerabatnya juga
 Dengan sempurna dibuat paduka.
339. Adapun putera raja berida
 Sepuluh orang paduka anakanda
 Tiga orang perempuan konon anakandanya
 Elok majlis usulnya syahda.
340. Encik Ungku Ngah seorang namanya
 Jadi isteri Sultan utama
 Ungku Puan digelar nama
 Paras majlis muda kesuma.

341. Sedap manis tingkah laku
 Lemah lembut gayanya tentu
 Sultan Mahmud⁹⁴ suaminya itu
 Riau dan Lingga perintah di situ.
342. Kerajaan Melayu⁹⁵ namanya terbilang
 Cukup sekalian menteri hulubalang
 Riau Lingga Johor dan Pahang
 Sekaliannya itu tiada berselang.
343. Tersebut pula takluk jajahan
 Pulau nan tujuh hamba nyatakan
 Pulau Siantan Pulau bangunan
 Ketiga dengan Pulau Serasan.
344. Pulau Subi nama suatu
 Pulau Jemaja sama sekutu
 Pulau Laut akhirnya itu
 Banyak dagangan keluar disitu.
345. Igal, Manda lagi daerah
 Keteman Reteh masuk jumlah (جميله)
 Sekalian itu di bawah perintah
 Tiap-tiap tahun mengantar (menghantar) sembah.
346. Pulau Singkip ada suatu
 Dekat Daik pulaunya itu
 Galian timah banyak di situ
 Takluk baginda sekaliannya itu.
347. Berhenti perkataan duli khalifah
 Tersebut pula suatu kisah
 Tok Raja⁹⁶ orang termegah
 Sehari-hari berhati susah.
348. Kata orang menceterakan
 Encik Ungku Aman empunya olahan
 Anaknya mati tiada ketahuan
 Wan Embung⁹⁷ namanya tuan.

94 Sultan Mahmud Muzafar Syah bekas Sultan Riau — Lingga bertujuan untuk berkuasa semula di Pahang. Baginda menjadi Sultan Riau — Lingga semasa berusia 18 tahun dalam tahun 1841. Dalam tahun 1857 baginda tersingkir kerana pertikaiannya dengan Yam Tuan Muda Abdul Rahman dan Residen Belanda. Lihat Raja Ali Haji, *Tuhfat al-Nafis*, hlm. 336—340, Buyung Adil, *Sejarah Pahang*, hlm. 116—129, 135, 143—144, 155.

95 Empayar Melayu yang mengandungi Johor, Pahang dan Riau-Lingga berakhir setelah Bendahara Pahang dan Temenggung Johor mengisytiharkan kemerdekaannya dari Istana Lingga. Lihat L.Y. Andayes *The Kingdom of Johor, 1641—1728, Economic and Political Developments*, (Kuala Lumpur: Oxford University Press 1975), Raja Ali Haji: *Tuhfat al-Nafis*, Linehan, *History of Pahang*, Buyung Adil, *Sejarah Pahang dan juga Sejarah Johor*, passim.

96 Nama sebenar Wan Ismail bergelar Maharaja Perba Jelai dalam Perang orang-orang Kemaman tahun 1857 bertahan di hulu Pulau Keladi. Dalam bulan Oktober 1858 beliau bersama anaknya Datuk Setia Muda Wan Muhammad mengiring Sultan Mahmud Muzafar Syah ke Trengganu, beliau bersetuju dengan Wan Ahmad menyerang dan menawan Pahang pada bulan Januari 1862.

97 Menurut Buyung Adil, Wan Embung difitnah menderhaka kepada Bendahara Mutahir, Wan Embung telah mati ditembak. 'Leher Wan Embung telah dipenggal dilururkan dengan kunyit, kepalanya yang telah terpenggal itu digantungkan dengan rambutnya yang panjang itu di tiang hadapan sebuah perahu, lalu dibawa ke Pekan diserahkan kepada Bendahara Tun Mutahir,' *Sejarah Pahang*, hlm. 131.

349. Susahkan anak tiada terperi
 Lalu keluar membawa diri
 Berjalan antara berapa hari
 Sampailah ia ke desa negeri.
350. Ke Negeri Trengganu sampailah sudah
 Baginda Omar jadi khalifah
 Perintahnya adil makanan murah
 Hibur sedikit hati yang gundah.
351. Demikianlah konon akan ceteranya
 Masing-masing membawa anak bininya
 Wan Mohamad nama anaknya
 Bergelar Tok Raja sekarang ianya.
352. Setelah sampai kesana belaka
 Sambil duduk berbika-bika
 Lalulah ia pergi ke Naka
 Duduk sama dengan paduka.
353. Serta berkhobar segala cetera
 Perihal perbuatan Raja negara
 Sampai keluar pergi mengembara
 Malu aib tidak terkira.
354. Telah didengar madah cetera
 Lalu dijawab muda yang pita (ڤيتا)
 Pada siapa hendak dikata
 Sudah takdir Tuhan semata.
355. Lalu bersabda paduka ratu
 Betapapun demikian juga begitu
 Adik-beradik tidak sekutu
 Kehendak Allah sekaliannya itu.
356. Tok Raja orang bernama
 Orang Besar Berempat yang pertama
 Mengiring paduka bersama-sama
 Duduk paduka ia nan lama.
357. Kata orang empunya hikayat
 Ungku Bendahara lalu mesyuarat
 Tetaplah sudah segala muafakat
 Dengan Tok Raja sudah syarikat.
358. Tiada berapa lama antara
 Putuslah sudah sekalian bicara
 Lalu bermohon wazir perwira
 Kembali ke Pahang dengannya segera.
359. Selang antara berapa hari
 Sampailah ia ke hulu negeri⁹⁸
 Setelah sampai ke kampung sendiri
 Lalu muafakat serta berperi.

98 Menurut Linehan 'Dalam tahun 1862' when Haji Hassan, the Orang Kaya of Temerloh, and Orang Kaya Syahbandar had received their warrant from the Bendahara, they proceeded to Kangsa where they contracted into negotiation with them, and their loyalty the Bendahara seems to have been badly shaken *History of Pahang*, hlm. 82. Butiran lanjut lihat cetera ke-17 *Hikayat Pahang*.

360. Maharaja Purba menteri pilihan
 Dapatlah sudah mencari pakatan
 Jelai dan Lipis satu ikatan
 Muafakat elok bukan buatan.
361. Tok Kaya Lipis disebut dia
 Setia perkasa gelaran dia
 Dengan Tok Raja sudah bersetia
 Di dalam Lipis (الفية) perintahan dia.
362. Orang Kaya Haji⁹⁹ bersama mereka
 Dengan Tok Raja sudah sekata
 Pahlawan berani jangan dikata
 Segala kelengkapan hadirilah serta.
363. Tuan Mandak¹⁰⁰ wazir perwira
 Sudah lama pergi berkira
 Tiga beradik tiada antara
 Sama beserta perang negara.
364. Tuan Embung seorang namanya
 Nong Chik saudara yang mudanya
 Ia bertiga sangat muafakatnya
 Tiada bercerai barang di mana.
365. Berkasih-kasihian tidak terkira
 Tulus ikhlas serta mesra
 Masuk bersama ke dalam tentera
 Sedikit tidak gentar mara.
366. Syed Yassin orang Johari
 Bersama iparnya Tuan Hitam menteri
 Ia bersama perang negeri
 Keduanya itu pahlawan yang ghari.
367. Syed Mokhsin nama Arabnya
 Al-Habsyi konon bangsanya
 Syed Yassin demikian dianya
 Bin Yahya nama bangsanya.
368. Tuan Kechut nama seorang
 Panglima Kiri digelar orang
 Bangsa Jafri disebut orang
 Sikap pahlawan serta garang.
369. Besar angkatan muda bangsawan
 Tuan-tuan Syed jadi pahlawan
 Taat belaka mereka sekalian
 Apatah lagi segala tambatan.

⁹⁹ Tuan Haji Hassan Orang Kaya Indera Segera Temerloh.
¹⁰⁰ Sebuah tempat dalam Negeri Trengganu.

370. Ungku Bendahara muda bakti
Menaruh dendam di dalam hati
Jika diizinkan Rabbil-Izati
Hendak ke Pahang juga nan pasti
371. Adapun akan Raja Paduka
Hulubalang panglima hadir belaka
Sudah berhimpun di dalam Paka¹⁰¹
Menanti saat dengan seketika.
372. Beberapa orang yang handalan
Ilmu isyarat jadi pahlawan
Berapa isim pula diamankan
Oleh panglima hulubalang sekalian.
373. Berhenti dulu ini perkataan
Tersebut kisah menteri pahlawan
Hadirlah sudah alat kelengkapan
Menyembah surat serta maklumkan [makluman?]
374. Surat sepucuk dibawa mereka
Pergilah ia orang bertiga
Ia berjalan tiada leka
Sampailah sudah dia ke Paka.
375. Seketika sampai ia kesana
Langsung mengadap tiada lena
Surat disambut oleh Perdana
Lalu dibaca dengan sempurna
376. Perkataan sedikit tiada panjang
Siaplah sudah kelengkapan perang
Ramai menanti menteri hulubalang
Terlalu suka muda terbilang.
377. Adapun akan muda bangsawan
Telah kembali sudah utusan
Pergi ke Trengganu¹⁰² mengadap Sultan
Serta diiringkan teman dan kawan.
378. Seketika sampai muda bestari
Berdatang sembah merendahkan diri
Baginda menegur durja berseri
Marilah adinda hampir kemari.
379. Berdatang sembah Ungku Bendahara
Patik bermohon ke Pahang negara
Putus sudah segenap perkara
Hadir menanti rakyat tentera.

101 Sebuah tempat dalam Negeri Trengganu.

102 Maksudnya Kuala Trengganu, tempat bersemayam Sultan Trengganu. Sultan Umur Trengganu membantu Wan Ahmad yang berpangkalan di Kemaman ketika itu. Orang Kemaman turut sama menyerang Pekan dalam tahun 1857, tetapi gagal. Wan Ahmad akhirnya berjaya mengalahkan Tun Mutahir dalam bulan Jun 1863. Lihat Misbaha, *Trengganu Dari Bentuk Sejarah Hingga Tahun 1919(mj/1337)*, (Kuala Lumpur: Utusan Melayu, 1978, hlm. 172).

380. Telah didengar paduka Sultan
 Baginda bertitah manis kelakuan
 Selamat sempurna adinda tuan
 Disampaikan Allah barang dihajatkan.
381. Setelah sudah berkata-kata
 Lalu bermohon muda yang pokta (فوط)
 Lalu berjalan keluar kota
 Teman dan kawan mengiringi serta.
382. Adapun akan muda yang ghana
 Balik ke Paka tiada lena
 Alat kelengkapan hadir di sana
 Lalu memakai dengan sempurna.
383. Sikapnya majlis muda dermawan
 Ramai diiringkan hulubalang pahlawan
 Duduk mengembari kiri dan kanan
 Dua orang menyandangkan kebesaran.
384. Tersebutlah perkataan Raja paduka
 Sudah berjalan darinya Paka
 Perjalannya deras tiada leka
 Sampailah sudah sekalian belaka.
385. Setelah sampai Ungku Bendahara
 Tempat berhimpun segala tentera
 Berhenti seketika di hulu negara
 Sambil duduk berkira-kira.
386. Segala kelengkapan hadirilah rata
 Dengan sekalian alat senjata
 Hulubalang panglima jangan dikata
 Seperti laku gajah yang meta (متا)
387. Terlalu ramai segala mereka
 Rawa, Mendeling adalah juga
 Katuan (كاتوان) di hulu berserta belaka
 Ramainya angkatan tidak terhingga.
388. Berapa pula pahlawan pilihan
 Masing-masing dengan alatan pakaian
 Tunggul mendera (bendera) berkibar-kibaran
 Segala senjata berkilat-kilatan.
389. Pakaian hulubalang berjenis-jenis rupa
 Baju seluar kain bercempa
 Keempat pahlawan sama serupa
 Teropong emas baharu ditempa¹⁰³
390. Segala pahlawan muda yang bisai (بيسي)
 Sapu tangan sendeng suka memakai
 Ada memakai baju berantai
 Bengkungnya itu lima dan cindai.

103 'Tempa' bermaksud dibuat, dicipta dan disiapkan.

391. Keris pendek dipakainya itu
Sebilah seorang sudah tertentu
Pakaian Melayu memang begitu
Jadi pandu pedangnya satu.
392. Berapa pula hulubalang pilihan
Lain daripada segala tambahan
Panglima Komeng namanya tuan
Kepala perang ia dijadikan.
393. Panglima Tapuk (تافو) nama seorang
Misainya itu rambutnya panjang
Ia pun jadi kepala perang
Memberi dahsyat orang memandang.
394. Imam Perang Mahkota seorang namanya
Sikap pahlawan tertib lakunya
Kepala perang juga dianya
Haji Abdul Halim nama Arabnya.
395. Panglima Laut seorang pula
Jadi pahlawan sama setala
Enam orang jadi kepala
Orang-orang raja perintahnya segala.
396. Encik Talib nama yang tentu
Serta baik tingkah dan laku
Taat belaka sekaliannya itu
Menjunjung sabda paduka ratu.
397. Panglima Dalam seorang lagi
Sikap berani sama terpuji
Sekarang sudah menjadi haji
Terlalu yakin di dalam kalbi.
398. Ali namanya disebut orang
Gelarnya itu Panglima Garang
Sudah biasa mengadap perang
Lakunya tidak membilang orang.
399. Encik Hassan seorang dinamakan
Johan Perkasa Mahkota saudaranya tuan
Imam Perang Mahkota saudaranya tuan
Sekaliannya itu panglima pilihan.
400. Tetaplah sudah sekalian muafakat
Ke Bandar Pekan berkirim surat
Menyerang negeri demikian adat
Supaya dikerahnya segala rakyat.
401. Pergilah sudah tiga orang pahlawan
Diperintahka oleh wazir dermawan
Membawa surat ia nan tuan
Di bandar Pekan supaya ketahuan.

402. Adalah antara berapa hari
Sampailah sudah ke bandar bahari
Masuk mengadap ke balairung seri
Dibawa oleh Perdana Menteri.
403. Seketika duduk ketiga utusan
Berdatang sembah tertib kelakuan
Surat sepucuk lalu dimaklumkan
Ungku Bendahara Haji bangsawan.
404. Adapun akan Raja negeri
Kepada anakanda surat diberi
Bendahara Muda membaca sendiri
Hatinya panas mendengarkan peri.
405. Surat dibaca habislah sudah
Perkataannya itu fahamlah sudah
Paduka anakanda tunduk menyembah
Wajah yang manis nampak berubah.
406. Demikianlah bunyinya madah cetera
Datang nan hendak menyerang negara
Ada berhimpun di hulu negara
Terlalu ramai rakyat tentera.
407. Adapun akan raja berida
Sedang dihadap menteri mamanda
Hulubalang panglima sekaliannya ada
Serta sekalian paduka anakanda.
408. Segala panglima mendengar nan cetera
Lakunya itu sangat gembira
Sedikit tidak gentarkan mara
Menyuruhkan utusan pulang segera.
409. Balik bersiap kamu nan garang (کامون تاريخ) [gerangan?]
Kedua pihak sudah bertunang
Bermain senjata di medan perang
Supaya ketahui laki-laki yang garang.
410. Telah utusan mendengarkan kata
Berasa panas di dalam cita
Mendengarkan perkataan terlalu leta
Lalu bermohon sekaliannya rata.
411. Telah kembali utusan sudah
Encik Ungku Aman lalu berkerah
Disuruh panggil segala daerah
Ramailah rakyat berhimpun sudah.
412. Serta sekalian adik kaka [kakak]
Mana yang ada datang belaka
Ke Teluk Belanga mengutus juga
Menanti sampai saat ketika.

413. Terlalu suka Bendahara Muda
Mendengarkan sembah paduka adinda
Sudah dikerah mereka yang ada
Alat senjata sekaliannya ada.
414. Selang antara berapa hari
Tibalah angkatan ke dalam negeri
Ada dihimpun di kuala negeri
Ramainya tidak lagi terperi.
415. Seketika sampai ke dalam negara
Kenaikan berlabuh di Tanjung ڤانڠ [pura?]
Tok Penghulu mendengar cetera
Lalulah pergi dengan segera.
416. Berkayuhlah ia bersungguh hati
Menuju tempat angkatan berhenti
Sampailah sudah dengan pasti
Lalu bertanya dengan diamati.
417. Telah didengarnya warta
Terlalu suka didalam cita
Dapatlah ia khabar yang nyata
Lalulah ia kembali serta.
418. Adapun akan Penghulu itu
Mudik mengadap paduka ratu
Tunduk menyembah tertibnya tentu
Serta dimaklumkan perihalnya itu.¹⁰⁴
419. Anakanda Maharaja [Abu Bakar] menyuruh kemari
Sampailah sudah ia nan mari
Telah didengar raja negeri
Terlalu suka mendengarkan peri.
420. Dari Teluk Belanga datangnya itu
Disuruh kemari datang membantu
Dua kapalnya yang datang itu
Sikap pahlawan sama sekutu.
421. Raja Kecil seorang namanya
Ungku Ahmad jadi kapitnya
Pangkatnya itu sama keduanya
Saudara sepupu sama taranya.

104 Perkahwinan antara Abu Bakar dengan Puteri Bendahara Mutahir dan Putera Bendahara Pahang itu dengan adinda Abu Bakar dalam tahun 1857 mempunyai signifikansi politik, iaitu kekuatan Bendahara dapat dikukuhkan dan dengan janji-janji menyerahkan kawasan Endau dan Sedili Besar kepada Kerajaan Johor. Sebaik-baik sahaja Abu Bakar menjadi Temenggung pada 11 April 1862, baginda telah memainkan peranan aktif dalam perang Pahang ini. Pada 23 Ogos 1862 Abu Bakar mengisytiharkan 'sudah terserah Negeri Pahang itu kepada Seri Paduka anakanda (Abu Bakar) jahat baiknya.' Temenggung Johor telah menghantar kapal perang 'Muar' dan kapal sekoner ke Pahang, selain dari membawa askar juga membawa ubat bedil dan ubat. Abu Bakar juga telah mengupah dua pahlawan handal dari Perak Haji Abu Bakar dan Haji Mohd Taib. Campur tangan Abu Bakar menjadi satu masalah dalam politik Pahang. Lihat Linehan, *History of Pahang*, hlm. 83—84, *Maharaja Letter Books*, iaitu surat kepada Gabenor Negeri Selat pada tarikh-tarikh 7 Disember 1861 dan Mei 1863, dan lihat juga Buyung Adil *Sejarah Pahang*, hlm. 141—142.

422. Terlalu ramai membawa orang
 Berapa banyak perahu dan tongkang
 Serta gunboat sekonar perang
 Ada berjaya di Kuala Pahang.
423. Lasykarnya banyak tidak terperikan
 Melayu Bugis ada sekalian
 Serta dengan hulubalang pahlawan
 Beberapa pula orang yang handalan.
424. Bendahara Muda lalu berperai
 Menyuruh lengkap mamanda menteri
 Raja Kecil datang kemari
 Baiklah beta pergi sendiri.
425. Menteri sekalian berdatang sembah
 Sekalian orang sudah dikerah
 Segala kelengkapan hadirilah sudah
 Lalu berangkat muda yang pitah.
426. Terlalu ramai isinya negeri
 Pergi mengiring muda bestari
 Ramainya orang tiada terperi
 Serta dengan hulubalang menteri.
427. Adapun akan Bendahara Muda
 Bidara [Bendera ?] kenaikan tulis perada
 Serta sekalian paduka adinda
 Ada belaka tua dan muda.
428. 'Lancang Penjajab' nama kenaikan
 Tunggul Bendera tampak berkibaran
 Perahu mengiring tiada berputusan
 Gong gendang bunyi bersahutan.
429. Renggut (رڠگوت) dayung bersungguh hatinya
 Beserta dengan sorak tempiknya
 Ke Kuala Pahang tempat ditujunya
 Seketika hilir sampai dianya.
430. Raja Kecil orang terbilang
 Sedang ramai diadap orang
 Lalu diterongnya [teropongnya?] kelengkapan yang datang
 Bendera hitam agung dan topang.
431. Nyatalah sudah tampak kelihatan
 Rupanya itu perahu kenaikan
 Ramainya orang bukan buatan
 Tunggul bendera berkibaran.
432. Segala orangnya lalu dikerah
 Sekonar *gunboat* dihiaskan sudah
 Kerusi meja diatur sudah
 Hadir belaka penganan juadah.

433. Adapun akan Bendahara Muda
Naik ke gunboat muda yang syahda
Dengan sekalian paduka adinda
Serta diiringkan menteri mamanda.
434. Muda keduanya turunlah segera
Menyambut tangan muda perwira
Ia menegur lakunya mesra
Duduk di kerusi sama setara.
435. Terlalu ramah muda kedua
Madah rencana suka tertawa
Perkataan manis dengan seabahawa (سيهوا)
Menanti akan perinda (فريندا) adinda semua.
436. Adinda maharaja menyuruh kemari
Musuh nan datang menyerang negeri
Dia mendengar terlalu ngeri
Disuruhkan segera adinda nan mari.
437. Janganlah adinda berwalang [?] (بروالج) hati
Adinda semua bersamalah pasti
Sakit sengsara hidup dan mati
Demikianlah niat di dalamnya hati.
438. Bendahara muda mendengarkan kata
Terlalu suka di dalamnya cita
Diam seketika muda yang pita [pukta?]
Terlalu manis menjawab kata.
439. Pekerti adinda tiada terbalas
Serta dengan tulus ikhlas
Kakanda menerima sudahlah jelas
Melainkan Allah juga membalas
440. Tiadalah dapat kakanda perikan ¹⁰⁵
Sudah dengan takdirnya Tuhan
Musuh itu sudah ketahuan
Adik-beradik menjadi lawan.
441. Di hulu negeri sekarang berhimpunnya
Terlalu ramai rakyat tenteranya
Orang besar berempat berserta semuanya
Rawa Mendeling habis sertanya.
442. Setelah berhenti madah perkataan
Tambul dan halwa lalu diangkatkan
Lalulah santap muda bangsawan
Makan minum bersuka-sukaan.

105 Linehan memetik Hikayat Pahang dan menyebut Bendahara Muda Koris memuji Johor dan mencabar pembesar Pahang 'Pahang People are all women', if the Teluk Belanga men had not come to your assistance, your wives would have been carried off by the bawas. The chief are liars and cannot be trusted. Collect men and go to Pekan for rice to feed the bugs warriors' (hlm. 84).

443. Seketika selesai jamuan yang ada
 Lalu berkata Bendahara Muda
 Salam dari paduka ayahanda
 Disambut naik keduanya adinda.
444. Setelah sudah berkata-kata
 Lalu berangkat muda yang pita [pukta]
 Muda keduanya naiklah serta
 Diiringkan orang sekaliannya rata.
445. Seketika mudik muda bestari
 Lalulah sampai ke bandar bahari
 Lalu mengadap rajanya negeri
 Serta sekalian hulubalang menteri.
446. Tunduk menyembah ayahandanya tuan
 Lakunya tertib muda bangsawan
 Ungku menegur manis kelakuan
 Hampirlah kemari anakanda sekalian.
447. Adapun akan muda yang petah
 Halus manis menjawab madah
 Mengangkat tangan seraya menyembah
 Anakanda sekalian menjunjung perintah.
448. Anakanda nan kedua mari bersama
 Daing mengadap serta utama
 Membawa angkatan serta sama
 Serta dengan hulubalang panglima.
449. Jikalau sudah ayahanda sabdakan
 Sehabis upaya anakanda mengerjakan
 Kalah menang tidak ditentukan
 Kehendak Allah juga sekalian.
450. Ungku Bendahara mendengarkan kata
 Terlalu suka di dalam cita
 Ayuhai anakanda muda yang pita
 Tiada terbalas budi yang nyata.
451. Adapun akan paduka ratu
 Terlalu suka rupanya itu
 Ramailah datang kaum dan suku
 Muafakatnya baik sama sekutu.
452. Kepada masa itu ketika
 Alat perjamuan hadir belaka
 Lalulah berjalan sekaliannya mereka
 Makan minum bersuka-suka.
453. Terlalu ramai di bandar Pekan
 Segenap lorong berpasuk-pasukan
 Segala senjata nampak berkilatan
 Masing-masing rupa alat pakaian.

454. Alat kelengkapan jangan dikata
 Sekalian itu ada semata
 Senapang pemurus meriam kereta
 Tiadalah kurang alat senjata.
455. Kapal gunboat sekonar perang
 Berapa pula perahu dan tongkang
 Ia berjaya di Kuala Pahang
 Jikalau ada musuh yang datang.
456. Bendahara Muda lalu berkata
 Wahai adinda muda yang pukta
 Siapkan segera sekaliannya rata
 Supaya segera pekerjaan kota.
457. Encik Ungku Aman paduka adinda
 Ia menjawab lakunya syahda
 Hadirlah sekalian mereka yang ada
 Menantikan perintah dengannya sabda.
458. Muda bangsawan terlalu sukanya
 Mendengar sembah paduka adindanya
 Lalu dijamu mereka sekaliannya
 Sehari-hari demikianlah lakunya.
459. Terhenti dahulu ini perkataan
 Tersebut kisah di bandar Pekan
 Rakyat tentera berhimpun sekalian
 Serta dengan hulubalang pahlawan.
460. Terlalu ramai isinya negeri
 Dengan segala Perdana Menteri
 Ramainya tidak lagi terperi
 Alatan perang hadir terdiri.
461. Setelah برهيمون [berhimpun?] segala mereka
 Encik Ungku Aman mengadap paduka
 Ungku Muda terlalu suka
 Lalu memakai muda ketiga.
462. Berseluar panjang ketiganya dia
 Baju berkancing permata ملتيا [meltia?]
 Bercincin intan sama sebaya
 Bertanjak sendeng serupa ia.
463. Setelah memakai ketiganya muda
 Lalu bermohon kepada ayahanda
 Berpeluk cium raja berida
 Seluruh tubuh paduka anakanda.
464. Adapun akan raja negara
 Susahnya hati tidak terkira
 Yang datang itu nyata saudara
 Menjadi musuh sudah ketara.

465. Kata orang empunya peri
Adik-beradik sama sendiri
Sudah takdir Tuhan yang bahari
Tiada dapat lagi difikiri.
466. Bendahara Ahmad paduka adinda
Bendahara Tun Tahir paduka kakanda
Adik-beradik tiada berbeza
Menjadi lawan sangat berbeza.
467. Telah selesai sabda dan madah
Sekalian anakanda sujud menyembah
Lakunya tertib muda yang pitah
Mohon ampun berkat yang limpah.
468. Lalu bersabda Ungku Bendahara
Pergilah anakanda bertiga saudara
Selamat sempurna dengan sejahtera
Dilepaskan Allah daripada mara.
469. Lalu menyembah muda yang pukta
Sambil menyapu airnya mata
Ayahanda nan jangan menaruh cinta
Doakan anakanda sekaliannya rata.
470. Segala kelengkapan hadir terdiri
Lalu bermohon muda bestari
Serta diiringkan hulubalang menteri
Berangkat mudik ke hulu negeri.
471. Terlalu ramai konon angkatan
Berapa pula perahu dan sampan
Mudik beratur kiri dan kanan
Hulubalang panglima dahulu disuruhkan.
472. Keempat pahlawan yang sangat gahari
Duduk mengembara kanan dan kiri
Panglima Mansu nama gelari
Khatib Baharin di sebelah kiri.
473. Mohamad Akil duduk di hadapan
Menyandang pedang muda bangsawan
Sikapnya kena serta tampan
Patutlah jadi pahlawan.
474. Syed Deraman seorang pula
Ia di belakang muda terala (ترعالا)
Menyandang kebesaran duduk tersila
Ia pahlawan sama setala.
475. Encik Ayub pahalwan yang garang
Panglima kiri digelar orang
Di dalam Pahang namanya terbilang
Berbaju rantai suasa bertiang.

476. Anak raja kedua tersebut perkataan
Gagah berani serta handalan
Dengan segala hulubalang pahlawan
Ia mengapitkan muda bangsawan.
477. Berapa pula panglima hulubalang
Encik معالي [Mat Ali] namanya seorang
Wartanya itu disebut orang
Datuk Mat Ali digelar sekarang.
478. Encik Awang seorang namanya
Panglima perang konon gelarnya
Pahlawan berani juga dianya
Di Sungai Benut tempat diamnya.
479. Seorang bernama penghulu Deraman
Sikapnya kena lagi pahlawan
Patut dengan usulnya badan
Di Padang Muar tempatnya tuan.
480. Encik Sopok (سوفو) pahlawan seorang
Silawatang digelar orang
Sudah biasa mengadap perang
Serta berani ikhtiarnya panjang.¹⁰⁶
481. Pahlawan Hamid kononnya khabar
Mengadap lawan sedikit tak gentar
Rupanya bengis cakupnya besar
Di Batu Pahat penghulu yang besar.
482. Terlalu ramai ahli pahlawan
Barisan سردادو [soldadu] ada sekalian
Berjenis rupa alat pakaian
Segala senjata berkilau-kilauan.
483. Adapun pakaian segala baris
Pedang senapang tiada berkeris
Kisah menembak belajar habis
Adat pakaian cara Inggeris.
484. Adalah antara berapa hari
Sampailah sudah muda bestari
Serta diiringkan isinya negeri
Ramai angkatan tidak terperi.
485. Sampailah sudah angkatan ke situ
Lebak konon namanya itu
Sekalian mereka berhenti di situ
Masing-masing berbuat kubu.

106 Hikayat Pahang cetera ke-19 menyatakan "...silawatang sebagai bengis rupanya orangnya apabila sampai ke Chenor naik ke daratnya minta mengarak kepada raja maka dibenarkanlah oleh raja maka mengaraklah ia dua belas pasukan dua petang berturut-turut. Melihat kegagahan silawatanglah, Engku Muda (Koris) memberitahu tahu Tok Tunggal bahawa 'kita orang Pahang sekarang semuanya perempuan.'

486. Telah dilihat oleh pahlawan
 Dari Pekan tiba angkatan
 Ia bersegera bersiap ke medan
 Masing-masing dengan ambilan.
487. Panglima Komeng orang yang garang
 Serta sampai musuh ke padang
 Lalu mengerahkan lasykar hulubalang
 Dengan segeranya mengikut perang.
488. Pahlawan keempat bertahan disitu
 Rakyat tenteranya beribu-ribu
 Hadir belaka benteng dan kubu
 sorak dan tempik bunyi menderu.
489. Empat orang kepala yang besar
 Gagah berani serta pendekar
 Beberapa pula hulubalang lasykar
 Keempatnya itu orang bergelar.
490. Maharaja Purba yang pertamanya
 Wan Deris nama tubuhnya
 Orang Kaya muda konon anaknya
 Bergelar Tok Raja sekarang ianya.
491. Tok Kaya Lipeh (Lipis) namanya itu
 Orang Kaya Haji sama sekutu
 Orang pilihan sekaliannya itu
 Banyak menaruh kaum dan suku.
492. Ungku Bendahara bijak bestari
 Sedang diadab hulubalang menteri
 Tahulah sudah khabar dan peri
 Hari ini hendak mengeluarkan.
493. Lasykarnya banyak tempat di sana
 Tempik sorak gemuruh bahana
 Tunggul berbendera berbagai warna
 Mengikut perang di sebelah sana.
494. Setelah sampai ke tengahnya medan
 Dilihatnya musuh sudah berpadan
 Kepala yang keempat di sebelah kanan
 Hulubalang panglima berlompatan.
495. Telah bertemu keduanya pihak
 Bunyi gempita tempik dan sorak
 Tembak-menembak ketak-menetak
 Perangnya tidak lagi beragak.
496. Perangnya tidak berura-ura
 Kedua pihak sangat gembira
 Keras perangnya tiada terkira
 Banyaklah rakyat mati dan cedera.

497. Adapun akan Orang Kaya Muda
 Terlalu panas di dalam dada
 Melihat perkelahian tampak berbeza
 Lalu mengerahkan pahlawan yang ada.
498. Imam Perang Rasu¹⁰⁷ amat gembiranya
 Musuh melanggar terlalu ramainya
 Tiada sabar lagi hatinya
 Mara ke medan dengan segeranya.
499. Telah didengar paduka ratu
 Berdua pahlawan disuruh membantu
 Imam Endut namanya itu
 Encik Hassan saudaranya satu.
500. Menyerbu diri bersungguh hati
 Mengambil mayat pahlawan yang mati
 Banyaklah rakyat luka dan mati
 Segala panglima mengadu saksi.
501. Adapun mula pecah perangnya
 Di sebelah hulu tewas lakunya
 Terlalu keras datang langgarnya
 Lalulah mati berdua panglimanya.
502. Mohamad سيدي [Zabidi] namanya itu
 Awang Bidin keduanya itu
 Janji awal termaktub di situ
 Kena peluru kematiannya itu.
503. Pahlawan ketiga pendekar segala
 Masuk mengamuk mencari bila
 Tiada takut mati dan cela
 Di sebelah hilir tewaslah pula.
504. Kedua pihak terlalu meta
 Segala pahlawan sama sekata
 Sorak dan tempik jangan dikata
 Gemerincing bunyi senjata.
505. Seketika berperang hari pun petang
 Kedua pihak kembali pulang
 Di tengah medan dipandang terang
 Segala yang luka duduk mengerang.
506. Ungku (Wan Ahmad) bersabda manis kelakuan
 Kepada Tok Raja wazir pahlawan
 Apakah khabar buruk rupa perkelahian¹⁰⁸
 Harinya ini perang di medan.

107. "Imam Perang Rasu pun melompat baliklah ke pintu Bugis di dalam berkacau tiada berketahuan ada yang melawan ada yang lari terjun ke tanah, terjun ke dalam air..." *Hikayat Pahang*, cetera ke-24.

108. Menurut *Hikayat Pahang*, Wan Ahmad sendiri berangkat ke Medan walaupun ditahan oleh Tok Raja, kata Wan Ahmad 'Janganlah Datuk gaduh matahari tiada masuk pagi dia masuk petang, ayam bertuah tiada disambar helang.' Wan Ahmad memberikan semangat kepada askar-askarnya dan memberikan bantuan-bantuan wang ringgit dan pakaian serta kain. Cetera ke-21.

507. Telah didengar wazir berida
 Berdatang sembah lakunya syahda
 Ampun Ungku bangsawannya muda
 Di sebelah musuh tampak berbeza.
508. Duduk berperang sebilang hari
 Tiada berhenti barang sehari
 Berapa lama demikian peri
 Mati dan luka setiap hari.
509. Telah dilihat Bendahara Muda
 Sangatlah marah di dalamnya dada
 Melihatkan rakyatnya banyak berbeza
 Segera mengerahkan pahlawan berida.
510. Panglima Mansu pahlawan kahari
 Khatib Baharin¹⁰⁹ sama berlari
 Pahlawan kedua di medan terdiri
 Ke dalam tentera menyerbukan diri.
511. Segala pahlawan mengadu sakti
 Banyaklah rakyat luka dan mati
 Asyik berperang tiada berhenti
 Bunuh-membunuh bersungguh hati.
512. Setelah dilihat ketika pahlawan
 Hulubalang kedua sangat handalan
 Lasykarnya itu tidak terlawan
 Luka dan mati berkawan-kawan.
513. Panglima Tapuk (تافوق)¹¹⁰ pahlawan Ali
 Panglima kakap sama berlari¹¹¹
 Tetak-menetak kanan dan kiri
 Ada yang mati ada yang lari.
514. Pahlawan kedua sama gembira
 Marahnya tidak lagi terkira
 Bertetak pedang kedua perwira
 Keduanya sama tiada bermara.
515. Kedua pihak terlau marahnya
 Sangat keras laku perangnya
 Mana yang hampir ditetaknya
 Di sebelah hilir tewas rupanya.

109 Menurut *Hikayat Pahang*, 'Khatib Baharin, Imam Perang Akil dan Syed Deraman membuat muslihat perang dengan menggali di dalam tanah beberapa jauhnya tiga bulan lamanya ia berusaha itu sampailah bertentangan dengan kubu Awang Din Orang Bukit Segumpal ... Maka lubang itu ditaruh oleh Khatib Baharin Imam Perang Mat Akil ubat bedil kayu tembikar... tiada dapat diperikan bunyinya seperti halilintar di langit kubu Awang Din terbanglah gelap-gelita. Cetera ke-23.

110 Linehan menyebutkan sebagai 'Panglima Tapak' hlm. 80.

111 Ringkasan peristiwa penyerbuan keatas Pekan oleh Panglima Kakap, Imam Perang Rasu dan rakan-rakannya. Lihat Linehan, *History of Pahang*, hlm. 88.

516. Mengadu sakti sama pahlawan
 Bertahun-tahun perangnya tuan
 Dari hulu berarak ke Pekan
 Susahnya rakyat tidak terperikan.¹¹²
517. Perangnya besar jadi mudarat
 Dalam negeri terlalu gelorat
 Banyaklah rosak segala rakyat
 Sehingga berperang لاو [laut?] dan darat.
518. Orang Kaya Muda sangat gembira
 Marahnya tidak lagi terkira
 Mara ke medan dengan segera
 Anak raja kedua dilawan setara.
519. Duduk berperang sebilang hari
 Sorak dan tempik tidak terperi
 Berkejar hamba kesana kemari
 Ada yang mara ada yang lari.
520. Encik Mad Ali namanya tuan
 Ia dahulu mara kehadapan
 Orang berani lagi pahlawan
 Anak raja kedua punya harapan.¹¹³
521. Keempat pahlawan sama sekata
 Panglima Awang terlalu meta
 Penghulu Deraman bersama serta
 Menyerbu diri ke dalam senjata.
522. Anak raja-raja segala tuan-tuan
 Bersaf-saf keluar ke medan
 Setengah bergelar hulubalang pahlawan
 Masing-masing dengannya lawan.
523. Tuan Empuk (امغوق) bin Yahya
 Digelar orang Panglima setia
 Sikap pahlawan pendekar sebaya
 Masing-masing berlawannya dia.
524. Tuan Embung sama berlari
 Masuk ke medan lawan dicari
 Tuan Kecut Panglima Kiri
 Keduanya sama bangsa Jaferi.
525. Tuan Hitam orang pilihan
 Mara ke medan mencari lawan
 Syed Yassin jadi timbalan
 Keduanya itu sangat pahlawan.

112 Buktinya "... dengan kelamaan harga garam \$1.00 satu ling dan tembakau \$6.00 setahil dan dipun (?) satu buku itu pun payah dapat kain-kain inilah seksa..." *Hikayat Pahang*, cetera ke-21.

113 Orang Kanan Pasukan Wan Aman.

526. Imam Perang Komeng terlalu garang
Melihatkan musuh ramai di padang
Usahkan gentar bertambah berang
Masuk ماموه [mengamuk] parang-memarang.
527. Mohamad Akil orang handalan
Imam Perang Encut ia berlawan
Sama berani kedua pahlawan
Keduanya sama tiada beralahan.
528. Terlalu gemuruh buyi soraknya
Kedua pihak banyak matinya
Terlalu kerana laku perangnya
Di sebelah hilir suku lakunya.
529. Khatib Baharin seorang pahlawan
Imam Perang Rasu ia berhadapan
Seorang namanya Syed Deraman
Masing-masing sudah berpadanan.
530. Panglima Laut orang yang pukta
Panglima Dalam bersama serta
Pahlawan kedua sama sekata
Sedikit tidak mahu nama yang leta.
531. Hulubalang pahlawan pendekar segala
Masing-masing lawan ditala
Lakunya seperti orang gila
Tiadalah sadar mati dan cela.
532. Encik امبوي [Embob] panglima kiri
Di dalam tongkang ia berdiri
Tanjaknya tinggi tampak terdiri
Menembak musuh kanan dan kiri.
533. Adapun akan muda bangsawan
Dilihatnya tewas sudah perkelahian
Segala perempuan lalu diundurkan ¹¹⁴
Di Kuala Pahang berhimpun sekalian.
534. Lamanya perang di dalam negara
Ada setahun kepada kira
Perangnya besar terlalu dura
Susahnya rakyat tiada terkira.
535. Adapun akan paduka ratu
Di Kuala Pahang undurnya itu
Ramainya orang berhimpun ke situ
cukup sekalian benteng dan kubu.

114 *Hikayat Pahang* memetik peristiwa orang Teluk Belanga yang membawa sokongan kepada Bendahara Mutahir. 'Orang-orang Pahang bertunggu kubu siang malam. Orang Teluk Belanga tinggal mengambil bininya, itulah kerjanya sehabis-habis tiada baik.' Cetera ke-23.

536. Kata orang yang menceterakan
 Dari hulu sampai ke Pekan
 Perang di situ kira sebulan
 Pecahlah perang muda bangsawan.
537. Adapun akan rajanya negeri
 Lalu berpindah ke Tanjung Puteri¹¹⁵
 Serta sekalian hulubalang menteri
 Ramai mengiring isi negeri.
538. Tiadalah hamba panjangkan kisah
 Negeri Pahang termaklum sudah
 Bendahara Ahmad jadi khalifah
 Namanya masyhur sudah termegah.
539. Ungku Bendahara Arif laksana
 Lalu berangkat ke dalam istana
 Serta diiringkan menteri perdana
 Datanglah rakyat hina dan dina.
540. Ramai mengadap isi negara
 Tunduk menyembah Ungku Bendahara
 Taat belaka rakyat tentera
 Sekaliannya itu menurut bicara.
541. Di dalam kota semayannya tuan
 Makan minum bersuka-sukaan
 Ramai berhimpun menteri pahlawan
 Duduk mengadap usul bangsawan.
542. Kata orang yang menceterakannya
 Dua orang gundik yang bersamanya
 Encik Atur (اتر) konon namanya
 Encik Besar nama gelarnya.
543. Encik Maimunah seorang namanya
 Ialah gundik yang pertama
 Kedua itu mengiring sama
 Masa berperang paduka utama.
544. Ungku Bendahara raja terbilang
 Sultan Ahmad ini sekarang
 Gagah berani bukan kepalang
 Dialah khalifah di Negeri Pahang.
545. Berhenti perkataan raja negara
 Tersebut pula suatu cetera
 Ungku Tanjung¹¹⁶ ayahanda saudara
 Marhum Koris empunya putera.

115 Dalam bulan Mei 1863 Tun Mutahir semasa berundur ke selatan itu telah gering dan mangkat di laut Sedili, dimakamkan di Tanjung Puteri seperti Raja-raja, Engku Muda (Wan Koris) telah lama gering di Kuala Pahang dihantar orang ke Tanjung Puteri dimakamkan (*Hikayat Pahang*, cetera ke-23). Lihat juga Buyung Adil, *Sejarah Pahang*, hlm. 151 nb.

116 Nama sebenarnya ialah Tun Muhammad iaitu putera Tun Koris (Bendahara Pahang 1763—1806), seorang lagi putera Tun Koris ialah Bendahara Ali 1806—1857.

546. Tiga orang anakandanya tuan¹¹⁷
 Dua lelaki seorang perempuan
 Encik Ungku Besar anakanda dinamakan
 Parasnya majlis lela bangsawan.
547. Serta Arif bijak laksana
 Tingkah lakunya semua pun kena
 Sifatnya elok sedang sederhana
 Budi bicaranya dengan sempurna.
548. Adapun anakanda yang tua itu
 Encik Ungku Ngah namanya tentu
 Encik Engku Chik adindanya itu
 Ketiga saudara sama sekutu.
549. Adapun akan muda kesemua
 Ayahandanya mangkat sudilah lama
 Tinggallah bonda kakandanya sama
 Bila pelihara bersama-sama.
550. Tiadalah di dalamnya negeri
 Sudah keluar membawa diri
 Diiringkan teman kawan sendiri
 Duduk di Endau jajahan negeri.
551. Adapun akan Ungku Bendahara
 Lalu muafakat berkira-kira
 Selang tiada berapa antara
 Menyuruh pergi dengan segera.
552. Berhimpun sekalian hulubalang menteri
 Ramai mengadap di balairung seri
 Segala kelengkapan hadir terdiri
 Menantikan sabda muda bestari.
553. Lalu bersabda raja negara
 Tuan Mandak wazir perwira
 Pergilah mamanda dengan segera
 Cari muafakat jalan sejahtera.
554. Setelah didengar madah cerita
 Tunduk menyembah wazir yang pita [pukta]
 Lalulah pergi sekaliannya rata
 Hulubalang panglima mengiringkan serta.
555. Ramai pergi jantan betina
 berjalanlah ia tiada lena
 Pergi menyembut lela mengerna.
 Pergi menyambut lela mengerna (مثرن).

117 Iaitu Wan Abdul Rahman atau Ungku Ngah, keduanya Wan Chik dan ketiga Tun Besar atau Che Pun Bongsu yang kemudian berkahwin dengan Bendahara Wan Ahmad bergelar Tengku Ampuan.

556. Sampailah sudah menteri panglima
Naik ke darat mereka semua
Pergi mengadap sekaliannya sama
Menyampaikan salam paduka utama.
557. Segera ditegur muda yang pita [pukta]
Hampir kemari sekalian rata
Apakah hajat di dalam cita
Sangatlah hendak mendengar warta.
558. Berdatang sembah wazir yang piaka
Janganlah pula menjadi murka
Hendak memohon sebuah mastika
Serta sabda kakanda paduka.
559. Tuan متذاق [mandak?] menteri budiman
Terlalu manis bunyi perkataan
Dipohonkan tulus dengan kerekaan
Ke dalam negeri hendak disilakan.
560. Demikianlah sabda paduka utama
Niatnya hendak bersama-sama
Harap juga akan terima
Ke dalam negeri bercengkerama.
561. Ungku Ngah mendengar khabarnya pasti
Kehendaknya itu sudahlah mengerti
Terlalu suka rasanya hati
Sampai sudah [hajat] dihajati.
562. Telah selesai sudah bicara
Ungku Ngah pun bersiap dengan segera
Kembali balik ke dalam negara
Membawa adindanya lela mengindera.
563. Perjalanannya tiada berapa hari
Lalu sampai ke dalam negeri
Seketika sampai wazir bestari
Masuk mengadap ke balairung seri.
564. Adapun akan menteri yang petah
Sangat tertib berdatang sembah
Sekaliannya habis dimaklumkan sudah
Serta memohonkan sabda dan titah.
565. Ungku mendengar terlalu suka
Disuruhkan pergi segala mereka
Laki-laki perempuan ada belaka
Hendak menyambut adinda paduka.
566. Segala bini menteri penghulu
Datang belaka hilir dan hulu
Orang yang datang bertalu-talu
Hendak melihat junjungan ulu.

567. Segala orang lalu berjalan
 Tua dan muda ada sekalian
 Serta membawa alat kelengkapan
 Pergi menyambut muda bangsawan.
568. Ramainya orang jangan dikata
 Penuh sesak lorong dan kota
 Kecil besar ada semata*
 Banyaknya tidak مندوريتا [menderita]?
569. Seketika sampai bini menteri
 Diiringkan dayang agas johari
 Lalu megadap lela bestari
 Berdatang sembah seraya berperi.
570. Ke dalam istana hendak disilakan
 Janganlah tuan malu dan segan
 Diam seketika muda bangsawan
 Ia menegur manis kelakuan.
571. Lalu memakai usul jauhari
 Pakaiannya indah intan baiduri
 Elok majlis wajahnya berseri
 Sukar bandingnya di dalam negeri.
572. Sebagai dipujuk oleh kakandanya
 Terlalu belas di dalam dadanya
 Terlalu masygul rupa lakunya
 Suatu pun tidak apa katanya.
573. Adapun akan wajah gemilang
 Ke dalam tandu¹¹⁸ dinaikkan orang
 Serta diiringkan inang dan dayang
 Di hadapan tandu payung terkembang.
574. Berjalanlah sudah lela mengerna
 Diarah orang menderu bahana
 Berjalan tiada berapa lena
 Dibawa langsung ke dalam istana.
575. Kata orang empunya cetera
 Setelah sampai lela mengindera
 Tiada berapa lena antara
 Hadirlah sudah di dalam negara.
576. Berhimpun belaka sekaliannya rata
 Balai istana dihiaskan serta
 Ramainya orang jangan dikata
 Penuh sesak istana dan kota.

118 Sejenis usungan berupa kerusi, rumah-rumahan kecil dan lain-lain, *Kamus Dewan*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1970) hlm. 1181.

577. Lalu bekerja di dalam negeri
Orang bermain sebilang hari
Riuh-rendah tepuk dan tari
Ada bermain catur dan cuki (چوکی).
578. Disuruhkan orang-orang berjaga-jaga
Makan minum bersuka
[Tiada ditulis dalam teks asal]
Menantikan sampai saat ketika.
579. Adapun akan usul yang petah
Dihiaskan orang keduanya sudah
Dengan pakaian yang indah-indah
Terlalu kena gaya dan segar.
580. Baju ditabur emas dikarang
Berkancing zamrud intan diselang
Berseluar setop (ستوف) dipakaikan orang
Bertelepek emas pahat berkarang.
581. Gelang dokoh sudah terkena
Bersubang emas bertatah rakna
Sudah memakai lela mengerna
Parasnya majlis terlalu bena.
582. Kerja nan tidak lama
Empat puluh hari adat yang lama
Sampailah sudah pertemuan muda utama
Bulan Rejab hari kelima.
583. Beraturlah dayang-dayang tua dan muda
[Tiada ditulis dalam teks asal]
Segala bini menteri mamanda
Duduk mengadap lela yang syahda.
584. Kadi pun hampir menikahkan
Empat saksi yang mendengarkan
Doa mustajab pula dibacakan
Isi kahwin serta dinyatakan.
585. Setelah selesai nikahnya sudah
Dibawa masuk muda yang indah
Duduk di kanan usul yang petah
Keduanya sama rupanya indah.
586. Setelah selesai hari ketiga
Disiramkan orang raja paduka
Bersimbah-simbahan segala mereka
Riuh-rendah bersuka-suka.
587. Sangat berpatutan laki isteri
Berdamailah sudah muda bestari
Tiadalah hamba panjangkan peri
Encik puan bongsu nama gelari.

588. Kata orang yang menceterakan
 Leka muafakat menteri pilihan
 Ungku Bendahara lalu ditabalkan ¹¹⁹
 Betapa adat paduka Sultan.
589. Di dalam sejarah sudah dicari
 Usul keturunan raja yang bestari
 Patut menjadi mahkota negeri
 Turun-temurun memerintah negeri.
590. Sultan Ahmad ini sekarang
 Ialah memiliki Negeri Pahang
 Cukup sekalian menteri hulubalang
 Wartanya masyhur disebut orang.
591. Adapun Encik Puan Bongsu
 Tengku Ampuan gelarnya itu
 Dengan baginda saudara sepupu
 Muafakat elok sama sekutu.
592. Parasnya majlis lela bangsawan
 Sedap manis sebarang kelakuan
 Laki isteri berkasih-kasih
 Sebarang katanya tiada dilalukan.
593. Encik Ungku Ngah digelar Benhadara
 Terlalu baik budi bicara
 Ungku Ampuan empunya saudara
 Jadi sepupu sultan mengindera.
594. Datuk Menteri wazir pilihan
 Dititahkan oleh paduka sultan
 Pergi ke Pahang ia nan tuan
 Mencari munafakat jalan kebajikan.
595. Datuk Menteri orang mengerti
 Suka mencari jalan yang bakti
 Perkataan manis melembutkan hati
 Bicaranya halus dengannya seperti,
596. Adapun akan wazir pilihan
 Bijaksana lagi dermawan
 Kerja yang sukar dengan kemudahan
 Berdamailah sudah dua kerajaan¹²⁰
597. Kata orang empunya cetera
 Johor dan Pahang tiada antara
 Lagi kerabat sudah ketara
 Itulah sebab maka dikira.

¹¹⁹ Bendahara Wan Ahmad memakai gelaran Sultan pada tahun 1882, pada 12 Disember 1884 baginda ditabalkan sebagai Sultan bergelar Sultan Ahmad al-Muazzam Syah. Kerajaan British hanya mengiktiraf gelaran tersebut dalam tahun 1887.

¹²⁰ Dalam bulan Ogos 1880 Maharaja Abu Bakar melawat Pekan.

598. Muafakat baik bukan buatan¹²¹
 Pergi datang tiada berputusan
 Ramah mesra bersuka-sukaan
 Paduka anakandanya lalu ditunangkan.
599. Berhenti dahulu ini cetera
 Tersebut perkataan sultan mengindera
 Sudah teriti di dalam negara¹²²
 Dengan Queen usul perwira.
600. Kepada hijrah rasul yang indah
 Seribu tiga ratus sembilan hijrah
 Masuklah Residen sekarang sudah
 Sudah bertukar adat perintah.
601. Kedua kerajaan sudah bersyarikat
 Pekerjaan negeri sama muafakat
 Serta dihimpunkan ahli mesyuarat
 Lalu dijalankan hukum dan adat.
602. Telah muafakat sama sekutu
 Tiap-tiap perkara dimesyuaratkan itu
 Apabila tetap muafakatnya itu
 Lalu dibuatkan undang-undangnya satu.
603. Adapun akan paduka sultan
 Hakim, Mufti adalah sekalian
 Di dalam mahkamah bersama dititahkan
 Syarak dan adat serta dijalankan.
604. Bicaranya halus dengan tertibnya
 Usul periksa terlalu terangnya
 Timbangnya betul sama ratanya
 Isi negeri terlalu sukanya.
605. Tiadalah hamba panjangkan madah
 Tersebut pula suatu kisah
 Sultan Ahmad Muazzam Syah
 Alat kelengkapan nadirlah sudah.
606. Adapun akan paduka sultan
 Hendak ke Johor baginda nan tuan
 Pekerjaan anakandanya hendak disempurnakan
 Sambil duduk bersuka-sukaan.
607. Setelah sampai saat ketika
 Berangkatlah turun sultan paduka
 Anak isteri dibawa belaka
 Ramai متشرف [menghantar] segala mereka.

121 Sejak itu Sultan Ahmad sentiasa meminta pendapat dan nasihat Maharaja Abu Bakar dalam soal politik terutama dalam peristiwa Gabenor F. Weld cuba campur tangan di Pahang. Lihat Buyung Adil, *Sejarah Pahang*, hlm. 204, Thio, *British Policy*, hlm. 56—58.

122 Tektik British memaksa Pahang membuat perjanjian dengannya pada 8 Oktober 1887, lihat Buyung Adil, hlm. 207—225 dan Thio, *British Policy*, hlm. 69.

608. Hilirlah baginda raja bangsawan
 Di kuala negeri kapal kenaikan
 Seketika hilir sampailah tuan
 Serta dengan teman dan kawan.
609. Belayarlal sudah sultan mengindera
 Hakim menuju ke Johor Negara
 Lalu bertiup angin utara
 Lajunya tidak lagi terkira.
610. Seketika belayar Duli Yang Mulia
 Mereka yang menghantar pulanglah dia
 Sambil bercakap [se]sama dia
 Baginda berangkat bersuka دري [dan ria].
611. Segala yang mengiring hatinya suka
 Wang duit dikurniakan belaka
 Boleh menghiburkan hati yang duka
 Kita yang tinggal duduk berjaga.
612. Belayar tiada berapa lamanya
 Ke Johor Baharu sampai dianya
 Duli bagida terlalu sukanya
 Sampailah sudah dengan selamatnya.
613. Setelah sampai sultan yang ghana
 Ramailah turun jantan betina
 Serta sekalian bina perdana
 Naik ke kapal tiada lena.
614. Seketika sampai mereka sekalian
 Masuk mengadap Tengku Ampuan
 Duduk menyembah tertib kelakuan
 Lalu tersenyum lela bangsawan.
615. Adapun akan permaisuri
 Dia menegur manis berseri
 Menitahkan dayang agas bestari
 Mengangkatkan puan bini menteri.
616. Berdatang sembah lakunya syahda
 Salam takzim paduka kakanda
 Ungku Besar raja berida
 Disambut naik jangan tiada.
617. Lalu memakai usul bestari
 Parasnya manis majlis berseri
 Dengan pakaian intan baiduri
 Diadap orang kanan dan kiri.
618. Alat kelengkapan sudah terkena
 Turunlah baginda sultan yang ghana
 Bersama adindanya lela mengerna
 Serta dengan menteri perdana.

619. Ramai mengiring segala orang
Serta sekalian inang dan dayang
Sekoci berdayung berselang-selang
Kenaikan dahulu didayungkan orang.
620. Seketika berangkat duli khalifah
Ke jambatan naik sampailah sudah
Sultan Abu Bakar Raja yang indah
Hadir menanti di situ sudah.
621. Ramainya orang tiada terperi
Serta sekalian hulubalang menteri
Memberi takzim sambil berdiri
Tersenyum manis durja berseri.
622. Meriam berbunyi dipasang orang
Enam belas pucuk adatnya gerang
Menyambut baginda yang di Pertuan Pahang
Zaman yang bahari diikut orang.
623. Usung dan kereta sudah dihadirkan
Dinaikkan orang lela bangsawan
Serta sekalian teman dan kawan
Langsung ke istana berangkatnya tuan.
624. Seketika sampai usul paduka
Ramai menyambut kaum keluarga
Sekaliannya itu berhimpun belaka*
Makan minum bersuka-suka.
625. Adapun akan sultan bestari
Kedua adinda berpimpin jari
Serta diiringkan isi negeri
Berangkat ke dewan duduk berperi.
626. Duduk bertentang kedua baginda
Di atas kerusi tulis perada
Ramai mengadap menteri mamanda
Serta sekalian saudara yang ada.
627. Kata orang menceterakannya
Sultan Abu Bakar terlalu hormatnya
Sultan Ahmad pangkat ayahandanya
Berkasih-kasihannya.
628. Seketika bersemayam baginda nan tuan
Segala nikmat pula diangkatkan
Susu, kahwa (كهوة) serbat minuman
Rupanya indah terlalu nyaman.
629. Setelah selesai jamuan yang ada
Membaca doa kadi berida
Habib Mohamad alim yang syahda
Terlalu yakin di dalam dada.

630. Doa dibaca hurufnya kena
Tiada bertukar lafaz dan makna
Setelah berhenti madah rencana
Lalu berangkat ke dalam istana.
631. Rumah istana semua dihadirkan
Oleh baginda paduka sultan
Cukup lengkap segala alatan
Pagi dan petang diangkat persantapan.
632. Adapun akan sultan paduka
Duduk di Johor bersuka-suka
Ramai mengiring segala mereka
Serta sekalian anakanda paduka.
633. Perginya itu sepuak perinda (فريندا)
Dengan sekalian menteri mamanda
Segala dayang-dayang tua dan muda
Mengiring baginda Duli Seri Paduka.
634. Kata orang empunya cetera
Tiada berapa lama antara
Tengku Ampuan lela mengindera
Lalu berlengkap dengan segera.
635. Betapa adat yang di Pertuan
Siaplah sudah segala kelengkapan
Emas dan perak sirih dibuatkan
Adat patutnya lalu dihantarkan.
636. Rupanya indah antaranya kena
Orang melihat lakunya leta [lena?]
Diarak orang langsung ke istana
Ramai menonton jantan betina.
637. Perbuatannya elok dengan berpatutan
Cukup dengan carang (چارنج) dan dahan
Batang dan daun juga demikian
Tukang Cina punya perbuatan.
638. Jambangan dua dibuatkan itu
Emasnya satu peraknya satu
Pohon sirih terletak di situ
Terlalu kena paruannya فالوانة [perbuatannya?] itu
639. Enam belas tabak mengiring jambang
Sirih bertebuk diletakkan orang
Tiap-tiap tabak payung berkembang
Telipok perada cahayanya cemerlang.
640. Adatnya itu serba enam belas
Berjenis kain cindai antelas (اينتلس)
Sekaliannya itu habislah jelas
Apatah lagi intan dan emas.

641. Dibawa orang ke istana seri
Baris diatur kanan dan kiri
Gong gendang pencak dan tari
Ramainya orang tidak terperi.
642. Adapun akan seri paduka
Pergi bersama itu ketika
Serta diiringkan oleh mereka
Rupa baginda terlalu suka.
643. Adapun yang menghantar itu
Isteri Bendahara paduka ratu
Adat patutnya sempurna tentu
Encik puan tengah namanya itu.
644. Ramainya orang tua dan muda
Laki-laki perempuan semua pun ada
Serta bini menteri mamanda
Mengiring encik puan saudara baginda.
645. Adapun akan sultan bestari
Hadir menanti di balairung seri
Sultanah Khatijah Permaisuri
Dengan sekalian bini menteri.
646. Orang berarak sampailah sudah
Duli baginda lalu bertitah
Menyuruh menyambut encik Puan Tengah
Bangkit berdiri Sultanah.
647. Orang menyambut kiri dan kanan
Anak rajanya Datin-datin sekalian
Serta dimaklumkan paduka sultan
Di atas meja jambangan diletakkan.
648. Setelah sampai usul paduka
Di balairung berhenti seketika
Segala persalinan dibalas belaka
Kembali balik sekalian mereka.
649. Selapa (سلاف) dan terapang (ترافع) sekalian diberi*
Betapa adat zamna bahari
Berjenis pakatan intan baiduri
Rupanya indah tidak terperi.
650. Adalah pula aral yang datang
Sebab gering anakanda nan girang
Baginda pun berangkat balik ke Pahang
Menanti waktu masa yang senang.

651. Kata orang yang menceterakan
Tersebut kisah paduka sultan
Berangkat belayar ke Negeri England
Serta diiringkan teman dan kawan.¹²³
652. Adapun akan Duli yang mulia
Berangkat belayar keliling dunia
Banyaklah raja-raja sahabat dia
Beramah-ramah bersuka دري [dan ria].
653. Pergi nan hendak melihat temasya (ترمائی)
Adat lembaga segenap desa
Berapa kesukaan pula dirasa
Sekalian nikmat yang citarasa.
654. Baginda belayar bukannya sekali
Ke Negeri England ke bawah duli
Emas intan batu dibeli
Berpuluh purnama baharu kembali.
655. Baginda di sana terlalu هیوان [hewan?]
Banyaklah raja menjadi taulan
Jerman, Italy dan Russian
Memberi bintang dia sekalian.
656. Apatah lagi lela kesuma
Yang Mulia Queen raja yang terutama
Itulah sahabat mula pertama
Memberi bintang sudahlah lama.
657. Adapun akan sultan mengindera
Lalu ke Istanbul negeri yang dura
Berapa lama sudah dikira
Hendak ziarah sultan yang perwira.
658. Setelah sampai baginda nan tuan
Kedengarannya wartanya kepada sultan
Seorang wazirnya dititahkan
Menyilakan baginda yang di pertuan.
659. Seketika sampai wazir bestari
Lalu mengadap sultan yang ghari
Memberi takzim sambil berdiri
Sambil menegur manis berseri.
660. Menyampaikan salam sultan pendeta
Baginda pun segera menjawab kata
Setelah sudah berkata-kata
Lalu berangkat duli mahkota.

123 Yang dimaksudkan mungkin lawatan Abu Bakar dalam tahun 1885. Maharaja Johor itu sering melawat Eropah dan Timur Jauh seperti dalam tahun 1866, 1874, 1883, dan 1895 dan mangkat di London. Lihat M.A. Fawzi Basri, 'Sultan Abu Bakar, Bapa Johor Moden?', *Berita Minggu*, 20 Mei, 1973. Di antara mereka yang turut serta dalam lawatan 1885 ialah Datuk Sri Amar Abdul Rahman Andak dan Ismail Bachuk (kemudian menjadi Setiausaha Kerajaan). Lawatan yang disebut di teks ini ialah lawatan semasa Abu Bakar jatuh gering kali pertama dalam tahun 1893.

661. Serta sampai raja bestari
 Lalu mentakzimkan mahkota negeri
 Sultan pun bangkit lalu berdiri
 Berjabat salam berpegang jari.
662. Lalu bersemayam keduanya sultan
 Diadap menteri hulubalang sekalian
 Sultan Abu Bakar arif dermawan
 Terlalu manis bunyi perkataan.
663. Seketika duduk duli khalifah
 Diangkat orang penganan juadah
 Berbagai nikmat yang indah-indah
 Terlalu lazat kepada lidah.
664. Alat perjamuan diberi nyata
 Emas, perak tatah permata
 Tiadalah dapat hendak dikata
 Sekaliannya itu indah semata.
665. Setelah selesai madah perkataan
 Bangkit berdiri baginda nan tuan
 Memberi takzim tertib kelakuan
 Berjabat salam keduanya sultan.
666. Lalu bermohon paduka hadirat
 Di dalam negeri pula dilihat
 Kota istana terlalu hebat
 Jalannya rata bagai disifat.
667. Adapun akan sultan paduka
 Pasar dan pekan dilihat belaka
 Segenap kampung bagai dicengka (دجنگا)
 Baginda melihat terlalu leka
668. Di dalam negeri tersebtu perkataan
 Beratus kapal perang yang menjagakan
 Tiap-tiap hari hal demikian
 Hulubalang lasykar hadirilah sekalian.
669. Sultannya adil gagah perwira
 Arifbillah budi bicara
 Rakyatnya banyak tidak terkira
 Sudah masyhur kesegenap negara.
670. Kerajaan besar sudah termegah
 Beberapa negeri di bawah perintah
 Tiap-tiap tahun menghantar sembah
 Kekayaan itu terlalu limpah.
671. Perkataan tidak hamba panjangkan
 Negerinya indah tidak terperikan
 Sahaya mendengar orang menceterakan
 Barang yang ajaib di sana kelihatan.

672. Sultan Abu Bakar akal sempurna
 Dengan kurnia Tuhan rabbana
 Pergi belayar ke sini sana
 Beroleh kemuliaan terlalu bona.
673. Adapun akan sultan yang pita [pukta]
 Banyaklah sahabat raja yang bermahkota
 Memberi bintang sekaliannya rata
 Sultan ساطمير [Istanbul] raja pendeta.
674. Abdul Hamid namanya Sultan
 Arif laksana lagi dermawan
 Bintang Othmani namanya tuan
 Tanda bersahabat sudah ketahuan.
675. Haji Kassim orang syahda
 Pergi mengiring duli baginda
 Orangnya mengerti bijak pun ada
 Jadi pegawai Seri Paduka.
676. Beroleh bintang ia nan satu¹²⁴
 Bintang Majidi namanya itu
 Kurnia Sultan padanya itu
 Terlalu suka di dalam kalbu.
677. Adapun pengiring paduka sultan
 Lima orang teman dan kawan
 Datuk Amar menanti di London
 Ia di situ banyak pekerjaan.
678. Berhenti perkataan Istanbul negeri
 Tersebut kisah sultan bestari
 Banyaklah dilihat desanya negeri
 Baginda berangkat balik negeri.
679. Belayar tiada berapa lamanya
 Sampailah sudah dengan selamatnya
 Johor Baharu nama negerinya
 Ramai menyambut hulubalang menterinya.
680. Setelah sampai duli baginda
 Datanglah sekalian menteri mamanda
 Mengadap baginda raja yang syahda
 Disilakan naik duli baginda.
681. Adapun akan duli mahkota
 Disambut oleh wazir yang pita [pukta]
 Lalu dinaikkan ke dalam kereta
 Diiringkan orang sekaliannya rata.

¹²⁴ Liputan ringkas lawatan Abu Bakar ke Istanbul lihat Lt. Col. Hj. Musa Yusof, *Johor Baharu Seratus Tahun*, hlm. 25.

682. Baginda berjalan tiada lena
 Serta dengan menteri perdana
 Ramainya orang menderu bahana
 Berjalan langsung ke dalam istana.
683. Seketika sampai sultan bestari
 Berangkat keluar ke balairung seri
 Baginda bertitah sambil berperni
 Pada sekalian hulubalang menteri.
684. Lalu berkhobar segala halnya
 Dari awal sampai akhirnya
 Desa negeri yang dilihatnya
 Habis sekalian dikhabarkannya.
685. Berhenti dulu ini cetera
 Tersebut kisah Sultan mengindera
 Tiada berapa lama antara
 Balik dari (Istanbul) segera.
686. Kata orang empunya peri
 Selang tiada berapa hari
 Baginda pun gering rupanya ngeri
 Terlalu susah mamanda menteri.
687. Ramai berhimpun mereka di sana
 Ada sekalian jantan betina
 Penuh sesak di dalam istana
 Bertunggu baginda sultan yang ghana.
688. Berapa tabib dibawa orang
 Ada yang pergi ada yang datang
 Bernika ubat dikenakan orang
 Geringnya itu tiadalah kurang.
689. Adapun akan menteri mamanda
 Terlalu gundah di dalam dada
 Memandang wajah duli baginda
 Geringnya itu tampak berbeza.
690. Lalu bertitah mahkota negeri
 Kepada Datuk wazir bestari
 Pada hemat beta sendiri
 Tiadalah kena demikian peri.
691. Sudah habis beta fikirkan
 Hendak belayar pada perasaan
 Fikiran doktor juga demikian
 Bertukar angin yang disuruhkan.
692. Telah didengar menteri yang petah
 Lakunya masyghul berdatang sembah
 Ampun tuanku duli khalifah
 Telah terjunjung titah perintah.

693. Adapun akan duli mahkota
 Dengan segera menjawab kata
 Menyuruh berhadir sekaliannya rata
 Dua hari lagi belayar beta.
694. Kata orang empunya peri
 Telah sampai duanya hari
 Nustaiblah sudah sultan bestari
 Menantikan kena saatnya hari.
695. Lalu bertitah paduka hadirat
 Kepada Datuk menteri makrifat
 Berbagai pesan dengan amanat
 Lalu diperbuat satu surat.
696. Terlalu ramai di balai penghadapan
 Hulubalang menteri hadir sekalian
 Baginda bertitah lakunya rawan
 Beta belayar tolong doakan.
697. Telah didengar wazir yang pita [pukta]
 Terlalu gundah di dalam cita
 Memandang wajah duli mahkota
 Tengah gering meninggalkan takhta.
698. Adapun baginda duli khalifah
 Sedikit tidak rupanya gundah
 Ibarat benda diketahui sudah
 Kepada Allah tempat berserah.
699. Barangkatlah baginda raja bangsawan¹²⁵
 Diiringkan oleh menteri pahlawan
 Serta dengan teman dan kawan
 Menghantar baginda paduka sultan.
700. Sampai ke kapal baginda seketika
 Lalu bermohon segala mereka
 Telah sampai saat ketika
 Belayarliah baginda seri paduka.
701. Seorang menteri yang bijaksana
 Mengiring baginda sultan maulana
 Budi bicaranya terlalu bena
 Sudah biasa ia di sana.
702. Tuk Amar nama digelari
 Diharap baginda raja bestari
 Bahasa Inggeris sudahlah qari
 Namanya masyhur segenap negeri.

¹²⁵ Sultan Abu Bakar bertolak ke London pada 18 April 1895. Liputan sejarah peristiwa keberangkatan Abu Bakar ke Eropah kali terakhir ini dapat diikuti dari Mohd. Said Sulaiman, *Hikayat Johor*, hlm. 41—42.

703. Adapun akan baginda ratu
Kapal mel kenaikannya itu
Kapalnya cantik serta laju
Dipukul ombak bunyi menderu.
704. Segenap bilik cukup perhiasan
Kerusi dan meja hadir sekalian
Alatnya segala dengan berpatutan
Duduk di situ terlalu nyaman.
705. Timbul juadah berjenis nika
Roti maskut [biscuit] susu mentega
Teh dan kahwa ada belaka
Pagi dan petang diangkat mereka.
706. Apatah lagi ke sungai dan mandi
Tempatnya bersih terlalu cuci
Sedikit tak ghalat kepada hati
Tiada suatu bau yang keji.
707. Sahaya nan tidak panjangkan cerita
Sampailah sudah duli mahkota¹²⁶
Ke Negeri England tempat dicita
Duduk di hotel sekaliannya rata.
708. Rumahnya besar terlalu hebat
Berapa banyak bilik dan tempat
Cukup sekalian perhiasaan dan alat
Di situlah bersemayam paduka hadrat.
709. Seketika sampai duli baginda
Dengan sekalian mereka yang ada
Datanglah sahabat tua dan muda
Baginda menegur lakunya syahda.
710. Berjamu baginda sultan mahkota
Rasanya suka di dalam cita
Telah sudah berkata-kata
Lalu bermohon sekaliannya rata.
711. Kata orang yang menceterakan dia
Negeri England terlalu kaya
Banyak membuat ringgit dan rupia [rupee]
Di sanalah tempat melihat dunia.
712. Barang siapa pergi ke situ
Belanjanya banyak ratus ribu
Banyaklah ajaib dilihat di situ
Memberi hairan di dalam kalbu.
713. Adapun akan sultan bestari
Tiba ke London dua tiga hari
Geringlah baginda tidak terperi
Lebih daripada sehari hari.

126 Pada 10 Mei 1895 Abu Bakar dan pengiringnya berehat di Paris sebelum sampai di London.

714. Beberapa tabib datang mengubat
Usahkan kurang jadi melarat
Mungkin [makin] sehari bertambah berat
Tiadalah patih (فاتيه) segala ubat.
715. Duli baginda lalu berkata
Pada 'Tuk Amar wazir yang pita (فيتا)
Jika begini perasaan beta
Hampir gerangan perceraian kita.
716. Telah didengar wazir pilihan
Berdatang sembah dengan percintaan
Susahnya tidak dapat diperikan
Air matanya jatuh keatas ribaan.
717. Setelah sudah baginda merencana
Berlakulah kudrat Tuhan yang ghana (غان)
Baginda meninggal negeri yang pana
Kembali ke akhirat dengan sempurna.¹²⁷
718. Di dalam London zahirlah sudah
Akan hilang duli khalifah
Datuk Amar terlalu susah
Kepada Queen dimaklumkan sudah.
719. Queen mendengarkannya warta
Diam seketika tiada berkata
Terlalu belas di dalam cita
Akan baginda raja yang pita [pukta].
720. Adapun akan wazir perwira
Susahnya hati tidak terkira
Kesana sini pergi berkira
Mencari pakatan dengan segera.
721. Selang tiada berapa hari
Hadirlah sudah kelengkapan seri
Dititahkan Queen permaisuri
Betapa adat zaman yang bahari.
722. Adapun akan raja bangsawan
Budi bahasa sukar dilawan
Mana yang ada sahabat dan taulan
Sekaliannya itu berhenti rawan.
723. Kawan dan teman jangan dikata
Mereka yang mengiring duli mahkota
Sehari-hari duduk bercinta
Tiadalah kering airnya mata.

¹²⁷ Abu Bakar mangkat pada jam 8.30 malam Rabu 4 Jun 1895 bersamaan dengan 11 Dzulhijjah tahun 1312 hijrah.

724. Ramailah datang segala tuan-tuan
Melawat baginda paduka sultan
Orang yang datang tiada berputusan
Apatah lagi sahabat sekalian.
725. Kata orang empunya nazam
Ramailah datang kaum Islam
Bangsa itu Arab dan Ajjam (عجم)
Dibawa ke masjid jenazah syah alam.
726. Janganlah kita tersalah sangka
Alim pendeta ada belaka
Masjid dan surau adalah juga
Tempat beribadat segala mereka.
727. Adapun akan paduka hadrat
Usulnya asal raja bernobat
Sudah dibuat seperti adat
Dengan sempurna rukun dan syarat.
728. Dapatlah surat menteri besar
Di dalam Johor terlalu ghubar (غوبير)
Rata negeri masyhurlah khabar
Sahlah mangkat sultan muktabar.
729. Adapun akan Datuk Menteri
Sudah mengutus ke merata negeri
Timur dan barat surat diberi
Menyatakan mangkat sultan bestari.
730. Negeri Pahang juga demikian
Mana yang ada kerabat sekalian
Perihal itu semua dimaklumkan
Masanya itu pula ditentukan.
731. Adapun jenazah sultan yang ghari
Sudah belayar balik ke negeri
Dititahkan Queen permaisuri¹²⁸
Belum sampai ia nan mari.
732. Berhenti dulu ini perkataan
Tersebut jenazah paduka sultan
Hadirlah sudah alat kelengkapan
Ke dalam kapal lalu diturunkan.
733. Ramailah orang pergi menghantar
Jenazah baginda sultan muktabar
Segala tuan-tuan orang besar-besar.¹²⁹
Berserta diiringi baris dan lasykar.

128 Menurut Hj. Mohd. Said Sulaiman, Kerajaan Johor menolak tawaran kapal Kerajaan Inggeris bagi membawa jenazah di raja itu. Bagaimanapun Kerajaan Johor bersetuju supaya kapal perang Inggeris membawa jenazah dari Pulau Pinang ke Singapura sahaja.

129 Jenazah di raja dimandikan dalam keranda khas, satu barisan kehormatan tentera British memberi hormat sebelum jenazah berlepas dari England. Queen Victoria mengutuskan Y.B. Lord Harris bekas Gabenor Jeneral India mengiringi jenazah di raja itu.

734. Seketika turun sudah jenazah
 Kapten kapal lalu berkerah
 Segala kelengkapan hadirilah sudah
 Belayarlah tiada berlengah.
735. Dititahkan Queen usul mengindera
 Belayarlah kenaikan dengan segera
 Dari England negeri yang dura
 Disuruh menghantar ke Johor negara.
736. Madah nan tidak hamba panjangkan
 Tersebut kisah kapal kenaikan¹³⁰
 Membawa jenazah baginda sultan
 Ke Singapura sampailah tuan.
737. Di dalam pelabuhan berhentilah seketika
 Ketahuilah orang itu ketika
 [Tiada ditulis dalam teks asalnya]
 [Tiada ditulis dalam teks asalnya].
738. Setengah tiang bendera ditariknya
 Menunjuk alamat dukacitanya
 Ketahuilah orang akan ertinya
 Menunjukkan alamat dukacitanya.
739. Lalu menembak orang di darat
 Bunyi meriam terlalu azmat
 Menyambut jenazah paduka hadrat
 Tujuh belas pucuk sudah teradat.
740. Adapun akan tuan yang terutama
 Gabenor Mitchell itulah nama
 Mengiring jenazah sultan utama
 Ke Johor Baharu pergi bersama.
741. Jenazah dibawa tiadalah lena
 Sampailah sudah dengan sempurna
 Seketika sampai sudah ke sana
 Lalu dibawa ke dalam istana.
742. Ramai menyambut raja-raja dan menteri
 Serta sekalian isinya negeri
 Raja-raja yang datang dari sebuahnya negeri
 Ramainya orang tidak terperi.
743. Adapun jenazah paduka sultan
 Tiadalah lama juga direntikan
 Adalah kiranya setengah bulan
 Menantikan datang kerabat sekalian.

[30 Kapal kepunyaan P & O bernama 'Bombay' disewakan oleh Kerajaan Johor dari London ke Pulau Pinang. Dari Pulau Pinang jenazah dibawa dengan kapal Perang British 'Mercury' pada 28 Ogos 1895.

744. Banyaklah raja-raja itu ketika
Riau dan Lingga datang belaka
Dari Pahang adalah juga
Melawat jenazah Seri Paduka.
745. Orang yang datang tiadalah berputusan
Timur dan barat adalah sekalian
Apatah lagi takluk jajahan
Penuh dan sesak pasar dan pekan.
746. Kata orang empunya madah
Ada seorang bangsa sadah (ساده)
Mohamad Sagaf tersebutlah kisah*
Bijaksananya masyhurlah sudah.
747. Tatkala mangkat baginda nan كراغ [gerakan?]
Lakunya gundah bukan kepalang¹³¹
Menyambut jenazah sultan terbilang
Empat puluh kapal angkatan seorang.
748. Dari Singapura datang dianya
Ke Johor Baharu pergi dianya
Membawa orang terlalu ramainya
Arab, Melayu ada sekaliannya.
749. Adapun Syed Mohammad itu
Wartanya masyhur sudahlah tentu
Dua bintang diperolehinya itu
Sultan Setanbul [Istanbul] memberinya satu.
750. Bintangnya dua sudah ketara
Bintang kerabat Johor negara¹³²
Orangnya arif sempurna bicara
Banyaklah raja-raja tulus mesra.
751. Di Singapura tempat yang pika
Di situlah tempat dia berniaga
Harta bendanya serbanika
Kapal gedung ada belaka.
752. Masa sekarang tersebutlah dia
Menjadi saudagar terlalu kaya
Tiada menaruh takbur dan ria'
Dituntut belaka akhirat dunia.
753. Wang duitnya sudahlah limpah
Sebilang tahun naik ke Mekah
Rumahtangganya di sanalah sudah
Berbuat ibadat kepada Allah.

131 Beliau adalah rakan karib Sultan Abu Bakar dan menurut E. Thio 'Syed Mohamed Al-Sagoff, to whom Abu Bakar was believed to be heaving indebted' *British Policy*, hlm. 76.

132 Beliau adalah di antara enam orang yang pertama dianugerahi bintang Ahli Darjah Kerabat yang Amat Dihormati (DK) dalam tahun 1886, lihat Onn Jaafar, *Selamat Johor*, 1935, hlm. 87.

754. Berhentilah madah dan peri
Tersebutlah kisah di dalam negeri
Hadirlah sudah kelengkapan seri
Betapa adat raja-raja yang bahari.
755. Segala mereka berhimpun rata
Penuh sesak istana dan kota
Isi negeri ^{مرکابو غله} [berkabunglah] rata
Itulah alamat berdukacita.
756. Datuk menteri memberi perintah
Menyuruh berkampung ke balai zahrah
Sekalian orang semua dikerah
Kerana hendak menjunjung titah.
757. Segala alat sudah terkena
Masuklah datuk ke dalam istana
Serta sekalian menteri perdana
Mengadap baginda sultan yang ghana.
758. Berdatang sembah wazir yang pita [pukta]
Serta menyila Tengku Mahkota
Amanat ayahanda sudahlah nyata
Menggantikan kerajaan di atas takhta.
759. Tengku Mahkota muda yang bakti
Ia menangis tiada berhenti
Segala yang melihat laku pekerti
Terlalu belas di dalam hati.
760. Remaja putera mendengarkan kata
Lalulah turun di atas geta
Bangkit berdiri wazir yang pita [pukta]
Sambil menyapu airnya mata.
761. Berjalan turun dari istana
Diiringkan oleh menteri perdana
Sampai kembali usul mengerna
Semayam di atas singgahsana.
762. Mustaib sudah alat kelengkapan
Anak-anak menteri menyelapai tentaman [tetaman]
Sekaliannya itu tertib kelakuan
Bersinar rupanya segala pakaian.
763. Dikenakan mahkota muda teruna
Intan zamrud bertatah rakna
Elok majlis terlalu bina
Segala yang melihat lakunya lena.
764. Segala alat sudah terdiri
Berbunyilah nobat nafiri
Ramai berhimpun isinya negeri
Penuh sesak di balairung seri

765. Dekatlah Datuk wazir yang ghana
 Berdiri di hadapan singgahsana
 Serta sekalian menteri perdana
 Berserukan rakyat hina-dina.
766. Lalulah berseru wazir yang syahda
 Tengku Mahkota Sultan Muda
 Mengantikan kerajaan ayahanda baginda
 Sukakah kamu atau tiada.
767. Tiga kali berseru mereka
 Jawabnya itu sekaliannya suka
 Bangkitlah menteri sekalian belaka
 Menjunjung duli seri paduka.
768. Menjunjung duli tiadalah lena
 Sekalian alat sudah terkena
 Betapa adat raja-raja yang ghana
 Lalu diangkat jenazah kesana.¹³³
769. Keatas usungan serta dinaikkan
 Payung kebesaran lalu dikembangkan
 Mengangkat jenazah paduka sultan
 Segala raja-raja menteri sekalian.
770. Telah sudah sekaliannya rata
 Berjalanlah jenazah keluar kota
 Usungan dibuat seperti kereta
 Diperbuatnya elok bagai dipeta.
771. Ramainya orang penuh [dan] sesak
 Sebagai laku orang berarak
 Serta dihamburkan emas dan perak
 Pada sekalian mereka yang banyak.
772. Seperti dinar rupa dibuatnya
 Nama baginda tersurat kepadanya
 Serta hijrah menyatakan masanya
 Boleh dibaca terang hurufnya.
773. Orang berjalan pula disebutkan
 Dibuatnya pula dengan sempadan
 Tiada boleh dulu kemudian
 Dekat jenazah orang pilihan.
774. Ditengah jalan sempadan dibuat
 Orang berjalan berpangkat-pangkat
 Ada yang jauh ada yang dekat
 Tiada boleh sebarang hebat (هبات).

133 Istiadat pemakaman jenazah Sultan Abu Bakar pada tengah hari 17 September 1895 dapati diikuti dari Haji Mohd. Said Sulaiman, *Hikayat Johor I*, hlm. 49—51.

775. Baris diatur kiri dan kanan
Band (بند) dahulu penganjur jalan
Band berbunyi lagu merawan
Memilukan hati orang sekalian.
776. Setelah sampai sudah kesana
Jenazah baginda sultan yang ghana
Seketika sampai tiadalah lena
Lalu dimakamkan dengan sempurna.
777. Setelah dimakamkan duli khalifah
Ratib tahlil doa yang sah
Berapa pula derma dan sedekah
Sekaliannya itu selesailah sudah.
778. Telah selesai dimakamkan baginda
Berangkat kembali sultan muda
Rupanya masyghul sangat berbeza
Akan marhum paduka ayahanda.
779. Adapun makam sultan bestari*
Orang mengaji sebilang hari
Orang yang pandai serta qari
Tiap-tiap bulan gaji diberi.
780. Apatah lagi Haji dan umrah
Sekaliannya selesailah sudah
Habib Salim pergi ke Mekah
Menyempurnakan Haji duli khalifah.¹³⁴
781. Adapun akan paduka sultan
Berpuluh ribu wang dikurniakan
Membuat khairat yang disuruhkan
Sekaliannya itu sudah disempurnakan.
782. Tiada hamba panjangkan madah
Sultan Ibrahim¹³⁵ ganti khalifah
Perintah negeri tiadalah berubah
Terlalu bijak ia memerintah.
783. Kata orang empunya peri
Akan baginda sultan bestari
Terlalu suka hulubalang menteri
Melihat perintah mahkota negeri.
784. Tiada berapa lama antara
Naik kerajaan sultan mengindera
Wartanya masyhur merata negara
Banyaklah raja-raja tulus mesra.

¹³⁴ Syed Salim Mufti Johor ke Mekah pada 29 Jun 1896.

¹³⁵ Diputerakan di Bidadari Serangoon Singapura pada hari Rabu 17 September 1873, dilantik sebagai Tengku Mahkota pada 23 Mei, 1891.

785. Tersebut pula suatu perkataan
 Maha Mulia Queen dermawan
 Suatu bintang pula dihantarkan¹³⁶
 Akan baginda sultan bangsawan.
786. Tiada lama juga antara
 Suatu bintang setanbul [Istanbul] negara
 Hadiah dari sultan perwira
 Memberikan baginda Sultan Putera.¹³⁷
787. Sampailah sudah dengan selamatnya
 Disambut baginda dengan sempurnanya
 Othmani nama bintangnya
 Keduanya itu besar pangkatnya.
788. Berhenti perkataan sultan mengindera
 Tersebut pula suatu cetera
 Sultan Ahmad raja perwira
 Empunya perintah Pahang negara.
789. Adapun akan sultan bestari
 Keluar semayam ke balairung seri
 Ramai mengadap mamanda menteri
 Duduk mesyuarat fikir dicari.
790. Tetaplah sudah duli baginda
 Muafakat dengan menteri mamanda
 Akan pekerjaan paduka anakanda
 Hendak ke Johor Duli Seri Paduka.
791. Adapun akan paduka sultan
 Hadir sudah segala kelengkapan
 Serta dengan alat kebesaran
 Menantikan saat yang berbetulan.
792. Tengah dalam berura-ura
 Datang surat dari Singapura
 Surat pun dibaca dengan segera
 Fahamlah baginda sekalian perkara.
793. Daripada Gabenor paduka sahabat
 Mengajak belayar paduka hadrat
 Kehendak itu terlalu berat
 Pergi ke Perak kerja mesyuarat.¹³⁸
794. Tetaplah sudah adatnya itu
 Tiap-tiap tahun sudah tertentu
 Ramailah raja-raja berhimpun ke situ
 Mana yang bernaung pada Queen itu.

136 Pada 9 Oktober 1877 Charles B.H. Mitchell Gabenor Negeri Selat bagi pihak Queen Victoria menyampai-
 kan bintang K.C.M.G. (Knight Commander of St. Mitchell and St. George).

137 Bintang 'Othmani' dianugerah kepada Sultan Ibrahim oleh Sultan Turki dalam tahun 1898 melalui
 Datuk Sri Amar Di Raja yang dalam perjalanannya pulang dari Eropah.

138 Persidangan Raja-raja Melayu 'Durbar' yang pertama berlangsung di Kuala Kangsar pada Julai 1897.
 Lihat W. Roff, *Malay Nationalism*, hlm. 96-99.

795. Lalu bertitah duli baginda
 Pada menteri wazir berida
 Tetaplah sudah bicara yang ada
 Rasanya musykil di dalam dada.
796. Telah didengar menteri yang pitah
 Mengangkat tangan tunduk menyembah
 Bicara anakanda muda yang indah
 Kepada Gabenor maklum sudah.
797. Baginda pun suka mendengar cetera
 Teranglah sudah sekalian perkara
 Lalu bertitah sultan mengindera
 Menyuruh berlengkap dengan segera.
798. Telah didengar wazir berida
 Berdatang sembah lakunya syahda
 Menyuruh berlengkap menteri mamanda
 Mengerahkan orang tua dan muda.
799. Ramai berhimpun itu ketika
 Hulubalang menteri hadir belaka
 Serta dengan anakanda paduka
 Mengadap baginda seri paduka.
800. Penuh sesak balai penghadapan
 Tiga orang putera muda bangsawan
 Serta dengan menteri pahlawan
 Sekaliannya itu nama disebutkan.
801. Adapun putera baginda itu
 Tengku Mahmud dinamanya suatu
 Tengku Besar gelarnya itu
 Kerajaan baginda ia memarngku.
802. Anak yang kedua duli khalifah
 Bijaksana pandai memerintah
 Sikapnya elok lagi berseghah (برسيك))
 Wartanya itu masyhurlah sudah.
803. Tengku Ali dinamakan anakanda
 Gelarnya itu Tengku Muda
 Rupanya majlis lakunya syahda
 Memangku Tengku Besar paduka kakanda.
804. Bijak dan pandai sudah pasti
 Suka mencari jalan yang bakti
 Serta pandai mengambil hati
 Tambahan pula budi pekerti.
805. Tengku Chik anakanda dinamakan
 Rupa elok dipandang roman
 Serta tertib barang kelakuan
 Tiada banyak madah perkataan.

806. Putera yang muda raja negara
 Belum sampai budi bicara
 Fikirnya elok sudah ketara
 Suka mencari jalan sejahtera.
807. Engku Bendahara tersebut pula
 Menteri baginda sultan terala (ترعالا)
 Bicaranya elok sama setala
 Tiadalah dapat hendak dicela.
808. Ia sepupu paduka sultan
 Orangnya bijak lagi setiawan
 Mengiring baginda raja bangsawan
 Kalbunya yakin tiada olehan.
809. Engku Muda orang yang pita [pukta]
 Saudara baginda duli mahkota
 Bijaksana jangan dikata
 Mengiring baginda bersama serta.
810. Dahulu ia memangku negara
 Diharap baginda sultan mengindera
 Menjadi menteri di dalam negara
 Ia memerintah rakyat tentera.
811. Terlalu ramai mereka segala
 Orang besar berempat tersebut pula
 Sekalian pegawai sultan terala (ترعالا)
 Pangkatnya itu dinyatakan pula.
812. Tuan Hugh Clifford¹³⁹ orang terbilang
 Menjadi Residen di Negeri Pahang
 Bijaksana bukan kepalang
 Mengiring baginda ia nan girang.
813. Tulis-menulis bahasa jawi
 Sekaliannya itu sudah diketahui
 Alang tak alang peranakan jawi
 Seperti ia jarang mengetahui.
814. Berhenti dulu kisah Yang Di Pertuan
 Kisah pegawai tersebutlah tuan
 Setengah pergi setengah ditinggalkan
 Masing-masing dengan jawatan.
815. Tuan التين [Altin] orang yang besar
 Ia menjadi Penghulu Pegawai
 Orangnya bijak serta pandai
 Kerjanya elok dengan سومي [sumai?].

139 Sir Hugh Charles Clifford *GCMG, GBE*. Lahir dalam tahun 1866, 1883 berkhidmat di Perak, Pemungut Hasil Tanah Kuala Kangsar (1885), Pemangku Agen Inggeris di Pahang (1887—88), Residen Pahang (1890—1), terlibat dalam menghapuskan gerakan penentangan terhadap Inggeris di Pahang (1892), Residen Pahang (1896), Gabenor Borneo utara dan Labuan (1899—01), Pemangku Setiausaha Tanah Jajahan Trinidad dan Tobago (1903), Gabenor Gold Coast (1912), Gabenor Nigeria (1919), Gabenor Ceylon (1925) dan Gabenor Negeri Selat (Jun 1927—29).

816. Memangku jawatan di Bandar Pekan
Kerjanya banyak tiada berputusan
Pekerjaan negeri terlalu هيوان [hewan]
Terlalu halus menjalankan hukuman.
817. Maharaja Purba Setia Indera
Bijak mengerti sempurna bicara
Orang Besar berempat sama setara
Wazir yang besar di dalam negara.
818. Di hulu negeri tempat diamnya
Jelat konon nama dianya
Terlalu ramai daerah pegangannya
Cukup sekalian hulubalang panglimanya.
819. Seorang bernama Indera Pahlawan
Di hulu Negeri Chenor dinamakan
Daerah perintahnya juga demikian
Menteri baginda paduka Sultan.
820. Indera Segara nama gelarnya
Orang Besar Berempat juga ianya
Di hulu Negeri Temerloh tempatnya
Tuk Tahir konon namanya.
821. Tuk Syahbandar tersebut warta
Orang Besar Berempat sama sekata
Kampungnya itu bernama Benta
Dengan Pekan berhampirlah nyata.
822. Daerah perintah demikianlah ada
Pangkatnya sama tiada berbeza
Menjadi Menteri duli baginda
Taat menjunjung titah dan sabda.
823. Tuan Mandak seorang namanya
Syed Ali nama Arabnya
Wazir baginda juga dianya
Aljafri konon bangsanya.
824. Tuan Mandak orang budiman
Tambahan arif lagi beriman
Perkataan manis lagi nyaman
Serta sempurna akal fikiran.
825. Belum berhenti cetera itu
Kisah pegawai baginda ratu
Tiap-tiap seorang diberi tentu
Supaya ketahui halnya itu.
826. Encik Endut orang yang pita (فيتا)
Gelarnya itu Imam Perang Mahkota
Bijaksana sudahlah nyata
Bicaranya sempurna tiada leta.

827. Menjadi ia nan (اینان) tuan
 Abdul Halim pula dinamakan
 Kitab dan Quran sudah ketahuan
 Menteri baginda Yang Di Pertuan.
828. Kisah Encik Garuh tersebut itu
 Pegawai baginda duli tuanku
 Bijak pandai sudah tertentu
 Terlalu yakin di dalam kalbu.
829. Pangkatnya itu seperti menteri
 Diharap baginda sultan bestari
 Jalan yang bakti suka dicari
 Terlalu hewan (ميوان) pekerjaan negeri.
830. Haji Mohamad Nor tersebut perkataan
 Akal cerdas bijak setiawan
 Dengan tertib segala pekerjaan
 Patutlah ia pegawai sultan.
831. Seperti menteri pangkatnya itu¹⁴⁰
 Taat menjunjung titah tuanku
 Kerjanya banyak pula dipangku
 Bicaranya elok sempurna tentu.
832. Demikianlah orang menceterakan
 Tersebut pula Syed peranakan
 Tuan Cheh [Syeikh?] namanya tuan
 Jadi penghulu di Bandar Pekan.
833. Bangsa Habsyi konon dianya
 Terlalu ramai perintah ianya
 Adat memerintah terlalu pandainya
 Serta juga akan kerjanya.
834. Tersebut kisah Encik Mat itu
 Orangnya tertib tingkah laku
 Hukum dan adat sekaliannya tahu
 Penghulu balai gelarnya itu.
835. Ialah memerintah di balairung seri
 Memeriksa orang berperi-peri
 Demikian adat sehari-hari
 Masing-masing pangkat tempatnya diberi.
836. Haji Andak kononnya khabar
 Ia saudara Datuk Syahbandar
 Menjadi Hakim Sultan Muktabar
 Serta baik akal ikhtiar.

140 Peranan Haji Mohamad Nor dalam kebangkitan Bahaman Orang Kaya Semantan lihat *Hikayat Pahang* cetera 38 dan 39.

837. Syarak dan adat sudah mengerti
Bicaranya elok dengan seperti
Berbuat ibadat tiada berhenti
Kepada Tuhan rabbil'izati
838. Encik Mat Aris disebut orang
Menjadi penghulu ia sekarang
Terlalu ramai memerintah orang
Bicaranya elok tiada berselang.
839. Pegawai negeri bukannya satu
Besar dan kecil pangkatnya itu
Masing-masing jawatan mereka itu
Segenap daerah ada penghulu.
840. Banyak memegang rakyat tentera
Orangnya pandai kira bicara
Nama yang alat belum ketara
Kerjanya elok dengan segera.
841. Syeikh Mohamad seorang namanya
Panglima Dalam digelar dianya
Syeikh Mubarak nama walidnya
Peranak Pahang konon ianya.
842. Akalnya baik fikir sempurna
Jadi pegawai Sultan maulana
Kalbunya yakin terlalu bina
Jadi ketuaan kota istana.
843. Tersebut pula suatu kisah
Ada seorang peranakan Mekah
Habib Mohamad Amin orang yang pitah
Jadi mufti duli khalifah.
844. Orangnya Alim serta saleh
Kitab dan Quran terlalu fasih
Bicaranya terang terlalu sahih
Siasatnya halus tiada selisih.
845. Tuan چيه [Syeikh] tersebutlah ia
Di hulu negeri tempatnya dia
Bangsa Khir dikononnya dia
Sekarang ia jadi Tuk Kaya.
846. Pegangan Tuk Kaya terserah kepadanya
Ialah memerintah mereka sekaliannya
Jenderak (جندراك) nama kampungnya
Bijaksana budi bicaranya.
847. Panglima Garang Yusuf konon namanya
Imam Perang Setia digelar dianya
Indera Gajah Pahang ia gantinya
Di Pulau Tawar tempat diamnya.

848. Ia menjadi kepala perang
 Gagah berani sudah terbilang
 Kepada masa ini sekarang
 واثان [wataknya] baik disebut orang.
849. Berhenti dahulu ini perkataan
 Tersebut kisah paduka sultan
 Belayarlah baginda raja bangsawan
 Ke Singapura menuju haluan.
850. Ramai mengiring duli baginda
 Serta dengan menteri mamanda
 Tiga orang putera yang syahda
 Teman dan kawan tua dan muda.
851. Tatkala berangkat sultan paduka
 Orang besar berempat tinggal belaka
 Tiada mengiring Seri Paduka
 Kota istana ia menjaga.
852. Adapun akan baginda nan tuan
 Serta membawa alat kebesaran
 Jika dengan izinnya Tuhan
 Kerja mamanda hendak disempurnakan.
853. Akan anakanda muda yang pitah
 Dengan putera duli khalifah
 Sultan Abu Bakar raja termegah
 Di Johor Baharu ia memerintah.
854. Kata orang empunya cetera
 Belayar sudah sultan mengindera
 Tiada berapa lama antara
 Sampailah baginda ke Singapura.
855. Adapun akan paduka hadrat
 Sampailah sudah dengan selamat
 Lalu berangkat naik ke darat
 Berjumpa Gabenor paduka sahabat.
856. Serta sampai sultan bestari
 Gabenor menegur hormat diberi
 Sambil berkata durja berseri [pukta]
 Silakan sultan semayam kemari.
857. Di atas kerusi bersemayam baginda
 Serta sekalian paduka anakanda
 Bergoncang tangan mana yang ada
 Sudah bersahabat tiada berbeza.
858. Seketika duduk duli mahkota
 Dengan Gabenor lalu berkata
 Bicara anakandanya muda yang pita [pukta]
 Sekaliannya itu dikhabarkan rata.

859. Setelah sudah baginda bercetera
 Gabenor menjawab lakunya mesra
 Janganlah susah itu perkara
 Sudah selesai sekalian bicara.
860. Akan pekerjaan anakanda yang pita [pukta]
 Sudah termaklum kepada kita
 Sudah terkandung di dalam cita
 Pekerjaan itu kita berserta.
861. Adapun akan raja bestari
 Lalu berfikir seorang diri
 Tuan Gabenor¹⁴¹ orang Johari
 Sangat perkenan mendengarkan peri.
862. Patutlah ia memerintah negara
 Menjadi raja di Singapura.
 Wakil Queen usul mengindera
 Jalan bakti sahaja dikira.
863. Gabenor Mitchel namanya itu
 Namanya masyhur sudah tertentu
 Terlalu meminatkan dagang piatu
 بریشته [bertambah] makmur negerinya itu
864. Telah selesai madah rencana
 Berangkatlah baginda sultan yang ghana
 Serta diiringkan menteri perdana
 Turun ke kapal tiada lena.
865. Setelah sampai saatnya hari
 Berangkat belayar sultan bestari
 Bersama Gabenor raja negeri
 Pergi ke Perak negeri yang bahari.
866. Bernama سبیل [Sea Bill] kapal kerajaan
 Terlalu laju kapal kenaikan
 Seketika belayar hilang daratan
 Kapalnya elok terlalu aman.
867. Kata orang empunya peri
 Pelayaran tiada berapa hari
 Sampailah baginda raja yang ghari
 Ke Teluk Anson pelabuhan negeri.
868. Telah sampai sudah pasti
 Di Teluk Anson kenaikan berhenti
 Keretapi di situ menanti
 Naiklah baginda raja yang sakti.
869. Serta diiringkan segala mereka
 Jalannya deras tiada leka
 Sampai di Ipoh sultan paduka
 Berhenti disitu pula seketika.

141 Iaitu Sir John Anderson, Gabenor Negeri Selat 1904—1911.

870. Kerana di situ hadir jamuan
 Tambul juadah serbat minuman
 Setelah selesai daripada jamuan
 Lalu berangkat sultan bangsawan.
871. Seketika berangkat sultan bestari
 Lalulah sampai ke kota negeri
 Besar sambutan paduka seri
 Sekalian raja-raja hulubalang menteri.
872. Sultan Idris arif laksana
 Menyambut baginda sultan yang ghana
 Hormat takzim terlalu bina
 Alat kelengkapan dengan sempurna.
873. Serta dijamunya sultan paduka
 Berjenis nikmat diangkat mereka
 Terlalu ramai itu ketika
 Besar jamuan seri paduka.
874. Segala mereka mana yang datang
 Disediakan makanan pagi dan petang
 Tiap-tiap hari tiada berselang
 Cukup sekalian tiada berkurang.
875. Serta dengan rumahtangganya
 Masing-masing dengan pangkatnya
 Duli baginda di istana semayamnya
 Cukup sekalian kelengkapannya.
876. Kuda kereta ada belaka
 Disediakan oleh Seri Paduka
 Pergi berjalan bersuka-suka
 Supaya hiburan hati yang duka.
877. Di negeri Perak suatu masa
 Berhimpunlah raja-raja segenap desa
 Kerja mesyuarat membuat jasa
 Bercampur dengan suka temasya.
878. Adapun akan paduka sultan
 Pandai mencari jalan kesukaan
 Menyukakan hati orang sekalian
 Disediakan pula dengan permainan.
879. Wayang bangsawan pandai menari
 Perempuan yang elok menjadi peri
 Suaranya merdu tidak terperi
 لعل [langgam?] Parsi manis berseri.
880. Negeri Perak masa sekarang
 Wartanya masyhur disebut orang
 Kelebihannya banyak sudahlah terang
 Jauh bezanya bukan kepalang.

881. Senang sentiasa di dalam negeri
Wang duit sudah dicari
Apatah lagi raja dan menteri
Bersuka-sukaan sehari-hari.
882. Residen Jeneral tersebutlah kisah¹⁴²
Wakil Queen usul yang pitah
Baktinya banyak zahirlah sudah
Pangkatnya besar sudah termegah.
883. Bijaksana lagi Johari
Terlalu manis madah dan peri
Duduk di Perak negeri yang bahari
Khabarnya masyhur kesana kemari.
884. Bahasa Melayu surat-menyurat
Serta dengan kias ibarat
Faham belaka sekalian mesyuarat
Madah rencana terlalu ghairat.
885. Pangkatnya besar nyatalah tuan
Empat buah negeri termaklum sekalian
Selangor dan Perak negeri Sembilan
Negeri Pahang juga demikian.
886. Adapun Perak negeri yang bahari
Rajanya arif lagi Johari
Cukup sekalian hulubalang menteri
Limpah makmur di dalam negeri.
887. Temenggung, Bendahara menteri ratu
Syahbandar, Laksamana ada di situ
Bicaranya elok sempurna tentu
Taat belaka sekaliannya itu.
888. Adapun akan menteri mamanda
Tersebut namanya mana yang ada
Cukup pengetahuan di dalam dada
Mengerti belaka tua muda.
889. Panglima Kinta seorang namanya
Tuk Muda Wahab¹⁴³ pangkatnya sama
Membuat jasa sudah ternama
Akan baginda sultan utama.

142 Gabenor Jeneral yang dimaksudkan ialah Frank Athelstane Swettenham. Beliau dilahirkan pada tahun 1850. Menjadi Kadet Perkhidmatan Awam Negeri Selat (1870), utusan khas ke Perak (1874), Penolong Residen Selangor (1875), Penolong Setiausaha Tanah Jajahan bagi Negeri Melayu (1876), Penolong Setiausaha Tanah Jajahan (1881), Residen Selangor (1882), Pemangku Residen Perak (1834—86), Residen Perak (1889), Residen General FMS (1896) dan Gabenor Negeri Selat (1901—04).

143 Sebelum menjadi Panglima Kinta Abdul Wahab bergelar Tok Muda Panglima Kinta. Beliau berusaha memajukan kawasan Lahat dan Ipoh. Abdul Talib Haji Ahmad, *Riwayat Kinta*, (Kuala Lumpur: Pustaka Rusna, 1959), hlm. 79—81.

890. Raja Chulan namanya itu
 Kerabat baginda paduka ratu
 Pekerjaan Besar yang dipangku
 Bicaranya elok sempurna tentu.
891. Raja Mansur adinda paduka
 Memangku jawatan demikianlah juga
 Besar pangkatnya kedua belaka
 Sultan Abdullah paduka.
892. Wan Mat Salleh seorang dinamakan
 Tuk Sendika [Andika] Raja nama gelarnya
 Pandai mengerti baik ingatannya
 Serta tertib pula perkhabarannya.
893. Encik Alang Ahmad namanya tuan
 Di Negeri Perak memangku pekerjaan
 Orangnya bijak sempurna fikiran
 Kalbunya yakin lagi beriman.
894. Dengan dia sahaya biasa
 Negeri Pahang suatu masa
 Sungguhpun duduk di lain desa
 Belumlah lupa kepada rasa.
895. Berhenti dulu ini cetera
 Tersebut kisah sultan mengindra
 Telah selesai pekerjaan negara¹⁴⁴
 Berangkat balik dengannya segera.
896. Belayar sudah sultan muadzam
 Tanah daratan tempaknya redam (مردم)
 Habis siang berganti malam
 Gelombangnya besar air [nya] dalam.
897. Dari Perak negeri yang dura
 Haluan menuju ke Singapura
 Dua tiga hari lama antara
 Sampailah baginda dengan sejahtera.
898. Seketika sampai kapal kenaikan
 Berangkat naik paduka sultan
 Ramai mengiring mereka sekalian
 Di Rumah Johor semayamnya tuan.
899. Di Singapura berhenti baginda
 Dengan sekalian menteri mamanda
 Lalu muafakat duli Seri Paduka
 Akan pekerjaan paduka anakanda.

144 Pada 20 Oktober 1909, Raja Melayu dari Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang menandatangani perjanjian menubuhkan Federal Council. Sultan Pahang telah berangkat hadir di Majlis Perasmian Penubuhan Majlis Mesyuarat Persekutuan itu pada 11 Disember 1909 di Kuala Kangsar. Lihat Chai Hon-Chan, *The Development of British Malaya 1869—1909*, (Kuala Lumpur, Oxford University Press, 1967), hlm. 73—78.

900. Tiada berapa lama antara
Tiba baginda ke Singapura
Tetaplah muafakatnya di dalam negara
Putuslah sudah sekalian bicara.
901. Kata orang empunya peri
Lalulah datang Datuk Menteri
Mengadap baginda raja bestari
Serta maklumkan hal dan negeri.
902. Adapun kerja paduka anakanda
Putuslah sudah bicara yang ada
Berdatang sembah lakunya syahda
Lalu bermohon wazir berida.
903. Adapun akan sultan yang ghari
Sangat perkenan mendengarkan peri
Baginda memuji Datuk Menteri
Patutlah dia memangku negeri.
904. Lalu mesyuarat wazir yang syahda
Dengan sekalian menteri mamanda
Hendak menyempurnakan kerja yang ada
Serta dimaklumkan sultan muda.
905. Telah didengar oleh paduka sultan
Akan persembahan wazir pilihan
Lalu bertitah duli Yang Di Pertuan
Kerja nan baik disegerakan.
906. Setelah putus sekalian bicara
Dititahkan kepada wazir perwira
Tiada berapa lama antara
Hadirlah sudah di dalam negara.
907. Isi negeri lalu dihimpunkan
Balai istana serta dihiaskan
Ramailah datang mereka sekalian
Penuh sesak pasar dan pekan.
908. Setelah siap di dalam negara
Lalu bertitah sultan putera
Menyuruh pergi ke Singapura
Menyilakan baginda ke Johor negara.
909. Ungku Mut [Mahmud] orang yang syahda
Dititahkan oleh Sultan Muda
Berserta dengan menteri mamanda
Ke Singapura mengadap baginda.
910. Pergilah ia tiada lena
Sampailah sudah ia kesana
Langsung mengadap sultan yang ghana
Memberi takzim dengan sempurna.

911. Lalu bertitah duli mahkota
Terlalu manis mengeluarkan kata
Hampir ke sini sekaliannya rata
Apakah gerangan pekerjaan cita.
912. Berdatang sembah seraya berperi
Dititahkan cendelela johari
Menyilakan tuanku mahkota negeri
Bersuka-suka ke dalamnya negeri.
913. Ampun Tuanku Seri Paduka
Serta Tengku Besar anakanda paduka
Baginda bertitah lakunya suka
Hajatnya beta demikianlah juga.
914. Setelah selesai madah dan sabda
Lalu berangkat duli baginda
Serta diiringkan menteri mamanda
Sampailah sudah Duli Seri Paduka.
915. Seketika sampai sultan bangsawan
Raja menteri sekalian mentakzimkan
Kota istana sudah dihadirkan
Tempat semayam Duli Yang Di Pertuan.
916. Istana Pahang konon namanya
Cukup lengkap segala alatnya
Ramai mengadap sekalian menterinya
Penuh sesak di pengadapannya.
917. Adapun akan sultan muda
Hormat mulia lakunya syahda
Sultan Ahmad paduka ninda
Tulus mesra di dalam dada.
918. Berhenti perkataan sultan yang ghari
Lalu bekerja di dalam negeri
Joget, wayang تافوه [tepuh?] dan tari
Riuh-rendah sebilang hari.
919. Disuruhkan orang berjaga-jaga
Makan minum bersuka-suka
Sekadar mengambil selamat juga
Menantikan sampai saat ketika.
920. Balai istana terang-benderang
کنديں [candle] tiram dipasang terang
Sudah diatur pelamin terbentang
Emas intan cahayanya cemerlang.
921. Hamparan terbentang istana dan balai
Segala perhiasan tidak ternilai
Tabir kelambu terkenallah tirai
Sunting dan tajuk (تاجوه) intan berjurai.

922. Putera baginda duli khalifah
 Dihiaskan orang keduanya sudah
 Dengan pakaian yang indah-indah
 Parasnya elok usul yang pitah.
923. Kerja nan sampai empat belas hari
 Hari Khamis sangat [saat] masteri
 Bulan Rabil'awal belas hari
 Sampailah pertemuan Tengku Besar bestari.
924. Ramai beratur dayang-dayang sekalian
 Duduk mengadap kiri dan kanan
 Anak raja-raja Datin-datin sekalian
 Duduknya mengadap dekat tirai berawan.
925. Tengku Mariam nama yang nyata
 Parasnya elok usul yang pita [pukta]
 Sedikit tidak cela di mata
 Laki isteri patut setakhta.
926. Hampir kadi mendekati
 Membaca khutbah hurufnya pasti
 Belanja isi kahwin sudah dipasti
 Adat bahari yang diikuti.¹⁴⁵
927. Tengku Besar itu lepas lakunya
 Menjawab nikah terlalu fasihnya
 Empat saksi yang mendengarnya
 Tiada terlindung segala hurufnya.
928. Sekalian alat sudah terkena
 Didudukkan di atas singgahsana
 Mengadap nasik [nasi] برستكان [berastakana]
 Beraturlah segala anak perdana.
929. Telah sudah berkata-kata
 Lengkaplal sudah alatnya takhta
 Lalu berangkat sultan mahkota
 Baginda membawa Tengku Besar yang pita [pukta]
930. Serta dinaikkan keatas usungan
 Segala penjawat kiri dan kanan
 Segala pegawai sudah diatitkan
 Payung kebesaran lalu dikembangkan.
931. Lalu berarak keliling negeri
 Ramainya orang tidak terperi
 Baris diatur kanan dan kiri
 Riuh gegak di dalam negeri.

145 Istiadat perkahwinan yang dilakukan dalam tahun 1892 dibatalkan akibat dari Tengku Besar Mahmud jatuh gering dengan mengejut, maka lima tahun kemudian 14 September 1897 barulah dilangsungkan. Menurut Haji Mohd Said "banyak menyangkakan tiada akan jadi kerana hampir-hampir lima tahun...." *Hikayat Johor II*, him. 48.

932. Emas perak pula dihamburkan
 Banyaklah dapat mereka sekalian
 Ramainya orang bukan buatan
 Penuh sesak pasar dan pekan.
933. Kecil besar tua dan muda
 Hina dan dina sekaliannya ada
 Segenap lorong berhiaslah [berhias] ada
 Terlalu suka di dalamnya dada.
934. Lima buah usungan perakan seri
 Lain usungan joget menari
 Sebuah usungan Tengku Besar sendiri
 Gegak purak (فوراء) di dalam negeri.
935. Adapun usungan puteranya ratu
 Serba kuning perhiasannya itu
 Segala penjawat duduk suatu
 Tempat alat kebesaran satu.
936. Perbuatannya itu rupanya indah
 Seperti kereta pula kaedah
 Mereka membawa tiada sudah
 Ia berjalan terlalu mudah.
937. Gong gendang jangan dikata
 Riu-hendah tiada menderita
 Orang berarak bunyi gempita
 Seperti terangkat istana dan kota.
938. Tersebut kisah orang berarak
 Gemuruh dengan tempik dan sorak
 Bunyi-bunyian terlalu gegak
 Serta dengan joget dan tandak.
939. Setelah petang sudahlah hari
 Mempelai diarak orang kembali
 Langsung dibawa ke istana zahari (زهری)
 Disambut raja-raja kanan dan kiri.
940. Sampailah sudah muda teruna
 Serta diiringkan menteri perdana
 Lalu disambut sultan yang ghana
 Dibawa masuk ke dalam istana.
941. Setelah sampai ke istana seri
 Didudukkan orang kanan dan kiri
 Sekalian raja-raja bini menteri
 Penuh sesak di dalam puri.
942. Segala anak menteri mamanda
 Menyelampai tetampan berkida-kida
 Berdatang sembah dayang berida
 Santaplah tuan dengan adinda

943. Telah selesai di dalam puri
Berangkat kembali sultan bestari
Menjamu raja-raja hulubalang menteri
Serta sekalian isinya negeri.
944. Terlalu ramai orang jemputan
Tuan Gabenor segala tuan-tuan
Segala sahabat handai dan taulan
Di istana laut mereka sekalian.
945. Tersebut alatan di meja itu
Sekaliannya emas sudah tertentu
Besar jamuan baginda ratu
Dengan sempurna sekaliannya itu.
946. Kata orang empunya peri
Sampailah sudah empat puluh hari
Lalu disiramkan muda bestari
Ke pancapersada laki isteri.
947. Di atas peterakna didudukan
Segala penjawat diaturkan
Kemudian lalu dilangirkan
Tepung tawar pula diletakkan.
948. dilabuhkan tirai antalas Belanda
Lalulah hampir sultan muda
Diletakkan tepung tawar duli baginda
Lemah lembut lakunya syahda.
949. Lalu disiramkan lela bangsawan
Betapa adat duli yang Di Pertuan
Ramai mengadap dayang-dayang sekalian
Duduk beratur kiri dan kanan.
950. Serta sekalian bini menteri
Air bau-bauan keluar sendiri
Baunya seperti ambar kasturi
Bersuka-sukaan tidak terperi.
951. Habislah basah mereka sekalian
Airnya keluar seperti hujan
Ramainya orang bersimbah-simbahan
Riuh-rendah dengan kesukaan.
952. Sudah bersiram muda teruna
Diberi memakai dengan sempurna
Didudukan di atas singgahsana
Santap nasi berastakana (برستكون).
953. Tiadalah hamba panjangkan peri
Berdamai sudah usul bestari
Berangkat balik ke istana sendiri
Diiringkan oleh Perdana Menteri.

954. Sepuluh purnama dibilang nyata
Lepas berkahwin Tengku Besar yang pita [pukta]
Di Johor Baharu bersukacita
Dengan putera duli mahkota.
955. Tengku Puan Besar nama digelar
Putera yang tua sultan muktabar
Budi pekerti masyhurlah khabar
Serta sempurna akal ikhtiar.
956. Tengku Puan bijak laksana
Tingkah lakunya dengan sempurna
Tutur katanya semuanya kena
Patutlah putera sultan yang ghana.
957. Laki isteri berkasih-kasih
Duduk dengan bersuka-sukaan
Muafakatnya baik bukan buatan
Sedikit tidak ada olahan.
958. Adapun Tengku Besar bangsawan
Sambil berkata dengan perlahan
Wahai adinda lela dermawan
Kakanda nan hendak bermohon tuan.
959. Hati kakanda terlalu gundah
Meninggalkan negeri lamalah sudah
Tambahan pula menanggung perintah
Telah terjunjung sabda dan titah.
960. Ayuhai adinda emas tempawan
Dengan sebenar kakanda katakan
Jika ada hayat diberi Tuhan
Segera kembali kakanda nan tuan.
961. Niat kakanda di dalam cita
Barang di mana bersamalah serta
Dengan sesungguhnya kakanda berkata
Keredaan adinda dipohonkan nyata.
962. Telah didengar madah dan sabda
Berasa pilu di dalam dada
Lalu berkata lela yang syahda
[kasad] adinda demikianlah ada.
963. Marilah adinda usul pilihan
Mengadap adinda yang Di Pertuan
Sultan Ibrahim bijak dermawan
Oleh (اوله) menentukan adinda tuan.
964. Diam seketika lela yang petah
Di dalam hati sangat ghalabah
Durja yang manis tampak berubah
Ke negeri sebuah hendak berpindah.

965. Setelah sudah berkata-kata
Lalu mengadap sultan mahkota
Dengan isterinya bersama serta
Hendak bermohon kepada cita.
966. Serta sampai muda bestari
Bersama-sama laki isteri
Baginda menegur manis berseri
Silakan kakanda duduk kemari.
967. Adapun akan paduka hadrat
Dengan kakandanya terlalu hormat
Pangkat yang tua sangatlah cermat
Serta dijamunya halwa dan nikmat.
968. Setelah selesai daripada jamuan
Baginda bertitah tertahan-tahan
Perihalnya juga adinda maklumkan
Baiklah kembali kakanda silakan.
969. Setelah selesai berkata-kata
Lalu bermohon muda yang pita [pukta]
Lalu berjalan keluar kota
Berangkat naik ke dalam kereta.
970. Kata orang empunya cetera
Lalu berangkat ke Singapura
Bersama-sama isterinya lela mengindera
Berhenti di sana dahulu sementara.
971. Di Singapura berhenti paduka
Teman dan kawan mengiring belaka
Sementara menanti masa ketika
Sambil duduk bersuka-suka.
972. Adapun akan Tengku Besar Putera
Lama berhenti di Singapura
Ada enam bulan kepadanya kira
Kepada Gabenor pergi berkira.
973. Seketika duduk muda bestari
Dengan Gabenor ikhtiar dicari
Hendak berangkat balik ke negeri
Gabenor pun suka mendengarkan peri.
974. Tuan Gabenor orang yang indah
Sambil tersenyum menjawab madah
Baiklah berangkat muda yang pitah
Meninggalkan negeri lamalah sudah.
975. Gabenor pun segera memberi hukuman
Menyuruh bersiap kapal kenaikan
Bernama 'Sea Bill' kapal kerajaan
Menghantar putera sultan bangsawan.

976. Setelah sampai saatnya hari
Berangkat turun muda bestari
Membawa isterinya lela jauhari
Hari Khamis saat masteri (مستري).
977. Hari itulah yang ditentukan
Sekadar menanti paduka sultan
Di dalam antara hal demikian
Lalulah tiba yang Di Pertuan.
978. Dari Johor berangkat baginda
Serta diiringkan menteri mamanda
Datang menghantar paduka kakanda
Tengku Puan lela syahda.
979. Adapun akan duli khalifah
Terlalu tertib berdatang sembah
Berapa pula cetera dan madah
Segala perkataan memberi faedah.
980. Telah didengar lela yang syahda
Sangat perkenan di dalamnya dada
Setelah selesai madah dan sabda
Lalu bermohon sultan muda.
981. Adapun akan Yang Di Pertuan
Dua orang besar yang dititahkan
Disuruh bersama mengiringkan
Pergi menghantar kakandanya tuan.
982. Datuk Barat¹⁴⁶ seorang namanya
Datuk Hole jadi kapitnya
Ungku Abdullah Pahang anak rajanya
Dititahkan sultan juga dianya.
983. Datuk Hole orang setiawan¹⁴⁷
Cerdik mengerti sempurna fikiran
Sekaliannya itu orang pilihan
Bicaranya elok sudah ketahuan.
984. Serta dayang-dayang tua dan muda
Mengiring Tengku Puan Putera baginda
Pergi ke Pahang lela yang syahda
Cukup lengkap harta benda.
985. Belayarlah sudah paras gemilang
Tegalnya kena musim yang senang
Di dalam lautan terlalu tenang
Lajunya kenaikan bukan kapalang.

146 Datuk Penggawa Barat Abdul Samad Ibrahim, Pesuruhjaya Kerajaan bagi Kukup dan Pontian, juga ahli Jemaah Menteri Kerajaan Johor.

147 Datuk William Hole *DPMJ* ialah bekas Setiausaha Sulit Sultan Abu Bakar Johor.

986. Haluan menuju mata utara
 Seketika hilang Bukit Bendera
 Pelayaran tiada berapa antara
 Sampailah sudah ke Pahang negara.
987. Setelah sampai muda bangsawan
 Ramailah hilir mereka sekalian
 Serta membawa alat kelengkapan
 Berkayuh menuju kapal kenaikan.
988. Seketika hilir sampailah sudah
 Di Tanjung pabian kenaikan singgah
 Segala orang berhimpunlah sudah
 Sekadar menanti hukum perintah.
989. Segala kelengkapan sudah sempurna
 Berangkatlah mudik tiadalah lena
 Ramai mengiring jantan betina
 Air pasang arusnya kena.
990. Steam Launch (ستيم لانچ) menunda perahu kenaikan
 Lajunya itu bukan buatan
 Seketika mudik sampailah tuan
 Dengan segala mereka sekalian
991. Ke bandar Pekan sampailah sudah
 Di masjid lama kenaikan singgah
 Segala orang sudah dikerah
 Hendak menyambut usul yang petah.
992. Adapun akan duli baginda
 Melihatkan datang keduanya anakanda
 Terlalu suka di dalamnya dada
 Ramai menyambut mereka yang ada.
993. Duli baginda bersamalah juga
 Pergi menyambut anakanda paduka
 Tengku Ampuan bonda paduka
 Tiadalah datang itu ketika.
994. Tengku Long puteranya tuan
 Keduanya itu ada keuzuran
 Geringnya itu sudah ketahuan
 Berbulan-bulan halnya yang demikian.
995. Ramainya orang tua dan muda
 Laki-laki perempuan semua pun ada
 Serta sekalian menteri mamanda
 Alat kelengkapan hadirilah ada.
996. Setelah sampai Tengku Besar bestari
 Turunlah mengadap bini menteri
 Tunduk menyembah sepuluh jari
 Disilakan naik lela jauhari.

997. Lalu berangkat muda bangsawan
 Diiringkan oleh mereka sekalian
 Di dalam kereta tempat kenaikan
 Emas dan perak pula dihamburkan.
998. Ramai mengiring isinya negeri
 Serta sekalian hulubalang menteri
 Langsung berjalan ke istana sendiri
 Leban layu nama gelari.
999. Seketika berjalan muda bangsawan
 Lalulah sampai ke istananya tuan
 Orang menyambut kiri dan kanan
 Dibawa masuk usul pilihan.
1000. Lalu dibawa ketengah istana
 Didudukkan di atas hamparan warna
 Segala bini menteri perdana
 Penuh sesak di dalam istana.
1001. Serta jamuan diangkat mereka
 Penganan juadah berjenis nika
 Dengan sekalian adik kaka [kakak]
 Makan minum bersuka-suka.
1002. Adapun akan muda perwira
 Terlalu baik bela pelihara
 Akan adindanya lela mengindera
 Sedikit tidak diberinya cedera.
1003. Tengku Puan Arif dermawan
 Muafakatnya elok bukan buatan
 Suaminya itu sangat dimuliakan
 Barang katanya tiada dipalukan.
1004. Bicaranya elok dengan 'sembahwa'
 Terlalu minat pangkat yang tua
 Tingkah lakunya demikian jua
 Tiadalah ia dapat kecewa.
1005. Adapun akan paduka sultan
 Empat orang putera perempuan
 Tengku Puteri seorang dinamakan
 Elok majlis muda bangsawan.
1006. Sudah bersuami konon dianya
 Tengku Besar nama gelarnya
 Raja Chik nama suaminya
 Ungku Abdul Rahman nama ayahandanya.
1007. Adapun putera baginda itu
 Dua orang anakandanya yang bongsu
 Sultanah Khatijah bondanya itu
 Elok majlis usulnya tentu.

1008. Kata orang empunya cetera
 Tersebut kisah sultan putera
 Sudah beristeri sama setara
 Parasnya elok sempurna bicara.
1009. Ungku Maimunah konon namanya
 Tengku Ampuan digelar ianya
 Ungku Abdul Majid nama ayahandanya
 Dengan baginda sepupu dianya.¹⁴⁸
1010. Bijaksana lela juri [Jauhari?]
 Sedap manis madah dan peri
 Terlalu baik akal fikiri
 Menjadi Raja Permaisuri.
1011. Tersebut perkataan Yang Di Pertuan Pahang
 Baginda berputera sepuluh orang¹⁴⁹
 Kasih dan sayang tiada berselang
 Pakai patutnya tiadalah kurang.
1012. Putera yang tua duli baginda
 Tengku Long dinamakan anakanda
 Petah majlis usulnya syahda
 Terlalu kasih ayahanda dan bonda.
1013. Putera yang gahara ia nan tuan
 Bondanya itu Tengku Ampuan
 Sedap madah perkataan
 Budi bahasanya sukar dilawan.
1014. Adapun akan lela mengindera
 Hanya seorang tinggalnya putera
 Kasih dan sayang tidak terkira
 Menghilangkan akal budi bicara.
1015. Adapun akan sultan yang syahda
 Sepuluh orang paduka anakanda
 Laki-laki perempuan tua dan muda
 Sekarang itu jumlah yang ada.
1016. Tengku Sulaiman seorang anakanda
 Sikap majlis lakunya syahda
 Mengaji sembahyang tiada berbeza
 Terlalu yakin di dalam dada.
1017. Tengku Yusof seorang namanya
 Rupanya hebat kena كيسان [keesanya?]
 Belum sampai akal bicaranya
 Tengah mengaji sekarang ianya.

148 Sultan Ibrahim Johor berkahwin dengan Ungku Maimunah pada 5 Oktober 1892.

149 Iaitu Tengku Mahmud [Tengku Long], Tengku Ali, Tengku Abdullah (Sultan Pahang 1817—1932), Tengku Sulaiman, Tengku Yusoh, Tengku Omar, Tengku Meriam, Tengku Mohamad, Tengku Dalam, Tengku Nong, Tengku Kaisom.

1018. Tengku Omar usul yang manja
Umurnya belum sampai remaja
Sedang elok dipandang di raja
Sebarang lakunya kena sahaja.
1019. Tiga orang putera yang bongsu
Elok majlis parasnya itu
Perempuan keduanya itu
Terlalu kasih baginda ratu.
1020. Adapun putera paduka sultan
Tiga orang tiada dizahirkan
Hanya seorang hamba nyatakan
Sudah bersuami ia nan tuan.
1021. Dengarkan tuan suatu madah
Encik dan tuan muda yang petah
Karangan ini tiada indah
Sekadar menghibur hati yang gundah.
1022. Gundahnya hati bukan kepalang
Jarang merasa hati yang senang
Dagang nan duduk di Negeri Pahang
Adik dan kakak bertemu pun jarang
1023. Duduk menyurat tunduk tengadah
Mencari sajaknya terlalu susah
Seperti sajak yang telah sudah
Zaman ini kurang munasabah.
1024. Duduk mengarang [seorang?] diri
Sajak yang patut juga dicari
Benda dilihat sehari-hari
Itulah sebab fikir dicari.
1025. Syair dikarang dagang yang hina
Sajaknya janggal banyak tak kena
Daripada faham kurang sempurna
Akan jadi sebarang guna.
1026. Ayuhai tuan muda yang pita [pukta]
Janganlah kiranya saya dikata
Khadnya buruk terlalu leta [lena]
Tambahan menyurat dalam bercinta.
1027. Kerja pun tidak apa dibuat
Diambil kalam dengannya dakwat
Kepada kertas lalu disurat
Dikarang juga sebarang hasrat.

Tok Janggut
Pejuang atau Penderhaka?